DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

MESYUARAT YANG PERTAMA

PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 5, 6, 7 DAN 8 APRIL 2010

bersamaan

20, 21, 22 DAN 23 RABIUL AKHIR 1431

Dikeluarkan oleh

PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

Diterbitkan oleh:

SYARIKAT PENERBITAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU (SDN BHD) Geng Bistek, 21810 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel: 09-6681611, 6682211 Fax: 09-6681611 (DPC) Email: syit@tm.net.my

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU

MESYUARAT YANG PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	ISNIN, 5 APRIL 2010	
1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Ucapan Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja	5
	SELASA, 6 APRIL 2010	
1.	Nama Ahli-ahli.	14
2.	Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.	18
3.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	20
4.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	21
	(ii) Soalan-soalan Lisan	22
5.	Usul-usul Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) *Usul Ucapan Penghargaan Dan Terima Kasih.*	45
	[Perbahasan Usul]	

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	RABU, 7 APRIL 2010	
1.	Nama Ahli-ahli	106
2.	Soalan-Soalan Lisan	110
3.	Usul Yang Telah Diberi Notis: *(Sambungan Perbahasan dan Penggulungan Usul Ucapan Terima Kasih)*	132
	KHAMIS, 8 APRIL 2010	
1.	Nama Ahli-ahli.	199
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan.	203
3.	Usul Yang Telah Diberi Notis: *(Sambungan Penggulungan Usul Ucapan Terima Kasih)*	262
4.	RANG UNDANG-UNDANG:	
	(i) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2010	263
	(ii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan)(No.2) 2010	265
5.	TANGGUHAN	267
6.	LAMPIRAN [Soalan dan Jawapan-Jawapan Bertulis]	268

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 5 APRIL 2010

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Haji Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT. , AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMPERSILAKAN YANG TERAMAT MULIA YANG DIPERTUA MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

UCAPAN YANG TERAMAT MULIA YANG DIPERTUA MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA

Bismillahi Rahmanir Rahim. Wabihi Nastain. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri. Yang Amat Berhormat, Menteri Besar dan Yang Berhormat, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri.

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, dapat kita hadir ke Majlis Perasmian Penggal Persidangan Yang Ketiga bagi Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas pada hari ini.

Kita juga bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dalam keadaan krisis ekonomi global yang tidak menentu ini dan belum lagi menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang ketara, rakyat masih lagi dapat bertahan dengan menjalani hidup dalam suasana aman damai, tenteram dan harmoni. Usaha Kerajaan Negeri yang bersungguh-sungguh dan berterusan dalam menangani gelagat ekonomi ini, telah dapat mengurangkan kesan tempiasnya kepada kesejahteraan rakyat terutama kepada golongan berpendapatan rendah.

Nikmat pembangunan yang kita kecapi hari ini adalah hasil sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap pelan Hala Tuju Pembangunan Kerajaan Negeri yang dirancang selama ini. Sokongan dan kerjasama semua pihak adalah penting bagi memastikan agenda pembangunan negeri yang dirancang dapat diteruskan dengan jayanya. Untuk itu, marilah kita bersama-sama berganding bahu ke arah memupuk masyarakat yang hidup bersatu padu, harmoni dan makmur. Semangat setiakawan dan persefahaman perlu disemai antara kita untuk mengeratkan perpaduan. Isu-isu yang boleh meretakkan keharmonian hidup hendaklah dihindarkan sama sekali. Sebaliknya kita hendaklah terus hidup aman damai, sejahtera dengan kepelbagaian dan keunikan budaya masyarakat.

Dalam menongkah arus pembangunan masa depan, kita difahamkan Kerajaan Negeri telah mempunyai Perancangan Strategik Pembangunan 5 Tahun Negeri Terengganu yang dikenali sebagai Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu 2009 - 2013 (HPNT). Sebanyak 12 Bidang Keberhasilan Utama Negeri (State KRA) telahpun dikenalpasti bagi memacu pelaksanaan perancangan tersebut. Perancangan Strategik HPNT juga telah dibuat penambahbaikan

dengan mengambilkira Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan teras pembangunan Rancangan Malaysia Ke 10 yang memberi penekanan kepada peningkatan ekonomi dan rantaian nilai lebih tinggi, meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi serta memupuk minda kelas pertama, menangani isu ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif, meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup dan mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan. Kita berharap melalui projek dan program yang dirancang dalam HPNT ini akan menghasilkan pembangunan negeri yang lebih mantap.

Tahun 2010 merupakan tahun terakhir bagi Rancangan Malaysia Ke-9 (2006 - 2010) dan akan menyingsing pula Rancangan Malaysia Ke-10 (2011 - 2015). Kita mengharapkan dalam tahun terakhir Rancangan Malaysia Ke-9, semua projek dan program yang telah dirancang dapat dilaksanakan sepenuhnya. Kita berharap penilaian dan analisa pelaksanaan dibuat bagi melihat sama ada sasaran perancangan telah dicapai atau sebaliknya. Penyediaan Rancangan Malaysia Ke-10 dirangka dengan halatuju strategik yang berpaksikan *high income economy* serta pendekatan dan penambahbaikan yang lebih fleksibel dan fokus. Penekanan diberikan kepada 6 halatuju iaitu:

i. Sektor swasta sebagai agen pembangunan;

ii. Produktiviti dan inovasi melalui k-ekonomi;

iii. Modal insan yang kreatif dan inovatif dengan kemahiran yang tinggi di abad ke 21;

iv. Penekanan dalam mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan, kaum dan taraf pendapatan;

v. Kualiti hidup setaraf Negara maju; dan

vi. Kerajaan bertindak sebagai fasilitator yang berkesan.

Tahap pembangunan Negeri Terengganu sudah pasti akan bertambah pesat lagi dengan adanya perancangan Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur (ECER). Empat (4) teras utama pembangunan ECER iaitu pendidikan, pelancongan, petrokimia dan pertanian, menjadi nadi pembangunan utama pembasmian kemiskinan. Kesemua teras-teras pembangunan ini akan mengintegrasikan semua aktiviti ke arah penyelesaian kemiskinan di negeri ini.

Kita dimaklumkan sehingga ini sebanyak 38 projek dan program telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di bawah ECER. Kajian kemungkinan dan dayamaju projek/program telah dijalankan iaitu masing-masing sebanyak 17 projek pada tahun 2008 dan 13 projek pada tahun 2009. Sebanyak 8 projek lagi akan dijalankan pada tahun 2010. Di antara projek-projek tersebut ialah Projek Pelancongan Teluk Bidara, Dungun, Projek Agropolitan Besut-Setiu, Pusat Produk Halal Wilayah, Free Trade Zone Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Pusat Bandaraya Kuala Terenggaru (KTCC) dan Kelompok Industri Polimer Kerteh (KPP).

Pembangunan Agropolitan Besut-Setiu melibatkan kawasan seluas 1,500 ekar iaitu seluas 500 ekar di Pancu Berderu yang akan ditanam dengan tanaman nenas dan seluas 1,000 ekar di Pak Kancil dengan kelapa pandan dan pelbagai tanaman. Kita difahamkan keluarga miskin akan ditempatkan sebagai peserta dan jangkaan pendapatan yang akan diperolehi adalah sebanyak RM1,000.00 sebulan setiap keluarga. Manakala projek Kerteh Polimer mampu memberi peluang pekerjaan sebanyak 10,500 orang sehingga 2020. *Free Trade Zone* pula dijangka dapat membuka peluang pekerjaan kepada 2,000 orang sehingga 2020. Selaras dengan *tagline* Kuala Terengganu Bandaraya Warisan Pesisir Air, kita menyarankan

fokus kajian *Kuala Terengganu City Centre* hendaklah diberi kepada produk tarikan pelancong sediada dan pembangunan pesisir air.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10, kita juga difahamkan Kerajaan Negeri akan membangunkan *Dry Port* di Kawasan Perindustrian Teluk Kalong, Kemaman. Penubuhan *Dry Port* diharapkan dapat memberi kemudahan perkhidmatan penggudangan kepada pengimport dan pengeksport, juga kepada industri di sekitarnya. Bagi merancakkan pertumbuhan industri ringan, kita mencadangkan kerajaan negeri membuat kajian kesesuaian mewujudkan kawasan industri ringan berhampiran dengan jajaran Lebuh Raya Pantai Timur (LPT2) dan menjadikan Pulau Kucing, Kemaman sebagai kawasan industri perkapalan dan kawasan pembaikian bot.

Selaras dengan statusnya sebagai bandaraya, sudah tiba masanya pembangunan dan penyusunan semula Bandar Kuala Terengganu diberi perhatian. Begitu juga dengan kesesakan trafik dan masalah tempat letak kereta yang dialami warga bandar. Kita sukacita mendapat tahu bahawa kerajaan negeri telah mengambil tindakan untuk membangunkan kawasan Ladang Tok Pelam, Ladang Sahak, Kampung Tanjung dan kawasan sepanjang Jalan Sultan Zainal Abidin bermula dari Bulatan Batu Bersurat hingga ke Dataran Shahbandar. Pembangunan dan penyusunan semula kawasan ini sudah tentu melibatkan pengambilan balik tanah. Kita dimaklumkan pembangunan kawasan ini tidak melibatkan penduduk dipindahkan ke kawasan luar kawasan sedia ada. Malah aktiviti harian penduduk seperti pengusaha tembaga akan disediakan kawasan khusus bagi mereka meneruskan perusahaan. Dengan yang demikian kita menasihatkan mereka yang terlibat bekerjasama bagi menjayakan pembangunan ini. Jangan di ambilkira cakap-cakap daripada pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba untuk menggagalkan pembangunan ini.

Dalam menuju negeri maju pada tahun 2020, keruntuhan akhlak perlu dibendung dari peringkat awal lagi. Penekanan kepentingan pendidikan Al-Quran di peringkat kecil lagi mesti diutamakan. Kita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang melaksanakan Program Pintar Al-Quran di kalangan tadika dan pra-sekolah. Kejayaannya begitu terserlah dari tahun ke tahun. Semenjak dilancarkan pada tahun 2005, seramai kira-kira 10,000 kanak-kanak tadika berusia 5 dan 6 tahun telah khatam Al-Quran. Daripada jumlah itu hampir 500 orang kanak-kanak berjaya menghafaz Yaasin dengan lancar.

Namun begitu pada masa ini hanya kira-kira 10% setahun sahaja kanak-kanak berumur 5-6 tahun di negeri Terengganu yang mampu khatam Al-Quran. Seiring dengan itu, kita menyarankan lebih banyak tadika perlu dibuka terutama di pusat-pusat pertumbuhan daerah seluruh negeri.

Tahniah juga kepada para guru yang berjaya meletakkan Negeri Terengganu dalam sejarah negara apabila sekali lagi muncul sebagai negeri terbaik dalam keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2009 sekaligus menjadikan negeri ini sebagai negeri terbaik bagi pencapaian keputusan UPSR selama sembilan tahun berturut-turut. Seramai 3,664 daripada 23,944 pelajar atau 15.3% telah berjaya mendapat semua A dalam setiap mata pelajaran. Bagi tahun 2010 di bawah Program **201052,** kita difahamkan Kerajaan Negeri membuat sasaran 20% pelajar yang akan mengambil Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) akan mendapat 5A. 10% pelajar PMR, 5% pelajar SPM dan 2% pelajar STPM akan mendapat semua A. Bagi mencapai sasaran ini, kita menyeru semua pihak terlibat, anak-anak pelajar, guru-guru dan ibu bapa perlulah berusaha dengan lebih gigih lagi selaras dengan usaha

Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Terengganu sebagai 'Negeri Anjung Ilmu' yang merupakan gagasan kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu. Gagasan ini selari dengan prasasti Batu Bersurat yang melambangkan bermulanya tamadun ilmu di Nusantara. Begitu juga dengan pencapaian bagi Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang telah menunjukkan kecemerlangan di mana selama dua tahun berturut-turut Negeri Terengganu telah muncul sebagai negeri terbaik. Seramai 355 orang pelajar telah mendapat semua A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2009 sementara 8 orang pelajar telah mendapat semua A (Four Flat) di dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) bagi tahun 2009.

Pencapaian akademik perlu selari dengan pengukuhan pembelajaran agama. Penekanan yang seimbang kepada kejayaan akademik perlu disusuli juga dengan pembelajaran kelas KAFA terutama kepada pelajar tahun 6. Oleh itu guru KAFA dan guru J-qaf perlu berganding bahu bagi memastikan para pelajar memiliki akhlak yang mulia. Kita dapati minat ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka memasuki sekolah-sekolah menengah aliran agama amat tinggi sekali, sedangkan tempat yang ada amat terhad. Oleh itu kita sarankan Jabatan Pelajaran Negeri membuka kelas aliran agama di sekolah-sekolah aliran perdana.

Kita sarankan supaya status Institut Al-Quran (IQ) Terengganu dipertingkatkan dan dinaiktaraf bagi menarik tenaga akademik untuk terus berkhidmat dengan IQ. Bagi membolehkan institusi ini berperanan dengan lebih berkesan dalam melahirkan ilmuan agama, kita mencadangkan status IQ sekarang ditukar taraf menjadi sebuah Pusat Pengajian Tinggi Agama (IPTA) yang dapat menawarkan program pengajian yang lebih menarik dan mencabar. Untuk itu kampus IQ Terengganu perlu dibina segera.

Pembangunan sektor pertanian dan asas tani hendaklah terus diberi perhatian di bawah Rancangan Malaysia Ke 10. Kira-kira 90,000 orang atau 24% daripada tenaga kerja negeri terlibat dalam sektor ini. Kejayaan sektor ini masih belum lagi menampakkan kejayaan yang membanggakan. Oleh itu kita menyarankan sektor ini perlu diberi nafas baru melalui pengukuhan penggunaan teknologi, pembangunan pemprosesan dan pemasaran bagi meningkatkan taraf hidup petani, penternak dan nelayan. Kawasan-kawasan yang sesuai untuk aktiviti pertanian perlu dikenalpasti di samping menggalakkan sektor swasta turut terlibat bagi memaju serta memacu hala tuju sektor ini.

Usaha kerajaan membangunkan industri tanaman padi perlu diberi sokongan. Pada masa ini terdapat seluas 15,475 hektar kawasan tanaman padi di Negeri Terengganu dan pertambahan kawasan baru seluas 1,600 hektar telah dikenalpasti. Adalah diharapkan pertambahan kawasan tanaman padi ini dapat meningkatkan pengeluaran beras negeri dari 46% kepada 85% menjelang tahun 2013. Dalam hubungan ini kita difahamkan projek perintis *Program Petak Sawah Gemilang* bertujuan mengoptimumkan hasil padi yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri semenjak tahun 2006 yang melibatkan 744 hektar tanah dengan peserta seramai 108 orang telah berjaya menghasilkan pengeluaran padi purata 4.8 tan/hektar berbanding dengan kawasan lain sebanyak 3.5 tan/hektar.

Program membangunkan kelompok tanaman kelapa sawit bagi menambahkan pendapatan rakyat memerlukan komitmen semua pihak. Konsep perlaksanaan difokuskan di kawasan tanah milik kosong persekitaran rumah, tanah milik terbiar dan tanah rezab padang ragut. Program ini dijangka akan memberi pulangan sebanyak RM750.00 sebulan kepada setiap keluarga sebagai tambahan pendapatan.

Penekanan juga perlu diberikan kepada sektor perikanan, *Program Kesejahteraan Nelayan* yang diperkenalkan melalui pendekatan penjanaan ekonomi nelayan hendaklah diuruskan dengan baik bagi memastikan kejayaannya. Kita juga berharap pengurusan sumber perikanan, peningkatan infrastruktur dan pemasaran hasil perikanan serta pengstrukturan semula masyarakat nelayan hendaklah diberi perhatian oleh jabatan dan agensi terlibat. Program sektor ternakan khususnya ternakan kambing yang merupakan *flagship* kepada program industri ternakan di Negeri Terengganu perlu dilaksanakan dengan sistematik. Kita berharap lebih ramai usahawan akan menyertai bidang penternakan kambing secara komersil di negeri ini dalam merealisasikan p*ertanian adalah perniagaan.*

Sejak kebelakangan ini masalah banjir, hakisan pantai dan kecetekan muara sungai memberi kesan yang nyata kepada punca pendapatan penduduk. Kepayahan dan keperitan ini amat dirasai oleh kaum nelayan. Bagi memastikan punca pencarian pendapatan mereka tidak terjejas, langkah-langkah mendalamkan muara-muara sungai dan projek *beach protection* perlu diambil tindakan segera.

Kerajaan Negeri juga perlu mengadakan sistem saliran yang sempurna dan terancang bagi mengatasi masalah banjir sebagaimana yang terjadi di Taman Pusu Tiga, Gong Badak. Kita merasa sukacita atas tindakan yang telah diambil kerajaan negeri dalam mengatasi masalah ini melalui cadangan pembinaan kolam takungan di kawasan tersebut.

Program membasmi kemiskinan merupakan salah satu agenda yang perlu diberi perhatian dan dijadikan agenda utama negeri. Kita melihat pelbagai program membasmi kemiskinan telah banyak dilaksanakan kerajaan, tetapi masih belum lagi menunjukkan hasil yang begitu membanggakan. Sehingga 15 Mac tahun ini mengikut data eKasih, terdapat seramai 1,905 ketua isirumah berada dalam kategori miskin tegar dan seramai 10,253 ketua isirumah adalah miskin. Negeri Terengganu pada ketika ini berada di tempat kelima ke bawah dari segi kemiskinan tegar berbanding dengan negeri-negeri lain di seluruh negara. Penglibatan semua pihak amatlah diperlukan bagi menangani permasalahan tersebut dan kita yakin dengan usaha bersunguh-sungguh daripada semua pihak ianya mampu mencapai misi pembasmian kemiskinan tegar sifar peratus dan miskin 2.8% sebelum akhir tahun 2010. Untuk memastikan misi ini benar-benar tercapai maka Kerajaan Negeri perlu lebih fokus dalam memberi bantuan kepada kumpulan sasar yakni kepada golongan yang layak sahaja.

Kita difahamkan kerajaan negeri terus memperkenalkan pelbagai usaha untuk membudayakan keusahawanan rakyat. Pewujudan skim pembiayaan mikro iaitu T'Fund telah memberikan manfaat kepada 1,664 orang usahawan dengan saiz pembiayaan di antara RM2,000.00 hingga RM50,000.00. bagi memastikan produk IKS mendapat tempat di pasaran, rangkaian kedai serbaniaga 24 jam T'Shoppe sebagai platform pemasaran telah diwujudkan. Pada tahun 2010 disasarkan 10 outlet T'Shoppe akan di wujudkan diseluruh negeri yang bakal melahirkan 15 usahawan peruncit dengan menyediakan sebanyak 135 peluang pekerjaan. Sehingga tahun 2013 sebanyak 100 T'Shoppe akan diwujudkan di seluruh negeri.

Beberapa projek flagship keusahawanan 2010 akan dilaksanakan seperti T'Hotel, T'Mall, pusat pameran dan jualan songket. Kita penuh yakin dengan usaha berterusan oleh pihak kerajaan beserta semangat kental dan iltizam kuat golongan usahawan, sektor keusahawanan akan menjadi lebih mampan dan berdaya saing. Penubuhan Terengganu International Design Execellence (TIDE) yang berperanan sebagai pusat kepakaran pembangunan rekaan dan pusat informasi bersepadu rekaan tekstil batik, songket dan kraftangan tembaga dan ukiran akan membantu usahawan memasarkan produk mereka ke peringkat antarabangsa.

Pembangunan koperasi adalah satu cara bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar Bandar. Oleh itu dicadangkan diwujudkan lebih banyak koperasi luar Bandar. Kempen penggalakkan ahli koperasi perlu digerakkan disamping menambah saham modal mereka. Melalui penglibatan dalam koperasi, rakyat boleh meningkatkan taraf kualiti kehidupan mereka di samping membolehkan penduduk melibatkan diri dalam perniagaan melalui koperasi.

Pemantapan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam akan dapat menyumbang ke arah perkembangan ekonomi negeri secara menyeluruh. Penekanan hendaklah diberi untuk meningkatkan sistem jaringan perhubungan jalan raya dan jambatan. Kita melihat masalah kesesakan pengangkutan lalulintas kawasan Bandar menjadi semakin ketara dari tahun ke tahun. Perancangan dan tumpuan perlu diberi perhatian bagi menyelesaikan masalah ini. Pembesaran dan pembukaan laluan jalan sehala menjadi satu alternatif terbaik. Rancangan Kerajaan Negeri melaksanakan pembinaan jejantas (*flyover*) di atas persimpangan yang sesak perlu disegerakan. Disamping itu juga pembesaran jalan dan pembinaan jambatan baru juga perlu diberi perhatian sama memandangkan kesesakan yang melampau pada masa-masa tertentu terutama jambatan Sultan Mahmud dan Jambatan Bukit Kuang, Kemaman.

Pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur dari Jabur ke Gemuruh, Kuala Terengganu sepanjang 190 km masih dalam perlaksanaan dan belum pasti bilakah ianya dapat disiapkan sepenuhnya. Oleh yang demikian kita berharap pihak kontraktor dan agensi berkaitan mengambil tanggungjawab yang sepenuhnya untuk menyiapkan pembinaan lebuh raya ini mengikut jadual demi menyemarakkan pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu. Kelewatan menyiapkan projek ini akan menjejaskan perancangan kerajaan negeri selain daripada menimbulkan keresahan rakyat.

Dari segi Pembangunan Bandar Baru pula, kita difahamkan kerajaan negeri merancang untuk membangunkan Bandar Baru Bukit Besar, Kuala Terengganu dan Bandar Baru Kijal, Kemaman. Perlaksanaan Pembangunan Bandar Baru Bukit Besar yang telah lama dirancang, perlulah diberi keutamaan memandangkan permintaan perkhidmatan perbandaran yang semakin meningkat. Pembinaannya dapat mewujudkan pembangunan bandar yang lebih tersusun, terkawal dan terancang di samping dapat menyediakan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai.

Kemudahan perumahan untuk rakyat perlulah dijadikan agenda utama bagi memastikan mereka mampu memiliki rumah sendiri. Sasaran satu rumah satu keluarga menjelang tahun 2020 hendaklah dijadikan realiti. Penetapan ini bertujuan supaya setiap keluarga mempunyai tempat tinggal sendiri selain daripada menyelesaikan masalah permastautin haram. Perancangan penempatan semula penduduk yang lebih tersusun dilengkapi dengan infrustruktur perlu dipertingkatkan. Kita dimaklumkan sehingga kini sebanyak 1,793 unit rumah kos rendah telah siap dibina dan lebih kurang 6,172 unit rumah kos rendah dan rumah mampu milik sedang dalam pembinaan.

Kita juga turut sukacita kerana kerajaan negeri terus memberi perhatian dalam bidang sukan. Kejayaan kita meraih gelaran juara Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2008, masih lagi segar dalam ingatan. Perancangan rapi dalam usaha melahirkan atlet-atlet bertaraf antarabangsa perlu difokuskan kerana kita mempunyai ramai bakat-bakat yang boleh diketengahkan seperti pelumba basikal saudara Azizul Hasni Awang dan saudara Anuar Manan yang mempunyai semangat juang yang tinggi. Program pembangunan bakat sukan

mengikut jenis sukan terpilih dengan mencungkil bakat sukan anak watan perlu disemarakkan segera. Dalam pada itu, jasa bekas para atlet yang telah mengharumkan nama negeri dan negara terutama sehingga ke peringkat Olimpik juga turut perlu dikenang dengan menghulurkan bantuan sama ada dari segi kewangan, sokongan moral ataupun kos rawatan perubatan jika perlu.

Negeri Terengganu sememangnya terkenal dengan produk-produk pelancongan, kebudayaan, kesenian dan warisan. Pengukuhan produk ini boleh meningkatkan kedatangan pelancong ke negeri ini dan seterusnya dapat menjana akiviti ekonomi kepada penduduk. Aspek kebersihan di pulau-pulau pelancongan hendaklah diutamakan. Sistem pengurusan sisa pepejal perlu dipertingkatkan agar tidak mencemarkan alam sekitar dan rungutan para pelancong.

Cadangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Tasik Kenyir dengan projek *Kenyir Island Hopping* yang merangkumi Taman Burung, Taman Orkid, Taman Rama-Rama dan Taman Tropika dan projek Taman Pemuliharaan Hidupan Liar, dijangka akan dapat menarik lebih ramai pelancong dari luar negara. Pembangunan pelancongan Tasik Kenyir dijangka akan menjadi lebih rancak lagi apabila perancangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Zon Bebas Cukai di kawasan tersebut menjadi realiti nanti. Kita dimaklumkan kajian bagi maksud ini telah siap dijalankan.

Terengganu suatu masa dahulu memang terkenal sebagai sebuah negeri yang mempunyai ramai para alim ulamak. Penyebaran dakwah begitu berkesan sekali sehingga ramai anak-anak tempatan mempunyai pendidikan agama yang baik. Usaha mengembalikan era zaman kegemilangan alim ulama' ini perlu disanjungi. Sehubungan ini, kita difahamkan Kerajaan Negeri beriltizam untuk Membina Tamadun Terengganu Baru dengan menjadikan negeri ini sebagai pusat kajian dan penyelidikan Al-Quran peringkat antarabangsa. Maka akan lahirlah nanti para ilmuan, intelek dan pakar dalam pelbagai bidang yang bukan sahaja mampu menguasai bidang-bidang agama dan hafazan Al-Quran tetapi juga turut mampu menerokai bidang-bidang sains dan teknologi. Inilah landasan yang perlu dibina ke arah mewujudkan masyarakat Ulul Albab. Pembinaan sekolah-sekolah Imtiaz perlu diadakan di setiap daerah bagi memberi peluang anak-anak negeri belajar agama dengan lebih bersistematik. Mudah-mudahan masyarakat islam di negeri ini akan menjadi umat terbaik (khaira ummah) dan umat yang seimbang (ummatan wasata) dalam aspek fizikal, emosi, intelek dan rohani seterusnya dapat mengurangkan kepincangan sosial.

Kesihatan yang baik adalah satu nikmat. Justeru itu perancangan ke arah meningkat taraf kesihatan rakyat ke arah kehidupan yang berkualiti hendaklah diberi keutamaan. Kelengkapan perkhidmatan perubatan perlu dipertingkatkan dengan mengambilkira keperluan kehendak semasa seperti pembinaan Pusat Rawatan Jantung. Tidak ketinggalan juga pembangunan fizikal bagi hospital-hospital daerah perlu diberi keutamaan.

Berada di pentas global yang mengamalkan penggunaan teknologi maklumat secara meluas, memerlukan kita sentiasa bersedia dengan perubahan teknologi yang pantas berubah dan baru. Kesempatan ini perlu diambil segera dengan melengkapkan keupayaan perisian, perkakasan dan peralatan ICT ke arah mewujudkan pentadbiran kerajaan elektronik terkini. Kita berkeyakinan penggunaan ICT secara meluas dalam pentadbiran kerajaan negeri akan menjadi pemangkin kepada kejayaan Koridor Raya Multimedia Pantai Timur (MSC) yang akan melibatkan persefakatan antara pihak kerajaan, pihak swasta dan orang awam. Oleh

yang demikian penggunaan sistem ICT e-Kerajaan Bersepadu Negeri Terengganu (TeG) sudah pasti dapat menambah keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian di samping dapat mengatasi kerenah birokrasi yang telah lama diperkatakan.

Langkah Kerajaan Negeri memperkenalkan e-Book kepada pelajar-pelajar Sekolah Rendah dan TBKids kepada kanak-kanak Tadika seharusnya diberi pujian. Langkah awal ini telah mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Pelajar-pelajar diberi pendedahan minda ke arah ICT, mempunyai minda yang lebih terbuka, berfikiran kreatif dan inovatif. Dalam menjayakan sistem pembelajaran berkonsepkan teknologi elektronik, pada tahun 2009 seramai 23,400 pelajar telah dibekalkan dengan e-Book. Manakala pada tahun 2010 dijangkakan lebih 50,000 pelajar Tahun 4 dan Tahun 5 termasuk guru-guru yang mengajar tahun 6 akan dibekalkan e-Book. Malah e-Book ini juga akan dipanjangkan penggunaannya juga ke peringkat sekolah menengah rendah pada masa hadapan. Kita dimaklumkan bahawa Program TBKids yang telah dilaksanakan di enam belas (16) Tabika Perpaduan telah terbukti amat berkesan dan turut menambah minat belajar kanak-kanak. Justeru kita berharap pelajar-pelajar gunakanlah sebaik mungkin kemudahan yang diberikan ini agar hasrat kerajaan mewujudkan sebuah masyarakat bermaklumat benar-benar tercapai.

Kita juga difahamkan, penggunaan e-Book telah menarik minat bukan sahaja dari dalam negeri seperti Sarawak, Melaka dan Pulau Pinang, bahkan juga dari luar negara iaitu Indonesia, Oman dan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Kedua-dua negara tersebut telah pun membuat tempahan awal masing-masing sebanyak 200 unit bagi menguji keberkesanannya sebelum pelaksanaan secara lebih menyeluruh.

Peranan penjawat awam amat signifikan dalam melaksanakan agenda negeri bagi memastikan misi dan visi yang dirangka kerajaan negeri tercapai. Ianya memerlukan kepada pengamalan sistem tadbir urus yang cekap dan berkesan. Sistem penyampaian perkhidmatan perlu sentiasa dipertingkat dan dipermudahkan dan budaya cakna rakyat menuntut perkhidmatan terbaik dihulurkan. Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu dan Rancangan Malaysia Lima Tahun jelas menuntut penjawat awam bertindak secara proaktif, komited dan kompetan. Penyampaian perkhidmatan terbaik memerlukan perhatian serius semua pihak. Bagi mencapai hasrat ini, pendekatan baru berasaskan *outcome* perlu digunakan dalam merancang, mengurus dan melaksanakan program dan perkhidmatan penyampaian demi kejahteraan rakyat. Penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan, berintegriti serta pelaksanaan program dan projek yang menepati keperluan diyakini akan memberi kepuasan kepada rakyat. Dokongan penjawat awam yang berpengetahuan, inovatif, *accountability* dan boleh menyesuaikan diri mengikut perubahan adalah diperlukan bagi kejayaan pendekatan baru ini.

Kepantasan bertindak dan membuat keputusan pasti akan menyuntik kepercayaan tinggi rakyat terhadap perjawat awam. Perjawat awam juga perlu memberi penekanan kepada nilai untuk wang (*money for value*). Pembaziran, penyelewengan dan salah urus hendaklah dihapuskan daripada pengurusan awam. Setiap ringgit dan sen perbelanjaan hendaklah mendapat nilai paling maksimun kepada rakyat. Budaya kerja yang berkualiti tinggi pasti menjana penyampaian perkhidmat cemerlang. Untuk itu kita menyarankan penjawat awam membudayakan kreativiti dan inovasi, mementingkan kepantasan bertindak dan kepantasan membuat keputusan dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan. Kita percaya dengan semangat yang lebih komited, penjawat awam boleh membantu meningkatkan mutu pertadbiran, memperkukuhkan pengurusan serta melaksanakan khidmat penyampaian yang melambangkan keprihatinan yang tinggi dalam negeri.

Seiring dengan gagasan *Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan*, kita berharap Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri terus memberi khidmat bakti seikhlasnya terutama kepada kalangan rakyat yang benar-benar memerlukan pertolongan. Kecaknaan membela golongan rakyat yang memerlukan pertolongan bantuan dengan jujur, berhemah dan penuh komitmen terutama golongan miskin, pastinya isu kemiskinan yang berlarutan di negeri ini akan berjaya diatasi. Komitmen semua pihak perlu bagi mencapai matlamat utama pembangunan negeri, Insya Allah.

Akhir kata, marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga hidup kita penuh kesejahteraan dan keberkatan. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim kita merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas.

Selamat Bersidang. Assamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG TERAMAT MULIA YANG DIPERTUA MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA DAN DIIRINGI OLEH YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN BERANGKAT KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Bagi memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti Ucapan Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja untuk dibuat perbahasan pada esok hari maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga pagi besok, 6 April 2010 jam 9.30 pagi. Sebelum kita bersurai marilah sama-sama kita membaca dengan ikhlas Surah Al-'Asr. Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.20 PAGI.

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 6 APRIL 2010

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Haji Ahmad bin Said, DPMT., ASM., JK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula pagi ini. Sebelum kita memulakan mesyuarat Persidangan Dewan kita pagi ini, marilah kita dengan ikhlas sama-sama kita membaca Doa Ummul Kitab, mudah-mudahan mesyuarat kita pada pagi ini akan mencapai natijah yang kita carikan dan diberikan keberkatan oleh Allah S.W.T., insyaAllah. - Al-Fatihah.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA

Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Alhamdulillah marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan serta limpah kurniaNya pada pagi ini kita bertemu dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada Penggal Yang Ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas. InsyaAllah, akan berlangsung seterusnya bermula daripada semalam dan akan berakhir pada 8 April 2010, hari Khamis.

Alhamdulillah, Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Dewan Undangan Negeri yang telah berlangsung pada hari semalam telah disempurnakan dengan jayanya dan pihak Urusetia Dewan telahpun mengedarkan teks Ucapan Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja untuk dibahaskan dalam Persidangan kita kali ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, agenda yang disusun selama 3 hari Persidangan kita, insyaAllah kita mempunyai pembentangan laporan-laporan, kemudian Soalan-soalan Bertulis dan Lisan. Sepanjang 3 hari ini kita telah menerima daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat 41 Soalan Bertulis dan 97 Soalan Lisan. Kemudian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita memberi peluang yang seluas-luasnya untuk membahaskan intipati ataupun perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja semalam. Seterusnya kita mempunyai dua enakmen yang perlu kita luluskan yang akan dibentangkan oleh Dewan pada Persidangan ini. Jadi secara ikhlas saya menasihatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, insyaAllah masa kita sangat cukup dan kita pentingkan keutamaan yang ditumpukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada perbahasan dan gunakanlah kesempatan ini untuk berbahas ataupun mintak penjelasan ataupun mengemukakan soalan-soalan tambahan dengan bijaksana. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang bijaksana telahpun mempunyai kesimpulan-kesimpulan yang dibawa ke sini demi kepentingan negeri dan rakyat jelata sekalian. Kita tidaklah mahu perkara-perkara yang dibawa ke sini perkara yang remeh temeh dan merugikan masa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, dan merugikan Dewan serta negeri kita sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, akhirnya marilah sempena dengan Persidangan ini kita gunakan sepenuhnya kerana rakyat jelata Negeri Terengganu khususnya memerhati dan meletakkan tanggungjawab yang besar kepada kita sebagai amanah untuk menjayakan seterusnya pembangunan negeri yang cemerlang, yang terbilang di masa akan datang. Jadi selamat bersidang, mudah-mudahan kita semua diberkati oleh Allah S.W.T. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya mengemukakan kertas kerja dan laporan pada pagi ini sukacita saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Pemerhati-pemerhati kita yang memenuhi Galeri Pemerhati pada pagi ini. Dan Pemerhati yang memenuhi galeri ini masih dikunjungi Pemerhati lagi dan kita tempatkan di Dewan Teater, Wisma Darul Iman berjumlah melebihi 400 orang. Jadi saya ucapkan selamat datang dan tidak kesempatan saya untuk menyebut satu persatu, jadi mudah-mudahan dengan kehadiran Pemerhati-pemerhati kita ini akan memberi menafaat yang besar lagi kepada Persidangan kita, insyaAllah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kertas-kertas kerja dan laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Penyata Kewangan Tahun 2008 Yayasan Islam Terengganu.
   (D.U.N. Bil. 1/2010)
2. Penyata Kewangan Tahun 2008 Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Terengganu.
   (D.U.N. Bil. 2/2010)
3. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2008.
   (D.U.N. Bil. 3/2010)
4. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2008.
   (D.U.N. Bil. 4/2010)
5. Penyata Akaun Awam Negeri Terengganu Tahun 2008.
   (D.U.N. Bil. 5/2010)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS
[LAMPIRAN]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah soalan daripada:

1. Y.B. Haji Nawi bin Mohamad (Wakil Hulu Besut)
2. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Wakil Batu Burok)
3. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Wakil Rhu Rendang)
4. Y.B. Haji Ramlan bin Ali (Wakil Jabi)
5. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut (Wakil Wakaf Mempelam)
6. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar (Wakil Ladang)
7. Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail (Wakil Kuala Berang)
8. Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (Wakil Sura)
9. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak (Wakil Bukit Tunggal)
10. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah (Wakil Bukit Payong)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manakala Soalan-soalan Lisan dan bagi memulakannya saya menjemput pertamanya Yang Berhormat Wakil Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu –

Apakah perancangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi memastikan belia dan beliawanis di Terengganu adalah belia yang berguna kepada negara?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, terima kasih kepada Wakil Hulu Besut yang ingin tahu tentang apakah perancangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi memastikan belia dan beliawanis di Terengganu adalah belia yang berguna kepada negara.

Kerajaan telah merancang pelbagai input pemikiran di dalam aspek pembangunan rohani, pembangunan insan, fizikal dan pembangunan ekonomi belia. Selain daripada program-program yang telah diatur oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Program Rakan Muda seperti kursus-kursus Rakan Muda Rekacipta, Rekreasi, Sukan, Waja Diri, Wira Usaha ataupun Rakan Muda Mahir dan Kecergasan yang bermula daripada tahun 1994. Sementara versi baru Rakan Muda yang dilancarkan pada 2007 iaitu Rakan Muda Masyarakat, Inovasi, Senibudaya, Wawasan Desa dan Pencinta Alam. Kerajaan Negeri juga mengadakan program khusus iaitu Program Kursus Bakti Remaja yang dimulakan kursus tiga hari dua malam sejak daripada tahun lepas iaitu 2009. Seramai 20% setiap tahun daripada keseluruhan penerima Bakti Remaja telah diberikan kursus tiga hari dua malam. Sementara itu di dalam pembangunan modal insan kita juga merancang untuk mengadakan program bersama PDRM iaitu untuk golongan Mat Rempit dalam Program Rempit Sifar. Pada tahun ini juga iaitu pada bulan Jun penubuhan kelab motor peringkat Negeri Terengganu yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Sementara penubuhan kelab-kelab motor peringkat daerah sedang berjalan dan kita mengharapkan golongan-golongan muda ini akan bersama-sama kita dan kita dapat memantau program-program mereka dari masa ke semasa. Sementara itu program khusus 'Saya Anak Terengganu' akan dilancarkan untuk mempastikan bahawa rakyat Terengganu, anak-anak muda, belia dan beliawanis diberikan pendedahan kepada kursus-kursus tertentu. Selain daripada itu Program Inter Generasi yang melibatkan kaum-kaum lain juga diadakan. Dan tambahan kepada program bersama-sama dengan Yayasan Pembangunan Keluarga kita akan memberikan penekanan kepada kursus santapan rohani seperti Program Taklif Ingat Sebelum Kena dan Program Kecemerlangan dan Jati Diri Belia Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Dato' Yang Dipertua, sebelum itu saya sekali lagi bagi pihak Belia Negeri Terengganu ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah memperuntukkan pada tahun 2010 ini sebanyak RM30 juta untuk kepentingan belia kita di Terengganu. Cuma saya ingin tahu yang belia berpersatuan ini tidak ada masalah yang bermasalahnya ialah belia yang tak nak masuk persatuan. Jadi apakah tindakan kerajaan untuk mempastikan semua belia di Terengganu ini mendapat menafaat daripada peruntukan RM30 juta itu?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Wakil Hulu Besut. Peruntukan yang telah kita telah jangkakan ialah untuk menarik belia-belia yang rata-rata yang sebahagian besarnya tidak menganggotai di dalam kelab-kelab tertentu di dalam program yang kita panggil Program *Reaching Out.* Di mana kita perlu tangani masalah ini, masalah remaja-remaja yang rempit melalui kelab motor yang bakal kita adakan. Untuk menarik belia-belia ini sudah tentulah kita memberikan insentif kepada mereka mengumpul mereka, mengenali ketua-ketua kumpulan mereka. Justeru kerana itu kita akan menyediakan di dalam program iaitu pembahagian topi-topi keledar, jaket-jaket keselamatan serta peralatan-peralatan lain untuk menarik belia-belia ini yang kita tahu jika sekiranya mereka tidak berpersatuan tapi dengan adanya peralatan serta insentif tertentu maka mereka akan bersama-sama kita. Juga kita mengharapkan bahawa penubuhan kelab-kelab motor di daerah-daerah ini akan memperbanyakkan lagi ahli-ahli persatuan dan kita akan cuba untuk mendekati mereka mengikut daerah-daerah dan peruntukan ini akan dibahagi-bahagikan kepada kelab-kelab belia, kepada persatuan-persatuan belia yang akan membuat pemantauan daripada masa ke semasa.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila Jabi, tambahan ya.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Daripada penjelasan daripada pihak kerajaan bahawa banyak program yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan. Apakah kecenderungan para belia daripada aktiviti-aktiviti yang telah dinyatakan itu apakah kecenderungan yang paling tinggi dan kecenderungan yang paling rendah sekali. Dan saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai program 'Saya Anak Terengganu'. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua, memang sekali imbas anak muda ataupun belia pada hari ini kalau kita nak mengatakan bahawa kecenderungan mereka adalah berkenderaan dan bermotosikal serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan di jalan raya sebenarnya itu hanyalah sebahagian daripada kecenderungan mereka. Saya tak boleh nyatakan di sini kecenderungan yang paling rendah mungkin kita perlu buat kajian yang terperinci. Namun demikian, *focus group* dengan izin Dato' Yang Dipertua, sekarang ini adalah remaja-remaja, belia dan beliawanis yang kita hadapi masalah pada hari ini. Dan penubuhan kelab motor ini secara besar-besaran yang kita jangkakan 40,000 yang akan hadir pada bulan Jun ini memberikan satu kekuatan kepada generasi belia. Semua persatuan-persatuan NGO yang menumpukan kepada kelab-kelab motor seluruh daerah yang dijangkakan banyak masalah serta kita dapat berinteraksi dengan persatuan-persatuan belia dan selepas itu kita akan merangka program-program lain untuk bersama-sama dengan mereka.

Program 'Saya Anak Terengganu' ini adalah program yang memberikan kursus mengenali anak Terengganu dengan nilai-nilai yang baik yang saya telah

memberikan nama iaitu Kursus B.O.W.L.I.N.G yang pernah saya sebutkan dulu iaitu 'B' itu adalah untuk 'Berinteraksi'. 'O' untuk memperbaiki orangnya ataupun minda belia-belia tersebut. 'L' ialah *leverage* kepada belia dan beliawanis. Sementara 'I' itu adalah untuk *interest* ataupun kepentingan menafaat kepada belia sama ada dalam bentuk *carrier* ataupun pekerjaan yang bakal mereka ikuti. 'N' itu adalah untuk kepentingan nasional. Sementara 'G' itu adalah menepati *goals* ataupun matlamat yang sebenar belia atau beliawanis. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya ingin bertanya pihak kerajaan apabila dikatakan masalah belia dan beliawanis di Terengganu ini beberapa pendekatan telah dibuat untuk mengatasi masalah remaja. Saya perhatikan seolah-olah ianya tidak memberi apa-apa kesan. Saya ingat dulu bila masalah HIV cara nak cegah kerajaan beri kondom. Sekarang masalah Mat Rempit, cara nak cegah tubuh kelab motor dan beri topi keledar. Itu takkan selesai masalah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya harap kalau boleh kerajaan beri sedikit penjelasan perancangan yang lebih holistik, masalah sebenar atau *root of the problem* dengan izin. Dan saya nak tanya kerajaan, sekarang ini dengan angka 74,723 anak luar nikah seluruh negara, berapakah yang berlaku di Kuala Terengganu? Soalan saya kena tolak kes tu, kalau boleh dapat beri penjelasan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Bab anak luar nikah ini apabila soalan ditolak kita tak perlu ungkitkan lagi itu ada dalam Peraturan Dewan. Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam. Kita membuat sesuatu memandangkan bahawa masalah yang terbentang di hadapan kita. Dan usaha-usaha yang kita buat adalah usaha-usaha untuk memperkasakan belia dan kita tidak pernah buat apa yang kita buat ini. Kita tidak pernah berinteraksi dengan warga belia begitu besar keupayaannya, kita tidak pernah. Kita tidak pernah mendekati begitu ramai warga belia yang kita akan berjumpa dan mendengar ucapan serta lontaran pandangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan kita cuba insyaAllah. Memang kalau kita nak tengok kesannya kalau kita tengok anak-anak muda kita memanglah saya juga merasa terpanggil apabila mereka rempit di Jalan Wakaf Mempelam, kitapun kalau nak salahkan Yang Berhormat Wakaf Mempelampun tak boleh kerana ini adalah masalah yang menyeluruh sifatnya, masalah yang menimpa bukan sahaja saya, bukan Wakil Wakaf Mempelam tetapi ini adalah masalah anak-anak kita. Jadi saya kira lebih baik membuat sesuatu daripada diam tidak membuat apa-apa. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Hulu Besut. Saya jemput soalan kedua Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

Apakah status terakhir Stadium Sultan Mizan yang runtuh dan pihak manakah yang akan menanggung kos membina semula stadium tersebut?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati yang dihormati sekalian. Status terakhir yang melibatkan runtuhan Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin ialah tender telahpun dikeluarkan untuk kerja-kerja pembersihan runtuhan tersebut yang mana ianya diiklankan pada 15 Mac 2010 dan tarikh tutupnya pada 19 April 2010. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Persoalan runtuhnya Stadium Sultan Zainal Abidin ini menjadi suatu mercu tanda yang memalukan bagi kita Negeri Terengganu. Saya ingin bersama-sama membawa sedikit latar belakang, kalau boleh Yang Amat Berhormat memberi penjelasan kerana kos asal stadium ini bernilai RM191 juta tetapi harga sebenarnya melambung kepada RM292 juta. Tiga kontraktor yang telah diberikan keutamaan untuk melaksanakan projek ini ialah Bina Struktur Sdn. Bhd., Imarcon Sdn. Bhd. dan Genggam Mercu Sdn. Bhd. dan saya yakin ketiga-tiga ini adalah dari Negeri Terengganu. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat tentang laporan punca sebenar kejadian yang berlaku ini serta siapakah yang akan bertanggungjawab menanggung kos-kos pembaikian yang akan dilaksanakan. Sekian.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kos asal kontrak projek ini ialah sebanyak RM191,181,240.80. Memang benar kontraktornya ialah Bina Struktur, Imarcon dan Genggam Mercu (JV) dan jumlah akhir kos kontrak ialah RM294,751,374.09. Sebagaimana Yang Berhormat Batu Burok sedia maklum, pihak Kerajaan Negeri telahpun mengeluarkan Laporan Jawatankuasa Penyiasat mengenai runtuhan tersebut. Dan kalau boleh saya sebut beberapa perkara di sini iaitu skop penyiasatan. Jawatankuasa Penyiasatan telah bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

1. Mengenal pasti punca keruntuhan.
2. Mengesyorkan langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan kejadian keruntuhan berulang.
3. Mengemukakan cadangan pembinaan semula stadium tersebut.

Jawatankuasa Penyiasatan telah mengenal pasti punca-punca utama keruntuhan struktur bumbung kerangka *(space frame roof structure)* Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin iaitu:

1. Reka bentuk yang tidak memadai. Pereka bentuk telah gagal untuk mengambil kira pertimbangan secukupnya terhadap kadar penyokong kepada struktur bumbung.
2. Bumbung tidak dibina dengan sempurna menyebabkan berlaku salah jajaran kepada geometri.
3. Kawalan kualiti tidak dilaksanakan di tapak pembinaan.
4. Bahan dan kualiti hasil kerja iaitu *workmanship* tidak memenuhi spesifikasi yang ditentukan.

Bentuk senibina yang kompleks, terentang yang besar telah menghasilkan struktur bumbung yang sangat fleksibel serta sensitif kepada pergerakan di penyokong struktur. Contohnya, pergerakan kepada kerangka konkrit bertetulang yang membentuk grandstand dan buttres. Sifat berfleksibiliti ini telah menimbulkan keperluan kepada analisis reka bentuk yang terperinci, *second order analysis* tetapi tidak dilaksanakan. Sensitiviti struktur bumbung kerangka space kepada pergerakan struktur penyokong menyebabkan fleksibiliti struktur penyokong perlu diambil kira diperingkat reka bentuk model, dengan izin Dato' Yang Dipertua, *to include the effect of flexibel in the design model* tetapi ini juga tidak dilaksanakan.

Faktor-faktor di atas telah menyumbang kepada keruntuhan dengan menurunkan faktor keselamatan struktur ke tahap di bawah paras normal yang diterima untuk struktur sedemikian.

Ketiga, telah ditemui melalui ujian makmal awalan ke atas bahan yang diambil dari struktur keluli yang telah runtuh mendapati berlaku kecacatan pada sebahagian kimpalan di antara sesendi dan paip keluli. Mutu pembuatan komponen keluli didapati juga tidak baik dan tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditentukan. Telah didapati juga bahawa struktur bumbung telah dipasang secara yang tidak diingini, *undesirable manner.*

Dato' Yang Dipertua, cara pemasangan yang diingini tidak dilaksanakan atas alasan kesuntukan masa. Tumpang sementara yang digunakan juga tidak mencukupi dan sebilangannya melentur ketika pemasangan dijalankan. Tiada semakan dibuat bagi menentusahkan keadaan interim bumbung ketika pemasangan sedangkan semakan ini adalah kritikal dan perlu. Tidak kedapatan juga usaha kawalan kualiti dijalankan oleh pasukan pengurusan projek akibatnya sebaik sahaja kerja pemasangan siap salah jajaran yang ketara, *serious missed alignment* serta boleh dikesan dengan mata kasar telah berlaku kepada kerangka space. Kesemua perkara di atas menurunkan lagi *safety margin* yang telah

sedia rendah dan menyumbang kepada keruntuhan. Juga telah ditemui bahawa kestabilan struktur grandstand konkrit bertetulang yang menyokong struktur bumbung juga telah tergugat. Penukaran *casting continuous reinforce concrete bims* dengan simply supported precast concrete bims telah dibuat sebagai rekabentuk alternatif oleh kontraktor utama. Pertukaran ini dilaksanakan secara isolation oleh perekabentuk yang tiada semakan bersepadu dibuat berkaitan dengan impaks pertukaran ke atas integriti dan *stability* keseluruhan struktur grandstand. Juga telah ditemui melalui ujian makmal awalan ke atas bahan yang telah diambil dari struktur grandstand konkrit bertetulang juga mendapati bahawa kekuatan konkrit berada di bawah kehendak rekabentuk, ujian lanjutan adalah disyorkan dalam soal ini. Mutu konkrit didapati tidak baik dan tidak menepati kehendak spesifikasi. Fleksibiliti struktur penyokong dan kurang berkeupayaan struktur bumbung kerangka space telah menyebabkan lebihan bebanan *(overloading)* kepada sebahagian anggota struktur bumbung. Ini dapat dibuktikan apabila sebilangan anggota struktur dikesan telah bengkok sebaik sahaja stadium mula digunakan. Kontraktor utama berusaha menggantikan anggota-anggota yang telah bengkok ini bila mana ianya ditemui menyebabkan berlaku agihan semula daya dalam struktur bumbung. Kontraktor utama tidak sedar tentang kesan penggantian tersebut. Keruntuhan berlaku sewaktu kontraktor utama sedang bersiap sedia untuk menggantikan sebahagian lagi anggota struktur bergaris pusat besar di lokasi berhampiran tempat tersalah dan terjadi. Audit Rekabentuk yang bebas yang telah dibuat atas permintaan Jawatankuasa Penyiasatan menunjukkan bahawa fleksibiliti penyokong adalah salah satu punca utama keruntuhan struktur bumbung. Kontraktor utama adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap rekabentuk, penyeliaan dan pembinaan struktur bumbung berdasarkan terma rujukan reka dan bina. Tanggungjawab ini tetap kekal kepada kontraktor utama dan tidak pindah ke mana-mana pihak. Ini bermakna menjadi tanggungjawab kontraktor utama untuk membina semula runtuhan ini, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan lagi Yang Berhormat? Panjang lebar dah tu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan lanjut tentang empat punca utama yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat tentang keruntuhan bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin ini yang mana keempat-empat punca ini lebih merupakan menjurus kepada isu bagaimana pengendalian kontraktor-kontraktor itu menjalankan tugas mereka dalam menyiapkan stadium ini sendiri. Yang keduanya, ialah persoalan penyelewengan, apakah tidak ada unsur-unsur penyelewengan yang berlaku dalam sepanjang persiapan ataupun pemberian tender menjuruskan kepada persiapan dan siapnya stadium ini sehingga menjadi suatu mercu tanda yang memalukan kepada kita di Negeri Terengganu ini sendiri. Jadi saya ingin penjelasan supaya perkara ini dapat dijelaskan dan rakyat Terengganu tertanya-tanya dengan kos yang begitu

tinggi, kita menanggung malu yang amat sangat, rakyat Terengganu malu, Menteri Besarpun menanggung malu dan kita menanggung kos yang begitu besar sehinggakan seolah-olah tidak ada orang yang bertanggungjawab di atas apa yang berlaku ini dan mujurnya tidak ada yang meninggal dunia dalam kejadian yang sedemikian ini. Saya ingin secara spesifik siapa yang perlu mengambil tanggungjawab ini di atas penyelewengan ataupun rasuah yang berlaku ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan telah diakui bahawa sebilangan anggota pasukan pengurusan projek didapati tidak mempunyai kemahiran dan kompetensi yang mencukupi bagi menguruskan projek besar dan kompleks sebagaimana pembinaan stadium ini. Ini bermakna Pegawai Penguasa yang dipilih tidak mencerminkan tahap kompetensi yang diperlukan. Itu memang jelas berasaskan laporan yang dibuat dan begitu juga terdapat keadaan-keadaan di mana pelantikan Jurutera Semakbebas berakreditasi yang perlu dilantik bagi projek berukuran besar dan kompleks. Jurutera Semakbebas ini perlu setaraf atau lebih berpengalaman mengendali projek serupa dari perunding yang dilantik bagi membolehkan rekabentuk berkenaan disemak secukupnya. Dan lebih malang lagi pelantikan Jurutera Penyemak ini dibuat oleh kontraktor utama dan bukan dibuat oleh pihak kerajaan atau Badan Bebas.

Mengenai isu penyelewengan atau tidak, Dato' Yang Dipertua, saya tidak dapat menjelaskan perkara ini sama ada seleweng atau tidak kerana saya dimaklumkan oleh pihak yang tertentu dan pihak SPRM telahpun menyiasat dan saya berharap kita tidak menuduh yang bukan-bukan sehinggalah hasil siasatan SPRM diperjelaskan kepada umum. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Ya, sila. Pendek saja Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan tambahan. Apabila didedahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa penyelewengan berlaku dalam keruntuhan Stadium Sultan Mizan. Apakah pihak kerajaan bersedia untuk mengheret pihak-pihak tertentu ke muka pengadilan kerana kecuaian dan kesilapan ini menjatuhkan kredibiliti kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Di waktu yang sama adakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersedia membuat rombakan Exco kerana Exco Infrastruktur pernah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, itu dah melencong ke lain dah tu. Saya ingat isu berbangkit tu sudah cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya nak nyatakan bahawa Exco Infrastruktur pernah mengatakan bahawa pembinaan Stadium Sultan Mizan dijamin selamat apabila Wakil Rakyat Bukit Tunggal

memberikan suatu permintaan adakah pembinaan Stadium Sultan Mizan selamat. Masa itu jaminan dibuat oleh Exco (Pengkalan Berangan) menyatakan bahawa kita jamin selamat. Ucapan itu diingati dan difahami dan didengari oleh seluruh rakyat, ucapan itu sebenarnya menjatuhkan kredibiliti Yang Amat Berhormat Menteri Besar, apakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersedia membuat rombakan bagi mempastikan bahawa tidak wujud semula ucapan-ucapan yang menjatuhkan kepimpinan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta maaflah kepada ADUN Bukit Payong. Ini suatu kenyataan, saya nak kata apa tak tahulah. Saya tak pernah menyebut bahawa berlakunya penyelewengan dalam pembinaan stadium tapi tiba-tiba Yang Berhormat Bukit Payong mengatakan bahawa saya mengakui berlakunya penyelewengan, di hadapan orang ramai, dokdang berhari bermalam lagi pembohongan telah berlaku.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya mintak celah. Kecuaian manusia.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Haa .... kalau kecuaian manusia tu boleh tahan sikit Dato' Yang Dipertua. Lain maknanya cuai dengan seleweng ni. Jadi saya percaya bahawa apa yang disebut dan jawapan yang diberikan oleh jawatankuasa teknikal. Kita tak tahu menahu mengenai teknikal ini dan bila jawapan yang diberikan oleh jawatankuasa teknikal itu selamat maka selamatlah jawapan kita. Saya bukan engineer, Exco yang berkenaanpun juga bukan engineer dan bukan jaga projek itu, ia berasaskan laporan ketika itu. Jadi saya berharap Yang Berhormat faham dan jangan membawa perkara ini di luar Dewan, bercakap, mengatakan: "MB mengaku ada penyelewengan." Saya minta maaf, kita sebagai orang Islam bercakap betul-betul Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tak yang saya tanya tadi adakah pihak kerajaan bersedia mengheret pihak yang terlibat ke muka pengadilan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini bukan soal kerajaan. Kita ada badan sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Saya dimaklumkan laporan dibuat, siasatan dibuat dan kita serah kepada SPRM untuk menentukannya bukan kita Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Apakah status pembangunan Halal Hub Terengganu yang diusahakan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) di kawasan perindustrian Chendering Kuala Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil daripada Rhu Rendang bertanyakan soalan berkaitan dengan status pembangunan Halal Hub Terengganu yang diusahakan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.

Pembangunan Halal Hub Terengganu buat masa ini telah hampir siap secara keseluruhannya yang mana bangunan Pusat Pameran telah siap 100% manakala 10 unit bengkel telah siap 97% dan keseluruhannya dijangka siap pada akhir bulan April ini dan beroperasi sepenuhnya pada bulan Jun 2010. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, faktor yang terpenting kejayaan pembangunan seperti ini ialah pemasaran, di mana Halal Hub ini mempunyai pemasaran yang sangat luas. Di Rantau Asia ini sahaja kita mempunyai lebih 200 juta umat Islam di samping kalangan yang bukan Islam juga berminat dengan Halal Hub ini termasuk di luar dari rantau ini. Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menjamin pemasaran yang berlaku dengan pesat untuk membantu supaya kejayaan dapat dicapai dan tidak mengulangi kegagalan yang telah lalu dengan sebab berlakunya ketidak maju di dalam pemasaran?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Oleh kerana kita merasakan produk-produk halal dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha kita tidak begitu berdaya maju dan tidak boleh dipasarkan. Sebab itulah kita mewujudkan Halal Hub ini, di mana Halal Hub ini bercirikan beberapa keperluan iaitu dia memerlukan apa yang dipanggil GMP atau *Good Manufacturing Practice.* Yang kedua, dia hendaklah mempunyai pensijilan HACCP ataupun dengan izin, *Hazard Analysis And Critical Control Points* ataupun Sijil Halal. Dengan adanya pensijilan-pensijilan ini kita boleh membuat pemasaran yang lebih baik khususnya pasaran-pasaran di dalam negara dan apabila sampai tahap yang lebih baik kita boleh juga insyaAllah, menembusi pasaran-pasaran di luar negara. Sebab itulah kita lihat sekarang ini kita mewujudkan Halal Hub ini, apabila kita mewujudkan Halal Hub ini dengan sendirinya *confidence* masyarakat terhadap makanan kita akan timbul. Jadi apabila ada status begini bagi kilang-kilang kita ataupun perusahaan-perusahaan kita boleh menggunakan cara pemasaran yang lebih baik, yang lebih bersistematik. Sebab itulah kita guna,

stage pertamanya ialah untuk mengadakan kilang yang disahkan halal, selepas itu barulah program kedua kita masuk untuk pemasaran. Dan pemasaran inilah yang kita sedang menggunakan beberapa konsep, antaranya adalah untuk mempastikan pemasaran kita ini mengguna pengurusan-pengurusan yang bertauliah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Soalan tambahan yang kedua. Penglibatan pelaburan asing juga adalah pemangkin kepada kejayaan pembangunan ini sama ada dari segi kepakaran ataupun pemasaran itu sendiri. Adakah di sana penglibatan pelaburan asing yang boleh Yang Berhormat memberi penjelasan di mana pelaburan asing itu datang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk pelaburan-pelaburan yang berkaitan dengan makanan khususnya sebab ini halal, kita tidak sangat memerlukan kepada pelaburan asing, pelaburan dalaman sudah mencukupi untuk kita membuat pelaburan dalam bidang-bidang makanan ini. Justeru, baru-baru ini kita jugak telah cuba menembusi pasaran luar, bahan-bahan makanan kita seperti sardin, seperti minuman roselle sudah boleh menembusi pasaran ke luar negara dan tidak memerlukan pelaburan daripada luar negara khususnya investments ataupun pelaburan-pelaburan yang berkaitan dengan industri pemakanan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh lagi dok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu saja lagi soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua Dewan, kalau boleh diterangkan apakah jenis perusahaan yang akan dijalankan di sana dan siapakah atau badan manakah yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan Sijil atau Logo Halal, apakah Jabatan Agama di negeri ini atau Jakim ataupun badan swasta yang ada sekarang? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita telah memutuskan 8 buah syarikat yang akan menduduki di Terengganu Halal Hub ini.

(i) Syarikat Rosfa Unggul Trading iaitu syarikat yang membuat sos.

(ii) Sinku Food Industries membuat keropok dan *fish crackers* dengan izin.

(iii) Centralized Kitchen yang akan membuat Nasi Dagang dan dipack sejukbekukan.

(iv) Syarikat TADC (Terengganu Agrotech Development Corporation) yang akan mengeluarkan produk-produk pertanian seperti jagung, cili, ikan dan sebagainya.

(v) Syarikat Cakna Sdn. Bhd. yang akan mengeluarkan nira nipah dan juga cendawan.

(vi) Syarikat Adi Food Processing Sdn. Bhd. yang akan membuat pastries ataupun kuih-kuih.

(vii) Syarikat Fortina Food Industries Sdn. Bhd. yang juga membuat sos.

(viii) Step Consolidated Sdn. Bhd. yang akan membuat keropok dalam bentuk crackers.

Jadi 8 buah syarikat telah dikenal pasti dan Sijil Halal ini akan dikeluarkan oleh Jakim dan juga badan swasta yang sebutkan tadi iaitu macam HACCP yang dikeluarkan oleh pihak swasta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama -

Sejauh manakah kemajuan pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) Fasa Ke 2 di Terengganu setakat 31 Mac 2010?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Selamat pagi. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Dato' Yang Dipertua, oleh kerana soalan ini ada persamaan iaitu hampir sama dengan soalan Wakil Wakaf Mempelam jadi saya akan jawab sekaligus, saya mintak keizinan daripada Dato' Yang Dipertua ni, boleh ke Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kemajuan sebenar pembinaan Projek Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2) sehingga 31 Mac 2010 adalah 64.81%.

Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 Di Bawah Penyeliaan JKR, kemajuan yang dicapai ialah 57.75%. Dan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 Di Bawah Penyeliaan LLM, kemajuan yang dicapai ialah 78.11%.

Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 dijangka dapat disiapkan pada akhir 2011 dan boleh digunakan sepenuhnya pada awal 2012.

Khusus kepada soalan Wakil Mempelam yang ingin menanyakan bagi setiap pakej.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Duduklah dulu tak habis nak jawab lagi ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ajak balah dah, jangan wat bekeng-bekeng, kelmarin kata jangan balah, saya takmboh balah ni. Kita ada 17 pakej.

1.	Pakej LLM	Dari Bukit Besi ke Bukit Payong sejauh 63 kilometer sebagaimana saya maklum tadi progress sebenarnya ialah 83.63% dan kita jangka siap pada bulan Jun 2011.
2.	Pakej 1A	Kemajuannya ialah 49.8% dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun ini.
3.	Pakej 1B	Kemajuannya ialah 54.9% dijangka siap pada akhir tahun ini.
4.	Pakej 1C	Kemajuannya ialah 27.6% dijangka siap pada Julai 2011.
5.	Pakej 2	Penamatan kontrak secara persetujuan bersama pada bulan September dan re-tender akan dibuat semula.
6.	Pakej 3	Kemajuannya ialah 35% dijangka siap pada Mac 2011.
7.	Pakej 4	Kemajuannya ialah 50% dijangka siap pada akhir tahun ini.
8.	Pakej 5A	Kemajuannya ialah 42.9% dijangka siap pada akhir tahun ini.
9.	Pakej 5B	Kemajuannya ialah 95.6% dijangka siap pada Jun tahun ini.

10.	Pakej 6	Kemajuannya ialah 68.5% dijangka siap pada akhir tahun ini.
11.	Pakej 7	Kemajuannya ialah 42.6% dijangka siap pada akhir tahun ini.
12.	Pakej 8	Penamatan kontrak secara persetujuan bersama telah dibuat dan kemajuannya setakat 41% dan akan re-tender tidak lama lagi.
13.	Pakej 9A	Kemajuannya ialah 64% dijangka siap pada akhir tahun ini.
14.	Pakej 9B	Penamatan kontrak secara persetujuan bersama telah dibuat dan akan re-tender tidak lama lagi.
15.	Pakej 9C	Kemajuannya ialah 59.7% dijangka siap pada akhir tahun ini.
16.	Pakej 11	Kemajuannya ialah 72% dijangka siap pada akhir tahun ini.
17.	Pakej 12	Kemajuannya ialah 88% dijangka siap pada akhir tahun ini.

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan. Saya pohon penjelasan, yang pertamanya, tahniah kepada kontraktor kerana hampir berjaya dan rakyat Terengganu hendak sangatlah dipercepatkan dan nak guna lebuh raya ini. Cuma nak mintak penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah kerana membina lebuh raya ini berlakunya banjir yang sebelum ini tidak pernah berlakunya banjir di tempat-tempat di sekitar kawasan tersebut?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Memang kita akui ada sesetengah tempat berlakunya banjir akibat daripada pembinaan lebuh raya yang secang dalam pembinaan sekarang. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri memang dah sedar bahawa satu jawatankuasa khusus mengenai banjir telah dibentuk dan mengenal pasti di tempat-tempat yang telah dinaiki air melalui di bawah Exco Kerajaan Tempatan di mana perkara ini sedang dirancang rapi untuk pelaksanaan di masa akan datang bagi mengatasi masalah banjir tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, satu soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan pembinaan lebuh raya LPT ini, disebut tadi 17 pakej dan disebutkan juga tadi ada 3 yang telahpun di *mutual termination.*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ada 4.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, 4. Saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hak berhenti tu berhentilah tetapi ada tak lagi yang diberi surat tunjuk sebab ke, atas sebab kelewatan ke, daripada pakej-pakej dan kontraktor-kontraktor yang diberikan untuk membina lebuh raya ini. Tadi ada disebut 4 yang telah berhenti atau tarik diri dan tamat, adakah yang diberikan surat disebabkan kelewatan mereka ikut jadual yang telah ditetapkan, ada berapa?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Memang diakui setakat hari ini kita menerima secara penamatan kontrak secara persetujuan bersama ini ialah 4 kontraktor iaitu Pakej 2 daripada Kobena, Pakej 8 daripada Arah Jitu, Pakej 9 juga daripada Arah Jitu dan Pakej 11 daripada GPQ. Ini yang kita terima secara rasmi dengan alasan-alasan yang telah diberi ketika itu ialah disebabkan masalah harga barang yang melambung tinggi jadi alasan kukuh telah diberi walaupun pertimbangan-pertimbangan telah diberi tetapi oleh kerana masalah yang dihadapi dia bersetuju secara aman, secara damai di antara kerajaan dengan kontraktor dan insyaAllah yang empat ini akan di re-tender semula selepas pada ni. Dan yang lain-lain itu takut ada lagi ke, apa ke dan yang lain-lain tu setakat hari ini kita belum terima secara rasmi untuk menamatkan kontrak secara persetujuan tapi setakat hari ini, 4 yang ini sahaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia tak jawab soalan saya tanya hak yang telah diberi surat atas kelewatan, berapa. Tak apalah tadi ada disebut tadi antara yang ditamatkan ialah Arah Jitu Sdn. Bhd. dan alasan yang diberi pulak kerana kes masuk tender lepas harga barang melambung dan tarik diri tak boleh buat, tak mampu nak buat. Yang saya hairan syarikat lain boleh buat pulak, tak ada masalah.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nanti dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nanti dulu, soalan saya ialah sedar ke tidak yang duk bagi ke Arah Jitu sampai dua pakej ..... tak dengar, sabar, tunggu dulu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tutuplah dulu hak deme tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, habiskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tutuplah hak deme nak bunyi guana sekaligus, haa .... begitu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini floor saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat teruskan dengan soalannya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Haa .... duduk, duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tanya ke saya, jangan tanya ke sana.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya, saya sebut Yang Dipertualah tu, tadi saya nak tengok muka dia tadi .....(Dewan Gelak). Jadi Yang Dipertua, disebutkan antara alasannya ialah kerana harga barang naik mendadak dan tak boleh nak *continue,* tak boleh nak sambung projek itu. Syarikat lain tak ada masalah, mungkin lewat-lewat sikit aje. Dan saya nak tanya kes Arah Jitu ni yang dah nampak dah, syarikat ini saya telah buat *check,* OKU rupanya, orang kuat UMNO, dua pakej dia bagi tak berjaya dan Pakej 9B ini pulak dekat dengan Hutan Simpan Bukit Bauk. Kos tender dia RM59,215,000 dan satu lagi Pakej 8 tadi RM50,823,222, dua-dua ini syarikat sama. Tetapi hak kes 9B tadi sudahlah buat sekadar 15% Dato' Yang Dipertua, lepas tu cabut lari tetapi balak Hutan Simpan Bukit Bauk dia kebas, ini masalahnya. Saya buat *check* .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat soalannya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalannya, itu sebabnya alasan yang diberi tadi tak tepat, saya nak tanyanya ialah kerana berhubung dengan kes dikatakan alasan harga barang naik, orang lain boleh buat, dia tak boleh buat, dia buat sikit cabut lari. Saya nak

tanya ialah berhubung dengan jumlah syarikat yang diberikan surat tunjuk sebab berhubung dengan kes lewat daripada jadual yang telah ditetapkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Baham rambang Wakaf Mempelam ini Dato' Yang Dipertua. Jadi dia nak tanya soalan macam-macam hak balaklah, hak apalah, orang UMNO. Biasa dialah kita beri ke orang UMNO masa tu orang PAS memang takdok lesen.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia berulang ke Kuala Lumpur Yang Berhormat. Yang Berhormat ada jawapan?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Sensitif sikit hak tadi, jadi kena jawab tu. Ni jawab soalan pertama hak mula-mula nak royat. Hak yang keduanya, soal surat tunjuk sebab, ini perkara biasalah apabila tidak berjalan, mesti kita kena keluar surat tunjuk sebab, itu tugas kita dah, pihak kerajaan akan keluar, bertanya kenapa tidak boleh? Dia kata, barang naik tak boleh nak buat. Barang naik biasa dia dah, cuba bayang kalau barang naik sokmo, Wakaf Mempelam mari ke Dewan ni barang naik sokmo guana nak duduk dalam Dewan ni ....(Dewan Gelak) .... jawabnya begitulah, ketika barang naik biasa dia dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Barang naik tu BN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Yang Berhormat, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada satu soalan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan terakhir, soalan terakhir.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya jemput soalan sebenar yang kelima daripada Yang Berhormat. Soalan sebenar, soalan daripada Yang Berhormat, soalan asal bukan tajuk tadilah. Tak ada dah, ya. Saya jemput Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang nombor dua ditolak, kalau nak suruh tanya saya tanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa saya jemput Ladang dulu, lepas ni saya jemput Yang Berhormat pulak. Sila Ladang dulu sebab Yang Berhormat tercari-cari tidak jumpa tadi. Ladang, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apa saya boleh beri peluang kepada dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tak hendak, saya boleh beri peluang ke orang lain pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nantilah dulu .... (dalam gelak) ... Soalan nombor dua -

> *Apakah benar kerajaan telah menjual/memajak Pulau Besar di Merang. Kepada siapa dan berapakah kos penjualan itu?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang benar Kerajaan Negeri menjual projek pembinaan 11 unit chalet dan satu unit club house di Pulau Besar, Merang dengan harga RM27 juta kepada Ri-Yaz Assets Sdn. Bhd. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak berapa dengar, berapa juta tadi?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: RM27 juta Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): RM27 juta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus tambahan Yang Berhormat kalau ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ri-Yaz ini syarikat daripada mana, daripada sini ataupun di belakangnya dengar kata syarikat daripada Hong Kong?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak tahulah, Hong Kong ke, mana ke sebab hak belinya itu namanya Ri-Yaz Sdn. Bhd.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Modal berbayar syarikat itu kalau boleh tahu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Saya kena pohon notis Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Siapakah pemilik Ri-Yaz tadi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah tiga soalan tambahan tadi. Pemiliknya Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya perlu notis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya minta maaf Yang Berhormat Wakaf Mempelam, sebenarnya soalan yang sama dengan Jabi tadi, jadi saya beri satu soalan tambahan lagilah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Dipertua, baru sedar Yang Dipertua. Soalan saya mudah aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pendek saja Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pendek aje. Saya nak sebutnya pembinaan LPT 2 ini kos dia RM3.7 bilion. Daripada RM3.7 bilion, 50% pakai duit Terengganu duit royalti .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, terus kepada soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yalah, saya kena khabor nak tanya soalan tu. Sekarang ini bila buat *airport* guna duit Terenggaru tapi *airport tax* orang lain ambil, nak buat jalan raya, jambatan banyak pakai duit Terengganu, yang ini ni separuhnya duit Terengganu, akan ada tol kita tahu kes lebuh raya ni, agak-agak Terengganu dapat menafaat ke tidak daripada RM3.7 bilion tu separuh duit Terengganu bila kenakan tol adakah Terengganu juga mendapat menafaatnya bila jalan ini digunakan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, lama dah Dato' Yang Dipertua main gostan-gostan ni, ada kaedah ikut perlembagaan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila,sila Yang Berhormat tak apa Yang Berhormat sebab soalan yang sama.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apalah kalau ada kita boleh jawab, sekadar bertanya. Jadi soalan Wakil Wakaf Mempelam tadi, dia memang suka main gostan-gostan belakang, berahi juga mo'oh. Sebenar masalah tol ini yang kata duit dana atau duit apa itu kita tinggalkan dulu, persoalannya sekarang adakah tol itu kemudian atau coming soon, kita kerajaan negeri setakat hari ini belum ada apa-apa lagi perbincangan untuk sama ada nak buat tol atau tidak ada tol atau nak *share* sama dari segi perbelanjaan daripada hasil kutipan tol, tapi setakat ini belum ada lagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismilahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Nyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan kerajaan untuk mengatasi masalah banjir di Hulu Terengganu khususnya di Kuala Berang. Berapakah kos yang telah dan akan dibelanjakan untuk membaiki kerosakan akibat bannjir 2009 serta yang akan datang?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, antara langkah yang telah diambil untuk mempastikan tidak berlakunya banjir di Bandar Kuala Berang dan Hulu Terengganu ini ialah dengan menyediakan sistem perparitan yang sesuai dengan keadaan di Bandar Kuala Berang itu sendiri. Dan sebagaimana kita sedia maklum bahawa pada 3 tahun lepas Kuala Berang memperolehi peruntukan yang paling besar untuk membina sistem perparitan di Bandar Kuala Berang iaitu hampir RM13 juta. Dan projek-projek ini telahpun hampir siap sebagaimana diketahui oleh Yang Berhormat Kuala Berang sendiri semasa mengadakan lawatan untuk melihat pencapaian projek tersebut bersama-sama dengan saya baru-baru ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar peruntukan yang diberikan kepada Kuala Berang itu. Cuma pada hari ini Dato' Yang Dipertua, saya nak fokus kepada tiga tempat banjir ini dan kalau nak kiranya di Kuala Berang ini banyak tempat. Fokus saya ialah di tiga tempat di kawasan saya yang jugak bukan saja banjir tetapi jugak jalannya tenggelam. Jalan ini jalan yang baru dibina yang dilaksanakan oleh JKR. Soalan saya ialah kita rakyat di Hulu Terengganu sangat bersuka hati dan berbangga dengan pembinaan jalan ini dengan harapan di samping mungkin dengan pembinaan jalan ini kita dapat

berhubunglah terutama daripada Kuala Berang ke Ajil dengan selesa walaupun mungkin dalam keadaan banjir. Tapi malangnya saya nampak apakah yang perlu diusahakan oleh kerajaan kerana kita dapati semasa banjir baru-baru ini ada tiga tempat iaitu satu di Batu 24, yang keduanya di Bukit Murtaja dan yang ketiganya, di Batu 22 di mana hasil daripada pembinaan jalan ini masih lagi banjir berlaku yang menyebabkan laluan ini tidak dapat dilalui. Jadi apakah usaha kerajaan supaya dapat mengelakkan masalah ini daripada berlaku?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Semasa lawatan kerja ke Hulu Terengganu baru-baru ini dan Wakil Kuala Berang ada bersama ketika itu saya telah mengarahkan pihak Jurutera Kerjaraya Hulu Terengganu supaya mengkaji balik pembinaan box culvert yang kecil terutama berhadapan dengan Sekolah Tengku Ampuan Intan. Saya sedar dan dimaklumkan bahawa pada awal 70an di situ memang ada jambatan tetapi dengan adanya pembinaan jalan yang dibuat kemudian apatah lagi dengan pembinaan jalan empat lorong tersebut culvert yang disediakan tidak mencukupi untuk menerima air yang datang daripada kawasan yang berhampiran. Justeru itu, saya telah meminta Jurutera JKR mencadangkan kepada kita untuk membelah balik jalan itu bagi menyediakan culvert yang mencukupi dan lebih besar sebab itu saya telah mengarahkan semua JPS, JKR dan PBT supaya menyediakan longkang-longkang yang over saiz di masa hadapan kerana kita sedar kalau dahulunya kawasan itu paya sekarang ini dah menjadi kawasan pertumbuhan, kawasan pembinaan, kekurangan catchment area menjadi masalah utama kepada kita dan kita minta supaya bukan sahaja bagi pembinaan longkang tetapi culvert jalan juga perlu diperbesarkan bagi menampung aliran air yang bertakung dan banyak terutamanya ketika musim banjir, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, sikit saja lagi. Saya nak jaminan dan terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebentar tadi. Saya nak jaminan daripada kerajaan maknanya apakah daripada usaha tersebut masalah jalan tenggelam akan dapat diselesaikan memandangkan untuk makluman Dato' Yang Dipertua dan Dato'pun tahu. Di kawasan ini satunya ditempatkan Hospital Hulu Terengganu dan yang kedua, kita juga merancang supaya di sebelah hospital ini ditempatkan pejabat-pejabat kerajaan di Daerah Hulu Terengganu ini di masa akan datang. Saya harap usaha yang bersungguh-sungguhlah daripada kerajaan supaya akhirnya nanti kita dapat pergi ke hospital dan juga pejabat-pejabat kerajaan ini tanpa masalah walaupun berlakunya banjir. Saya mahu jaminanlah daripada kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksud jaminan itu kelulusan peruntukanlah Yang Berhormat, ya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, untuk pengetahuan ADUN Kuala Berang dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, bagi melaksanakan pembinaan yang baru box culvert yang mencukupi dan terpaksa membelah jalan empat lorong ini kosnya dianggarkan RM1 juta. Sebab itulah saya sudah minta supaya kajian terperinci dibuat dan bukan sahaja di sini tetapi dijadikan pengajaran kepada Jurutera-Jurutera Jabatan Kerja Raya, JPS dan juga PBT supaya mempastikan apabila pembinaan jalan baru hendaklah dimasukkan sama box culvert yang besar dan mencukupi kalau tidak kita akan buat kerja dua kali, jalan siap terpaksa belah balik dan ini memakan kos yang besar sebagaimana saya katakan tadi untuk membelah jalan empat lorong ini, box culvert yang mencukupi kosnya kira-kira RM1 juta. Tetapi walau bagaimanapun, saya dah arahkan baru-baru ini kepada Jurutera JKR Hulu Terengganu sekurang-kurangnya jalan di hadapan Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan itu dapat dibina pembetung baru pada tahun ini, insyaAllah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita tangguhkan sementara Dewan kita ini .....

USUL DI BAWAH PERKARA 30

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya ingin merujuk di bawah Peraturan Mesyuarat Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Saya Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Burok mohon mencadangkan bahawa sidang ini hendaklah ditangguhkan mengikut Fasal 30, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu penarikan balik royalti minyak yang berpanjangan hampir 10 tahun oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang merupakan suatu pencabulan kepada prinsip demokrasi, konsep federalisma serta melanggar perlembagaan negara kita sendiri.

Dato' Yang Dipertua, isu-isu ini adalah perkara-perkara tertentu kerana telah berlaku suatu pencabulan hak, boleh menggugat amalan demokrasi negara ini serta sistem federalisma yang menjadi asas penubuhan Malaysia. Tindakan mengehsankan lebih RM15.8 bilion royalti minyak di bawah Dana Khas Persekutuan adalah menzalimi rakyat Terengganu yang majoritinya Melayu dan beragama Islam maka hak demokrasi serta keadilan perlu dihormati. Perkara ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai kerana ini akan menghilangkan lagi keyakinan rakyat terhadap pemerintah, kredibiliti pemimpin negara serta menyempitkan lagi amalan demokrasi serta merampas hak-hak rakyat Negeri Terengganu yang berpegang teguh kepada prinsip keadilan. Sewajarnya Dato' Yang Dipertua, Dewan

yang mulia ini merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah selaku salah seorang pengasas Petronas yang telah menunjukkan sikap dan sifat seorang negarawan tulin dan berani berdiri di persada politik tanah air bagi membetulkan fakta yang diselewengkan khususnya dalam perkara pembayaran royalti petroleum kepada Negeri Terengganu, Kelantan dan negeri-negeri lain. Namun sehingga kini, tindak-tanduk negatif Kerajaan Pusat terhadap tuntutan rakyat Terengganu adalah dikesali. Kemiskinan rakyat Terengganu terus menerus dimanupulasi dengan sogokan dan ugutan dan pada masa yang sama tamak membina kekayaan diri serta segelintir kroni-kroni dan tycoon Cina yang berpengkalan di Kuala Lumpur melalui projek-projek persekutuan atas nama Dana Khas dan Wang Ehsan yang dicurahkan di Negeri Terengganu. Dato' Yang Dipertua, perkara ini perlu disegerakan kerana ia menyentuh hal pelanggaran hak rakyat dan Negeri Terengganu. Sesungguhnya pembelaan hak rakyat Negeri Terengganu yang miskin bukan persoalan sentimen serta permainan politik sempit semata-mata tetapi berkaitan dengan persoalan kemanusiaan yang melewati batas parti politik agama dan kaum. Maka dengan rendah diri saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu, kepentingan ramai serta perlu disegerakan. Sekian, terima kasih.

[Bentara Dewan mengambil dan menyerahkan
Usul tersebut kepada Yang Dipertua Dewan]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya menerima Usul Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dewan. Sayugia dengan itu, saya tangguhkan sementara Dewan ini sehingga masuk semula ke sidang jam 11.15 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.45 PAGI.

PUKUL 11.15 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita tangguhkan sidang sebentar tadi, pihak Dewan telah menerima satu Usul daripada Wakil Batu Burok di bawah Peraturan Mesyuarat Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Saya telahpun meneliti keseluruhan Usul yang dibentangkan ini sebagaimana dibaca kepada Dewan tadi. Dan didapati pertamanya, perkara ini didapati mustahak bagi orang ramai dan memang mengikut kepentingan orang ramai. Yang kedua, Usul ini adalah mengenai perkara khusus ataupun tertentu dan sememangnya khusus dan tertentu. Dan yang ketiga, adakah ia perlu disegerakan? Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, setelah meneliti secara menyeluruh dan khusus, saya dapati Usul yang dibangkitkan mengenai hal ini, pertamanya, perundingan mengenai royalti minyak di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat masih berjalan manakala pihak ataupun hak Kerajaan Negeri tidak dinafikan langsung. Yang kedua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hal ini ataupun perkara ini masih lagi menjadi kes dalam mahkamah. Tuntutan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Pusat masih belum ditarik balik dan masih berjalan. Yang ketiga, perundingan sama ada di peringkat kepimpinan dan peringkat pegawai di antara Kerajaan Negeri dan Pusat sentiasa diberi ruang dan tidak ada penyisihan sebagaimana Usul yang dibacakan dan dalam erti yang mudah pintu masih terbuka dan tidak tertutup dalam hal ini. Maka kalau nak dikatakan perkara ini perlu disegerakan ianya tidak wajar dan tidak perlu bincangkan pada kali ini. Jadi saya tolak Usul ini untuk dibincangkan dan kita teruskan sidang Dewan kita.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

USUL UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

> **"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja kerana menyampaikan ucapan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Bagi Dewan Undangan Negeri Kedua Belas".**

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Yang Berhormat Seberang Takir dan Yang Berhormat Jabi yang mengemukakan Usul dan menyokong Usul tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul tadi telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Dan insyaAllah kerana masa kita saya cadangkan untuk peruntukan masa perbahasan kita hari ini sampai jam 1.15 tengah hari dan petang kita sambung lagi dan juga pagi besok, dan saya beri peluang kepada pihak Kerajaan menjawab jika sudah tidak ada ucapan perbahasan pada petang besok. Jadi dengan ini saya menjemput pihak penyokong Wakil Jabi untuk memberikan ucapan antara 20 hingga 25 minit. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirabbil alamin wassalatu wassalamu-ala asyrafil anbia-iwamursalin. Wa-ala alihi wa-as habihi ajmain. Rabbisyrahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yahqahu qauli. Walahaulawala quwatailla billahil-alilazim.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudari yang dirahmati Allah sekalian.

Pertamanya, saya merakamkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang untuk sama-sama berbahas mengenai ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja yang telah merasmikan Pembukaan Penggal kita pada hari semalam. Pertama, kalau dilihat dari segi ucapan, mula-mula sekali Yang Dipertua, Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja telah membangkitkan tentang krisis ekonomi dan kita percaya bahawa kita rakyat Negeri Terengganu mungkin tidak terasa sekarang ini kerana pada masa sekarang ini kebanyakan rakyat Negeri Terengganu yang terdiri daripada petani, penoreh harga komoditi mereka, harga getah mereka, harga kelapa sawit mereka meningkat. Walau bagaimanapun, golongan petani, penternak dan nelayan memohon kepada kerajaan untuk menambahbaik tentang/untuk perancangan masa depan mereka terutamanya sekarang ini golongan-golongan petani memohon terutama penternak sekiranya kerajaan dapat menyediakan kembali peruntukan-peruntukan untuk memberi bantuan untuk pawahan lembu kerana sudah berkurangan sekarang ini. Dan mereka sangat berharap kepada kerajaan untuk memperbanyakkan lembu-lembu dipawah kepada golongan petani. Selain daripada itu juga, golongan penoreh, penternak dan nelayan memohon kepada kerajaan kerana sejak dari dulu lagi bantuan-bantuan diberi kepada penternak terutamanya kambing kaprima, ternakan ikan dalam sangkar dan lain-lain. Tetapi sekarang ini perusahaan yang begitu menampakkan keuntungan yang telah dipromosikan oleh Jabatan Veterinar iaitu menternak Burung Walit dalam kelapa sawit atau dalam kebun getah. Oleh itu saya merayu kepada kerajaan di bawah UPEN (Unit Perancang Ekonomi Negeri) untuk memberi bantuan kepada Jabatan Veterinar kerana menampakkan kesungguhan Pengarah dan kakitangan Jabatan Veterinar yang bersungguh-sungguh untuk mengadakan subsidi ataupun membantu golongan-golongan orang kampung, orang miskin supaya mereka terkeluar daripada miskin tegar. Selain daripada itu juga, saya mencadangkan kepada kerajaan dengan sedikit pertumbuhan pendapatan kepada golongan petani dan penternak, mereka juga untuk memiliki Amanah Saham Darul Iman (ASDI) ini yang telah menjunam turun. Apa salah kiranya kalau kerajaan memberi sedikit input bantuan untuk membantu ASDI ini melonjak bagi mendapat permintaan pembelian yang tinggi di kalangan orang-orang kampung dan kakitangan kerajaan juga. Oleh saya merayu kepada kerajaan untuk menyediakan sejumlah wang bagi membantu ASDI untuk melonjak harga sekarang ini. Selain daripada itu kecairan wang, kita melihat Mydin, Giant dipenuhi oleh orang-orang kampung. Bagus, tahniah kerana pelaburan di kawasan dalam Bandar Kuala Terengganu. Tetapi Dato' Yang Dipertua Dewan, bagaimana dengan orang Besut, bagaimana dengan orang Kemaman, orang Besut kebanyakannya berbelanja di Kota Baru, mungkin kemudahan-kemudahan yang ada di Besut, yang ada di Kuala Terengganu tidak dapat menarik mereka berbelanja di sekitar kawasan dalam negeri kita. Begitu juga orang di Kemaman, mereka berbelanja di Kuantan. Mungkin kemudahan-kemudahan yang ada di negeri kita tidak dapat menarik mereka untuk berbelanja dalam negeri kita sendiri. Oleh itu, apa salah kiranya jua kerajaan mengambil kira pertumbuhan-pertumbuhan perkembangan perniagaan dalam

bandar untuk menjadi satu perniagaan yang besar bagi mengelakkan daripada sejumlah wang keluar daripada negeri kita.

Terima kasih juga kepada kerajaan yang telah melancarkan Pelan Halatuju Pembangunan Negeri yang telah dirancang sebegitu teliti. Kita harap pembangunan ini dulu, kini dan selamanya akan berjalan dengan baik dan saya juga merakamkan berbanyak terima kasih kepada Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu kerana 9 tahun kita menjuarai UPSR dan kita sudah menampakkan kejayaan dalam Peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Dan sekarang ini kita melihat pembangunan infrastruktur sekolah-sekolah di luar bandar begitu rancak. Apa yang saya nak sebutkan bahawa sekolah-sekolah di luar bandar yang Kerajaan Persekutuan telah menambah bangunan dua tingkat, tiga tingkat, dua blok, tiga blok dan sebagainya sangat memberangsangkan. Tetapi sekarang ini yang menjadi masalah sekolah di luar bandar, sekolah di FELDA terutamanya di tempat saya di Jabi, FELDA Selasih, Sekolah Kebangsaan Tok Dor, Sekolah Kebangsaan Kuala Kubang ialah sekolah yang kurang murid (SKM). Kita nak harapkan peneroka FELDA, peneroka FELDA sudah tidak boleh menghasilkan benih dan tidak boleh beranak lagi kerana mereka sudah tua ....(Dewan Gelak) ..... Begitu juga sekolah-sekolah di pedalaman, orang-orang kampung yang ada sudah tidak mampu lagi untuk beranak dan sekolah akan menghadapi masalah. Sekolah Kebangsaan FELDA, pada tahun 2011 ini saya diberitahu oleh guru besarnya pelajar Darjah 1 hanya 6 orang, tidak mustahil dua-tiga tahun lagi pelajar Darjah 1 kosong. Maka oleh itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya melihat kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri yang mempunyai masalah seperti ini untuk menambah kawasan-kawasan perumahan, Perumahan Kos Rendah yang mana dengan cara ini saya percaya dengan penduduk-penduduk yang tinggal di Rumah Awam Kos Rendah ini dapat membantu sekolah-sekolah dan tidak menjadi sekolah-sekolah yang kurang murid. Ekoran daripada itu, pencapaian pelajar-pelajar kita dalam surat khabar seminggu yang lepas, saya rasa dukacita kita di Terengganu melonjak tinggi tetapi senarai yang dikeluarkan oleh Kementerian 20 pelajar yang cemerlang seluruh negara kita tidak ada seorangpun anak Terengganu yang dinyatakan dalam suratkhabar, apakah ini satu spekulasi ataupun kewajarannya begitu. Dan ekoran daripada itu, saya memohon kepada kerajaan supaya kita orang Terengganu, kita ramai Pegawai-Pegawai Tadbir Terengganu, kita di Kuala Lumpur kita ada Persatuan Anak-anak Terengganu, kita memperkasakan orang Terengganu supaya menjadi orang Terengganu yang prihatin dan kasih sayang kepada negeri dia dan juga memberi kecaknaan kepada rakyat Terengganu. Kita tiru negeri jiran kita, orang Kelantan, Pegawai-pegawai Tadbir orang Kelantan kalau pergi Putrajaya atau jabatan mana-manapun, kalau kita bercakap Kelantan sudah tentu mereka akan mengutamakan orang dia. Tetapi mengapa kita orang Terengganu, kita kurang semangat kenegerian, maka saya merayu kepada kerajaan, kita carilah jalan bagaimana boleh kita memperkasakan semangat kenegerian kita ini sedikit sebanyak pegawai-pegawai kita di Putrajaya, pegawai-pegawai kita di pentadbiran di peringkat nasional dapat membantu kita rakyat Terengganu. Beberapa kes dan saya rasa dukacitalah antara pegawai-pegawai

kita yang mintak tolong dengan Pentadbir-Pentadbir kita, ketua-ketua kita, Ketua Bahagian, Ketua Setiausaha Bahagian orang Terengganu tetapi tidak dilayan atas semangat kenegerian tidak ada, ini sangat mendukacitakan. Oleh itu, pihak kerajaan perlulah mengambil satu tindakan untuk kita memberi semangat baru kepada kakitangan kerajaan kita yang prihatin, yang memberi kecaknaan kepada kita sesama negeri kita ini.

Selain daripada itu, Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja ada menyebut pada muka surat 4, bahawa pembangunan Wilayah Timur ECER yang menekankan empat teras utama pembangunan ECER iaitu pendidikan, pelancongan, petro-kimia dan pertanian. Terima kasih kerana kecaknaan tetapi saya di Jabi, kawan saya di Hulu Besut dan beberapa kawasan lain tidak termasuk dalam pembangunan ECER. Kalau di Besut, kalau lihat di sini di dalam ucapan ini, tumpuan hanya diberi di kawasan Langkap, tanam nenas di Langkap, kelapa pandanpun Langkap, padi barupun Langkap. Jadi hak kaya akan jadi kohor kaya, hak miskin akan jadi kohor miskin. Oleh itu, saya merayu kepada kerajaan, kepada ECER supaya melihat-lihat juga apakah perlu perkara-perkara dibangunkan di kawasan-kawasan yang terpinggir, kawasan-kawasan yang terbiar ini kerana sesungguhnya rakyat Negeri Terengganu semua memerlukan pembelaan. Selain daripada itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan Bandaraya kerana dalam penyusunan dan apa yang diucapkan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Panglima bahawa penyusunan semula Bandar Kuala Terengganu diberi perhatian. Daripada Ladang Tok Pelam, Ladang Sahat, Kampung Tanjung dan di sepanjang Jalan Sultan Zainal Abidin, bermula dari Bulatan Batu Bersurat hingga ke Dataran Syahbandar pembangunan dirancang. Yang mendukacitakan ada disebut oleh Tengku Panglima jangan diambil kira cakap-cakap daripada pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba untuk menggagalkan pembangunan ini. Ini kita rasa dukacita juga, apa yang dirancang oleh kerajaan memang sekarang ini sudah banyak tetapi ada beberapa keluarga yang tidak mahu pindah kerana mereka dengar daripada beberapa pemimpin daripada pembangkang kerana selalu diratib, selalu disebut dalam ceramah, disebut juga semasa mengajar di surau supaya tidak ikut serta dalam pembangunan yang disebutkan ini. Oleh itu, saya merayu kepada semua Yang Berhormat Pembangkang marilah sama-sama kita bangunkan kawasan Ladang ini supaya kita boleh lihat pembangunan yang terancang di dalam kawasan bandaraya kita supaya bandar kita ini menjadi mercu tanda yang terbaik di dalam negara kita ini. Oleh itu, saya penuh yakin dan percaya perancangan ini kalau semua mengikut perancangan yang telah ditetapkan, insyaAllah kita akan melihat Bandaraya Pesisiran Air ini akan menjadi suatu mercu tanda yang hebat di Negeri Terengganu kita.

Di samping itu juga, saya ingin merayu kepada Pejabat Veterinar kerana sekarang ini rungutan daripada petani-petani yang memelihara lembu sekarang ini kekurangan padang ragut, padang ragut yang ada sekarang ini minta supaya jabatan menaik taraf menjadi padang ragut yang boleh memberi bekalan rumput kepada lembu

dan kambing secukupnya. Kalau perlu diadakan yang baru buatlah yang baru kalau tidak ada atau tidak boleh, biarlah dinaik taraf yang sedia ada.

Selain daripada itu Dato' Yang Dipertua Dewan, dalam Program Kemiskinan e-Kasih banyak wang yang telah dicurahkan kepada orang-orang miskin dan kita mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana kalau dulu pembangkang mengatakan kepada kita nombor 2 tahap kemiskinan di dalam negara kita tapi sekarang kita sudah dapat mengurangkan tahap kemiskinan ini. Walau bagaimanapun, kewangan yang dicurahkan melalui pelbagai jabatan, saya ingin merujuk kepada beberapa kes yang mana senarai e-Kasih yang disebut dalam muka surat 12 ini terdapat seramai 1,905 ketua isi rumah berada dalam kategori miskin tegar dan seramai 10,253 ketua isi rumah adalah miskin. Dan sebahagian miskin tegar ini telah diberi peruntukan untuk membebaskan diri mereka daripada kemiskinan dengan pelbagai kemudahan tetapi ada juga yang perlu diperbaiki. Saya melihat Program e-Kasih yang nampaknya ada sedikit terencat, kita pohon Jabatan Pembangunan Persekutuan yang mana telah melantik kontraktor-kontraktor terutamanya yang membeli semaian-semaian yang dibuat oleh peserta-peserta e-Kasih sekarang ini terbengkalai. Dahlah dia miskin, buat banyak tapi orang tak beli. Jadi saya harap perkara ini diberi perhatian kerana menyusahkan golongan-golongan orang miskin tegar ini.

Selain daripada itu, kejayaan-kejayaan yang lain itu saya merasa jabatan sedia maklum kalau boleh ditambahkan lagi seperti pemberian-pemberian atau geran bermotosikal kerana nampaknya yang dibuat oleh Yayasan Pembangunan Keluarga melalui geran pembelian motosikal nampaknya berjaya dan boleh dibanggakan. Kita harap program ini dapat diteruskan supaya mereka dapat keluar daripada kemiskinan.

Selain daripada itu Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyebut tentang dalam DUN Jabi. Yang pertama ialah mengenai pengambilan balik tanah untuk Pekan Jabi. Saya menyebut ini perkara ini tiap-tiap tahun daripada 2004 sampai 2010 tetapi tidak berjaya lagi. Saya harap supaya perkara ini dapat diselesaikan kerana inilah merupa mercu tanda untuk bangunkan Pekan Jabi mesti ada pengambilan balik tanah dan perancangan pembangunan pekan tersebut. Oleh itu, saya sangat-sangat merayu kepada kerajaan untuk menyelesaikannya. Tanahnya tidak banyak lebih kurang 24 ekar, nilai-nilainya tidak banyak juga tak sampaipun RM3 juta. Oleh itu, apa salahnya kerajaan memberi keutamaan untuk membangunkan sebuah Pekan Jabi ini khasnya dalam RKK (Rancangan Khas Kawasan) ini.

Yang kedua, saya juga merayu kepada pihak kerajaan agar memberikan peruntukan tambahan kerana sekarang ini saya hanya mengharapkan Lata Belatan ini satu-satunya Lata Belatan yang ada air terjun yang paling hampir dengan jalan besar iaitu 2 kilometer sahaja. Dan kemudahan-kemudahan di Lata Belatan sekarang ini dibantu Jabatan Perhutanan. Terima kasih kepada Pengarah Perhutanan mudah-mudahan kalau ada peruntukan lebih kita mintak lagi. Cuma

sekarang ini saya minta kepada kerajaan untuk menaiktarafkan Lata Belatan ini kerana Lata Belatan ini mengharapkan betul-betul air daripada kaki gunung yang turun. Apa salahnya kita buat seperti di Jeram Pasu, ada kolam bertingkat yang dalam, yang sederhana dalam, yang cantik maka akan menjadi tumpuan untuk berekreasi. Saya mendapat maklumat daripada pihak Jabatan Perhutanan bahawa pengunjung setiap hari Jumaat dan hari Sabtu melebihi 1,000 orang dan sekarang ini mengalami kesesakan untuk parking kenderaan. Saya juga merayu supaya kerajaan dapat mempercepatkan proses pengambilan balik tanah untuk parking kenderaan di Lata Belatan ini.

Selain daripada itu Dato' Yang Dipertua Dewan, mengenai pencegahan dan kawalan demam denggi kita di Terengganu. Walaupun kita tahun ini tidak ada kes demam denggi tetapi kes-kes denggi ini berlaku setiap bulan dalam negeri kita. Laporan daripada Pejabat Kesihatan Negeri Terengganu pada minggu ke-13 sebanyak 13 kes dilaporkan menjadikan kes keseluruhan pada tahun 2010 adalah 270 kes. Semua daerah menurun pada bulan Mac kecuali satu daerah, maka saya merayu kepada JKKK, kepada kerajaan, kepada jabatan-jabatan berkaitan supaya kita hidupkan kembali semangat kebersihan peringkat Negeri Terengganu yang pada suatu masa dulu kita laksanakan bersama dengan JKKK, 'Hari Kebersihan Seluruh Negeri Terengganu' kerana nyamuk Aedes ini membiak di kawasan air yang bersih. Oleh itu, kawasan-kawasan rekreasi, resort, sekolah, kilang, kedai dan sebagainya adalah menjadi tumpuan kepada pembiakan nyamuk Aedes ini. Saya merayu kepada Jabatan Kesihatan terutamanya, kalaulah berlaku atau terdapatnya kes dari kedai-kedai maka kita perlu bukan setakat kompaun tetapi kita kena arah tutup kedai kerana denggi ini adalah amat berbahaya.
Boleh lagi ke Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Hah ... panjang pulak. Dato' Yang Dipertua, akhir sekali saya nak sebut masalah gejala sosial. Saya merayu kepada Jabatan Laut dan kita juga ucap tahniah bukan sahaja kepada Jabatan Pendidikan tetapi kepada pihak Polis juga yang telah banyak memainkan peranan dan saya diberitahu bahawa kita Negeri Terengganu negeri yang ketiga terbaik mengurangkan kadar jenayah seluruh negara kita dan tahniah kepada pihak Polis. Walau bagaimanapun, saya merayu kepada pihak Polis terutamanya Polis Marin kerana kawasan-kawasan pendaratan bahan-bahan terlarang seperti dadah, pil kuda dan sebagainya kebanyakannya adalah melalui laut. Pendaratan di Pengkalan Ikan di Tok Bali, Semarak, Pengkalan Ikan di Kuala Besut dan juga pengkalan-pengkalan yang lain kerana sebahagian besar awak-awak di dalam bot laut dalam, pukat tunda dan sebagainya terdiri daripada warga Thailand. Maka penyeludupan bahan-bahan terlarang itu mudah dan juga sukar untuk diatasi. Oleh itu, saya merayu kepada pihak Polis yang bertanggungjawab untuk membuat penguatkuasaan yang tinggi terhadap kawasan-kawasan tersebut dan kes-kes pil kuda Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kadang-kadang serius. Saya merujuk

kepada kes di Jabi, selepas keputusan Peperiksaan SPM, ada tiga anak dara di Jabi yang mengandung luar nikah ..... ini cerita benar bukan reka-reka, mereka mengandung sebelum berkahwin. Maka keluarga dia datang untuk nak selesai, dua di antara mereka kita boleh selesai Dato' Yang Dipertua kerana yang terlibat, si perempuan dengan lelaki itu bertanggungjawab, mereka nak kahwin tetapi yang seorang lagi tu tak boleh selesai Dato' Yang Dipertua iaitu si perempuan tak nak kahwin sedangkan hak lelaki nak kahwin, hak perempuan tak nak kahwin. Kita tanya punya tanya, selidik punya selidik Dato' Yang Dipertua, hak macam ini hak sangat kuat kena dadah kuda dan sebagainya. Inilah yang saya rasa rosaknya gejala sosial kita ini kerana perkara-perkara semacam ini mudah masuk. Betullah tanggungjawab ini tanggungjawab bersama, tanggungjawab yang perlu kita bersama-sama prihatin kepada masalah ini, jangan kita menuding jari kepada sebelah pihak sahaja.

Dan saya rasa Dato' Yang Dipertua, boleh dah saya nak berhenti, kering dah tekak-tekak ni. Dato' Yang Dipertua, akhir sekali .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua kali akhir dah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Apa yang disebut oleh Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, maksudnya di akhir ucapan, ya.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ya, di akhir ucapan. Pada muka surat 21, "Seiring dengan gagasan merakyatkan pentadbiran dan pembangunan, kita berharap Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri terus memberi khidmat bakti seikhlasnya terutama kepada di kalangan rakyat yang benar-benar memerlukan pertolongan". Saya rasa hak ni semua dari kalangan kita sama ada Yang Berhormat Barisan Nasional, Yang Berhormat PAS nak berkhidmat belaka, cuma kadar kemampuan untuk berkhidmat ada yang kekurangan, kelemahan. Jadi marilah sama-sama kita mengambil iktibar nasihat daripada Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja, mudah-mudahan kita menjadi Yang Berhormat untuk memberi khidmat kepada rakyat jelata. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi, tepat masa yang kita berikan 30 minit. Ada tiga Y.B. yang mintak untuk berucap ni, saya beri kepada Permaisuri dulu, lepas itu Wakaf Mempelam kemudian diikuti Tepoh. Permaisuri dulu, sila.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan para Pemerhati yang saya hormati.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua yang telah memberikan laluan untuk saya mengambil bahagian di dalam perbahasan ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu.

Di dalam ucapan semalam, Yang Teramat Mulia telah berucap banyak menyentuh tentang kebajikan dan ekonomi rakyat yang mana kalau dihayati kesemua hal-hal yang bersabit dengan kebajikan dan juga ekonomi rakyat adalah selari dengan Dasar Kerajaan Negeri Terengganu iaitu "Merakyatkan Pembangunan" dan Dasar Pentadbiran Kerajaan Malaysia "Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan".

Ahli-ahli Yang Berhormat, yang pertama saya ingin menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh ECER di dalam merancakkan pembangunan ekonomi Negeri Terengganu. Tahniah saya ucapkan kepada ECER setelah ada bangunan baru yang begitu lama merancang bersama Pegawai-pegawai Daerah dan jabatan-jabatan yang terlibat di Negeri Terengganu, akhirnya kita akan mempunyai 8 projek baru yang akan dilaksanakan pada tahun 2010. Kita mengharapkan supaya 8 projek ini tidak lagi berada di peringkat pra pelancarannya. Kita amat mengharapkan sebelum pertengahan tahun ini kesemua lapan-lapan projek ini akan *take-off on the ground* dengan izin, tidak lagi kita mahu mendengar cakap-cakap di kedai-kedai kopi ECER ini ditukar ejaannya menjadi 'projek ecer', itu adalah suara daripada bawah. Mereka mahu melihat ECER memainkan peranan sebagai peneraju di dalam menggalakkan PFI sebagai *injection* dengan izin, di dalam pelaburan ekonomi untuk membantu rakyat di Negeri Terengganu ini. Terima kasih saya ucapkan kepada ECER yang telah merancang untuk melaksanakan agropolitan seluas 1,500 ekar di kawasan Pancur Berderu dan juga di Pak Kancil dan juga di Setiu. Satu nanas dan satu lagi insyaAllah kelapa pandan. Cuma yang nak saya cadangkan di sini Dato' Yang Dipertua, untuk Pak Kancil khususnya, saya memohon supaya ECER membuat penilaian semula ke atas nilai hasil ataupun keberkesanan hasil di atas penggunaan tanah yang banyak ini iaitu seluas 1,000 ekar untuk ditanam dengan kelapa pandan kerana kalau saya cuba mempromosikan tanaman kelapa pandan ini di kawasan saya dan kita telah cuba kelapa pandan di Kampung Telaga Papan rupa-rupanya sebelum kita menunggu buah kelapa pandan rupa-rupanya sudah ada, sudah banyak yang meminati anak-anak kelapa pandan ini lebih awal daripada buah yang kita tunggu. Kelapa pandan ini rupa-rupanya disebabkan oleh baunya yang harum, baunya yang wangi dia telah menarik musuh kepada pertanian, banyak anak-anaknya telah dimusnahkan sebelum anak-anak kelapa pandan ini besar apatah lagi mampu menghasilkan buah. Jadi saya ingin mencadangkan supaya 1,000 ekar ini ditukarkan kepada komoditi yang lebih stabil harganya iaitu kepada getah ataupun kepada kelapa sawit. Dan saya mengharapkan kerajaan juga bekerjasama dengan ECER supaya tidak melihat kepada pertanian ini sebagai menanam sahaja. Petani boleh menanam tetapi yang kita bermasalah sekarang ini adalah harga yang ditawarkan kepada petani tidak setimpal dengan pelaburan petani dan juga titik peluh yang telah dikorbankan oleh petani untuk mendapatkan hasil-hasil ini. Saya dimaklumkan

di kawasan saya, FAMA telah membeli tembikai yang mana dijual di pasaran dengan harga RM1.20, RM1.40, RM1.60 sekilo. Namanya pula diberitahu kepada saya Tembikai Kuning Madu tetapi malangnya harga yang dibeli atau dibayar kepada petani hanyalah RM0.40 per kilo yakni 0.40 sen satu kilo. Dan petani tersebut bukan sahaja boleh menggunakan hasil untuk meneruskan kerja-kerja pertanian mereka tetapi mereka datang kepada saya untuk meminta bajet yang lain untuk mereka meneruskan pekerjaan pertanian mereka supaya mereka dapat membeli baja. Jadi ini tidak adil dan saya harapkan ECER tidak seharusnya menumpukan kepada penanaman sahaja yakni sektor hulu dalam pertanian tetapi fokus kepada sektor pemprosesan atau sektor hiliran pertanian.

Yang kedua, terima kasih kepada Yang Teramat Mulia yang telah mencadangkan supaya infrastruktur-insfrastruktur yang melibatkan sungai dan juga hakisan pantai diambil tindakan pembaikian, pemulihan dengan segera demi menjaga kebajikan nelayan. Mengikut laporan yang ada di sini, kita ada 70,000 nelayan di seluruh Semenanjung Malaysia. Dalam Berita Harian ini juga disebutkan bilangan nelayan yang ada di Negeri Terengganu seramai 5,917 orang sama ramainya dengan bilangan nelayan yang berdaftar di Selangor 5,610 dan juga nelayan di Kedah 5,902. Kalau dibandingkan bilangan ini jauh lebih kecil kalau kita bandingkan dengan nelayan di Sarawak iaitu seramai 10,900 orang iaitu bersamaan lebih kurang 11,000 orang dan juga di Sabah 15,078 orang. Yang menarik Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pemerhati, dalam laporan ini disebutkan kebajikan nelayan dibela. Satu muka penuh pemberita ini membicarakan tentang RM200 yang diberikan nelayan-nelayan. Nelayan yang layak di Kedah 99% untuk mendapatkan RM200 ini. Di Selangor 91%, di Terengganu 99% tetapi yang menarik perhatian saya di sini di Sarawak yang layak hanyalah 79% yakni 20% lebih rendah daripada yang layak menerima RM200 itu tadi di ketiga-tiga negeri yang telah saya sebutkan. Dan lebih menarik lagi di Sabah yang mana kita tahu bagaimana bilangan kaum bilangan kaum berbanding dengan bangsa kita di Sabah yang layak menerima RM200 hanyalah 61% sahaja. Ini menunjukkan bahawasanya bilangan mereka besar, mereka juga maju dalam sektor nelayan ataupun sektor perikanan. Bilangan kita lebih kecil tetapi kita lebih layak ataupun nelayan-nelayan kita hanyalah mampu dipanggil sebagai nelayan yang mana bukannya kemajuan sektor perikanan mereka yang kita lihat tetapi kita hanya melihat kebajikan mereka sahaja. Saya rasa sekarang sudah tahun 2010 dan kita hampir melangkau ke 2011, wawasan kerajaan 10 tahun yang akan datang dalam program transformasi diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia merancang supaya pendapatan perkapita rakyat Malaysia USD15,000 per tahun. Kalau kita congak, kita kira maknanya hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu melihat pendapatan setiap orang daripada kita paling minimum atau puratanya RM4,500 satu bulan. Apakah dengan memberikan kepada nelayan RM200 kita akan mencapai hasrat ini dalam masa 10 tahun yang akan datang? Saya yakin tidak. Jadi saya ingin menyeru kepada agensi-agensi yang terlibat supaya melihat kepada perpindahan teknologi, melihat kepada latihan-latihan yang bercorak lebih profesional kepada nelayan supaya nelayan mampu menjana pendapatan mereka sehingga

mereka boleh menganggap bahawasanya ataupun 6,000 yang ada di negeri kita ini boleh menganggap bahawasanya profesion sebagai penangkap ikan itu adalah satu kerjaya yang separa profesional kalau tidak *fully professional* dengan izin.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sempena lawatan kerja ke kawasan saya yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM40 juta untuk membaik pulih Kuala Setiu demi kepentingan nelayan-nelayan di negeri ini. Saya harap projek ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin dan tidak lagi menjadi satu perancangan yang hanya tinggal impian tetapi realitinya jauh daripada menjadi. Saya harap dengan terlaksana projek ini insyaAllah tidak akan ada lagi kemalangan yang berlaku di muara-muara yang melibatkan bot karam, yang melibatkan maut bukan sahaja di kawasan saya, saya juga terbaca berlaku di kawasan Kemaman dan juga di muara-muara lain kerana nelayan bertarung dengan ombak oleh kerana muara yang tidak dijaga ataupun muara yang tidak dibaikpulih dengan sempurna akibat daripada kekangan kewangan. Dalam ucapan itu juga, disebut banjir akan dikawal untuk nelayan. Ini adalah satu pengajaran yang telah kita belajar pada tahun yang lalu di Kampung Kuala Setiu, nelayan-nelayan kecil yang menjalankan ternakan ikan siakap kerugian lebih kurang RM500,000 ataupun RM½ juta oleh kerana banjir yang melanda kawasan ternakan ikan mereka di Lagun Setiu. Jadi saya harap dengan terlaksananya projek pembaikpulihan kuala ini, projek tebatan banjir yang boleh menggalakan lagi ternakan ikan siakap dan juga ternakan ikan kerapu di Lagun Setiu, insyaAllah nelayan tidak akan mengharapkan lagi bantuan RM200 dan saya mahu lihat nelayan boleh mendabik dada dan berjanji bahawasanya mereka akan mampu membayar balik kepada kerajaan bantuan yang kerajaan berikan kepada mereka di kala masa kita memulihkan infrastruktur-infrastruktur yang sepatutnya *due* dengan izin, kepada semua nelayan-nelayan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 4 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): InsyaAllah. Ada dua perkara yang ringkas yang nak saya sebutkan di sini. Yang pertama, mengenai ICT. ICT Dato' Yang Dipertua, tidak boleh lagi dilihat sebagai satu perkara yang menjadi bukan keperluan. ICT sekarang ini adalah menjadi keperluan tidak kira sama ada penduduk di bandar ataupun di luar bandar. Tetapi yang saya sedih di tempat saya ada tiga Bestari.Comm. Saya bersyarah dengan begitu bersemangat kepada warga emas, saya katakan kepada mereka, sekarang ini kalau nak melihat cucu mereka yang baru sahaja lahir di Kuala Lumpur tidak perlu naik bas lagi untuk ke Kuala Lumpur tetapi mereka boleh mendengar tangisan bayi itu, mereka boleh melihat bayi itu dalam u-Tube setelah *didownload* oleh anak-anak mereka yang lebih moden di Kuala Lumpur. Malangnya bila saya pergi ke Bes.comm yang berdekatan saya dimaklumkan daripada tiga Bestari.comm yang ada hanya satu sahaja Bestari.comm yang boleh mendapat ataupun memperolehi *fascility internet*, yang dua lagi hanyalah menjadi komputer yang berfungsi sebagai *typewriter* semata-mata. Kita tidak boleh lihat lagi ini berlaku di

Terengganu kalau kita ingin maju kerana pelajar-pelajar kalau nak melihat peluang mereka mesti melayari internet. Nak mendapat keputusan mereka juga, mereka melayari internet, remaja kalau nak mencari pekerjaan, mereka kena melayari internet, nak melihat keputusan pekerjaan atau interview juga mereka terpaksa melayari internet. Jadi saya harapkan sama ada pihak swasta ataupun pihak unit yang mengawasi teknologi maklumat ini segeralah, walaupun berapa kita mesti berbelanja, kita berbelanjalah kerana kita mesti sejajar dengan wawasan negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancar Broadband tetapi kita masih lagi gagal untuk mendapat fascility internet walaupun tidak secanggih yang diwarwarkan di pihak negara kita Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Exco Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, Wakil Permaisuri mohon mencadang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Permaisuri mohon menyokong kerana dah dicadang oleh Jabi tadi. Saya jemput Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, para Pemerhati yang hadir.

Pertama-tama syukur alhamdulillah dan saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk saya turut serta membahas Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja, Yang Dipertua, Majlis Penasihat Pemangku Raja Negeri Terengganu semalam.

Sebelum saya meneruskan ucapan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan yang baru dan Dato' Pegawai Kewangan Negeri yang baru agar mereka dapat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan penuh tanggungjawab, insyaAllah kami doakan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila saya perhatikan teks ucapan ini di muka surat 21. Ada disebut dalam ucapan ini yang mana Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri terus memberi khidmat bakti seikhlasnya terutama kepada kalangan rakyat yang benar-benar memerlukan pertolongan. Jadi bila disebut Ahli-ahli Yang Berhormat kena ikhlas, saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, rasa benar-benar rindu nak dengar suara ucapan daripada Wakil Jertih. Sejak sekian lama, soalanpun tak tanya dan saya rasa tak bercakap lagi, jadi rindu benar nak dengar suara dia. Begitu jugak dengan kawan lama saya Wakil Ajil yang begitu jugak lama tak bercakap dan soalanpun tak tanya mungkin jugak barangkali wahyu tak turun, *code uncode*. ....(Dewan Gelak) .....

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pagi tadi usul rakan saya Yang Berhormat daripada Batu Burok ditolak dengan alasan-alasan yang kita sedia maklumlah kerana sedang berunding, menjadi kes mahkamah yang belum selesai. Tapi saya nak sebut sikit dalam ucapan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Tahun ini genap 10 tahun Terengganu dinafikan hak untuk dibayar royalti oleh Petronas yang dihalang oleh Kerajaan Pusat. Kita semua tahu sejarahnya semenjak Akta Pembangunan Petroleum 1974, *(Petroleum Development Act 1974)* yang diluluskan di Parlimen dan perjanjian asal dengan Petronas yang ditandatangani pada 22 Mac 1975, Terengganu mulai mendapat hasil royalti petroleum pada 1978. Sehinggalah pada bulan Mac 2000, selama 22 ½ tahun dengan jumlahnya RM7.2 bilion. Tetapi sejak Mac 2000 sehingga Mac 2009 tahun lepas, Petronas telahpun membayar royalti dalam bentuk Dana Khas kepada Kerajaan Persekutuan dan tidak kepada Kerajaan Terengganu berjumlah RM16.576 bilion dan ini jawapan rasmi di Parlimen. Dan saya tanya lagi baru-baru ini di Parlimen, daripada Mac 2000 sehingga Mac 2010 bulan lepas jumlah royalti Dana Khas yang telah dibayar oleh Petronas meningkat lagi kepada RM17.706 bilion. Dan saya merujuk lagi ..... maknanya Dato' Yang Dipertua, dalam masa setahun kalau ikut jawapan rasmi yang diberikan oleh Parlimen menunjukkan bahawa Terengganu dalam masa setahun sepatutnya dapat duit royalti lebih daripada RM1 bilion setahun. Pada tahun lepas daripada Mac 2009 sehingga Mac 2010, kita sepatutnya dapat RM1.130 bilion.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak merujuk kepada satu soalan yang dijawab di Parlimen. Soalan ini oleh Yang Berhormat Tengku Razaleigh Hamzah, Gua Musang yang meminta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang royalti yang dibayar kepada Sabah, Sarawak semenjak Petronas beroperasi sehingga hari ini dan bagaimana pula negeri-negeri lain di Persekutuan Tanah Melayu. Untuk makluman Yang Berhormat, jawapan yang diberikan oleh kerajaan. Petronas telah membayar wang royalti sebanyak RM5.97 bilion kepada Sabah, RM17.40 bilion kepada Sarawak dan RM24.8 bilion kepada Negeri Terengganu. Dan mulai tahun 2010 ini Petronas juga telah membayar wang ehsan kepada Kelantan berjumlah RM25.6 juta.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingatlah lagilah semasa Pilihan Raya Kecil P.036 Parlimen Kuala Terengganu dan saya bertanding. Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan pada waktu itu datang berkempen dan isytihar royalti petroleum oleh Petronas akan diserah balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu pada waktu itu, sekarang dah setahun lebih kalau Perdana Menteri boleh bercakap pelawok, ini suatu benda yang cukup menyedihkan kita. Setahun sudah tapi habukpun takdok. Dan saya ingin meminta penjelasan pada hari ini agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat memberi penjelasan apakah hasil rundingan dalam isu serah balik royalti petroleum ke Terengganu? Runding, runding dah tapi sekarang senyap semacam tidak ada perkembangan dan diharapkan Yang Amat Berhormat dapat memberikan jawapan selepas pada ini, insyaAllah. Kerana sebelum pada ini Yang Amat Berhormat pernah menyebut

antara perkara yang dibincang dan dirunding ialah royalti dibayar terus oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri Terengganu seperti dalam perjanjian asal. Dan jugak yang dibincang dan dirunding ialah semua pembayaran yang telah dibuat oleh Petronas kepada Kerajaan Persekutuan antara tahun 2000 hingga 2009 adalah dianggap sebagai pembayaran royalti kepada Terengganu dan di samping komponen perbelanjaan yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan tetapi perlu dibayar oleh Kementerian kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Dan jugak perkara yang dirundingkan ialah supaya Kerajaan Negeri menarik balik saman terhadap Petronas dan Kerajaan Persekutuan. Saya sebutkan ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kerana rakyat dah mula kecewa apabila sekarang ini bukan sahaja di Terengganu, kita ada kawan sekarang ini, Negeri Kelantan yang turut menjadi mangsa. Baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli Parlimen Gua Musang dia datang ke Terengganu atas jemputan NGO Mampat untuk menjelaskan isu royalti dan dalam ucapan beliau, Ahli Parlimen Gua Musang yang juga Pengasas dan Pengerusi Pertama Petronas dan jugak bekas Menteri Kewangan membuat penegasan bahawa Petronas bayaran royalti itu adalah hak Terengganu dan hak Kelantan dan ianya disokong oleh mantan Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam. Saya di Parlimen baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, diberi peluang untuk melihat sendiri salinan perjanjian-perjanjian antara Kerajaan-Kerajaan Negeri Sabah, Negeri Sarawak, Terengganu dan Kelantan serta antara Kerajaan Persekutuan dengan Petronas, salinan itu saya tengok sendiri. Bila saya tengok walaupun saya ini bukan lawyer, saya bukan peguam, perjanjian itu sama *word by word* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkataan demi perkataan sama, cuma ditandatangani oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri masing-masing pada waktu itu. Bagi pihak Petronas semua Tengku Razaleigh *sign.* Terengganu tandatangan pada 22 Mac 1975, Sabah lewat sikit dia tandatangan, 14 Jun 1976, Sarawak 27 Mac 1975, Kelantan 9 Mei 1975 dan Kerajaan Pusat sendiri menandatangani dengan Petronas pada 26 Mac 1975. Begitu jugak dengan Geran Serah Hak Kemajuan .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sekejap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mintak Yang Berhormat Yang Dipertua, tambah masa kepada saya sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, apa yang diucapkan oleh Wakil Wakaf Mempelam itu tadi bahas ucapan ke, bahas usul hak tolak?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa kawan saya Wakil Jabi ini dia lama dah jadi ADUN. Bila bahas ucapan perasmian nak cakap gajah rimaupun boleh bercakap belaka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, saya teruskan. Saya tolong peringatkan sikitlah. Jadi yang saya nak sebutnya begitu jugak dengan Geran Serah Hak Kerajaan Persekutuan Kepada Petronas dan Surat Cara Serah Hak Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan, Sabah, Sarawak dan Terengganu ditandatangani dan semuanya sama. Isu royalti petroleum ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini bukan sekadar isu antara Petronas dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri, ianya sekarang ini telah menjadi isu pencabulan prinsip demokrasi dan konsep patriolisme itu sendiri. Isu hubungan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-Kerajaan Negeri. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mencadangkanlah, tahun lepas ialah 53 tahun merdeka mungkin barangkali Kerajaan Negeri Terengganu boleh meneroka, boleh pertimbang untuk kaji balik konsep patriolisme ini dan kaji balik semua perjanjian-perjanjian dan persefahaman antara negeri dengan pusat, kalau tak inilah yang berlaku kerana dilaung-laungkan konsep 1 Malaysia. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua atas konsep 1 Malaysia jugak Sabah dan Sarawak dapat royalti Terengganu, Dana Khas, Kelantan, Wang Ehsan. Inilah barangkali akibat daripada pengambilan penasihat Yahudi, Alco Worldwide di Pejabat Perdana Menteri, mungkinlah. *Mega* sifat Yahudi ini dia suka langgar perjanjian, rampas hak orang, itu perangai dia Yahudi, satu bangsa yang dikutuk dan dilaknat oleh Allah S.W.T. tapi kita ambil dia sebagai penasihat. Kesianlah, Ketua Pembangkang di Parlimen dua kali dah kena tuduh liwat, 1 Malaysia tapi dua undang-undang. Presiden baru MCA ini ada skandal seks, diapun mengaku tapi mungkin akan dilantik menjadi Menteri tu, jadi hak ni mungkin Wakil Bandar boleh setuju dengan saya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, muka surat 21 juga disebut tentang pembaziran, penyelewengan, salah urus hendaklah dihapuskan daripada pengurusan awam. Setiap ringgit dan sen perbelanjaan hendaklah mendapat nilai paling maksimum kepada rakyat. Inilah sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita daripada dulu memperingatkan agar Kerajaan dan penjawat awam perlu amalkan yang pertama, *transparency* (ketelusan), yang kedua, *accountability* (kebertanggungjawaban) dan yang ketiga, *good governance* (urus tadbir yang baik). Saya kesal Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Terengganu Tahun 2008, tahun 2010 baru beri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sepatutnya dah tahun 2008 Laporan Audit itu telah disiapkan, kita ikutlah negeri lain ataupun di Parlimen, 2009 bagi, sekurang-kurangnya kita boleh *check and balance.* Kita boleh tengok apa komen dan jugak apa yang

disebut oleh Ketua Audit Negara terhadap pengurusan atau tadbir urus seluruh negeri-negeri dalam negara kita agar pandangan dan teguran Ketua Audit dapat kita ambil tindakan yang wajar dan segera. Kita tak mahu berulang di Terengganu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri tidak bermesyuarat tetapi sekarang saya difahamkan dah mula panggil mesyuarat dan kita harap Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri dan Ketua-ketua Jabatan perlu bertindak terhadap teguran-teguran Ketua Audit Negara agar tindakan, yang pertama, *corrective*, kelemahan yang ada diperbetulkan dan tindakan *preventive* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kelemahan yang sama tidak berulang. Bila saya baca Laporan Ketua Audit Negara untuk negeri-negeri lain saya kagum Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pasal kami di Parlimen dia bagi semua sekali, setiap negeri ada belaka, kita boleh *check* belaka. Jadi kita boleh *check* macam di Terengganu dulu, kes isi minyak lebih daripada sekali dalam masa yang singkat, lebih daripada kapasiti, ini jugak berlaku di Pahang. Rupa-rupanya negeri-negeri yang UMNO perintah begitu belaka weh, serupa belaka cara dia, itu dikomen oleh Ketua Audit Negara. Tapi yang saya kagum Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila Ketua Audit Negara dia puji negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat, ini boleh dibaca dalam Laporan Ketua Audit Negara kerana berjaya mengamalkan perbelanjaan berhemah dan berjaya meningkat hasil negeri. Kalau tak percaya mintaklah dengan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, tengoklah laporan yang telah dibuat oleh Ketua Audit Negara sendiri bukan macam Terengganu, baru-baru ini runtuh pulak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Allah, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 12.35 nanti sila berhenti.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nanti dulu, saya mintak kerjasama Yang Berhormat Dato' beri peluang kepada saya sikit. Baru-baru ini semasa di Parlimen saya malu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya telah berada di Parlimen, tengok-tengok runtuh pulak bangunan, bangunan apa tak tahu dekat UMT tu, Institute Oseanografi & Institute Akuakultur Tropikal. Orang pakat tanya: Apa nak jadilah Terengganu ni? Saya nak jawabpun tak reti. Malu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, takut Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Kerajaan tak berasa apa-apapun tak tahulah. Senarai panjang berhubung dengan keruntuhan demi keruntuhan di Terengganu. Dan pada waktu itu kebetulan ada seorang Ahli Yang Berhormat daripada Ketereh, dia bawa usul untuk tangguh mesyuarat di bawah Perkara 18(1) Parlimen untuk nak bincang isu keruntuhan tapi Speaker Parlimen menolak tapi ini cukup memalukan. Saya masih ingat Exco yang bertanggungjawab, dulu bila kita sebut kes-kes yang semacam ini, soal senarai projek Barisan Nasional yang runtuh, rosak, bocor, mendap dan sebagainya, Exco berkenaan jawab:

Runtuh tu lumrah alam, biasalah, lepas tu jawab pulak rahmat dan menjadi punca rezeki kerana boleh pulak projek baru. Ini jawapan rasmi, boleh tengok hansard.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, nak suruh jawab pulak ke guana?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nak jawab selalu ke, boleh jawab?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tak payah jawab bukannya soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takmboh jawab sudah, boleh jawab lepas ni. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak tahulah Exco nak jawab nak kata lagu mana tapi senarai panjang dan hampir tidak ada daerah dalam Terengganu yang terkecuali. Menara Telekomunikasi Hulu Besut, dia jatuh pulak atas Pejabat Pusat Khidmat ADUN Hulu Besut, nasib baik ADUN takdok dalam bangunan itu. Masjid Batu Putih Kertih, Terminal Bas Dan Teksi Kuala Berang, Dewan Bedah Hospital Setiu, Kemaman, Besut bocor dan serangan hama tetapi saya difahamkan pulak tadi sebahagiannya telahpun dibaiki, saya tanya Exco Kesihatan tadi. Begitu jugak Dewan Sekolah Wakaf Tapai, Bukit Besi, Stadium Sultan Mizan, ada soalan pagi tadi. Pusat Akuatik, Bangunan Terminal Lapangan Terbang silingnya jatuh, Masjid Kristal Taman Tamadun Islam bocor, ICT Pusat Latihan Antarabangsa Kijal, Binjai Souqe Kemaman .... hai lelah saya. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ni Jertih Souqe terbengkalai, Ahli Yang Berhormatnya pun ada, sekarang ini tak diteruskan, saya tanya pasal apa? Dan dijawab dan diberitahu, dimaklumkan kerana kerja perubahan rekabentuk bumbung oleh kontraktor dibuat tanpa mendapat kelulusan Perunding Sivil Dan Struktur. Macam mana perkara ini boleh berlaku? Dia takut runtuh sekarang ini dia *stop* kerja, tak buat kerja. Jadi projek itu bukan sikit nilai dia, berapa juta saya tak tahu. 22 juta begitu yang mula dibina pada 6 Mei 2007 dan sepatutnya siap pada 27 Disember 2009, sepatutnya siap dah tetapi terbengkalai. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin meminta dan mencadangkan dengan rasa rendah diri agar Kerajaan Negeri menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menyediakan Kertas Putih untuk buat laporan terperinci terhadap tahap-tahap keselamatan projek-projek pembangunan prasarana di Terengganu yang dibina selepas tahun 2004 dan hasil kajiannya dibentang kepada Dewan Undangan Negeri Terengganu. Saya sebutkan perkara ini kerana sewaktu ADUN Jertih menjadi Menteri Besar, pernah ditubuh satu Jawatankuasa Khas bagi menyediakan Kertas Putih. Saya bawa Kertas Putih tu, Buku Laporan Jawatankuasa Khas Bagi Menyediakan Kertas Putih Perhutanan kerana dikatakan waktu itu PAS memerintah tahun 1999 hingga 2004 berlaku penyelewengan perhutanan maka ditubuh jawatankuasa untuk buat siasatan. Bila saja siap laporan itu diedarkan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan

Negeri tetapi tak berani bahas. Diedarkan kertas ini atau laporan ini pada 21 September 2004, saya telah bawa satu usul untuk dibahaskan tapi ditolak oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan pada waktu itu. Jadi itulah sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya telah buat sedikit *search* (kajian) berkait dengan bangunan-bangunan runtuh sebagaimana yang saya sebutkan tadi seperti Institut Oseanografi dan Institut Akuakultur itu, saya telah *check* siapa yang binanya, siapa dia kontraktornya? Apabila saya buat kajian, selidik sikit rupa-rupanya yang membina bangunan ini ialah Syarikat Pembinaan MAN Sdn. Bhd., beralamat di 25A, Losong Masjid, Kuala Terengganu. Rakyat hamba ni Parlimen Kuala Terengganu. Bila saya *check* lagi, salah seorang Pengarahnya ialah OKU (Orang Kuat UMNO) jugak, bekas Ketua Wanita UMNO Bahagian Kuala Terengganu. Kalau macam inilah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita cukup terasalah kos yang begitu besar sama ada projek untuk Negeri atau projek Persekutuan jika bagi kepada OKU ini lepas satu, satu ditimpa/berlaku macam-macam masalah. Begitu jugak Syarikat Arahjitu yang tadi disebut yang diberikan 2 pakej untuk pembinaan lebuh raya terbengkalai dan tertangguh lewat persiapannya kerana dibagi kepada kontraktor sebegini. Diberi macam-macam alasan, barang naik mendadak, kos meningkat tapi kenapa orang lain boleh buat? Jadi hak ni dah tahu begitu, 2 pulak pakej dibaginya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sikit, sikit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, lebih 2 – 3 minit saya bagi tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mintak sikit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita ada lagi .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi itu sebabnya bukannya sikit-sikit, Pakej 9B, RM59,215,000 ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, tadi dah disebut Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya. Ini saya nak sebut ni kerana kes ini spesifik, dia buat setakat 15% lepas itu baham balak di Hutan Simpan Bukit Bauk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Selesaikan ayat Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi ini yang dituduh kepada Kerajaan PAS dulu. Saya ingat lagi tuduhan yang dibuat dalam Dewan ini, kononnya lebuh raya yang hendak dibuat atas dasar nak ambil balak tapi apa yang berlaku sekarang? Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Satu, dua lagi Yang Berhormat. Saya nak sebut yang kes soalan saya ditolak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang akhir Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Berhubung dengan kes anak yang dilahirkan tidak sah taraf. Ini antara bala yang saya cukup terasa, kami cukup terasa. Kena buat sesuatu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apalah, terima kasih banyak-banyaklah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabbil alamin wabihi nastain. Wassalatuwassalam mualarasulhilkarim Sayyidina Muhammad wa-ala alihi wa-ashabihi ajmain.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, sidang Pemerhati, warga Dewan yang saya hormati sekalian. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, mengizinkan saya untuk berucap dan berbahas terhadap ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja bersempena dengan Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Kedua Belas.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, izinkan untuk saya memulakan ucapan saya melalui peringatan terhadap satu Firman Allah S.W.T. dalam Suratul Zumar, ayat 18, Allah menyebutkan yang bermaksud: "Mereka itu adalah di antara orang-orang yang mendengar sesuatu khususnya sesuatu nasihat lalu mengikuti apa yang terbaik, diambil yang terbaik di antaranya. Mereka itulah orang-orang yang telah diberikan petunjuk hidayah oleh Allah S.W.T. dan mereka itulah sebenarnya orang-orang yang mempunyai akal yang disitilahkan sebagai ulul albab."

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, mendengar sesuatu adalah merupakan sesuatu perkara yang amat penting dan yang terbaik yang perlu didengar ialah nasihat dalam erti kata memperkatakan sesuatu yang baik. Tidak semestinya yang baik itu mestinya datang daripada yang atas, kadang-kadang yang baik itu juga datang daripada yang bawah. Tidak semestinya yang buruk itu datang daripada yang bawah, kadang-kadang ia juga datang daripada yang atas. Sebab itulah terlalu banyak ucapan demi ucapan sebenarnya akan tetapi dalam maksud ayat yang telah saya bacakan tadi. Allah S.W.T. lebih meminta untuk kita bercakap dan berucap tentang persoalan-persoalan untuk kebaikan kita bersama tanpa terlalu menetapkan kesalahan-kesalahan kepada mana-mana pihak, apatah lagi untuk menuduh ataupun untuk mencerca, mencemuh dan mengeluarkan kata-kata nesta dan hina bagi maksud untuk memastikan orang yang mendengarnya turut merasakan benci kepada apa yang telah berlaku kepada mereka yang disebutkan itu. Kalau itu yang berlaku sebenarnya kita sebenarnya lebih bercakap tentang perkara-perkara yang membawa kepada untuk orang bergaduh dan membenci orang lain sedangkan yang diperlukan kepada kita ialah orang-orang yang ulul albab yang mempunyai akal fikiran, bercakaplah untuk perkara kebaikan bersama demi agama, bangsa dan negara. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, mudah-mudahan dengan sedikit mukadimah saya itu akan memberikan kefahaman kepada kita di kalangan Ulul Albab.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kita sebenarnya memanglah dalam apa saja yang kita lakukan. Kita perlu berusaha untuk membetulkan perkara yang biasa. Dan pada masa yang sama kita juga perlu membiasakan kepada perkara yang betul. Kemungkinan besar terlalu banyak kita mengamalkan perkara-perkara yang biasa itu betul maka dia tidak jadi masalah tetapi kalau perkara yang biasa itu tidak betul kita kena perbetulkan perkara yang biasa. Dan apabila yang biasa itu sudah menjadi betul kita dituntut untuk membiasakan dengan perkara yang betul. Inilah tugasan yang perlu ada kepada kita dalam erti kata ulul albab, insyaAllah.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam Ucapan Perasmian Istiadat semalam. Beberapa perkara telah dibangkit atau disentuh oleh Yang Teramat Mulia Tengku bagi maksud untuk meminta di kalangan Ahli Dewan untuk melihat kepada senario apa yang telah kita lakukan sebelum ini. Dan pada masa yang sama meminta untuk kita lebih bersemangat dan bertekad untuk lebih memajukan apa yang menjadi perancangan kita di masa hadapan. Sebab itulah ada beberapa perkara yang saya ingin menyebutkan dalam perbahasan pada hari ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Saya cukup tertarik apabila disebutkan tentang pentingnya kelas yang disifatkan sebagai KAFA (Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain) bersama dengan J-QAF (Jawi, Quran, Arab dan Fardhu Ain) perlu berganding bahu ke arah membina akhlak mulia di kalangan pelajar. Ini dapat kita lihat dalam buku ucapan di muka surat 9. Suka saya sebutkan di sini bahawa KAFA (Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain) sebenarnya telah diwujudkan di awal tahun 1990an melalui kerjasama Kerajaan Pusat iaitu JAKIM dengan Kerajaan

Negeri, badan yang bertanggungjawab di peringkat negeri iaitu Yayasan Islam Terengganu. Dan kita perlu faham bahawa Kelas KAFA ini telah terlebih awal dilakukan oleh pihak Yayasan Islam Terengganu semenjak 1976 lagi tetapi perbelanjaannya dikendalikan oleh pihak kerajaan sendiri. Ini bertepatan dengan apa yang ada di dalam Enakmen ataupun perkara 4(c) Enakmen Kerajaan Negeri Terengganu No.1/74. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tahun 1990, JAKIM telah berkerjasama dengan Kerajaan Negeri, berjuta-juta ringgit telah dikeluarkan bagi maksud menjadikan Kelas KAFA ini kelas yang bermenafaat. Saya tidak jadi kisah tentang soal Kelas KAFA sebab pada dasarnya ia ditadbir ataupun mempunyai kaedah pemantauan, penyenggaraan yang cukup baik, yang menjadi masalah ialah mungkin persoalan tentang J-QAF. Saya sebutkan bahawa J-QAF telahpun diwujudkan oleh Kerajaan Pusat khususnya di sekitar awal tahun 2004 hasil di antara idea yang dikeluarkan oleh Allahyarham Bekas Timbalan Menteri Pelajaran kita, bekas Ahli Parlimen Kuala Terengganu. Tapi yang nak saya sebutkan di sini bila melihat kepada apa yang disebutkan oleh Yang Teramat Mulia Tengku bahawa KAFA dan J-QAF perlu berganding bahu untuk memastikan bagi maksud untuk membina akhlak yang mulia, menjadikan anak-anak kita anak yang lebih beradab dan sebagainya, yang kita bimbang Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kelas ataupun Guru-guru J-QAF ini kerana kita difahamkan pengambilannya tidaklah terlalu ditapis akibatnya ramai di kalangan mereka yang lulusan Pengajian Agama dapat bekerja tak kira parti. Sebab itu dalam J-QAF ini ada yang muslimatnya, yang kadir-kadirnya dari segi Parti PAS, tapi yang pernah saya terima laporan di kawasan saya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, ada di kalangan yang kita terima maklumat daripada ibu bapa yang mana anaknya balik beritahu Ustaz J-QAFnya menyebut tentang perlawanan yang dikatakan dan dikaitkan dan yang disebutkan dengan Perlawanan Najib dan Altantuya. Saya rasakan perkara ini tidak sepatutnya berlaku sebab itulah dalam soal untuk membina dan membentuk kalangan pelajar akhlak yang mulia, saya ingat mungkin di pihak kerajaan sama ada di peringkat Negeri dibawa kepada Pusat perlu dilihat perkara ini supaya perkara-perkara seumpama ini tidak berlaku dan kita boleh untuk menyiasat perkara ini kerana di kalangan Guru J-QAF itu ada dari kalangan yang terlalu fanatik kepada pembangkang. Bukan soal kita nak menafikan hak untuk seseorang itu menjawat jawatan tetapi biarlah melaksanakan tugas itu dengan baik, biarlah kepentingan soal mendidik anak bangsa, soal pendidikan akhlak mereka perlu diberikan keutamaan bukannya membawa unsur-unsur yang boleh menyebabkan pelajar dalam keadaan belum begitu matang tetapi sudah digambarkan dengan nama-nama yang seperti nak menunjukkan tohmahan-tohmahan yang buruk khususnya kepada pemimpin utama negara kita pada hari ini. Saya ingat inilah di antara perkara-perkara yang sebenarnya yang perlu kita ambil perhatian.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyebutkan dalam ucapan ini apabila Yang Teramat Mulia Tengku menyebutkan tentang perlunya kita memperbanyakkan sekolah agama, kelas agama di peringkat sekolah menengah dan diminta khususnya kepada Pejabat Pelajaran Negeri Terengganu

untuk kalau boleh menambahkan kelas-kelas agama ini. Kita sedia maklum dan kita ucapkan tahniah sebenarnya kepada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu yang dari setahun ke setahun bukan setakat UPSR kita terus mengungguli kecemerlangan 9 tahun berturut-turut tetapi kita jugak mampu sekarang ini mengungguli di peringkat PMR, SPM dan STPM. Cuma saya cukup bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Teramat Mulia Tengku bahawa pada hari ini permintaan terlalu tinggi kepada kelas-kelas agama, sekolah-sekolah agama. Kita lihat pada hari ini Sekolah-sekolah Agama SABK dan jugak mungkin dalam konteks negeri tidak banyak sangat. Pada hari ini sekolah agama yang ditadbir di bawah Jabatan Agama Terengganupun nak masukpun cukup sukar, kalau nak masukpun perlu lihat kepada point dalam erti kata unit iaitu 21 unit dengan plus-plus 5 mata pelajaran tersebut menyebabkan ada di kalangan anak-anak yang ingin masuk ke sekolah agama tidak mampu untuk masuk. Sebab itulah saya ingat kita demi untuk kebaikan bersama, marilah kita kerajaan dan jugak dengan Jabatan Pelajaran, kita berusaha untuk memastikan kelas-kelas pengajian ataupun kelas-kelas agama di sekolah-sekolah menengah harian biasa jugak dapat kita perbanyakkan dan sekolah-sekolah agama itu dapat kita perbanyakkan kerana ini merupakan suatu keperluan yang amat penting kepada kita pada hari ini.

Seterusnya Yang Berhormat Mulai Dato' Yang Dipertua, tentang persoalan menaik taraf Institut Al-Quran Terengganu dan juga tambahan kepada IMTIAZ di setiap daerah, ini merupakan suatu lontaran rasa yang cukup bertanggungjawab yang telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Tengku betapa sebenarnya kita mempunyai satu Pusat Pengajian Al-Quran, bukan setakat Pusat Pengajian Al-Quran tetapi pusat untuk mengkaji bagaimana tentang kedudukan, kehebatan Al-Quran itu sendiri, mukjizat Al-Quran itu sendiri sama ada dari segi tafsirannya dan isi kandungannya yang terlalu banyak yang perlu dikaji. Maka sebenarnya kita terlalu lama menunggu untuk memastikan khususnya IQT ini terus dinaik taraf dan sekaligus Kampus IQT yang dimaksudkan tadi dapat untuk diwujudkan. Saya ingat soal tapaknya sudah lama sebenarnya diputuskan tetapi apa yang terjadi sehingga kini saya tak tahulah. Apakah sebenarnya kita akan terus melaksana, membina kampus ini dan bagi maksud untuk menjadikan IQT itu sebagai satu Pusat Pengajian Al-Quran yang terulung di negara kita pada hari ini. Demikian jugak dengan IMTIAZ, saya ingat IQT (Institut Al-Quran Terengganu) dan IMTIAZ sebenarnya bila dilihat secara keseluruhan paling tidak dia membawa kepada kita mengajak umat, mengajak anak-anak muda, anak-anak kecil ke arah untuk menguasai Al-Quran, menguasai hafazan Al-Quran dalam erti kata pada hari ini sebenarnya kelahiran IMTIAZ dalam tempoh 4 – 5 tahun yang lalu sebenarnya telahpun dapat mewujudkan ramai di kalangan anak-anak muda yang mampu menghafaz Al-Quran. Hari ini keluaran IMTIAZ dah ramai dah yang boleh menghafaz 30 juzuk Al-Quran bukan setakat habis tingkatan 3, yang duduk di tingkatan 2 sekarang ini sudah ada yang hampir untuk menghafaz 30 juzuk Al-Quran. Ini suatu kejayaan yang besar sebenarnya yang perlu untuk kita mertabatkan dan pastinya tidak ada mana-mana pihak yang boleh mengatakan bahawa pengambilan IMTIAZ ini merupakan sesuatu yang tidak baik dan

sebagainya, lebih-lebih lagi mana-mana pihak yang cuba untuk merendahkan apa yang kita laksanakan semenjak daripada dahulu sehingga kini. Untuk makluman Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kita jugak di Negeri Terengganu sebagai contoh yang mungkin sebelum ini orang tak pernah sebut bahawa kita pada hari ini dengan adanya Program Hafaz Terbuka, kita ada lebih kurang tiap-tiap tahun 100 orang Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, yang sabit menghafaz 30 juzuk Al-Quran yang mana tiap-tiap bulan kita bagi kepada mereka RM1,000.00, kalau 100 orang tu ertinya RM100,000.00 tiap-tiap bulan. Ini berdasarkan Sabit Hafazan berdasarkan kepada Program Tasmiq yang dibuat secara penggal iaitu setahun 3 kali dan sebagainya. Kalau Sabit Hafaz ialah RM1,000.00 tiap-tiap bulan diberikan kalau kurang sikit akan diturunkan dan sebagainya. Dan ini sebenarnya adalah merupakan suatu langkah yang cukup hebat yang dilakukan oleh kerajaan kita, mewujudkan IQT, IMTIAZ dan Skim Hafazan. Sebenarnya perkara-perkara sebeginilah yang perlu kita perbesarkan, kita tunjukkan kerana ini adalah merupakan suatu di antara kaedah untuk kita memperhebatkan Al-Quran itu sendiri walaupun dalam setengah-setengah pihak membangkang dan seumpamanya dan kadang-kadang tidak pernah menyebut tentang kebaikan ini, mereka hanya berdiam sahaja, mereka hanya cuba mencari perkara-perkara yang tak kena, perkara-perkara yang tak cukup, perkara-perkara yang tak elok, perkara-perkara yang salah, yang dibuat oleh kerajaan tapi yang baik tidak pernah disebutkan kepada khalayak ramai. Sebagai kerajaan kita perlu untuk menunjukkan perkara ini sebagai suatu kejayaan besar kita sebenarnya. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 4 minit lagi Yang Berhormat. Payah saya nak celah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Cepat sangat masa, Y.B. Ramlan rasa lama, saya berasa sekejap pulak. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, begitu jugak kejayaan kita melalui Program e-Book. Tahniah sebenarnya saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat dan Exco yang terlibat. Alhamdulillah, tahun lepas 2009 lebih kurang 23,000 orang pelajar kita dah bagi e-Book dalam sekitar RM25 juta. Kita jugak dalam Bajet tahun lepaspun (2010) lebih kurang 50,000 pelajar kita akan bagi e-Book dengan perbelanjaan RM50 juta. Saya merasakan bahawa e-Book ini suatu penampilan yang baru yang tidak dibuat di tempat lain tapi kita buat demi untuk kebaikan. Dan tidak ada mak-ayah yang rasa tidak seronok bila boleh e-Book ini. Cuma yang saya nak sebutkan di sini kalau dalam konteks kaedah Usul Fiqh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita ada kaedah aulauwiyatnya (keutamaan) dan dalam keadaan yang tertentu kita ada kaedah yang disebutkan sebagai perkara ini daururiyah, perkara ini hajiyat, perkara ini tassiniyat, dalam erti kata yang daururah itu perkara yang mesti, yang menjadi keperluan utama, hajatpun lebih kurang begitu. Tassiniyat ini ialah dalam erti kata untuk memperelokkan. Kita bagi e-Book kepada pelajar darjah 5 ini elok, mereka mungkin dapat menguasai IT dan seumpamanya tetapi dia duduk dalam kaedah tassiniyat semata-mata,

yang daururiyah, yang hajiyat itu ada lagi. Maksudnya pada hari ini disebutkan oleh Yang Berhormat Permaisuri, IT ataupun komputer, laptop telah menjadi keperluan kepada kita, yang saya tengok hari ini, yang cukup-cukup perlunya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua adalah pelajar-pelajar kita yang masuk Pusat Pengajian Tinggi sama ada IPTA mahupun IPTS. Sudah menjadi satu keperluan kepada mereka, mereka merasa janggal kalau masuk takdok laptop sebab sudah menjadi satu keperluan dan mereka perlukan laptop. Maka dengan ayah dia mari jumpa kita, katanya: "Yang Berhormat, anak saya mengaji masuk 'U' ni." Dan saya ucap tahniah, alhamdulillah. "Tapi ada se lagi Yang Berhormat, anak saya takdok komputer, nak komputer etek." Jadi, yang ini memang perlu, kalau bolehlah Yang Amat Berhormat, Dato' Menteri Besar apa salahnya kerana peringkat ini tidaklah ramai jika dibandingkan dengan 23,000, 50,000, hak itu kita tunggulah sehingga ada duit, cara apa orang katanya. Kita bagilah kepada pelajar-pelajar yang nak masuk IPTA ini, maksudnya akhirnya akan wujud seluruh pelajar-pelajar Terengganu yang masuk ke IPTA, tak kiralah IPTA ke, IPTS ke, mereka ini dibekalkan dengan sebuah laptop, satu lambang kejayaan Kerajaan Negeri Terengganu dan penghargaan kepada anak-anak muda yang ingin belajar di pusat-pusat pengajian. Saya kira ini suatu perkara yang penting sebenarnya. Kita utamakan yang utama, yang aulanya, kita tak jugak nafikan yang tak aula ini. Begitu jugak tak salah kita bagi ke masjid-masjidpun, masjid sekarang ini berapa saja, ada lebih kurang 500 buah saja, bagi ajelah satu laptop ke masjid. Ini kadang-kadang suruh jawatankuasa beli, kalau hak takdok pitih atau hak takmboh keluar pitihpun malas nak beli kita bagi aje. Saya ingat ini takdok orang bagi, kita bagilah biar mereka belajar, selepas comel-comel dia pergi ke Bestari.comm pulak. Kita berilah tak berapa sen sangatnya. Tak habis sejengkal. Lulus.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mintak sendiri, lulus sendiri Yang Berhormat. ....(Dewan Gelak) .... Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh jadi Excolah lepas pada ni. .... (Dewan masih lagi terus gelak).

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Allah, Muhammad. Cuma yang akhirnya saya nak sebut tentang soal pembangunan yang disebutkan dalam ucapan dan jugak disebutkan oleh rakan-rakan yang telah membahas di peringkat awal. Saya nak sentuh tentang satu-dua yang berkaitan dengan kawasan saya khususnya dan alhamdulillah diucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telahpun memperuntukkan dan telahpun memulakan projek pembinaan Jambatan Jeram ke Jeram Tok Kong dan sekaligus bukan sahaja setakat jambatan tetapi juga dikaitkan dengan mewujudkan satu lagi

jalan alternatif untuk ke Bandar Kuala Terengganu. Sekarang kita ada dua jalan alternatif, jalan melalui Jambatan Sultan Mahmud dan jalan melalui Jambatan Manir. InsyaAllah dengan siapnya Jambatan Jeram – Jeram Tok Kong dan jalan yang terus menghubung Banggol Tuan Muda, Pulau Sekati dan Losong, insyaAllah akan wujud satu lagi jalan yang alternatif yang ketiga bagi maksud mengurangkan kesesakan. Cuma saya nak sebutkan di sini bagi pihak kerajaan, kita perlulah dalam untuk memastikan projek ini berjalan dan dalam masa yang sama kepada penduduk setempat ataupun orang kampung perlulah diambil kira tentang kehendak mereka serta perasaan mereka sebabnya saya nak sebutkan di sini, maka berlakunya sedikit mungkin rasa nak sangat buat, pihak kontraktor masuk tapak tanpa terlebih dahulu sebenarnya tapak atau tanah itu diambil balik oleh kerajaan. Sebab itu kalau boleh urusan pengambilan balik tanah-tanah yang melibatkan jalan ke Bukit Guntong melalui jalan ke Jambatan Jeram – Jeram Tok Kong itu perlu kerajaan segerakan untuk diambil balik. Dan pada masa yang sama perlu juga disegerakan untuk diambil balik tapak bagi menyediakan tempat penempatan baru kepada penduduk-penduduk ini kerana kebajikan mereka kena juga diutamakan meskipun pembangunan itu merupakan suatu maslahah yang lebih besar kepada masyarakat yang ramai tetapi janganlah sampai maslahah yang besar kepada yang ramai itu kita melakukan perkara yang mungkin menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka yang kecil, mereka yang sedikit. Sebab itu perkara ini perlulah kerajaan segerakan, kalau di kawasan saya lebih kurang 60 buah rumah yang terlibat. Sekarang inipun nak buatpun tak boleh lagi kerana kawasan yang terlibat untuk pengambilan balik belum lagi dibuat.

Kemudian permohonan daripada masyarakat setempat di kawasan saya berkaitan dengan jambatan ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, apabila dilihat kepada struktur jambatan serta jalan yang hendak dibuat itu dilihat di sebelah kawasan sayalah di Jeram Hulu ini di mana jambatan itu jambatan yang tinggi maka konsep yang dibuatnya ialah di sebelah darat ini dibuat konsep tambakan tanah dalam erti seperti menjadi benteng. Kalau begitulah kedudukan strukturnya, kita rasakan bahawa seolah-olahnya jambatan itu akan memisahkan satu kampung kepada dua kawasan yang berbeza seperti mana memisahkan Israel dengan Palestin. Kita tak nak jadi begitu, kalau boleh apa salahnya diubah reka bentuknya, designnya, buatlah dalam bentuk konkrit tetulangnya sebagai contohnya macam Jambatan Sultan Mahmud kita di bawahnya di sekitar Kampung Losong dekat keropok lekor apa semua tu boleh orang duduk berniaga apa semua, tak payah ditambun .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, dah faham tu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Faham dah tu dok? Kalau faham tak apalah tapi kalau faham biar kena lulus. Kalau faham saja tak lulus maka ayat yang saya baca tadi takdok kaitannya, kita tidak ambil yang terbaik. Dan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penghabisan Yang Berhormat, ya.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Penghabisanlah tapi dalam penghabisanpun bagi orang-orang kecil ni dia kena bagi lebihlah ke guana Dato'?

Dato' Yang Dipertua, kemudian saya jugak ingin menyebutkan di sini walaupun benda ini benda yang telah lama disebut sebenarnya, acap kali kerana saya ingat selain daripada Bukit Turggalpun dia bercakap tetapi saya tidak tahu dia bercakap kita yang berada di pihak kerajaan kita hendak lebih keselesaan di kawasan kita sebenarnya khususnya kawasan saya dalam erti kata Kuala Nerus dah acap kali saya sebut memang orang kata benda ini disebut sokmo, benda yang sama. Kalau Jabi dia sebut Lata Belatan sokmo, hak balik kanan saya duk sebut Kenyir sokmo, Sekayu apa semua. Saya duk sebut hak tu sokmo, biarlah Wakaf Mempelam kata duk sebut benda tu-lepun sebab dia akan sebut benda hak salah kerajaan, dia dok sebut tentang kawasan dia sebab kerja dia dok berkait dengan hak tu sangat, kita kait dengan hak tu sebab itu kita kena sebut. Sebab itulah kita nak sebut hak ni tentang soal .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini tuduhan melulu ni ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih sahabat saya, saja aje nak tengok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Yang Berhormat, masa pendek.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' MB, daerah ini kita telah lama dah zaman Dato' Rashid, masa zaman Dato' Nasirpun begitu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat mintak Daerah Kuala Nerus?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ya, Daerah Kuala Nerus. Allah, payah nak sebut ni. Cuma kita nak tahu setakat ini ada ke tak ni, ada tak konsultan yang diwujudkan nak buat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Lulus dah. ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih. Cuma begitulah sebab kita nak sangat. Saya terus terang saya katakan, kalau tak boleh secara rasmi buatlah sesuatu, tunjukkan ada maknanya paling tidak tapak ini kita nak buat bandar ke ataupun buatlah apa-apapun, biarlah orang Kuala Nerus lega sikit Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam faham tu, kerajaan lagi faham.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dia dok jadi benda, orang kata dokrok cetong, doksoh caralah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Hak akhir ni. Berkaitan dengan hakisan. Kita tahu khususnya di sebelah Seberang Takir yang sekarang ini banyak berlaku hakisan terhadap pantai dan bukan setakat Seberang Takir tapi sekarang ini dia mungkin bergerak khususnya ke Pantai Tanjung Gelam. Dalam dua tahun lepas, saya bagi bangsal dan injin penarik bot tapi akhir tahun lepas habis kena kaut oleh ombak, mungkin ada kaitan dengan hakisan yang berlaku, saya tak tahulah. Tapi benda ini saya mintaklah kerajaan ambil berat terhadap perkara ini bukan setakat hakisan pantai itu sendiri tetapi ia paling tidak menimbulkan rasa tidak senang kepada penduduk setempat, nelayan dan sebagainya.

Dan yang akhir juga, ini akhir-akhir sungguh, dok kecek doh, akhir sungguh hak ni. Saya nak sebut jugak hak biasa sokmo, tempat buang sampah. Datuk Bandar ada tak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Datuk Bandar ada.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Okey, Datuk Bandar ada. Dulu masalah tempat buang sampah ni semasa Datuk Bandar jadi Yang Dipertua Perbandaran Kuala Terengganu, hari ini orang yang sama balik pulak jadi Datuk Bandar atas nama Bandaraya. Jadi saya tak tahulah, saya duk kata ke Datuk Bandar tapi pergi ke MB jugak, begitulah maknanya cepat-cepatlah buat lari Tempat Membuang Sampah Tok Por tu, hapuslah tempat hak kita cadang tu, rohok do'oh lalu doh, menyusahkan ke orang ramai do'oh lalu. Buat, tukarlah ke tapak hak kita cadang tiga-empat tahun dah tapak baru tapi duk khabor pitih takdok dan sebagainya. Ini adalah perlu dalam erti kata mendahulukan kepentingan rakyat. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua di atas kesempatan yang diberikan kepada saya dan saya juga ucapkan terima kasih kepada semua terutama kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah beberapa kali menyelesaikan masalah di kampung saya. Terima kasih di atas lawatan tidak rasmi Menteri Besar ke kawasan saya untuk melihat

sistem saliran dan terima kasih kerana kerajaan dalam dua-tiga hari lepas melalui Program Juara Rakyat kita telah berusaha menyerahkan Geran Hak Milik Tanah yang begitu lama di Baru Tok Jiring, Bukit Sudu dan di Felda Belara, insyaAllah yang bakinya kita akan menyerahkannya dalam masa terdekat. Inilah kerja kita untuk kepentingan rakyat itu sendiri. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya juga memohon turut menyokong. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Tahniah Tepoh. Hari ini Dato' Yang Dipertua ukur Yang Berhormat tidak rendah, kita ukur sampai atas songkok tingginya. .....(Dewan Gelak) .....

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya nampak tadi Hulu Besut mintak, saya beri peluang sekadar 10 minit, kita berhenti 1.15 kalau panjang lagi kita sambung sebelah petang. Hulu Besut, sila. Ataupun nak sambung di sebelah petang?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Sebelah petanglah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebelah petang, ya. Terima kasih. Jadi Hulu Besut beri peluang kepada kita untuk makan lebih awal. Sebelum kita tangguhkan sementara Dewan ini, saya nak maklumkan satu pengumuman. Pengumuman Makan Tengah Hari, hari ini tajaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kepada sidang yang berada di Dewan kita ini termasuk Ketua-Ketua Jabatan, Pemerhati-pemerhati yang boleh, kita jemput ke tingkat 18 dan jika penuh di sana, kepada Pemerhati di Medan U2, kepada Pemerhati kita di Dewan Teater kita ada menyediakannya di depan Dewan Teater, jamuan jugak. Jadi kita harap semua sekali janganlah pulang dahulu sebelum makan tengah hari. Jadi saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula pukul 2.30 petang ini. Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUH PADA PUKUL 1.06 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat kita disambung semula. Bagi meneruskan perbahasan, saya menjemput Wakil Hulu Besut. Dipersilakan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan serta Pemerhati sekalian.

Pertamanya, saya juga ingin mengucapkan syukur kerana berkesempatan untuk turut sama membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja. Kelmarin istimewa juga kerana Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua membenarkan saya berucap pada sesi petang dan yang pertama pada petang ini. Saya mewakili Hulu Besut ingin menyatakan yang utamanya ialah hal-hal berkaitan dengan Hulu Besut dulu. Istimewa sekali saya sebut ialah kerana kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengemukakan slogan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan'. Saya duk perhati semenjak Yang Amat Berhormat menjadi Menteri Besar kesimpulan yang boleh saya buat ialah apa yang dikata dikotakan, cakap serupa bikin. Itulah kesimpulan yang boleh saya katakan kepada Kerajaan Negeri Terengganu hari ini sesuai dengan slogan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan'. Saya duk kira Yang Amat Berhormat telah pergi ke kawasan Hulu Besut sudah 5 kali. Dan saya duduk dalam Dewan ini juga antara perkara utama yang saya kira menjadi perjuangan orang Hulu Besut ialah nak tengok satu masa nanti Hulu Besut tidak lagi menjadi jalan mati. Setiap tahun sebagaimana Yang Berhormat Tepoh sebut dan saya juga setiap tahun kalau diberi peluang untuk berucap yang selalu saya ulang, sebut dan syukur kepada Allah S.W.T. di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekali lagi telah pergi ke Keruak dan telah menyatakan Jalan Keruak – Gunung Bongsu ini akan dilaksanakan sebelum pilihan raya yang akan datang. Saya percaya rakyat Hulu Besut sangat berbesar hati dan sangat berbangga, insyaAllah suatu masa nanti Hulu Besut tidak lagi menjadi jalan mati. Terima kasih saya bagi pihak penduduk Hulu Besut kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Dan dalam masa yang sama juga semasa Yang Amat Berhormat pergi ke kawasan Hulu Besut saya telah bawa pergi ke kawasan fertigasi pada masa tu sudah dekat nak maghrib dah, *belang cacang* Yang Amat Berhormat Menteri Besar lulus RM500,000, *dokdang* duduk, *dokdang* minum air dan projek itu telah berjalan dan siap, cuma terkilannya sikit ialah kerana Exconya buat lari hak RM500,000 jadi lekat RM300,000 je ke Hulu Besut, dia buat pergi ke Hulu

Terengganu. Jadi saya bagi pihak penduduk Hulu Besut kena hantar baliklah peruntukan itu. Jika tidak nanti orang kata Menteri Besar lulus RM500,000, Exconya buat lari ke lain RM200,000. Jadi saya harap perkara ini akan diselesaikan ....(dalam gelak) .... dalam masa tahun ini jugak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, perjelasan. Sesama sendiri main *sengelat* jugak?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dan seterusnya, dalam masa banjirpun begitu jugak. Yang Amat Berhormat jugak pergi sendiri dan tengok kawasan Hulu Besut, semasa hari kedua banjir memang Hulu Besut tidak boleh dihubungi. Kebetulan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pergi masa itu lori TNB cuba untuk menyeberangi jalan di Bukit Payong dan lori itu tersadar di tepi jalan kerana air dalam. Dan boleh dikatakan kawasan Hulu Besut bila musim banjir Wakil Rakyat Hulu Besut tak boleh pergi ke mana-mana, tidak boleh ke Kuala Lumpur dan ke mana-mana, kena duduk di kawasan. Dan rumah sayalah di antara menjadi pusat perpindahan pelajar Sekolah Menengah Putera. Jadi di sini saya mengambil kesempatan kalau boleh Kerajaan Negeri melihat kawasan Hulu Besut ini sebagai suatu keutamaan untuk mempastikan penduduk Hulu Besut apabila banjir mereka tidak bimbang dan tidak resah masalah kemungkinan yang mereka hadapi.

Dan seterusnya, selama saya menjadi Wakil Rakyat Hulu Besut, saya cuk fikir apa istimewanya Hulu Besut ini untuk nak royat, nak beritahu kepada orang-orang Hulu Besut, nak beritahu kepada seluruh orang Terengganu, nak khabar ke seluruh Malaysia istimewanya Hulu Besut ini. Saya duk fikir-fikir *takdok* benda lain, istimewanya Hulu Besut ini ialah kawasan air panas, La Hot Spring yang dibuka oleh Tun Dr. Mahathir dan sehingga hari ini saya pergi tengok di La Hot Spring, kalau saya sebagai pemerhati luar saya amat rasa tidak berpuas hati dengan La Hot Spring ini. Tidak banyak kemudahan yang dinikmati oleh La Hot Spring. Saban hujung minggu atau cuti sekolah boleh dikatakan ada pengunjung yang tidak boleh masuk kerana penuh. Jadi saya mengambil kesempatan di sini supaya Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada perkara istimewa di Hulu Besut ini di La Hot Spring ini dengan memperbanyakkan kemudahan, menyediakan apa saja infra untuk kemudahan pengunjung ke kawasan Hulu Besut. Kalau kemudahan ini dapat dibuat, insyaAllah, peniaga kecil di tepi jalan, pekedai runcit, penjual warung di tepi jalan akan dikunjungi oleh pengunjung-pengunjung yang berhenti di kedai-kedai mereka dan seterusnya dapat menambahkan pendapatan kepada peniaga-peniaga kecil di kawasan Hulu Besut ini.

Yang kedua, istimewanya yang saya perhatikan ialah Lata Tembakah. Kalau cuti sekolah, cuti hujung minggu boleh dikatakan nak masuk ke Lata Tembakah ini tidak boleh. Jadi saya juga mengambil kesempatan di sini supaya Kerajaan Negeri melihat inilah di antara yang boleh membantu penduduk Hulu Besut meningkat pendapatan mereka dan dalam masa yang sama boleh menyumbang kepada mengurang kemiskinan di kalangan penduduk Hulu Besut .

Seterusnya, saya berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang telah melaksanakan Projek Paya Beda di mana peruntukannya lebih kurang RM330 juta dan dijangka kawasan ini ditenggelami air lebih kurang RM3,000 ekar. Dan pada saya perkara ini perlu diteliti oleh Kerajaan Negeri, merancana suatu masa kawasan ini boleh dijadikan pusat pelancongan dan seterusnya jugak akan menyumbang kepada membasmi kemiskinan di kawasan Hulu Besut. Saya memohon Kerajaan Negeri melihat perkara ini di antara perkara utama yang perlu dilaksanakan di Hulu Besut. Seterusnya, Hulu Besut boleh dikatakan bila musim kemarau airnya kurang sikit, beberapa kampung masih lagi tidak mendapat kemudahan paip air SATU, senarainya telah saya hantar kepada SATU. Dan pada hari di Keruak di kawasan Hulu Besut masalah air menjadi antara perkara utama. Peruntukan DUN, peruntukan saya boleh dikatakan setiap tahun saya peruntukkan kepada penduduk Hulu Besut untuk buat air paip dengan mengambil air bukit. Jadi saya pohon kepada Kerajaan Negeri melihat akan keperluan air dari SATU di Hulu Besut juga diberi keutamaan.

Seterusnya, perkara yang juga membimbang saya di kawasan Hulu Besut ialah saya melihat jalan-jalan di Hulu Besut ini agak banyak selekoh. Jalan di kawasan ini pada saya tidak berapa luas dan sempit. Jadi perkara ini boleh menyebabkan rasa tertarik untuk berkunjung ke Hulu Besut akan menjadi suatu halangan kerana jalannya banyak selekoh, tambahan pula jalannya sempit dan dilalui oleh lori-lori besar yang memuat balak. Saya juga memohon kepada kerajaan untuk melihat perkara ini supaya menjadi perkara yang seharusnya dibuat bagi membantu penduduk-penduduk Hulu Besut turut sama menikmati arus pembangunan perdana negeri.

Saya juga ingin menyentuh apa yang disebut oleh rakan-rakan saya dalam menyokong Ucapan Terima Kasih Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja. Yang utama semalam saya tengok t.v., yang terpampang di TV 3 dia menyatakan dalam tulisannya: "Terengganu diminta memberi tumpuan kepada membasmi kemiskinan." Dan sayapun duk congok, duk kira, nak kata berjaya dok berani nak kata, nak kata tidak berjaya, saya kata berjaya tapi hakikatnya orang pergi jumpa saya nak mintak rumah baru, nak mintak baiki rumah semakin hari semakin bertambah. Jadi pada saya Kerajaan Negeri seharusnya memberi tumpuan ataupun tambahan kepada program-program untuk membasmi kemiskinan. Memang banyak program yang telah dibuat tetapi pada saya program-program yang dibuat perlu dilihat, perlu dikaji dan perlu disemak dan kalau perlu tak dibuat tak payah buatlah. Misalnya Program Menanam Serai Wangi, orang kawasan saya tanam serai wangi bila nak jual minyak serai wangi ini tak laku, tak tahu tempat nak buat pergi. Jadi ini juga perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Pelihara ikan dalam sangkar (ikan keli) banyak saya pergi jumpa penternak ikan keli ini saya bertanya projek ini berjaya ke tidak? Mereka berkata nak jual tidak boleh. Tetapi setiap hari program ini ditambah, ditambah. Sayapun tak tahulah apakah perancangannya. Begitu juga saya dengar ternakan ikan di Sungai Comorpun saya dengar lagu tu jugak. Ada orang kata kontraktor untunglah

boleh projek. Begitu jugalah kawasan saya Hulu Besut ini, saya sangat berbangga kerana telah dipilih oleh kerajaan untuk nak buat Lembah Kaprima untuk pelihara kambing. Sayapun masuk ke kampung untuk royat ke orang kampung kita di kawasan Hulu Besut terutama di Keruak ni, kita nak jadikan kawasan ini semua orang akan pelihara kambing Kaprima. Orang Besut nak makan kambing bolehlah pergi ke Keruak cari kambing. Dan sehingga hari ini peruntukan yang kerajaan belanja hampir RM1.7 juta tapi kambingpun tak diberi lagilah. Jadi perkara ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan supaya kita dapat kurangkan teguran daripada Wakil Rakyat daripada parti sebelah sana.

Dan saya duk perhati juga kita di Terengganu sebagaimana disebut oleh Wakil Kuala Berang tadi di mana jalan baru sudah tapi banyak masalah, rumah sudah pahat masih berbunyi, lebih kurang lagu tu-lah. Sepatutnya jalan baru siap dibina takdok masalahlah, bila mari banjirpun takdok masalah. Yang Amat Berhormat berkata dia baru pergi terpaksa lulus pulak RM1 juta. Jalan di kawasan sayapun lagu tu jugak, Jalan Padang Tapong – Keruak, baru je siap tapi masalahnya bila musim banjir ditenggelami air. Jadi saya juga merayu supaya kita di Terengganu ini berjalan seiring dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barulah setiap program berjalan lancar dan barulah berjaya. Kalau nak buat jalan pastikan jalannya lurus, bila mari banjir tidak ada masalah, barulah tidak jadi dua kali kerja. Bila jalan siap Yang Berhormat ajak Menteri Besar, Menteri Besarpun lulus peruntukan RM1 juta nak buat culvert kerana nak pertinggikan jalan sedangkan jalan tu baru sudah. Pada saya kita seharusnya melihat projek-projek di Terengganu ini menjadi projek kebanggaan kita bersama. Dalam masa seminggu-dua ini saya daripada Besut mari ke Terengganu dan lalu ikut jalan baru, Jalan Guntong ke Bintang, saya ingat bila jalan baru mesti sedap, mesti selesa, mesti rasa bangga lalu ikut jalan tu tetapi saya tengok jalan tu sangat bahaya, selekohnya banyak dan sempit pula. Jadi pada saya amat rasa tidak puas hati selaku pengguna. Sepatutnya jalan baru kita pastikan lanya lurus tidak ada masalah, baru puas hati kita belanjakan pitih, mahal tak apa, bak kata orang tua-tua, "alah membeli menang memakai". Terima kasih. Baru-baru ini saya pergi balik Siam, hamba pergi ke Golok dan daripada Golok ke Bangkok, jalannya *straight* boleh makan nasi kerabu *belang* bawa kereta, takdok masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kereta api ke Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bawa kereta, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi kalau boleh Terengganu kita ni .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Biasanya ke Bangkok ni naik keretakah?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Ya. Kalau Yang Berhormat Wakaf Mempelam nak pergi boleh saya tolong bawa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Baru puas hati Negeri Terengganu kita. Jalan Kemaman ke Besut kita buat dua lorong, *straight* takdok masalah, kita boleh buat, pitih kita banyak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Lulus, lulus, lulus terus tapi jangan lulus kepada OKUlah.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Ya, memanglah kawan-kawan kita sebelah sana memang dia suka daripada zaman Dato' Seri Idris jadi Menteri Besar orang kata main *keluk-kelik.* Betul *keluk-kelikpun* orang PAS ni, tadi dia kata Chua Soi Lek mungkin jadi Menteri, belum lantik lagi tapi mungkin aje, bersyarah dah seluruh kampung dah pasal Chua Soi Lek ini ada masalah seks. Tapi Mat Sabu pergi ke Seberang Jertih baru-baru ini telah bersyarah. Orang tahu belaka Bilik 121, Perdana Hotel tapi dia kata orang buat salah semacam. Orang kampung jual ayam semacam, buat pergi masuk dalam plastik rokrak kerana Mat Sabu. Bilik 121 ni seluruh Malaysia tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Haa .... hak ni baru ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Boleh ulang sekali lagi, jual ayam tu tak berapa jelas satni, jual ayam tu apa benda?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Ajil, maksud saya penyokong-penyokong PAS ini bila tok guru pergi ceramah di kampung dia biasanya penceramah PAS ini sedap, dia mula dengan ayat Quran, dengan hadis, dengan sedia berjuang kalau mati berjuang Islam masuk Syurga sebagai mati berjihad, mati syahid. Gok kawan orang di kampung ni tak bersekolah lagu mana untuk nak dapat jihad berjuang ke arah Islam rela jual ayam yang tengah mengeram nak dapat pitih untuk dimasukkan ke dalam plastik rokrak. Ini sungguh-sungguh di kawasan saya berlaku ni, di kawasan Hulu Besut. Baru-baru ini dia buat ceramah di Kampung Lubok Kawah. Hamba hantar wakil kita ramai, budak-budak kita ramai dengan kasetnya kita rakam dan kita dengar semula ceramah dia. Dia kata kita berjuang untuk Islam doksoh kira *gapo* satu dan perkara lain asalkan Islam kita kena sokong apa-apapun. Kalau kita rasa tak puas hati sembahyang di masjid hak kerajaan buat ni tak apa pasal kita tak yakin dengan apa yang ada atas masjid kerajaan tu, itu adalah antara

yang disebut. Sebab itu di kawasan hamba masih terdapat dua masjid lagi ni, di Keruak satu, Darar satu, hak Darar tu kawasan hamba. Lepas tu pulak di Lubok Kawah nak buat masjid pulak dah ni dan bekas Wakil Rakyat sebelum hamba ni dulunya dia sembahyang masjid kerajaan, selepas dia menang dia kata boleh sembahyang, lening hilang tak tahu pergi ke mana. Sebab tu menasabahlah PAS ni *keluk-kelik*.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ingin juga saya menyebut perkara-perkara asas yang perlu kita buat di Terengganu kita ini ialah selaras dengan kehendak kerajaan kita. Saya tengok dalam soal pemberian e-Book, pada saya, saya ini Wakil Rakyat Kampung, kalau mesyuarat PIBG saya pergi, tanya cikgu-cikgu nak tahu gambaran dia, pandangan dia mengenai e-Book ini. E-Book ini pada keseluruhannya pada saya cikgu-cikgu jugak puji, emak-bapak tak usah royatlah, ada mak-pak hak kelakar nak mari tukar ke sekolah Terengganu nak masuk darjah 5, datang jumpa saya. Dari sudut emak-bapak, betul dia kata 'merakyatkan pembangunan' sekurang-kurangnya anak kita darjah 5 boleh e-Book, secara langsung dapat nikmat daripada duit Dana Khas, tak dapat royaltipun tak apalah asalkan pitih kita ada. Daripada apa yang saya tanya guru-guru mengenai e-Book ini, dia kata e-Book kita ini banyak menafaatnya, boleh kita beri kepada anak-anak kita kalau sekiranya kita buka kemudahan e-Book ini untuk semua akses boleh kita guna. Sekarang ini nak guna *pen drive* ini tak boleh, dia *block*, nak layar internet juga ada sekatannya. Jadi pada saya kita gunalah semaksimum yang mungkin untuk kemudahan anak-anak kita. Kita berilah peluang untuk anak-anak kita untuk guna pen drive ke, apa benda ke, janganlah ada satu-dua kes, kita pencilkan. Masuk cerita lucah maka kita seolah-olah tidak memberi peluang sepenuhnya kepada anak-anak kita untuk menggunakan e-Book ini. Biarlah kita terbuka sikit Terengganu kita ni, tak apalah anak kita nak layari apapun, biar dia layarilah tapi yang penting kepada kita, kita memberi pendidikan kepada mereka, jangan kita banyak sekatan.

Dan yang kedua, cikgu kata masalahnya pulak, cikgu ini pulak tidak diberi tugas utama untuk nak ajar budak supaya budak ini betul-betul menggunakan e-Book, budak hanya bawa pergi ke sekolah, buka e-Book, lepas buka e-Book cikgu tak tahu apa nak ajar. Jadi saya pohon Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua supaya penggunaan e-Book ini digunakan dengan sepenuhnya dengan pertolongan daripada Pejabat Pelajaran Negeri Terengganu. Dan pengerusi yang berkenaanpun kena beri tumpuanlah, maksud saya Exco yang berkenaan kena beri tumpuan sikit pasal belanja kita berkenaan dengan e-Book ini banyak, RM50 juta. Jadi biarlah Program e-Book ini dapat dimanfaat sepenuhnya oleh anak-anak kita. Dan saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana tahun ini e-Book juga akan diberi kepada guru-guru. Dan saya berharap guru-guru ini juga akan diberi latihan untuk mengajar anak-anak kita ini untuk menggunakan e-Book dan saya percaya kalau anak-anak kita ini diberi peluang dan diajar dengan betul penggunaan e-Book ini suatu masa nanti anak kita adalah di antara anak-anak yang cemerlang dalam pelajaran mereka. Mereka boleh menjawab soalan dengan menggunakan

e-Book tapi sekarang masih lagi tak boleh, e-Book hanya ada buku teks sahaja sedangkan kalau kita beri peluang kepada anak-anak kita, anak kita tak payah cari soalan-soalan lainpun mereka buka e-Book dan dalam e-Book itu sendiri telah ada banyak soalan yang boleh dibuat oleh anak-anak kita. Guru-guru juga boleh memberi bimbingan kepada anak-anak kita dengan menggunakan e-Book tetapi hari ini tidak, e-Book diberi tetapi tidak ada *follow-up,* tidak ada pemantauan daripada kita. Jadi seolah-olahnya kita memberi semacam melepaskan batuk di tangga. Kalau ini yang berlaku maka hasrat pimpinan negeri kita tidak berjaya untuk melihat anak-anak kita di suatu masa nanti menjadi anak kebanggaan kita bersama. Tak jadilah kalau kita kata anak hak tak pandai komputer itu anak Terengganu. Dengan sebab itu sekali lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memohon kerajaan mempastikan penggunaan e-Book ini dimenafaat sepenuhnya oleh anak-anak kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penghabisan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya tahun ini kalau boleh setiap DUN diberi satu dewan, setiap DUN diberi 50 buah rumah orang miskin dan kalau boleh di setiap DUN saya juga minta kepada kerajaan kalau boleh kita sedialah paling kurang setiap DUN satu padang permainan untuk belia-belia kita.

Itu sahaja dan saya juga turut menyokong. Sekian, wabillahi taufik, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Hulu Besut. Yang Berhormat yang ingin bercakap selain daripada Ladang siapakah lagi? Ya, saya jemput Ladang, selepas Ladang sebelum kita minum petang ialah Kuala Berang. Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahirrabbil alamin. Wassalatuwassalamu-ala asyrafil anbia iwamursalin. Wa-alihi wasahbihi ajmain. Rabbisyrahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yahqahuqauli. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan Pegawai-pegawai Kerajaan serta Pemerhati. Saya ingin memohon untuk turut membahaskan ucapan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja, Yang Dipertua, Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu. Ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan tapi eloklah saya mulakan dengan kawasan Ladang dulu. Sebab nampaknya Ladang ada dalam ucapan oleh Yang Dipertua, Majlis Penasihat Pemangku Raja. Pada 11hb. Januari, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Penyelaras DUN

Ladang membuat perjumpaan dengan penduduk-penduduk di Ladang yang tanah-tanah mereka diambil balik. Dan peristiwa itu telah dirakamkan dalam Terengganu kita, satu muka penuh. Penyelaras DUN Ladang ada menyebut bahawa ada seorang Wakil Rakyat, bekas Pegawai Tertinggi Kerajaan berbohong kepada penduduk Ladang berkenaan dengan pengambilan balik ini. Dalam ucapan, ceramah saya di Bukit Tunggal saya mencabarnya untuk memberitahu saya tentang perkara apakah yang saya berbohong itu. Saya juga dengan segala hormatnya meminta Wakil Jabi menerangkan kepada saya tentang butir apa yang saya bohong kepada rakyat di Ladang tentang pengambilan balik ini. Kalau boleh tolong sebut sekarang. Sedangkan saya turun ke Ladang itu sebenarnya untuk memberitahu kepada mereka tentang proses pengambilan balik. Sebagai orang yang pernah terlibat dan sebagai PTG dahulu dan terlibat dengan pengambilan balik ini dan pernah terlibat dengan perbicaraan pengambilan balik, saya cukup faham tentang proses ini. Dan saya menerangkan kepada mereka bahawa tanah-tanah mereka telah diambil balik dan tidak ada pilihan melainkan untuk terima, itu saja yang saya beritahu mereka. Tentang harga mereka *complaint* kepada saya, mereka kata kerajaan ambil murah. Saya kata pasal apa murah? Dia kata: "Cina beli harga RM110 sekaki." Saya berkata: "Ada bukti ke?" Dia kata: "Takdok bukti tapi memang dia beli RM110." Saya kata: "Dah takdok bukti nak buat guana." Kerajaan ambil balik RM60, dah ditulis dalam borang ambil balik RM60. Saya cuba memberitahu proses sebenarnya bagaimana Pejabat Penilaian membuat nilaian di situ. Saya tidak pernah menghasut bahawa kerajaan bayar murah apa semua itu, tidak. Cuma saya beritahu kalau tak puas hati hak undang-undang ada, tuan-tuan mempunyai hak untuk pergi ke mahkamah dan buat bantahan. Bila dikemukakan borang nanti untuk terima ke tak terima, ada tiga perkara yang tuan-tuan boleh buat, ini saya terangkan kepada mereka supaya mereka faham. Pertamanya, saya terima pampasan. Kedua, saya terima dengan bantahan. Ketiga, saya tidak terima. Dan mereka mempunyai hak untuk memilih antara tiga itu dan saya pergi beritahu kepada mereka ini di atas surau, nak pergi balai raya takdok balai raya, buat atas surau aje dan saya beritahu mereka sebenar-benarnya begitu. Sehingga orang kata: "Tengku ni bercakap bagi pihak kerajaan ke?" Sehinggakan mereka berkata begitu. Lepas itu saya dituduh berbohong dan membohongi rakyat. Ini tidak adil dan sebab itu saya cabar.

Kemudian berkenaan rumah, rumah juga diambil balik dan dibayar dengan harga yang agak lumayan sebenarnya. Saya tahu yang buat nilaian itu profesional dan daripada Pejabat Penilaian. Sekali lagi saya terangkan kepada mereka, kalau tak berpuas hati boleh pergi ke mahkamah. Cuma yang saya terkilan ada 22 buah rumah yang terpaksa dirombak kerana terlibat dengan pengambilan balik ini tetapi tidak dibayar kerana rumah-rumah ini dibina di atas rezab kubur, rezab parit, rezab jalan dan memang kalau ikut peraturan tidak payah dibayar sebab duduk atas tanah kerajaan tetapi tidak juga menyalahi undang-undang kalau kerajaan nak bayar. Dan apa salahnya kalau mereka dibayar sedangkan perpindahan di Pantai Pandak, Chendering, pernah mereka yang terlibat dibayar walaupun mereka

duduk di atas rezab. Dan ada soalan yang lepas berkenaan dengan sebuah rumah di sebelah Bintang di sana, walaupun duduk di atas rezab jalan tetapi dibayar dengan nilai lebih kurang RM50,000 ataupun 30% yang mana lebih mahal. Maknanya kerajaan kalau mahu bayar, dia boleh bayar dan apa salahnya mereka yang terlibat itu dibayar, mereka ini terpaksa berpindah dan mereka telah duduk bertahun di sana. Jadi saya dengan penuh hormatnya memohon kerajaan supaya mengasihani mereka dan membuat bayaran walaupun bukan atas nama ambil balik tetapi bayaran sagu hati kepada mereka. Tolonglah, orang kita semua ni. Dan begitu juga di Paya Bunga, walaupun mereka duduk lama telah 30 tahun di situ, mereka terpaksa pindah tapi apa salahnya kalau mereka dibayar, kalau kita boleh berbelanja beribu, berjuta untuk benda-benda yang lain, kenapa tidak boleh dibayar? Bayarlah. Ini harapan sayalah.

Kemudian yang ambil balik tanah ini yang dibayarnya bukan kerajaan tetapi Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu sebab pengambilan balik tanah ini ialah di bawah 3C, ini untuk makluman sahabat-sahabatlah. Sebab kerajaan tidak boleh ambil balik tanah untuk tujuan selain daripada untuk *public.* Jadi untuk membuat tujuan pembangunan yang lain tidak boleh diambil melainkan oleh syarikat ataupun agensi-agensi yang lain. Dan agensi-agensi yang lain ini terpaksa bayar 115% lebih daripada kos sebenarnya. Cuma mengapa digunakan wang daripada Lembaga Tabung? Bukankah wang ini diwariskan dan kita simpan untuk warisan generasi kita? Apa untung kita ambil wang ini dan bukankah ini penghakisan tabung ini? Mengapa diambil wang daripada tabung ini untuk dibayar? Apa untungnya kepada tabung ini? Dahlah kita ambil tabung ini untuk memberi pinjaman kepada Majlis Perbandaran Kemaman untuk Projek Bandar Baru Kijal yang dipinjam daripada duit ini. Mengapa diambil daripada sumber ini?

Kemudian tanah di Wakaf Tok Pelam ini adalah Wakaf Tanah Zuriat, tanah wakaf, Wakaf Zuriat namanya. Dan saya telah memberitahu kepada waris-waris sebab waris-warisnya begitu ramai mungkin ratusan dan mungkin ribu dah, Allahuwa'alam. Tok Pelam mati dia tidak meninggalkan anak, cuma meninggalkan seorang isteri dan berkembang, jadi masing-masing duk kata dia waris. Jadi saya beritahu kepada Majlis Agama supaya selesaikan masalah ini dan saya beritahu waris-waris yang masih ada tolong selesaikan perkara ini supaya jangan berlarutan nanti semua orang *claim* sebagai waris. Jadi saya beritahu kepada Pegawai di Majlis Agama supaya membuat perbincangan secara terbuka siapa nak kata dia waris, marilah. Kita bicara dan kita tentukan dan kita putuskan di situ. Dan saya juga beritahu kepada wakil penduduk yang katakan waris Tok Pelam supaya terus berhubung dengan Majlis Agama dan saya sanggup membantu. Itupun dia orang kata saya masih berbohong.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian, masih berkenaan dengan Ladang ni. Orang-orang yang terpaksa berpindah nanti akan berpindah dan *dioffer* flat atau kondo di Ladang Gemilang untuk tinggal di sana.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! Boleh rujuk kepada saya. Tak payah tengok ke sebelah sana, Yang Berhormat boleh tengok kepada saya. Tunjuk ke sayapun tak apa. Apa-apa yang Yang Berhormat cakap tu hadap kepada saya, tak payah sebelah sana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebelah sini sikitlah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebab kedudukan dia macam ni, jadi payahlah sikit.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pasal kes hak kata bohong tu duduk di sebelah sana.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, seingat saya, saya tak kata bohong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, saya kata Penyelaras kata bohong.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Haa ..... bukan saya yang kata bohong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kemudian disebut pula oleh Wakil Jabi, dia kata *'wat lolok'* bukan bohong, *'wat lolok'.*

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): *'Wat lolok'* lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Serupalah tu, lebih kurang.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Mana serupa, *'wat lolok'* dengan bohong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Jadi kalau berpaling macam ni, sakit tengkok sikit ni, tak berapa sedap tapi tak apalah berpaling sekali sekala, tak apakan.

Tentang sewa tadi, ada dua jenis. Satunya RM800 dan satu lagi RM350. Saya ada juga menyebut dalam Dewan yang lepas, supaya sewa itu dijadikan 'sewa-beli' tapi setakat ini masih sewa, tidak dijadikan 'sewa-beli'. Walaupun sebenarnya Yang Amat Berhormat ada menyebut bahawa dia kata di sini: "Malah dalam

perkembangan terbaru Menteri Besar berjiwa rakyat ini menyatakan kerajaan sanggup menjual secara sewa-beli." Dia memberitahu kepada penduduk-penduduk yang hadir pada malam itu maknanya kerajaan sanggup buat secara sewa-beli tetapi sekarang ini masih lagi secara sewa. Jadi kalau boleh sewa-beli, dia kalau boleh nak sewa kemudiannya jadi beli. Kemudian ada satu lagi *offer* yang Yang Amat Berhormat beri, saya nak baca ni: "Tidak cukup untuk itu, kerajaan akan memberi subsidi kepada unit-unit rumah itu sekurang-kurangnya bernilai sebuah kereta Proton Saga. Kereta Proton Saga saya tanya kelmarin harga dia RM44,000. Jadi maknanya kerajaan sanggup memberi subsidi sebanyak RM44,000.

Kemudian tentang nak mintak rumah ini pula, dia kena isi borang. Borang ini dikeluarkan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Borang Permohonan Sewa Pangsapuri Ladang Gemilang, Kampung Ladang Kuala Terengganu dan biasanya borang-borang ini dia kena mintak pengesahan, kalau dulu nak mintak Bantuan Yayasan Terengganu, Yayasan hendak borang itu disahkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dan termasuk Wakil Rakyat daripada Pembangkang yang mula-mulanya tak terima lepas itu barulah diterima tapi nampaknya borang ini di mana pengesahannya hendaklah disahkan oleh Penyelaras DUN. Apa kena mengena Penyelaras DUN ini, pasal apa Penyelaras DUN? Hendaklah disahkan oleh Penyelaras DUN, Pengerusi JKKK, Penghulu, Ketua Jabatan dan Pegawai Daerah tidak termasuk ADUN. Apakah ADUN ini sudah tidak relevan atau macam mana? Ataupun ini memang arahan daripada kerajaan ataupun pandai-pandai SEDC saja? Ataupun pegawainya saja, Allahuwa'alam, saya tidak mahu menuduh tetapi tak apalah biarlah Yang Amat Berhormat menjawab. Ataupun memang Yang Berhormat DUN Pembangkang ini sudah tidak diiktiraf dah? Tolong jawab. Dan saya juga ingin mengemukakan rayuan kepada penduduk di sana supaya mereka diberikan kesempatan untuk memohon dan meluluskan tanah di tempat lain untuk perpindahan dan mereka akan mengemukakan perkara ini dalam sehari dua lagi kepada Pejabat Tanah. Berapa minit lagi saya ada, ke panjang lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Takkan 5 minit, tadi saya tengok Yang Berhormat Hulu Besut setengah jam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pukul 3.20 tadi. Dia lebih sikit sebab dia Penyokong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah, terpulang kepada Yang Dipertua, saya bercakap ajelah kalau sampai masa berhenti, suruh berhentilah.

Saya nak sebut sikit tentang Bandaraya. Di kawasan Kampung Cina ada disebutkan sebagai kawasan heritage dan telah diwartakan sebagai *'Heritage Building'.* Cuma saya nak tahu bagaimana dengan orang-orang yang memiliki bangunan dan tanah di situ, apakah mereka dibenar untuk jual-beli ataupun buat *renovation* dan sebagainya? Apakah mereka dinafikan hak dengan tanah mereka untuk membangun sesuatu di atas tanah itu yang telah diwartakan? Jadi saya mohon untuk dapatkan penjelasan. Saya juga melihat tentang kemudahan-kemudahan, ini juga termasuk sedikit tentang pelancongan. Saya melihat bangunan Restoran Terapung masih terapung dan tidak dibuka sehingga sekarang, apakah masalah dia? Saya nak tahu mengapa ia dibiarkan begitu lama tidak dibuka dan dibiarkan seperti tidak ada apa-apa dibuat? Dan dalam perjumpaan dengan kaum-kaum Cina baru-baru ini, mereka merungut tak ada tempat untuk memanggil orang datang sama ada daripada Taiwan ke, Hong Kong ke yang datang, tidak ada tempat makan yang sesuai untuk mereka. Mereka bersungut nak bawa pergi ke mana mereka (pelancong) ini. Dan mereka (kaum Cina) ini agak rasa terkilan kerana pihak Pelancongan Negeri tidak memanggil atau menjemput mereka untuk berbincang tentang bagaimana atau berkait dengan soal-soal pelancongan ini bagaimana nak menarik pelancong datang dan apakah yang perlu dibuat tidak pernah diajak mereka untuk berbincang, ini kata mereka.

Saya nak beralih sedikit kepada ECER.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 4 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah beberapa minitpun, saya bercakap lagilah, sampai masa suruh berhenti nanti saya berhentilah.

Ada Soalan Bertulis saya tentang ECER, tentang banyak sangat projek-projek yang dicadangkan tetapi semuanya merupakan dalam peringkat kajian, selepas kajian, kajian, selepas kajian, kajian, saya tak tahu bilakah nak dibuat. Cuma saya agak keliru sedikit, misalnya satu infrastruktur iaitu pembinaan Jambatan Bukit Kuang, Kemaman. Saya mendapat tahu bahawa jambatan ini pernah ditender dahulu oleh JKR, kemudian ditangguhkan dahulu dan akhirnya diserahkan kepada ECER. Jadi saya nak tahu dan nak tumpang tanyalah, bagaimanakah kriteria yang digunakan untuk menyerahkan (membahagikan) yang mana kementerian patut buat dan yang mana ECER buat. Apakah kriteria yang digunakan? Mengapa tidak diteruskan oleh JKR saja dan mengapa pula diserah kepada ECER dan ECER ini mengambil peruntukan daripada mana? Apakah peruntukan telah diberi oleh Kerajaan Pusat kepada ECER atau dari sumber yang lain? Dan ECER ini juga disuruh buat kajian untuk menanam pisang, nenas dan saya ingat benda-benda macam ini tak payah ECERlah, padan Pejabat Pertanian aje benda-benda begitu. Kalau nak bela kambing ke, benda-benda macam itu tak payah ECERlah. Takkan ECERlah benda-benda begitu, mana fungsi Pejabat Pertaniannya kalau begitu. Benda-benda yang kecil begitu melambatkan semua

perkara. Memang banyak sangat projek-projeknya tetapi saya tak tahulah sama ada dia *on the ground* dah ke ataupun masih di awan-awan, masih fikir-fikir, masih dikaji dan selepas itu tak ada apa-apa.

Seterusnya, saya nak bertanya lagi tentang hasrat kerajaan untuk mengadakan *Free Trade Zone* di beberapa tempat. Apakah ini kuasa negeri ataupun mesti mendapat kebenaran daripada Kerajaan Pusat. Dan kalau ada, apakah telah mendapat kelulusan/keputusan daripada mereka ataupun kita masih berangan-angan begitu saja dulu. Apakah perbincangan telah dibuat dan apakah keputusan yang telah ada untuk mewujudkan *Free Trade Zone* di beberapa tempat itu, katanya di Kenyir, di airport dan beberapa tempat lain lagi.

Kemudian tentang penjawat awam, ada disebut di dalam muka surat 20 dalam buku ucapan oleh Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja yang meminta supaya penjawat awam memberikan dan mengatakan penting penjawat awam ini dari segi *delivery system* berjalan dengan baik. Saya dulu pernah menjadi Pengerusi Persatuan TCS, menjadi Pengerusi Koperasi TCS, jadi semua yang ada ni dikira anak-anak buahlah. Biasanya bila ada pertukaran kita berbincang dulu, ada *committee* yang *handle.* Saya nak tanya apakah pertukaran pegawai-pegawai ini dibuat begitu sahaja ataupun melalui proses perbincangan, dibawa ke *committee* dan sebagainya. Saya bertanya ini dan minta maaflah saya tidak bersikap personal kepada pegawai-pegawai ini tapi prinsip. Ada pegawai-pegawai yang terlalu *junior* dan terus diangkat satu, dua, tiga, empat tangga untuk menduduki kerusi yang tinggi dengan menafikan hak anak buah yang lain. Dan ada juga penempatan pegawai-pegawai ini tidak mengikut seniority. Lalu dijawab memang tidak mengikut seniority tapi melalui performance, perkara ini berlaku di banyak tempat. Jadi penempatan tidak melambangkan kedudukan seseorang pegawai dan ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan kalau tidak dari segi moralnya kita jatuh dan rasa tidak puas hati akan berlaku, sosek di belakang, kata tidak bagus begini, ini tidak bagus sebenarnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, ayat akhir Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dia dua-tiga kali akhirkan? Jadi kita akhirkan yang pertama dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang terakhir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Begitu juga di Pejabat Agama, disebut ada 29 orang/jawatan yang belum diisi betul ke tidak Allahuwa'alam tapi itu mengikut report pada tahun lepas ada 29 jawatan yang belum diisi. Kemudian berkenaan dengan dan sebelum saya disekat saya nak sebut sikit lagi walaupun ada lagi perkara lain, saya nak bertanya lagi. Hari ini, saya minta maaflah banyak bertanya sikit. Tentang pertukaran alamat. Ada dua orang suami-isteri yang pergi ke Pejabat Pendaftaran,

nak buat pertukaran alamat. Mereka diberitahu bahawa tidak boleh dan tidak dibenarkan membuat pertukaran alamat, kena dapat surat pengesahan daripada JKKK dulu. Perkara ini saya baru dengar, jadi saya nak mintak pengesahan adakah begitu syaratnya, apakah itu arahan, apakah itu dasar ataupun bagaimana? Mereka nak tukar alamat daripada Manir ke Ladang, mereka sekarang duduk (tinggal) di Ladang tetapi tidak dibenarkan .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Mintak laluan sekali. Hak nak tukar itu ibu tunggal ke apa statusnya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Hak nak tukar itu ibu tunggal ke guana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebut dah tadi, dia dua orang. Hai.... tak dengar jugak ni. Suami dan isteri saya kata tadi. Si suami bernama Abdullah bin Chik dengan Putih binti Ibrahim. Kalau nak sebut 'i.c'pun saya boleh sebut. Mereka ini telah pergi ke Pejabat Pendaftaran kerana nak tukar alamat tetapi tidak boleh, dikata oleh seorang kerani perempuan, hak mana satu saya tak tahulah. Dia kata tidak boleh dan kena dapat pengesahan daripada JKKK dulu. Apakah itu merupakan arahan ataupun pandai-pandai aje dan saya kesal dengan perkara itu sebenarnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat. Sila habiskan ayat untuk berhenti Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, akhir yang kedua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lebih banyak dah saya beri tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nak tanya jugak, Kilang Air Nira Nipah di Kelulut tu saya duk lalu sokmo nampak macam tutup dah ataupun memang sengaja tutup? Kemudian saya nak mendapat pengesahan tentang pembinaan Permata. Boleh saya minta seminit dua lagi Dato' Yang Dipertua? Boleh, ya. Bolehlah tu, angguk aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hak tupun lama dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dewan kitakan. Tadika Permata ini diambil di bawah peruntukan mana dan siapakah yang terlibat di dalam pembinaannya, maksudnya Golden Pharos adakah terlibat? Saya tak tahu bagaimana keterlibatan Golden Pharos dalam pembinaan Permata ini, minta pengesahan.

Tentang e-Book ini yang dikatakan Indonesia, Oman dan UAE membuat tempahan awal untuk 200 unit bagi satu negara. Kalau mengikut Ucapan Bajet yang lepas, kita telah beri 200 unit bagi satu negara, jadi hak mana satu betul, telah diberi ke ataupun baru ditempah? Bajet yang lepas ada menyebut bahawa "Ketika ini kita telah membekalkan e-Book ke Indonesia dan United Arab Emirates dan Arab Saudi yang ingin menilai keberkesanannya di dalam memperkasakan pendidikan di negara masing-masing. Dan Top-IT telah menghantar 200 unit kepada setiap negara tersebut." 'Telah menghantar' tapi di sini katanya 'telah menempah' jadi hak mana satu tapi tak apalah selesai kajian telah dibuat ke atas keberkesanan penggunaan e-Book ini, hak mana se tu tolong beritahu hak betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Permohonan terakhir kepada Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sikit aje lagi. Biar saya habiskan ayat dulu. Oleh kerana e-Book ini semua budak-budak ada belaka dah orang-orang tua di depan ni nak juga kalau boleh ada notebook. Kalau boleh semua Wakil Rakyat ini juga dibekalkan dengan notebook.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semua ini ada belakah dah, Ladang aje takdok lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dah beri ke Ladang sudahlah, doksoh beri hak lainlah. .....(Dewan Gelak) ..... Terima kasihlah kalau begitu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, Ladang tu kena ambil hak lain dulu seorang, biar menikah dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya minta maaflah tadi kalau mengganggu Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi Rabbil Alamin. Wabihi Nastain. Assalatuwassalamu-ala asyrafil anbia iwamursalin. Sayyidina Muhammadin wa-alihi wasahbihi ajmain.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, para Pemerhati dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sidang hadirin sekalian. Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah S.W.T. kerana pada hari ini dapat kita sekali lagi mengadakan Persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali yang seterusnya. Ini adalah berkat daripada rahmat yang Allah telah berikan kepada kita dan kita berharap bahawa keberkatan ini akan berterusan sehingga bila-bila.

Terlebih dahulu saya memohon maaf kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana suara saya kurang elok sikitlah. Pertama-tamanya, saya pada kali ini ingin merakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya bukan menjadi Speakerlah tetapi untuk bersama-sama membahaskan Usul Ucapan Penghargaan Dan Terima Kasih ke atas Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri kita semalam oleh Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja. Di mana di dalam ucapan beliau semalam, kita dapati banyak perkara yang disentuh dan diberitahu kepada kita yang mana di antara ucapan Yang Teramat Mulia semalam yang ada kaitan dengan saya ialah penekanan kepada pembelaan untuk rakyat miskin dan juga yang berpendapatan rendah. Selain daripada itu juga di dalam Ucapan Yang Teramat Mulia semalam beliau ada menyatakan program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan khususnya untuk peningkatan pendapatan kepada golongan-golongan petani yang banyak di kawasan kami di Hulu Terengganu. Semalam juga di dalam ucapan beliau, Yang Teramat Mulia juga telah menekankan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah banjir. Di samping itu juga, yang hendak saya tekankan pada hari ini ialah kerajaan telah memberi penekanan kepada usaha untuk mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan juga luar bandar. Dan Hulu Terengganu memanglah dikategorikan sebagai Daerah Luar Bandar. Jadi jelas di dalam ucapan beliau semalam agar kita semua bersepakat dan juga merancang dengan sebaik mungkin bagi memastikan ekonomi negeri kita akan terus stabil. Jadi saya rasa saya pada kali ini tak nak ulas yang lain Dato' Yang Dipertua, kalau boleh saya dalam masa yang terbatas ini saya ingin menekankan kepada apa yang berkaitan khususnya bagi daerah saya Hulu Terengganu dan juga terutamanya bagi kawasan saya di Kuala Berang.

Pertama-tamanya Dato' Yang Dipertua, saya nak imbas kembali, nak lontarkan kembali bahawa kita semua sedia maklum, kita semua sedia mengetahui sejarah telah tercatat bahawa di Hulu Terengganu banyak peninggalan sejarah ketamadunan manusia seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada baru-baru ini iaitu tamadun awal manusia daripada Zaman Mesolitik dan juga Neolitik dahulu lagi, mungkin jutaan tahun asal mereka yang kita jumpai di Gua Gunung Bewah dan di sini diakui oleh Pengkaji Arkeologi. Begitu juga kita sedia maklum bahawa di Hulu Terengganu dahulu juga merupakan sebuah

pelabuhan terawal yang dikenali sebagai Foloan yang diakui oleh Sejarawan Cina. Begitu juga kita sedia maklum di Hulu Terengganu terjumpanya Batu Bersurat yang semua orang sedia maklum yang merupakan lambang ataupun penanda aras tentang karya Islam terawal di negara kita. Begitu juga kita sedia maklum di Hulu Terengganu juga tidak kurang dengan sejarah kepahlawanan orang-orang Hulu Terengganu menentang penjajah terutamanya pada masa penjajahan British pada tahun 1928 dahulu yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman Limbong, Tok Janggut dan ramai lagilah. Begitu juga kita sedia maklum bahawa di Hulu Terengganu juga merupakan bermulanya Kerajaan Kesultanan Melayu Terengganu yang ada pada hari ini. Jadi sehubungan dengan itu, saya mewakili rakyat Hulu Terengganu sangat berharap, sangat-sangat memohon kepada Kerajaan Negeri beberapa tamadun awal tadi supaya bersama-sama kita bersungguh-sungguh melaksanakan kehebatan supaya kita dapat pastikan bahawa kita wujudkan ketamadunan ini seiring dengan 'Pelancongan Sejarah'. Kita tidak mahulah ianya menjadi sebagaimana kita lihat hari ini perkara tersebut walaupun sudah ada usaha-usaha yang dilaksanakan tetapi saya nampak umpama kata orang 'hidup segan matipun tak mahu'. Sebelum inipun kita sudah dengar berbagai perkara yang telah dijanjikan oleh kerajaan, contohnya janji kerajaan untuk membina Pusat Penulisan Jawi tetapi sehingga hari sudah tiga-empat tahun dah saya nampak belum dilaksanakan lagi. Jadi saya berharaplah jangan jadi janji ini sebagaimana kata orang Asli yang berada di kawasan Y.B. Rozi, Sungai Berua, dia kata: "Cakap saja tak kenyang encik." Jadi saya berharaplah supaya kita bersama-sama mengambil satu sebagaimana ayat Allah di dalam Surah Al-Aaraf, ayat 179 yang bermaksud: "Mereka ada hati tetapi tidak merasa dan mereka ada mata tetapi tidak melihat, mereka ada telinga tetapi tidak mendengar." Maksud saya mungkin kita lihat Hulu Terengganu macam itu hebatnya, tamadun awalnya hebat, sejarah awalnya yang begitu cemerlang tetapi kita lihat hari ini tak berasa apa, sekadar tengok dan dengar: "Ooh ... hebatnya", begitu aje. Jadi saya sangat berharaplah selepas ini mungkin ada usaha, ada kesungguhan supaya:

Bila terbang nanti,
Biarlah terbang dengan jauh,
Lompat biar tinggi,
Rancang biar bersungguh,
Rancang biar jadi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): (Mencelah) .... Bina biar runtuh. .... (Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hari ini sebagaimana yang kita tahu petunjuk ekonomi menjadi indeks penting dalam kemajuan sesebuah negara, merujuk

kepada teori manapun hari ini kita dapat simpulkan bahawa kekuatan sesebuah kerajaan atau apa saja adalah kerana kekuatan ekonominya. Dalam bahasa mudahnya orang kampung kata 'ada pitih boleh jadi belaka'. 'Ada wang abang sayang, tak ada wang abang melayang' tapi Y.B. Ladang takdok masalah wangnya banyak kawan saja takdok.

Melihat kepada senario ini maka saya ingin mengajak kepimpinan negeri dan juga pegawai-pegawai kerajaan di Terengganu untuk bersama-sama kita mottokan, kita slogankan selepas ini dengan slogan "Jom Kita Pakat Gi Tolong Hulu Terengganu Pulak", Kuala Berang khususnya kerana kita sedia maklum di Terengganu kita ini ada 7 daerah, jadi 7 daerah 7 bandar saja bukan banyak bandarpun, 7 sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): 7 ke 8 tadi tu, Kuala Nerus termasuklah tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Tak lagi, 7 sahaja. Jadi kita lihat hari ini dan semalam kita dengar nak buka pulak dah Bandar Baru Bukit Besar, Bandar Baru Kijal, minta maaflah Dato' MB. Jadi hak bandar yang ada dah ni kita bangunkanlah, sebagaimana yang saya sebut tadi bandar yang hebat, ada tamadun awal, sejarah awal, pahlawan hebat dan Kesultanan Terengganupun bermula dari sana. Kalau negara lain kita tengok bukan setakat hak ada dia jaga, hak takdokpun dia adakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, saya tengok Yang Berhormat Kuala Berang tu diapun tak tengok kepada Yang Dipertua tapi Yang Dipertua tidak tegur. ....(Dewan Gelak) ..... Tak adil tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pasal dua-dua tu mari belah hulu belaka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Tak saya duk intai-intai aje kot-kot ada yang berkenaan oleh Ladang, mana tahu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ladang, Kuala Berang ni pernah jadi Speaker dalam sidang lepas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf, minta maaf, terlupa saya. ....(Dewan bertambah gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kuala Berang ada 5 minit lagi, kalau nak mintak-mintak ajelah, dahlah bunga-bunganya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Jadi saya nak khabornya sebab apa? Kita ada 7 daerah, Hulu Terengganu ini daerah abangnya ialah Kuala Terengganu, daerah berjiran dan dekat aje. Kita tengok pembangunan di Kuala Terengganu, sangat hebat, cemerlang, bagus, kerajaan kita buat dengan hebat tapi hak Hulu Terengganu hak nampak hebat ini dan apabila saya *check* dengan Pejabat Kesihatan dan sekolah kurang orang (penduduk), anak-anak yang baru lahir didapati berkurangan, kurang unjuran dari segi pertambahan penduduk. Saya duk cari sebab apa kurang orang ni? Rupa-rupanya orang kurang beranak lening kerana api cerah sikit. .....(Dewan Gelak) .... Maksud saya yang saya nak khabornya, kita daerah yang berjiran, Kuala Terengganu dengan Kuala Berang dekat saja, 40 kilometer saja. Kalau dulu kalau saya nak pergi ke Kuala Terengganu mengambil masa dalam 35 atau 45 minit saja tapi hari ini walaupun jalan dah empat lorong memakan masa sejam, kalau paling cepatpun mengambil masa 50 minit saya boleh sampai. Maknanya arus pembangunan yang berlaku di tengah jalan ni bukan di Kuala Berang sana. Jadi kita harap sebagaimana hadis Nabi kata: "Barang siapa beriman kepada Allah dan hari kemudian hendaklah dia menghormati jirannya." .....(Dewan Gelak) .... Maknanya jiran ni kena jaga. Semua bandar yang maju dan dikunjungi ianya memerlukan jiran yang sentiasa makmur dan ada wang. Jadi jiran ini kena jaga dia, kalau jiran susah, jiran kita tidak hebat susah rumah jiran hak kaya ni susah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tengok ke saya Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Jadi saya begitulah nak menyatakan Dato' Yang Dipertua, perbezaan pembangunan sangat ketaralah antara Hulu Terengganu dengan Kuala Terengganu dan kalau dengan Kemaman memanglah jauh lebih Kemaman, Besut dengan Jertih Souqenya. Tetapi terima kasihlah bagaimana kata Menteri Besar tadi telah banyak pada tahun lepas dan tahun dulu-dulunya banyak peruntukan diberi untuk longkang, jalan, ada Pasar Kuala Berangpun daripada RM2 juta kepada RM 9 juta lebih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak penjelasan sikit. Boleh ke Kuala Berang?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Sabar, sabar, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Yang Berhormat, sabar dia kata.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Pasar Kuala Berang ini saya rasa antara pasar yang pertama escalator ada di Malaysia inilah saya ingat tapi pasar sajalah. Maksud saya banyak program pembangunan rakyat yang perlu kita buat khususnya saya tengok hari dan saya nampak di Kuala Berang itu kita perlu membina bandarnya dengan unit-unit perkedaian. Hari ini untuk makluman Ahli Dewan sekalian, unit kedai kalau kita tengok di sebelah JKR, Perumahan MAIDAM harga sewanya hari ini saya rasa lebih mahal daripada Kuala Terengganu RM3,400 sebulan untuk dua tingkat, malahan hak dua buah kemudiannya dia letak harga RM3,800. Maknanya sebab apa harganya mahal? Sebabnya tidak ada pertambahan unit kedai yang banyak. Sayapun dukacita jugak saya ada terima surat daripada sebuah jabatan kerajaan, saya tak mahu beritahulah jabatan mana, jabatan ini memberi jawapannya: "Berkait dengan perkedaian Pusat Bandar Kuala Berang, hasil analisa kos dan analisa daya maju, didapati projek ini tidak berdaya maju untuk dilaksanakan kerana penyediaan anggaran kos infrastruktur adalah terlalu tinggi berbanding dengan jumlah unit kedai yang dapat dimajukan." Amboi! Tengah bandar. Ini dekat Batu 24 ni dekat dengan bandar, nak jual berapa bangunan tu, nak bagi sewa harga berapa? Sebab apa agaknya harga barang di Kuala Terengganu murah dan di Kuala Berang mahal ke harga simen ke, kayu ke, pasir ke, mahal ke. Maknanya nak beritahu dan nak menyatakan bahawa inilah nak khabornya saya rasa dukacitalah jabatan kerajaan yang memberi jawapan yang tidak berdaya maju. Sedangkan untuk makluman semua, kalau kita nak beri kepada developer (pemaju) dengan izin, banyak kemajuan yang nak mari. Kita tak hendak beri kerana kita merasakan kita sayang, kita bimbang sebab bila sewa RM3,400 – RM3,800 itu siapa yang dapat sewanya, orang Melayu? Minta maaflah kalau saya sebutkan jadi isu perkauman. 1 Malaysia betullah 1 Malaysia ....(Dewan Gelak) ... Jadi maksudnya nak khabornya beginilah, kita mengharapkan TNB, TNB ini berhutang untuk makluman dia berhutang dan tidak bayar kepada Cukai Taksiran hak yang buat dam tu, hingga 2008 RM20 juta, betullah perkara ini dalam mahkamah tu, mahkamahlah tetapi dia untung beratus-ratus juta setahun, suku tahun dah berapa juta untungnya. Betullah perkara ini dibawa ke mahkamah tetapi padanlah macam ni. Kita di Hulu Terengganu ini sangat mengharapkan kesungguhan daripada kerajaan terutamanya sebab kita nak sebagaimana ayat yang saya bacakan tadi iaitu untuk menjaga jiran kita Kuala Berang yang tak lama lagi akan hampir dengan Kuala Terengganu. Kita takut nanti akan jadi terlalu berbeza jurang antara pembangunan Kuala Berang khususnya bandar Hulu Terengganu dengan Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Habis dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi? Penghabisan Yang Berhormat. Kita nak berehat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Nak berehat dulu ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila habiskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Baru sikit ni. Jadi saya putus angin dah kalau sebut macam ni. Jadi saya nak khabornya, nak sambung ni untuk makluman Dato' Yang Dipertua di mana dalam Ucapan Yang Teramat Mulia ada mengatakan banyak hal berkait dengan pembangunan yang akan dilaksanakan di Tasik Kenyir. Saya ucapkan terima kasih banyak kepada Kerajaan Negeri untuk membangunkan Tasik Kenyir dan akhirnya kita harap supaya limpahan pembangunan di Tasik Kenyir itu akan melimpah ke Bandar Kuala Berang, itu yang saya harapkan. Terima kasih. Di samping itu jugak kita harap disegerakan pembinaan Zon Bebas Cukai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, duduk sekejap Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita akan berikan peluang kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Berang berucap semula selepas daripada rehat nanti lebih kurang 5 minit, kemudian insyaAllah kalau ada cukup masa Yang Berhormat Bukit Payong, Kemasik dan Bukit Tunggal. Kena masuk awallah selepas saya tangguhkan mesyuarat, kita masuk semula pukul 4.05 minit petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.45 PETANG.

PUKUL 4.05 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Nampaknya kuorum cukup, dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Kuala Berang untuk perhabis penggulungan kepada ucapannya. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya sambung semula ucapan saya berkait dengan Kuala Berang dan Hulu Terengganu di mana kita harap supaya di samping unit-unit kedai ditambah, juga diharap supaya dilihat bangunan-bangunan kerajaan yang ada di Hulu Terengganu itu kerana didapati kebanyakan bangunan-bangunan kerajaan dalam keadaan usang dan juga uzur di mana ini akan memberikan tanda yang tidak sihatlah kepada masyarakat kedudukan bangunan-bangunan pejabat yang kurang selesa. Kita juga berharap supaya diperbanyakkan seperti dewan, pusat-pusat sukan dan rekreasi. Kita juga berharap Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, supaya dilihat kembali kedudukan laluan trafik yang saya nampak akhir-akhir ini semakin sesak, banyak kemalangan yang berlaku dan juga kita berharap supaya satu lagi jambatan baru dapat dibina di Kuala Berang sebagai alternatif kalau sekiranya berlaku kecemasan dan sebagainya. Dan alhamdulillahlah, saya tengok jawapan Bertulis yang saya tanya untuk Jambatan Kuala Berang ini akan dipohon melalui RMK-10 oleh Kementerian Kerja Raya. Saya harap RMK-10 nanti akan menjadi kenyataan dibina di Kuala Berang. Begitu juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita juga berharap polisi supaya 'satu DUN satu masjid' yang kita laksanakan selama ini dapat diteruskan, dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana saya dapati jawapan Dewan ini saya rasa tidak berapa tepat kerana untuk tahun 2008 – 2009 bagi DUN saya tidak ada yang dibina masjid-masjid baru, yang ada Binjai Kertas tahun 2006 dan Tapu untuk 2007 dan yang kita buat sekarang ini ialah lanjutan kerana penolakan yang telah diluluskan pada tahun 2007. Tapi untuk tahun 2008 – 2009 memang tidak ada masjid baru yang dibina di kawasan saya.

Di Hulu Terengganu sebagaimana yang saya sebut di awal tadi sebenarnya kita hari ini sangat kekurangan rakyat, yang mana kekurangan rakyat ini akan memberi *effect* besar kepada kecairan ekonomi dalam pasaran. Jadi kita berharap supaya dapat dibina IPTA ke, IPTS yang lebih besar sebagaimana yang kita sedia maklum politeknik yang dicadang dulu masih belum dapat kita lihat pembinaannya. Begitu juga hari itu kita telah cuba melaksanakan atau kita cuba membawa harapan Gemulah Dato' Razali, bekas Ahli Parlimen Kuala Terengganu yang berharap supaya dapat dibina satu pusat Kolej Matrikulasi di Hulu Terengganu. Dan jugak

kita harap supaya kita tidak jauh ketinggalan berbanding dengan daerah-daerah yang lain supaya akhir nanti kita berharap dapat juga dibina sebuah universiti yang seumpamanya di Hulu Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, saya juga pada hari ini akan cuba untuk menekankan pembangunan yang telah dilaksanakan di Tasik Kenyir. Di mana sebagaimana disebut pada awal tadi, kita dapati semalam Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah berusaha dan telah mengambil langkah untuk membangunkan Tasik Kenyir ini dengan Projek Kenyir Island Hopping yang merangkumi macam-macam program yang dilaksanakan. Kita harap juga supaya pembinaan cadangan-cadangan tersebut dapat dilaksanakan, seperti katanya dulu nak buat *cable car,* juga dengan berbagai-bagai taman yang ada kita harap supaya dapat dilaksanakan dengan seberapa cepat yang boleh supaya ianya menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi khususnya untuk rakyat Hulu Terengganu. Walau bagaimanapun juga kita berharap cadangan Zon Bebas Cukai itu juga dapat dilaksanakan dengan seberapa segera dan kita harap pembinaan Zon Bebas Cukai ini dibuat dengan secara yang lebih baik supaya kita tak nak jadi Zon Bebas Cukai di Langkawi dengan kedatangan barang-barang yang kurang kualiti. Apa salahnya kalau boleh kita masukkan dalam program Zon Bebas Cukai ini dengan barang-barang yang berjenama yang boleh menjadi penarik dan pemangkin kepada kedatangan pelancong dari luar negara yang mungkin merupakan golongan yang dapat berbelanja besar yang akhirnya kita harap dengan belanja besar mereka ini dapat memberi nikmat kepada rakyat Hulu Terengganu juga.

Dan kita juga sedia maklum bahawa sebenarnya program ini seharusnya lama dah kita patut buat kerana kita sedia maklum bahawa orang Hulu Terengganu ini telah banyak berkorban dalam pembinaan Tasik Kenyir ini. Kita sedia maklum Tasik Kenyir ini telah ditakungi air dengan beratus ribu ekar di mana kita hilang tanah di Hulu Terengganu. Dengan Tasik Kenyir jugak kita hilang balak beribu-ribu ekar. Tasik Kenyir juga kita hilang pekerjaan, pekerjaan hutan, pekerjaan berasaskan kayu, kita hilang pekerjaan balak jugak hasil balak, kita hilang flora dan fauna, kita hilang tumbuh-tumbuhan, kita hilang binatang-binatang buas dan jugak pendapatan buruan, kita hilang galian mungkin jugak kekayaan, kita hilang kejernihan air. Ini untuk maklumanlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila habiskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Jadi kita harap dengan program ini kita juga berharap supaya satu kajian dibuat hasil daripada pembangunan ini diharap satu kajian dibuat apakah nikmat nanti sebenarnya yang akan diperolehi oleh rakyat di Hulu Terengganu. Walaupun kita tengok kerajaan telah umum berjuta-juta ringgit untuk bina dan pembangunan di Tasik Kenyir ini, kita harap satu kajian dibuat supaya akhir nanti kita mengharapkan orang-orang di Hulu Terengganu tidak hanya melihat pembangunan yang berlaku

biarlah mereka juga akan mendapat nikmat dari hasil Tasik Kenyir tersebut. Begitu juga yang paling menakutkan orang-orang di Hulu Terengganu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini kita dikejutkan dengan gempa bumi kononnya tetapi tak tahulah kita tidak dapat pengesahan yang sebenarnya di mana kita telah dikejutkan bahawa di Hulu Terengganu berlaku, di Kenyirpun berlaku gempa 2.4 skala richter, kita mintak Allah jauhkanlah kalau benar-benar berlaku ni. Kita takut nanti kita akan jadi sebagaimana Kerajaan Sabah dan juga Chemia dalam tamadun awal manusia dahulu yang mana boleh menghancurkan sebuah kerajaan kerana kealpaan kita. Jadi inilah kita harap satu kajian, satu usaha dibuat di samping untuk kita mengelakkan daripada bencana yang kita mintak Allah jauhkan jugak kita harap supaya ada satu langkah keselamatan dam perlu dilaksanakan. Kita lihat hari ini di Kenyir yang jaga dam itu 2 – 3 orang sekuriti yang bertugas di empangan, apa salahnya kita wujudkan batalion askar, satu kem askar yang boleh mengawal kerana kita dapati hari ini kawasan Tasik Kenyir itu terdedah kepada orang awam, penceroboh-penceroboh masuk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Jadi akhirnya Dato' Yang Dipertua, saya nak sampaikan sedikit bidalan. Kita berharap kita tidak umpama dedalu yang menumpang tuah atau semalu yang hilang maruah. Dan saya pinjam Y.B. Ya punya satu pantun, percayalah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kami orang Hulu Terengganu umpama bah kapal tak hanyut Jadi dengan kata-kata itu, saya meminta maaf banyak-banyak, terima kasih banyak-banyak kerana memberi peluang kepada saya pada hari ini untuk memberi sepatah-dua kata dan jugak saya akhirnya menyokong Usul yang dibawa. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Saya jemput seterusnya Wakil Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, summalham-dulillah. Wassalatuwassala mu-alarasulillah wa-ala-alihi wa-ashabihi wattabi-i nalahumbi ihsan illayaumiddin ammaba'. (Membaca petikan ayat daripada hadis Lokman bin Basyir).

Yang dihormati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, Pemerhati, hadirin dan hadirat yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian. Saya sengaja membacakan hadis oleh Lokman bin Basyir yang menceritakan tentang satu kedudukan kelompok masyarakat seperti penumpang-penumpang yang berada dalam satu kapal. Sabda Nabi S.A.W. perbandingan dengan orang yang berusaha untuk menegakkan segala perintah dan suruhan Allah dan orang yang melakukan kejahatan dan kesalahan itu seperti satu kaum, mereka mengundi untuk berada di dalam satu bahtera yang ada dua tingkat.

Maka sebahagian daripada mereka terpaksa berada di atas dan sebahagian yang lain berada di bawah. Maka menjadi kebiasaan orang-orang yang berada di bawah, mereka terpaksa apabila mahu mendapatkan air mereka melalui di bahagian atas, sehingga mereka berkata: "Kalaulah kita menebuk kapal ini dengan satu tebukan agar kita tidak menyusahkan orang." Maka jika semua penumpang-penumpang kapal itu membiarkan cita-cita penumpang yang ada di bawah dan kehendak mereka, nescaya mereka semua binasa. Tetapi jika kita bersepakat untuk memperbetulkan keadaan yang ada, mereka selamat semuanya. Seringkali kita mendengar ucapan-ucapan daripada pihak kerajaan yang menyindir dan menganggap bahawa Yang Berhormat Ahli-ahli daripada pihak Pembangkang hanya cuba untuk memburukkan kerajaan tapi hakikatnya kami bukan termasuk di kalangan yang cuba untuk membiarkan kesilapan-kesilapan dan kesalahan-kesalahan yang berlaku kerana kerajaan ini adalah kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Rakyat mahukan kebaikan sudah pasti yang baik itu kalau kita tidak beritahupun yang baik tetap baik dan memberi kebaikan. Tetapi yang bimbang yang buruk, yang rosak, yang busuk dan yang tidak betul itu jika dibiarkan dan dialpakan akan memberikan kerosakan bukan sahaja kepada kerajaan tetapi kepada seluruh rakyat dan generasi akan datang. Oleh kerana itu kita mesti menganggap bahawa apa dia pahit, apa dia manis daripada pandangan-pandangan itu dinilai dengan positif untuk kebaikan kita semua.

Hari ini saya mahu bercakap dua perkara berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu. Yang pertama, beliau menyebut mengenai pencapaian akademik perlu selari dengan pengukuhan pembelajaran agama berkali-kali saya menyebut di dalam Dewan ini bahawa peranan Kerajaan Negeri dalam berkaitan dengan sistem pendidikan agama perlulah dibayangi dengan kesungguhan dan perlu dilaksanakan dengan serius kerana Negeri Terengganu ialah negeri yang kaya. Belanjawan atau Bajet yang besar bagi Negeri Terengganu, seluruh negeri-negeri yang ada di Semenanjung, Bajet yang besar ialah Negeri Terengganu. Kenapa dengan belanja yang besar dengan negeri yang kaya ini kita tidak boleh untuk menggunakan sebahagian besarnya bahkan berperanan untuk mengukuhkan kefahaman agama Islam dan memperkembangkan sekolah agama kepada rakyat Terengganu khususnya kepada generasi akan datang. Kalau kita melihat dan pernah kita menyebut bahawa jumlah Sekolah Agama Negeri Terengganu terkebelakang kalau hendak dibandingkan dengan beberapa negeri seperti Johor, seperti Selangor, seperti Kedah, seperti Kelantan, jumlah sekolah agama mereka lebih banyak daripada negeri kita yang jumlah sekolah agama yang sedikit, itupun yang sudah lama diwarisi daripada Tok Guru-Tok Guru yang membina pondok kita seperti Sekolah Durian Guling diasaskan oleh seorang Tok Guru, Sekolah Tok Jiring diasaskan oleh seorang Tok Guru dan beberapa sekolah yang diwarisi oleh Tok Guru-Tok Guru, sekolah-sekolah agama yang ada di negeri kita hari ini itupun berada dalam celaru. Pihak pentadbiran peringkat sekolah-sekolah agama dan guru-guru menjadi pening melihat pengurusan hari ini, ada di kalangan daripada mereka bersuara: "Siapa yang berkuasa sebenarnya

di sekolah-sekolah itu, di sekolah-sekolah agama yang asalnya di bawah pengurusan Kerajaan Negeri?" Sehingga mereka terpaksa sekali mengikut pihak Kerajaan Pusat, sekali lagi terpaksa berada di bawah Kerajaan Negeri. Apakah pihak Kerajaan Negeri hari ini tidak mampu mentadbir sendiri? Apakah Kerajaan Negeri Terengganu hari ini tidak memiliki keupayaan sendiri untuk mentadbir sekolah-sekolah agama yang sedikit ini? Kenapa sekolah agama sangat diperlukan untuk membangunkan insan? Ini membuatkan ibubapa di mana kita melihat akhir-akhir ini bahkan kajian telah dibuat oleh pensyarah-pensyarah universiti UKM dan beberapa lagi, mereka membuat kajian bahawa ibubapa sangat berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama, contohnya kajian dibuat oleh Muhammad Yaseer Abu Hassan merumuskan dalam kajiannya bahawa pembentukan personaliti adalah dipengaruhi oleh kefahaman dan penghayatan agama. Dapatan ini menunjukkan sekolah agama mampu mengekang permasalahan sosial yang kian menggugat personaliti remaja. Pengetahuan agama yang diperolehi kelihatan mampu membendung gejala sosial meskipun terdapat segelintir pelajar sekolah agama yang turut terjebak dalam isu-isu sosial. Ini kajian yang dibuat oleh pakar-pakar, oleh intelektual, ini sedikit sebanyak memberi dorongan kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama untuk melahirkan satu personaliti yang baik buat anak-anak mereka dan agar tidak terlibat dalam gejala sosial. Banyak kajian yang membuatkan bahawa masyarakat hari ini sangat yakin dengan sistem pendidikan agama boleh memberikan kebaikan kepada anak-anak mereka sehingga mendorong permintaan yang tinggi. Tapi saya melihat Kerajaan Negeri terlalu menumpukan kepada sistem pendidikan untuk golongan elit dan golongan cemerlang sedangkan manusia ini tidak semua yang cemerlang, tidak semua yang cerdik. Inilah yang disebut oleh Nabi S.A.W. (yang bermaksud): "Manusia ini seperti bahan galian sebagaimana galian emas dan perak." Ada orang yang cerdik dapat 5A, dapat keputusan yang tinggi, dapat kecemerlangan dalam pengajian mereka tapi ada orang yang hanya jenis besi, ada yang jenis tembaga. Ada orang yang mungkin tidak boleh 5A dengan sebab masalah keluarganya, dengan masalah personalitinya, dengan masalah kemiskinannya, dengan berbagai-bagai permasalahannya. Dia yang membuatkan kemungkinan dia tidak mampu untuk mencapai kecemerlangan di peringkat UPSR. Bila dia mahu masuk ke sekolah-sekolah agama yang ada seperti IMTIAZ dan sekolah apa-apapun yang elit, mereka tidak diberi ruang kerana mereka memiliki keputusan yang tidak cemerlang. Kita melihat kajian yang dibuat bahawa orang-orang yang cemerlang dalam pendidikan ini, walaupun ada segelintir mereka terlibat dalam masalah sosial tetapi mereka yang terkebelakang keputusan pendidikan mereka, pengajian mereka tidak cemerlang, mereka inilah seringkali yang membawa permasalahan yang berbagai-bagai dalam masyarakat. Alangkah baiknya kalau kerajaan berfikir semula ataupun kerajaan menentukan polisi yang baik untuk membina sistem pendidikan agama bukan sahaja kepada mereka yang memiliki kecemerlangan tetapi sekolah pendidikan agama untuk mereka yang berada dalam keputusan yang tidak cemerlang dengan harapan apabila mereka dididik di sekolah-sekolah agama, mereka akan lebih cemerlang, mereka akan menjadi orang yang lebih baik, mereka akan menjadi golongan yang berguna kepada masyarakat di masa

yang akan datang. Sekolah agama sepatutnya dibina dengan berperingkat-peringkat sehingga boleh dikatakan satu DUN ada sekolah agama, sekolah agama untuk memberi ruang kepada anak-anak, memberi ruang kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka berdasarkan permintaan yang tinggi, berdasarkan kepentingan pendidikan agama, menangani permasalahan sosial yang parah, Kerajaan Negeri hari ini yang kaya berasaskan kepada kita mampu melakukan sistem pendidikan yang baik. Kalaulah kita boleh membina masjid-masjid baru dengan peruntukan yang besar walaupun masjid-masjid itu sudah ada, kadang-kadang masjid yang ada itu masih sesuai, masih kukuh untuk diimarahkan ini bukan bermakna saya mempertikaikan pembinaan masjid tetapi saya meminjam semula apa yang disebutkan oleh rakan-rakan berasaskan teori ke'alauwiyah' (keutamaan). Kita bina masjid yang besar sukar untuk kita nak cari Imam dan Bilal, kita bina masjid yang besar, kita sukar untuk mencari guru-guru agama kerana apa? Kerana sekolah-sekolah agama kita perlu diperbanyakkan. Kita memiliki banyak peruntukan, kita boleh rugi dalam tanaman strawberry di Sekayu RM200,000. Kita boleh memberikan anggaran yang besar untuk tanaman anggur. Kita boleh beri peruntukan yang besar kepada berbagai-bagai lagi, apakah kita tidak boleh menggunakan peruntukan besar ini juga untuk memperluaskan lagi sekolah-sekolah agama di negeri kita. Saya tidak bersetuju kalau dikekalkan aliran agama di Sekolah Aliran Arus Perdana melainkan kalau ia untuk sementara waktu sahaja.

Yang kedua, saya menyokong jika Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat agar meminta Sekolah-sekolah Sistem Pendidikan Arus Perdana di peringkat menengah yang banyak di dalam negeri kita ini diberikan satu sekolah itu agar ditukar menjadi Sekolah Sistem Pendidikan Agama, kalau KUSZA kita boleh beri kepada Pusat untuk dijadikan universiti, apakah salah kalau di peringkatkan Pusat menyerahkan satu sekolah di satu DUN untuk Kerajaan Negeri mengurus dan mentadbir berasaskan Sistem Pendidikan Agama yang diselaraskan. Saya mencadangkan jugak sekolah agama ini bukan sahaja ditekankan kepada tahfiz Quran walaupun tahfiz Quran itu penting tapi ada orang yang akalnya cerdik yang boleh menghafaz Quran, ada orang yang tidak mampu menghafal Quran tetapi pembelajaran agama mesti diutamakan gabungan sekolah agama dengan ilmu-ilmu kemahiran hidup. Pembelajaran agama wujud di situ juga diajar tentang kemahiran-kemahiran hidup, jika mereka tidak mampu menjadi engineer, jika mereka tidak mampu menjadi pensyarah, jika mereka tidak mampu untuk menjadi golongan profesional tetapi sekira-kiranya mereka memiliki pelajaran agama, mereka menjadi buruh, mereka menjadi tukang, mereka menjadi pekerja-pekerja mahir di kampung yang memiliki pelajaran agama. Dengan harapan Sistem Pendidikan Agama ini perlu diperbanyakkan untuk generasi

.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 4 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): 4 minit dah ke 4 minit lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 4 minit lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat masuk gear lambat tadi Yang Berhormat tak sedar. Silakan.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang ketiga, dalam menjayakan motto 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan', saya mengharapkan supaya apa yang ditulis 5M, memantau dan yang lebih penting ialah mengenakan tindakan yang sewajarnya agar tidak menjatuhkan kredibiliti kepimpinan yang ada dan agar orang mula menilai dan melihat bahawa kita memang bersikap baik terhadap rakyat. Isu fokus saya, Sekolah Rendah Kedai Buloh dikatakan baru-baru ini cikgu-cikgu bagi beg sekolah kepada pelajar-pelajar, pelajar-pelajar bawa beg balik ke rumah, dokdang dua-tiga hari cikgu beritahu pulak beg-beg hantar semula sebab Pengerusi JKKK kata kena sain dia dulu baru nak beri. Cikgupun kutip semula kerana cikgu ini tahap (kuasa) dia kurang daripada Pengerusi JKKK. Anak murid ini bagus, mereka hantar semula. Sehingga hari ini saya mendapat maklumat beg-beg sekolah itu masih banyak di sekolah. Saya mengharapkan pemantauan yang lebih baik, ini contoh sahaja. Saya mengharapkan pihak kerajaan memantau dengan sebaik mungkin, mengawasi sebaik mungkin, yang pasti dan yang penting ialah kita membantu rakyat, kita memberikan kepercayaan, kalau Pengerusi tak luluspun cikgu lulus cukup dah, cikgu kenal anak-anak murid dia yang susah, miskin, cikgu boleh lulus dan berilah, yang penting kita nak tolong rakyat.

Yang keempat, saya merasa sedih bila membaca Sinar Harian menyebut SPRM menahan 10 Penguatkuasa PBT. Kita tertanya-tanya adakah ini memang berlaku? Disebut sedikit dalam Berita Minggu di tengah-tengah ucapan Menteri Besar dan Menteri Besar menafikan perkara itu. Tapi kita mahu tanya dan minta penjelasan dalam Dewan ini adakah persoalan ini memang benar berlaku? Jika benar berlaku apakah tindakan kerajaan terhadap golongan Penguatkuasa yang ditangkap oleh SPRM. Kalau tidak berlaku apakah kerajaan bersedia untuk bertemu dengan akhbar yang buat laporan yang tidak betul ini agar mereka jangan mencemari ataupun membuat laporan-laporan palsu terhadap kerajaan di masa-masa yang akan datang.

Yang kelima, beberapa pegawai dan kontraktor .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak memperbetulkan kenyataan tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Saya membuat penafian bahawa tidak ada Penguatkuasa PBT yang terlibat, dalam akhbar itu disebut 'PBT' dan yang terlibat ialah Penguatkuasa jabatan lain (Persekutuan) bukan 'PBT'. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ya, saya tanya sebabnya memang jelas disebut dalam surat khabar ni pada Khamis, 1 April 2010 dan jika Yang Amat Berhormat Menteri Besar menafikannya apakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersedia untuk memperbetulkan tindakan yang dibuat oleh akhbar ini yang dibaca oleh seluruh rakyat yang memalukan Pihak Berkuasa, yang memalukan pihak kerajaan dan pentadbir.

Yang terakhir, kontraktor-kontraktor berbunyi dan mereka melihat bahawa kerajaan hari ini memang bersungguh-sungguh untuk membuat projek tetapi tidak bersungguh untuk membayar segala usaha-usaha projek yang telah siap dibuat. Antara contohnya, Jalan Chendering – Marang, dikatakan jalan itu sudah siap tapi dimaklumkan dan diberitahu kepada saya bahawa pembayaran terhadap kontraktor yang melaksanakan projek itu sehingga hari ini tidak dibayar, itu yang dimaklumkan kepada saya. Saya mintak penjelasan tentang persoalan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat, 1 minit lagi. Kita ada rakan-rakan lain lagi.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang terakhir, yang terakhir sekali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, pendek saja.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang terakhirnya kerana 'merakyatkan pembangunan dan pentadbiran'. Isu tentang tanah kubur yang berlaku di Rantau Abang, di Cukai, yang berlaku di beberapa tempat yang didedahkan di dalam akhbar. Saya nak bertanya pada pagi ini tetapi tidak sempat dan saya mengharapkan pihak kerajaan memberi penjelasan apakah tindakan mereka terhadap pencerobohan yang dilakukan ini. Apakah kerajaan bertegas untuk mengenakan beberapa golongan yang telah mencerobohi kubur ataupun tanah perkuburan ini agar kita bukan sahaja menjaga rakyat kita yang hidup tetapi jugak kita menjaga tanah perkuburan yang di dalamnya rakyat kita yang sudah meninggal dunia. Mudah-mudahan kita semua mendapat berkat dan mendapat rahmat dalam Dewan yang mulia ini. Saya mohon menyokong. Assalamualaikum warahmatullah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Payong. Saya jemput Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulilahi rabbil alamin. Wassalatuwassala mua-ala asyrafil anbiar iwarmursalin. Wa-ala alihi wa-ashabihi ajmain. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul di Dewan yang mulia ini bagi membahaskan Ucapan Perasmian oleh Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja bagi menyempurnakan Istiadat Pembukaan Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas. Saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada Yang Dipertua Dewan kerana memberi saya peluang untuk saya membahaskan ucapan tersebut.

Dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima banyak menyentuh segala bidang dan kawasan-kawasan dan ruang-ruang semuanya diperkatakan dalam ucapan. Yang saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini ialah berkenaan dengan ECER. Dalam teks ucapan yang disediakan terdapat 4 teras utama yang akan dibangunkan dan diketengahkan oleh ECER. Di antaranya berkenaan dengan pendidikan, pelancongan, sektor petro-kimia dan pertanian. Juga dituliskan dalam muka surat yang kelima iaitu lapan projek lagi yang akan dijalankan dalam tahun 2010. Saya suka menyatakan di sini, antara projek yang akan diketengahkan adalah Kelompok Industri Polimer Kertih (Kertih Plastic Park). Dalam ucapan ada disebut sekiranya siap kelak akan menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir 10,000 lebih pekerja-pekerja yang akan disiapkan secara berperingkat sehingga tahun 2020. Saya mengambil kesempatan di sini dengan berteraskan gagasan 'merakyatkan pembangunan', saya pohon supaya diberikan satu penekanan oleh Kerajaan Negeri agar diberi keutamaan kepada satunya warga Terengganu dan khususnya kepada masyarakat dan mereka yang berada di kawasan setempat yang saya percaya mempunyai kelulusan yang bertepatan dan dikehendaki dan yang berpengalaman memandangkan banyak projek yang telah dilaksanakan yang telah dibangunkan dengan jayanya di kawasan tersebut. Jadi hasrat saya semoga satu usaha yang melalui agensi-agensi Kerajaan Negeri, melalui saluran-saluran yang dibenarkan agar kita meminta sedikit komitmen daripada syarikat minyak negara kita Petronas agar memastikan tenaga-tenaga kerja yang bakal diambil, yang akan bertugas di kawasan itu diberikan keutamaan kepada warga-warga daripada Negeri Terengganu secara amnya dan juga daripada Daerah Kemaman khususnya, insyaAllah.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini daripada maklumat yang saya tahu akan dijalankan satu projek yang cukup besar iaitu pada tahun 2011 iaitu menaik taraf Kilang Memproses Gas GPPA di kawasan Industri Kertih dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2011 dengan menggunakan belanja melebihi RM200 juta. Jadi di kesempatan ini juga saya pohon semoga satu pengkhususan kalau boleh diwujudkan semacam satu agensi yang menyelia dan menyelaraskan pengambilan pekerja-pekerja bagi menyempurnakan, bagi menjalankan kerja-kerja di kawasan ini. Saya yakin dan percaya jika kita berjaya menyediakan peluang pekerjaan seberapa banyak yang boleh kepada anak-anak Terengganu, masalah-masalah yang kita hadapi terutamanya daripada golongan-golongan remaja, daripada golongan belia setidak-tidaknya kita dapat mengurangkan dan saya percaya itulah yang akan berlaku sekiranya kita dapat memastikan keadaan seperti ini berlaku.

Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas atas kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu kerana telah berjaya memastikan pencapaian terutamanya murid-murid UPSR yang mana kita telah berjaya menjadi negeri terbaik untuk 9 tahun berturut-turut dengan pencapaian 15% daripada calon-calon mendapat semua A. Bagi tujuan untuk mencapai hasrat ini memerlukan komitmen yang sangat tinggi. Begitu jugak dengan hala tuju pembangunan Pelajaran Negeri Terengganu seperti yang dinyatakan di dalam muka surat kedua, 'satu wawasan satu gagasan 201052' telah diketengahkan dan insyaAllah saya yakin dan percaya dengan komitmen Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar hasrat itu dapat kita capai dengan jayanya. 20% pelajar UPSR mendapat 5A, 10% pelajar PMR, 5% pelajar SPM dan 2% pelajar STPM mendapat semua A menjadikan satu gagasan dan satu hala tuju bagi tujuan pembangunan pelajaran Negeri Terengganu iaitu 'Terengganu Negeri Anjung Ilmu'. Ia satu program satu usaha yang telah diperjuangkan setelah sekian lama terutamanya terbukti kejayaannya dah 9 tahun berturut-turut mencapai keputusan terbaik UPSR. Jadi satu hasrat satu tujuan ke arah menaikkan dan meningkatkan modal insan yang mana satu-satunya kaedah dan cara yang terbukti keberkesanannya ke arah menaikkan taraf sosio-ekonomi masyarakat di Terengganu, insyaAllah. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah atas gagasan yang didokongi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita.

Saya juga ingin mengambil perhatian berkenaan dengan perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana saya ada sedikit terlibat. Berkenaan dengan satu industri yang begitu mendapat sambutan baik di luar Negeri Terengganu yang telah mendatangkan satu pendapatan baru kepada mereka yang terlibat. Saya juga berpeluang yang mana mengikuti beberapa mesyuarat yang melibatkan pembangunan pertanian dalam fokus ekonomi ke arah membasmikan kemiskinan. Yang saya maksudkan di sini adalah berkenaan dengan Industri Memikat Burung Walit. Jadi saya memohon agar diberi satu penekanan yang bersungguh-sungguh ke arah menyelesaikan terutamanya masalah garis panduan penyelarasan Industri Memikat Burung Walit. Sesungguhnya industri ini telah memberi satu pulangan yang lumayan kepada mereka yang melibatkan diri dalam industri ini. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih atas usaha yang dimainkan oleh Jabatan Veterinar dan jugak Jabatan Pertanian ke arah memastikan industri ini wujud daripada akar umbi sehingga ke tahap yang paling tinggi. Dalam mesyuarat Fokus Ekonomi yang melibatkan Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar dan juga ICU ada disediakan program seperti peruntukan untuk membina sarang Burung Walit dan juga memberi bantuan-bantuan berbentuk bantuan ternakan haiwan yang mana adalah selari dengan hasrat dan gagasan yang diketengahkan oleh Kerajaan Negeri iaitu ke arah 'merakyatkan pembangunan dan pentadbiran'.

Saya juga mengambil kesempatan di sini sekali untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana bersungguh-sungguh dalam usaha

mendemokrasikan pembahagian rumah, merakyatkan pembangunan dalam hasrat untuk menyediakan kemudahan perumahan kepada rakyat Terengganu. Seperti yang telah dibentangkan dalam mesyuarat yang lepas hampir 11,000 rumah akan dibina di dalam Negeri Terengganu dari tempoh sekarang hingga ke 2013. Ini selari dengan hasrat kerajaan untuk memastikan rakyat Negeri Terengganu kepada mereka yang layak dapat memiliki dan menduduki rumah yang selesa keadaannya.

Dan juga di kesempatan ini saya daripada ADUN Kemasik sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah berjaya menyelesaikan sebahagian daripada masalah yang begitu dipandang serius oleh masyarakat terutama di kawasan FELDA kerana memberi peruntukan untuk membina 300 unit rumah kos rendah untuk generasi kedua di Rasau, Kertih.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, dalam muka surat kelima belas sebagai satu hala tuju pembangunan Kerajaan Negeri Terengganu ada dinyatakan hasrat Kerajaan Negeri bagi membangunkan Bandar Baru Bukit Besar di Kuala Terengganu dan juga Bandar Baru Paya Lasir di Kijal. Pada hemat saya, ini adalah satu usaha yang bagus, satu usaha yang sangat dan patut didokongi sepenuhnya dalam usaha kita untuk menyusun semula sebahagian daripada kawasan perbandaran kita. Di sini saya mengambil kesempatan memohon Kerajaan Negeri supaya memberi sedikit perhatian terhadap pembangunan menghidupkan kembali Bandar Seri Kertih yang telah dibangunkan pada pertengahan tahun 1980an. Jadi apa yang ada sekarang di Bandar Seri Kertih ini dibangunkan bersama dengan dua-tiga bandar di Terengganu dan sehingga hari ini pada hemat saya pembangunannya agak *stagnant,* tidak ada pembangunan dengan izin. Jadi saya pohon perhatian daripada Kerajaan Negeri agar dapat dibangunkan, dapat dihidupkan kembali dan dapat diadakan prasarana-prasarana, infrastruktur-infrastruktur ke arah meningkatkan pembangunan di situ, ke arah menambahkan keceriaan di kawasan itu dan saya percaya sedikit sebanyak akan memberi *spin-off effect* dengan izin, yang akan memberi pembangunan-pembangunan di kawasan sekitar. Apa yang saya maksudkan kalau boleh dilihat agar diwujudkan prasarana-prasarana yang dapat meningkatkan keceriaan seperti apa yang sangat-sangat dipohon, sangat-sangat diminta, sangat-sangat dikehendaki oleh masyarakat setempat adalah terminal bas ekspres, pasar baru dan jugak kalau boleh diwujudkan rumah kedai-kedai yang baru, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Sekejap lagi, dalam 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila habiskan dalam 4 minit lagi.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): InsyaAllah. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam usaha kita untuk 'merakyatkan pembangunan' dan selari dengan hasil usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam Program Membasmikan Kemiskinan, jadi ada disebutkan dalam muka surat 12, iaitu satu hala tuju Kerajaan Negeri adalah agar miskin tegar sifar pada tahun 2010 dan jugak miskin 2.8%. Dalam perkara ini saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan nasib nelayan-nelayan dan jugak pekerja-pekerja industri perikanan di kawasan saya. Yang paling diutarakan atau bersungut orang di tempat saya kata, siang-malam, pagi-petang dan menjadi topik hebat diperkatakan di kedai-kedai kopi adalah masalah mendaratkan ikan, masalah untuk berlabuh, masalah untuk membawa perahu-perahu kecil masuk ke sungai dan kesusahan ini begitu menjadi nyata dan terserlah terutamanya pada musim tengkujuh. Jadi saya pohon perhatian daripada Kerajaan Negeri agar diberikan satu pendekatan, satu perhatian yang serius terhadap mendapan di Kuala Kemasik dan juga Kuala Kertih. Saya difahamkan mantan Y.B. Kemasik dulupun sentiasa mengenengahkan isu ini dalam Dewan. Jadi Wakil Jabi dia mengenengahkan isu Lata Belatan kalau tak salah saya, jadi saya Wakil Kemasik mengenengahkan isu tanpa orang kata penat dan letih, insyaAllah kita perjuangkan semoga diperkenankan oleh kepimpinan negeri agar muka kuala itu dapat kita perdalamkan semoga masalah yang berlarutan lebih 20 tahun dapat kita selesaikan.

Di kesempatan ini jugak saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke kawasan saya bagi meninjau keadaan dan juga infrastruktur longkang-longkang utama di Kemasik dan di Kertih. Saya sekali lagi mewakili Kemasik mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga atas persetujuan untuk diadakan satu kajian menyeluruh bagi memastikan masalah banjir, masalah kekurangan longkang-longkang utama dapat diatasi secara total.

Akhir sekali Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan supaya satu kajian secara khusus dan saya rasa tepat pada masa dan ketikanya agar diwujudkan satu Hospital Pakar di Daerah Kemaman memandangkan di Kuala Terengganu dah ada dan juga kadang-kadang kebetulan bila saya melawat kawan-kawan yang masuk hospital terutama Hospital Pakar di Kuantan keadaan hospitalnya penuh. Jadi apa yang saya ingin katakan dari segi *demand* dia sangat bagus. Dan memandangkan kita melalui anak syarikat milik Kerajaan Negeri Terengganu ada memiliki Hospital-hospital Pakar di luar Terengganu, jadi saya cadangkan tepat pada masa dan ketikanya diberikan satu kajian, satu perincian yang khusus agar diwujudkan satu Hospital Pakar di Kemaman, insyaAllah. Satu lagi saya ingin mencadangkan diadakan satu kajian untuk diwujudkan satu kawasan industri kecil dan sederhana seperti Kampung Labuhan yang mana tanah kawasan di situ tanah milik kerajaan. Jadi itulah saja, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan. Saya mohon menyokong. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya minta maaf kepada Yang Berhormat Bukit Tunggal kerana tidak sempat, jadi saya anjak ke esok, orang yang pertama berucap pada hari esok. InsyaAllah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita tangguhkan sidang ini ke pagi besok, jam 9.30 pagi. Sebelum bersurai marilah sama kita bersurai dengan jayanya dengan membaca doa kita Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 7 APRIL 2010

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Haji Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita bermesyuarat marilah kita bersama-sama dengan penuh ikhlas membaca doa Ummul Kitab mudah-mudahan mesyuarat dan persidangan kita hari ini akan diberkati oleh Allah S.W.T. dan akan menjadi ikhtiar yang berjaya bagi memajukan negeri yang kita cintai demi untuk rakyat dan Negeri Terengganu Darul Iman. Al-Fatihah. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita memulakan Soalan-soalan Lisan yang diberi notis pada pagi ini, sukacita saya mengalu-alu dan mengucapkan 'Selamat Datang' kepada hadirin dan khususnya pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Lela Segara seramai 120 orang, rakan-rakan Pemerhati daripada DUN Kuala Besut, 40 orang, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Tunggal, 40 orang, pelajar Sekolah Menengah Agama Durian Guling, 95 orang dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Matang, 40 orang serta Pemerhati-pemerhati individu yang tidak dapat saya umumkan satu persatu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk memulakan Soalan Lisan pada pagi ini saya menjemput Wakil Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan saya untuk hari ini ialah soalan 1.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dimaklumkan soalan nombor 1 ini ditolak di bawah Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Hulu Besut, saya jemput Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

Apakah polisi hiburan Kerajaan Negeri Terengganu dan senaraikan berapa jumlah pusat hiburan seperti Karaoke dan Music Bar yang diluluskan mengikut daerah?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi dan salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, para Pemerhati dan para pelajar yang dihormati sekalian.

Kerajaan mengeluarkan lesen kepada pengusaha Pusat Karaoke yang memenuhi syarat melalui penguatkuasaan Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 2002 dan Kaedah-Kaedah Hiburan Dan Tempat Hiburan 2003.

Jumlah lesen Pusat Karaoke yang dikeluarkan oleh pihak PBT di seluruh Negeri Terengganu adalah sebagaimana berikut:

1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	-	7
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	-	20
3.	Majlis Perbandaran Dungun	-	6
4.	Majlis Daerah Besut	-	7
5.	Majlis Daerah Marang	-	4
6.	Majlis Daerah Setiu	-	2
7.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	-	0
	JUMLAH :	-	46

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan Yang Berhormat? Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan yang pertama. Saya ingin mendapat penjelasan yang lebih spesifik daripada Yang Amat Berhormat tentang polisi hiburan Kerajaan Negeri Terengganu kerana yang terakhir saya difahamkan Yang Amat Berhormat sendiri telah bertemu dengan bintang Bollywood dan bercadang untuk membawa bintang-bintang Bollywood ke Negeri Terengganu. Jadi saya pohon penjelasan awal tentang polisi yang berjalan ini, apakah Terengganu akan dibollywoodkan oleh Yang Amat Berhormat sendiri?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan itu telah ditolak tapi untuk penjelasan ianya tidak ada kena mengena dengan soalan asal Yang Berhormat ADUN Batu Burok. Bollywood itu

datang untuk nak buat penggambaran filem bukan untuk mengadakan persembahan di karaoke-karaoke kita. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok, saya difahamkan ramai peminat Bollywood ni. Ada tambahan lagi? Sila Wakaf Mempelam. Minta maaf Bukit Payong, saya nampak Wakaf Mempelam dulu. Wakaf Mempelam peminat Bollywood nombor satu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Pasal saya pakai baju terang sikit.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMED (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, guana pagi-pagi ni berebut belaka, sama-sama hijau berebut pulak dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan pusat-pusat hiburan, karaoke dan sebagainya ini, suatu ketika dulu kalau tidak silap ingatan saya, ada peraturan kalau hari Khamis malam Jumaat tu dia diarah tutup kerana menghormati malam Jumaat, adakah peraturan itu masih kekal? Dan jugak saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan pengawalan kerana telah berlaku di banyak tempat dan kita harap tidak di Terengganu sejauh mana kita kawal salah guna pusat-pusat hiburan ini untuk kegiatan-kegiatan lain dan adakah pernah dibuat serbuan dan sebagainya khusus untuk Terengganu? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana saya jelaskan tadi, setiap lesen yang dikeluarkan mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu iaitu di bawah penguatkuasaan Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 2002 dan juga Kaedah-kaedah Hiburan dan Tempat Hiburan 2003. Sebelum dilesenkan pihak PBT akan memeriksa tempat-tempat berkenaan dan kalau ia berbentuk bilik dia mestilah *transparent* (bilik cermin) yang nampak dari luar dan begitu jugalah kalau terbuka ia hendaklah cerah dan cukup cahayanya dan tidak gelap yang boleh menimbulkan berbagai perkara yang tidak diingini. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semasa saya menjadi Exco Kerajaan Tempatan dulu saya pernah membuat serbuan dan lawatan bersama Penguatkuasa ke beberapa tempat untuk mempastikan keadaan dipatuhi. Begitu juga satu lagi iaitu setiap hari Khamis malam Jumaat tidak dibenarkan pusat hiburan dibuka termasuk juga hiburan-hiburan lain dan ianya berkuatkuasa sejak dulu lagi dan terus diamalkan sehingga kini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Bukit Payong, sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Adakah pihak kerajaan telah mengenalpasti ataupun telah menemui beberapa pusat hiburan yang telah diluluskan ini melanggari ketetapan-ketetapan yang telah dibuat dan apakah tindakan segera yang dilakukan oleh pihak kerajaan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita telah membuat penilaian dan mengadakan pemeriksaan dari masa ke semasa sebab itulah terdapat beberapa buah pusat karaoke yang sehingga kini kerajaan tidak pernah mengeluarkan lesen kerana berlakunya perlanggaran arahan sebagaimana disebutkan tadi. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan seterusnya saya menjemput Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Berapakah hasil pengeluaran padi bagi sehektar untuk kawasan KETARA dan kawasan-kawasan di luar KETARA bagi tahun 2005 hingga 2008. Apakah usaha kerajaan untuk mencapai sasaran pengeluaran seperti yang ditetapkan?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama yang ditanya oleh Yang Berhormat Rhu Rendang berkaitan dengan pengeluaran padi di Terengganu pada tahun 2005 di kawasan KETARA dan juga luar KETARA.

Pengeluaran Padi Di Kawasan KETARA

KAWASAN	2005	2006	2007	2008
KETARA	4.7 mt	4.3 mt	4.7 mt	4.7 mt
LUAR KETARA	3.0 mt	3.6 mt	3.0 mt	2.8 mt

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan mempunyai suatu perancangan sekurang-kurangnya untuk menghasilkan makanan yang mencukupi bagi Negeri Terengganu ataupun seberapa maju yang dapat sehingga mencapai kemampuan untuk dieksport ke negeri lain.

Adakah Yang Berhormat mempunyai angka berapa peratus pencapaian yang dihasilkan daripada keperluan yang sepatutnya?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Memang kerajaan mempunyai perancangan untuk mempercukupkan makanan dalam negeri kita. Untuk pengetahuan Yang Berhormat sehingga kini Kerajaan Negeri sedang bercadang untuk meningkatkan lagi pengeluaran hasil padi di Negeri Terengganu ini selain daripada kita meningkatkan kawasan padi yang telah lama ditinggalkan dan kita juga membuka jelapang baru yang diperkenalkan di Negeri Terengganu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sekarang ini kita insyaAllah, pada akhir tahun ini kita akan menambah kawasan jelapang baru kita daripada 200 ekar kepada 800 ekar. Dan insyaAllah, pada tahun hadapan kita akan menambah lagi dengan wujud dan siapnya sistem pengairan yang lengkap terutama kawasan jelapang di Setiu sebagaimana yang dimaklumkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Soalan tambahan berikut yang belum dijawab iaitulah jika Yang Berhormat ada maklumat berapa peratuskah pencapaian yang dicapai sehingga kini daripada yang sepatutnya?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sekarang ini keperluan padi dalam negeri kita 65% dan kita target untuk mencapai sasaran kita iaitu 85% untuk keperluan padi di Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan berikut ialah apakah insentif yang dilakukan oleh kerajaan bagi menggalakkan para petani untuk mengusahakan khususnya tanah-tanah terbiar dan tanah yang baru dibuka sebagai contoh seperti kerajaan mempunyai rancangan untuk menyediakan kilang baja ataupun kilang-kilang kemudahan petani begitu juga subsidi bagi menggalakkan mereka yang tidak berminat untuk bertani kerana banyak sekarang ini generasi muda tidak berminat untuk mencebur dalam bidang ini dan jika sekiranya ada subsidi yang menggalakkan apakah subsidi yang sebegitu ditambah dan digiatkan oleh kerajaan ke arah menghasilkan suatu pencapaian yang maju sebagaimana yang kita harapkan.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menyedari hakikat bahawa ramai daripada golongan-golongan belia kita pada hari ini kurang berminat untuk mengusahakan dalam sektor pertanian ini. Oleh sebab itu, kerajaan cuba menukar strategi dalam Dasar Pertanian Negeri Terengganu yang mana sekarang ini kita memberi fokus kepada golongan-golongan belia ini untuk kita latih mereka untuk menjadi usahawan dalam bidang pertanian. Dengan sebab itu, pada hari ini kalau kita lihat dalam sektor pertanian di Negeri Terengganu kita cuba mengubah yang

mana kalau dahulu mereka mengusahakan pertanian mereka dengan secara kecil-kecilan tapi pada masa sekarang ini kita telah menetapkan sasaran kita yang mana kepada pengusaha pesawah padi mereka haruslah mengusaha tidak kurang daripada 10 ekar setiap orang individu. Begitu juga dengan tanaman-tanaman yang lain kita juga memberi peluang kepada mereka untuk mengusahakan lebih tinggi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada masa sekarang ini kita ada Program Tanaman Jagung Hibrid di Hulu Terengganu khususnya yang mana para pesertanya kita memberi seorang tidak kurang daripada 5 ekar seorang. Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga kita telah memulakan *test project* yang pertama pada akhir tahun lepas yang mana mereka berpendapatan tidak kurang RM6,000 satu ekar Yang Berhormat. Dan dengan 5 ekar yang kita bagi lebih kurang RM30,000 dalam pusingan 2 bulan tanam jagung.

Dan begitu juga insyaAllah dengan apa yang kita akan buat berkaitan dengan Ladang Padi di jelapang tersebut yang mana kita akan beri kepada peserta PPRT yang terpilih 10 ekar setiap individu. Lain-lain insentif sebagaimana biasa yang kita beri kepada petani dan untuk pengetahuan kita semua, petani-petani di Negeri Terengganu khususnya penanam padi mesti tidak kurang mendapat insentif daripada kerajaan setiap individu per hektar tidak kurang daripada RM2,200. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Rhu Rendang dan Telemong. Saya jemput soalan seterusnya daripada Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan nombor 1 -

Berapa banyakkah jenis barangan yang telah dikeluarkan dalam Program Satu Daerah Satu Industri setakat Mac 2010?

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Wakil Jabi mengemukakan soalan berkait dengan barangan-barangan yang dikeluarkan di bawah Program SDSI ataupun Satu Daerah Satu Industri setakat Mac 2010.

Untuk makluman, setakat Mac 2010 sebanyak 30 jenis produk atau barangan yang telah dikeluarkan di bawah Program Satu Daerah Satu Industri ini iaitu program-program di setiap daerah. Saya akan membaca mengikut daerah:

Daerah Kuala Terengganu

Program Tembaga
T'Dagang
T'Lekor
Songket dan Batik
Bot Tradisional
Makanan Tradisional

Daerah Marang

Makanan Laut
Anyaman
Dodol Daun Palas
Nira & Cuka Nipah

Daerah Dungun

Salak & Limau Madu
Rempeyek
Seramik
Anyaman Daun Sal

Daerah Besut

Kerepek
Makanan Tradisional
Ukiran Kayu

Daerah Setiu

Nenas, Cempedak & Kabu Manis
Urutan Tradisional & Herba
Ukiran Kayu

Hulu Terengganu

Jagung
Kelah
Ikan Salai
Homestay

Daerah Kemaman

Lemang
Sata & Otok-otok

Itu adalah produk-produk yang dikeluarkan setakat ini daripada mula ia diusahakan sehingga ia dilancar setakat ini Mac 2010. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, daripada penjelasan produk-produk yang dikeluarkan oleh setiap daerah, apakah kecenderungan permintaan yang paling tinggi daripada produk-produk sehingga boleh menyebabkan pengusaha-pengusaha ini berjaya?

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kita lihat setakat ini produk-produk yang kita keluarkan ini semuanya mendapat sambutan yang baik daripada setiap daerah, lebih-lebih lagi sekarang ini kita sudah ada outlet sendiri iaitu T-Shoppe kita dan permintaannya agak baik khususnya makanan-makanan segera seperti rempeyek, keropok dan juga ikan salai.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang kedua, sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Berapa ramai di kalangan pengusaha-pengusaha yang telah menjalankan aktiviti tersebut yang terdiri daripada golongan-golongan miskin dan juga ibu tunggal?

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tidak ada rekod daripada golongan mana walau bagaimanapun rekod kita, setakat ini yang berdaftar dengan kita lebih kurang 260 orang pengusaha dan mereka ini telah berjaya mengeluarkan produk mereka dengan baik dan mengikut piawaian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Satu lagi Dato' Yang Dipertua. Apakah perancangan di pihak kerajaan untuk menambahbaikkan lagi pengeluaran dan penglibatan daripada persatuan-persatuan atau kelab-kelab di kawasan-kawasan dan daerah-daerah yang menampakkan kemajuan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada berbagai cara yang kerajaan usahakan untuk meningkatkan kualiti produk ini, antaranya kita berkerjasama dengan beberapa pihak seperti MARDI untuk meningkatkan kualiti produk ini. Dan kita juga meningkatkan dari segi *packaging* melalui kita juga telah mewujudkan Pusat Pengumpulan Produk di mana melalui tempat-tempat begini kita boleh meningkatkan bukan sahaja kualiti produk itu tetapi juga kualiti packaging dia supaya kita boleh jual produk kita dengan lebih baik menembusi pasaran-pasaran yang lebih luas. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Cukai dan Jabi. Dewan ingat Jabi nak tanya pasal tukang urut di Setiu. Saya jemput seterusnya daripada Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 2 -

Berapakah luas kawasan ladang kelapa sawit yang akan dibangunkan untuk rakyat dan syarikat manakah yang telah diberikan tanggungjawab untuk melaksanakannya?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Wakil Ladang ada bertanya berkaitan dengan pembangunan Ladang Sawit Rakyat Negeri Terengganu.

Terima kasih Yang Berhormat atas kecaknaan Yang Berhormat. Untuk makluman bahawa kawasan Ladang Sawit yang dibangunkan untuk rakyat di Negeri Terengganu ini dicadangkan lebih kurang 5,756 hektar. Syarikat yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan ialah Koperasi Ladang Pekebun Kecil Malaysia Berhad. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Apakah penanaman kelapa sawit ini juga akan dibekalkan kepada rumah-rumah atau maknanya ditanam di sekeliling rumah yang ada tanah kosong dan sebagainya?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Memang itu perancangan kerajaan. Kita ada dua program sebenarnya dalam penanaman kelapa sawit. Pertama, Program Meningkatkan hasil tambahan pendapatan isi rumah, hak ni hak ditanam keliling rumah. Hak se lagi ialah penanaman kelapa sawit dalam konteks ladang kelapa sawit. Ini dua program yang berbeza sebenarnya Yang Berhormat. Program yang Yang Berhormat maksudkan ialah Program Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah yang mana sekiranya masyarakat kita orang Terengganu yang ada lagi tanah terutama di kampung-kampung kalau di bandar-bandar rasanya takdok dah tanah hak luas-luasnya. Hak di kampung-kampung kita ada tanah dalam satu-dua ekar rumahnya terletak *celih* depan lepas tu tanahnya banyak lagi di belakang, hak itulah yang kita maksudkan untuk program kita daripada mereka tinggal tanah itu kosong dan terbiar, kita cadangkan kepada mereka supaya menanam dengan kelapa sawit kerana kita faham bahawa kelapa sawit setakat ini mempunyai harga yang agak konsisten dan insyaAllah boleh membantu masyarakat kita untuk menambahkan pendapatan mereka. Terima kasih, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tambahan lagi. Setakat ini berapa rumah atau keluarga yang diberi pokok kelapa sawit untuk ditanam di keliling rumah mereka?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih. Memang banyak dah hak kita bahagi tu, saya kalau nak dapat maklumat *(figure)* yang tepat itu insyaAllah saya akan beri semula kepada Yang Berhormat. Buat masa sekarang ini seluruh daerah dah kita telah agih dan kita berpandukan kepada permohonan yang mereka mintak dan insyaAllah kalau permohonan itu banyak do'oh kita akan sediakan peruntukan yang tertentu untuk setiap tahun mengikut kepada bajet yang telah diperuntukkan kepada kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bila agaknya dijangkakan hasil pertama dapat diambil?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Menanam ni Yang Berhormat, tiga-empat tahun baru boleh hasilnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Itu yang tanya tu berapa tahun agaknya?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tanam orang matilah, tanam hari ini malam ini boleh hasil selalu, menanam hak lain payah belaka. ....(Dewan Gelak) .... Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingat untuk memudahkan pencatat hansard, kalau kita nak beritahu ayat-ayat hak pelik tu sama ada dalam bahasa lain atau bahasa kita, kena mintak izin sayalah. Macam perkataan *'celih'* tadi tu payah nak tulis tu .....(Dewan Gelak) ..... Saya jemput Yang Berhormat Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Soalan yang pertama, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua -

Nyatakan kemudahan-kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk di kawasan Majlis Daerah Dungun setelah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sudah tentu bila kenaikan taraf sebuah Pihak Berkuasa Tempatan dari Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran lebih banyak faedah-faedahnya diperolehi. Yang pertama, melibatkan pertambahan kakitangan dan memberi peluang kepada lebih ramai rakyat Terengganu mendapat jawatan di peringkat Majlis Perbandaran. Yang kedua, sudah tentu melibatkan Bajet Tahunan di antara

Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran sudah tentu bajetnya jauh berbeza. Dan dengan pertambahan peruntukan ini menyebabkan lebih banyak kemudahan-kemudahan asas dapat disediakan oleh sesebuah perbandaran kepada rakyat sama ada dari segi peruntukan infrastrukturnya iaitu jalan, parit dan longkang dan begitu juga dengan keceriaan bandar tersebut. Sebagaimana Yang Berhormat Wakil Sura melihat bahawa dengan naiknya taraf Majlis Perbandaran Dungun ketika ini sudah tentu secara nyata dapat dilihat dari segi fizikalnya dengan keceriaan bandarnya, dengan lampunya, dengan hiasannya, dengan lanskapnya dan juga peruntukan yang lain diberikan. Sebagai contoh pada tahun 2008 – 2009 sahaja setelah dinaikkan taraf daripada Majlis Daerah kepada Perbandaran Dungun 20 Ogos 2008, Majlis Perbandaran Dungun telah menerima peruntukan sebanyak RM26,144,290.80 bagi menyediakan segala kemudahan yang diperlukan sesuai dengan naiknya taraf Majlis Perbandaran Dungun termasuk juga kemudahan-kemudahan lain yang dibuat dari masa ke semasa. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apa yang disebut ialah berkaitan dengan penaiktarafan ini memudahkan dan menafaat yang berguna dan baik kepada penduduk-penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Dungun tetapi hakikat yang berlaku ialah kita lihat dalam gambar-gambar yang diambil khusus dalam kawasan perniagaan Sura Gate, jalan ini menjadi lebih teruk daripada semasa dalam pentadbiran di bawah nama Majlis Daerah Dungun. Mengapa boleh berlaku perkara seperti ini kerana ini sangat menyusahkan bukan sahaja bagi rakyat Dungun bahkan kepada pengunjung-pengunjung yang datang ke Bandar Dungun ini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerosakan jalan sering berlaku terutama selepas banjir dan sebagainya. Sudah tentu penurapan semula akan dibuat, janganlah ada satu kes jalan di satu tempat itu pecah menyebabkan keseluruhan sistem itu kita kata tak pakai. Inilah satu anggapan dan pendekatan yang tak bagus, tak baik sedangkan menafaat yang diperolehinya lebih besar, peruntukan lebih besar diberikan. Mungkin pada musim banjir baru-baru ini jalan itu pecah dan kemungkinan awal tahun peruntukan belum sampai lagi kita tinggallah dulu sementara. Janganlah kerana kes satu jalan di Sura tu menyebabkan keseluruhan sistem Perbandaran itu tak bagus, 10 yang baik satu tak baik takkan 9 lagi tu menjadi rosak semua. Ini kita perlu berfikir secara rasional dan bertanggungjawab Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Bila dikatakan naik taraf Majlis Daerah menjadi Majlis Perbandaran, satu,memerlukan kos untuk menyediakan kemudahan-kemudahan. Yang kedua, ialah untuk pengurusan. Saya nak tanya sebagai contoh Majlis Perbandaran Dungun, berapa

tandas awam yang telah disediakan dan sejauh mana pengurusan untuk nak menyelenggara tandas-tandas ini? Saya sebutkan perkara ini Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini saya ada kawan mari daripada luar negeri, ada singgah ke satu tandas awam yang cukup menjijikkan tapi yang ini di Penarik sehinggakan dia kata kalau macam ni ..... Dia kata tempat kami tandas tak macam ini, tandas kami jenis BMW. Saya kata BMW tu apa ingatkan kereta? Dia kata tak, tandas awam 'B' untuk bersih. 'M' untuk menawan dan 'W' untuk wangi. Jadi bila gambaran yang diberikan tandas kita tidak diselenggara walaupun diberikan kemudahan, sejauh mana Majlis-Majlis Perbandaran, Majlis-Majlis Daerah dari segi penyelenggaraan diambil cakna dan tanggungjawab supaya tahap kebersihan itu menggambarkan sikap mentaliti penduduk-penduduk kita di Terengganu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam soal tandas ini ada dua perkara. Pertama, pengurusan dan penjagaan. Yang kedua, mentaliti pengguna itu sendiri. Dan kita telah mengeluarkan peruntukan yang besar kepada semua tandas-tandas awam di peringkat daerah. Mungkin ada satu-dua kes terpencil seperti ini dan saya mintak diberi laporan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Setiu kalau betul tandas awam yang dijaga Majlis Daerah ini tidak diuruskan dengan sempurna kerana Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan yang cukup kepada semua Majlis Perbandaran dan Daerah, PBT untuk menguruskan tandas awam. Dan sebagai yang saya nyatakan tadi mentaliti rakyat juga perlu diambil kira sebab kadangkala saya merasa sedih dengan sikap orang kita. Sebab itu saya beritahu saya merasa malu bila kita singgah sahaja bukan sahaja di tandas awam bahkan di masjidpun. Yang singgah tu siapa? Semua orang Islam. Saya tak pernah jumpa sebuahpun kereta BMW, Mercedes yang dipunyai oleh orang Tionghua, orang India singgah di masjid tetapi kenapa tandas awam di masjid-masjid kotor maknanya orang Islamlah yang mengotorkan termasuk penduduk-penduduk kampung itu yang menggunakannya. Kita bercakap Islam adalah mementingkan kebersihan dan sebahagian daripada iman tetapi apa berlaku dengan iman kita dan kekotoran yang berlaku di masjid itu. Kita sentiasa menjaga kebersihan setiap masa tetapi apabila alpa sedikit ianya kotor kembali terutamanya wanita, saya minta maaf. Dia tahu dia mengikut rombongan sebuah bas ke, dengan kereta ke, dia bawa anak, kadang-kadang dia selamnya pampers itu ke dalam tandas menyebabkan tandas tersumbat dan mengambil seminggu hingga dua minggu untuk proses mencuci balik dan sebagainya, inilah yang berlaku. Begitu juga perempuan sendiri, kadang-kadang dia datang bulan, dia letak alat dia, dia selamnya ke dalam tandas. Ini pengalaman saya Dato' Yang Dipertua, saya melihat sendiri. Sepatutnya dia letakkan ke dalam plastik dan ikat elok-elok dan letaklah ke dalam bakul sampah. Inilah mentaliti orang kita berbanding dengan bangsa lain. Orang kita kalau pergi ke pulau dicampaknya sampah sarap di merata-rata di pulau, Mat Sallen dia pergi ke pulau, tin minuman dan sampahnya dia bawa balik ke darat dan masukkan ke dalam tong sampah. Kalau kita jaganya macam manapun dan jika inilah sikap bab kata orang 'paling ke belakang kotor balik' tak ada makna. Kita berbelanja ratusan ribu setahun untuk penjagaan

tandas. Saya tahu tak ada negeri lain macam Terengganu menyediakan peruntukan khusus untuk menjaga tandas kecuali Negeri Terengganu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan yang ketiga.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang ketiga, okey terima kasih. Saya nak tanya ekoran daripada persoalan yang ditimbulkan kerana kawan saya itu Mat Salleh jadi Mat Salleh ini bagi dia tandas tu *restroom,* tempat boleh berehat bagi dia. Jadi kalau inilah gambaran, saya nak tanya apakah pandangan Kerajaan adakah maknanya kita gagal nak mendidik minda rakyat kita sendiri terutama dari segi kebersihan dan sikap-sikap malas dan manja dan sebagainya. Adakah Yang Amat Berhormat bersetuju?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita dah banyak yang berjaya tetapi masih ada juga sebahagian yang kita gagal sebab itulah Tun Mahathir pernah menyebut, Tun Mahathir mengatakan dia boleh mengubah negara kita dari segi fizikal sebagai sebuah negara yang sama taraf dengan negara maju. Kita ada Twin Towernya dan hebat-hebat lagi pembangunan tetapi dari segi mentaliti orang-orang kita masih lagi ditahap Dunia Ketiga. Sebab itu saya melihat sendiri di Terengganu sebagai contoh saya bimbang bila datangnya musim rambutan saya cukup bimbang. Orang-orang kita hebat sudah pakai Mercedes dan BMW, petang-petang bawa anak berjalan, isteri pula berambut merah setengah-setengah tu, pakai *spec* hitam atas dahi. Beli rambutan sekilo, okey, bagus tapi kulit rambutan di kiri-kanan cermin di buang di tepi, di tengah jalan, kita boleh tengok dekat traffic light, macam-macam dibuang tin minuman, kotak rokok dan macam-macam lagi. Sebab itu saya pernah sebut, pernah berkata hatta dalam Dewan ini sekalipun semuanya ada kereta, berapa orang aje yang letak di tempat letak puntung dan habuk rokok? Saya rasa kalau 10 nak cari 1 payah, yang adanya duit syiling dan ke manakah puntung dan habuk rokok dilemparkan? Di luar keretalah. Inilah sikap dan disiplin kita, nak kata tak cerdik semua cerdik belaka ni, semua graduan dari universiti belaka tetapi mentaliti *very bad* Dato' Yang Dipertua dengan izin. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Boleh celah lagi ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 dah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): 3 dah, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Memang bukan sahaja Yang Amat Berhormat menjawab tadi dan Pakapun nak khabor hal ini, saya ingat Surapun ada lagi tu duk *complaint* ke Wakaf Mempelam dia ada banyak lagi nak khabor. Saya rasa termasuk Pemerhatipun kita rasa memang yang dibangkitkan soal tandas awam ini masalah kita bersama. Jadi kita belajar hari ini BMW tu bersih, menawan dan wangi bukan sekadar di mulut tetapi amalan kita. Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat sekalian kita pada hari ini kebetulan sejarah dan sejarah jugak kepada Yang Berhormat saya duk intai-intai banyak soalan juga yang diberi tetapi kebetulannya banyak yang ditolak barangkali kita tidak prihatin. Saya nak beritahunya 4 Wakil Kerajaan soalan yang ditolak dan Pembangkangpun 4 pemuka soalan ditolak. Oleh itu saya ingat saya nak jemput balik Wakil Ladang. Sila Ladang untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak tanya apakah asas sebenarnya soalan-soalan ditolak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita dah beritahu kepada Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat faham, buku merahpun ada. Cuma saya nak jemput tanpa melengahkan masa untuk soalan yang seterusnya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bukit Tunggal ada lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Bukit Tunggal. Bukit Tunggal ada dua soalan. Silakan Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahir Rahmanir Rahim. Dato' Yang Dipertua buat tak ingat sokmo Bukit Tunggal ni, kelmarin tertinggal dah. Cuma ada *confuse* sikit ni Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam surat ini dikatakan soalan 7 April saya ditolak tetapi dalam ayatnya adalah soalan semalam soalan nombor 1 (6 April) tapi sebenarnya soalan hari ini macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, soalan hari ini okey, dibolehkan. Sayapun *confuse* jugak tadi.
YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kalau begitu soalan nombor 1 untuk hari inilah.

Apakah tujuan kegunaan bangunan yang dibina di Pulau Duyung Kecil bersebelahan dengan limbungan MSET (Tapak Monsoon Cup). Berapa buahkah yang sedang digunakan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tujuan bangunan atau gerai-gerai makan ini dibina untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan menjalankan perniagaan dan mengambil peluang dari aktiviti yang diadakan khususnya semasa acara Monsoon Cup dan sebagainya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Dan kompleks bangunan ini terdiri sebagaimana berikut:

1 blok 6 unit kedai serbaguna (6 unit)
2 blok 3 unit gerai makan (6 unit)
2 bangunan tandas awam
1 blok pencawang elektrik

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan tapi nak kata soalan tambahan belum lagi ni sebab soalan saya belum habis lagi dijawab, berapa buahkah lagi yang sedang digunakan sekarang?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pengagihan belum dibuat lagi kerana belum mendapat Sijil Penginapan dan Pematuhan (CCC). Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pandai Wakil Bukit Tunggal ni. Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Jadi orang di Duyung itu bersungutlah kerana bangunan ini lama dah siapnya dah berapa kali Monsoon Cup bermain dah tapi kita tengok masih tidak digunakan sehingga ke hari ini. Jadi apa benda masalahnya yang belum lagi mendapat CF tu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bangunan ini dibuat hampir sama dengan Kompleks Monsoon Cup yang dibuat oleh swasta dan dia perlu mematuhi kehendak-kehendak CCC. Jadi saya dimaklumkan kedudukan terakhirnya interview kepada peserta-peserta akan dilaksanakan selepas ini. Malahan saya baru-baru ini telah membuat lawatan dan mengarahkan pemasangan *high mast* di situ untuk kemudahan apabila gerai-gerai ini dibuka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya agak *confuse* tadi kata takdok CF lepas itu nak panggil temu duga untuk peserta, jadi hak mana satu berlaku ni?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum dapat CF kita panggilah interview dulu kalau nak tunggu CF itu pulak kohorlah lama lagi, dahlah bangunan itu dah lama.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Simultaneously*, dengan izin tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Saya telah ambil perhatian Dato' Yang Dipertua, sebab itulah saya pergi melawat sendiri dan saya arahkan pemasangan *high mast* di situ supaya kawasan jadi cerah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua, soalan akhir. Bilalah agaknya kerajaan bercadang untuk dibuka dan untuk berniaga dan untuk menafaat kepada penduduk tempatan, kalau boleh beri tarikh jangkaannya. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini saya telah mengarahkan Dato' Bandar supaya mempercepatkan kemasukan orang-orang ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya jemput lagi sekali Ladang untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 3 -

Berapakah jumlah kedai T-Shoppe yang telah dibuka setakat ini. Berapakah kos yang terlibat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan oleh Wakil Ladang ialah berkaitan dengan T'Shoppe. Berapakah jumlah T'Shoppe yang telah dibuka setakat ini dan berapakah kosnya.

Untuk makluman setakat ini 3 buah T'Shoppe telah dibuka dan beroperasi secara sepenuhnya dan jumlah kos yang terlibat ialah lebih kurang RM197,924.00. Pada 1 April baru-baru ini 2 buah lagi telah dibuka secara percubaan iaitu di Kelulut, Marang dan 1 buah lagi di Geliga, Cukai, Kemaman. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. 3 buah yang telah dibuka itu kalau boleh disebut di mana? Cuma yang saya tahu pasal saya duk lalu sokmo iaitu di Gong Kapas. Hak di Gong Kapas tu sewanya saja RM7,000 sebulan, berniaga sekadar menjual barang-barang runcit begitu, adakah ianya boleh dari segi perkiraan perniagaan itu mampu untuk nak *sustain* RM7,000

sebulan. Saya nak mintak pandangan Excolah berhubung dengan perkara ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, 3 buah yang dibuka sepenuhnya adalah yang pertamanya di Bandar Kuala Berang, yang keduanya di Gong Kapas yang disebut tadi dan yang ketiga ialah di Taman Syahbandar. Untuk makluman Yang Berhormat juga yang di Gong Kapas itu sebenarnya kos sewa bangunan itu RM7,000 ianya dibahagi kepada dua, yang T'Shoppe di bawah dengan harga RM3,000 yang bakinya itu apa yang kita panggil T'Lodge yang diberi kepada pengusaha lain dan dibayar sewanya secara berasingan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak berapa jelas tadi tu, apa dia T'Lodge?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Lodge.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ini maknanya kerajaan terlibat jugak dengan program lodging ini begitu ataupun mengapa kerajaan pergi sewa nak bagi kepada orang lain?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa yang saya sebut sebelum ini, program 'T' ni, T'Shoppe dan sebagainya adalah program yang kita buat sepertimana yang disarankan oleh pihak sana jugaklah iaitu kita tak buat sendiri tetapi kita beri kepada usahawan. Jadi T'Lodge ini jugak kita cari usahawan untuk melaksanakan Program T'Lodge ini. Kita ada banyak lagi program 'T' ini, tak lama lagi kita akan buat T'Hotel jugak dan juga akan diusahakan oleh usahawan sebab itu kita lihat inilah bidang-bidang tertentu yang perlu usahawan kita masuk dan cebur diri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu lagi tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bukankah di dalam perancangan pembangunan Kerajaan Negeri ini kita nak menggalakkan penyertaan swasta dan mengapakah dengan mewujudkan dengan T'Shoppe dan beberapa 'T' lagi itu bermaknanya kita bersaing dengan swasta. Apakah kerajaan hendak melibatkan diri dan bergerak aktif dalam perniagaan seperti ini dan mengapa begitu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dah sebut tadi, kita tidak melibatkan diri kita hanyalah sebagai fascilitator sahaja. Kita menyediakan infrastrukturnya dari segi bangunan itu, kita tidak melaksanakannya sendiri, kita ada anak syarikat yang menyediakan infranya selepas itu kita cari usahawan yang mampu melaksanakan program ini. Jadi semua program-program T'Shoppe ke, T'Mall kita ini diusahakan oleh usahawan bukannya kita (kerajaan). Kita pilih, kita interview mereka-mereka (usahawan) yang ada potensi untuk dijadikan usahawan dan kita serahkan kepada mereka untuk melaksanakannya dan kita bimbing mereka sebab kita lihat dari segi peratusannya banyak usahawan-usahawan yang berjalan sendiri lepas itu setengah jalan dia gagal. Jadi kita harap melalui program 'T' kita ini kita boleh wujudkan usahawan yang berjaya melalui program bimbingan kita sekali. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat cukup dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Cukup dah cuma saya nak beri peringatan kepada Yang Dipertualah, saya nampak hak jawab tu semua tengok ke saya mereka tak tengok ke Yang Dipertua. ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Tengok tu sebab dia handsome sikit sebab tu tak tengok ke Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab saya nampak Yang Berhormat yang bertanya itu macam berkawan dia tanya begitu aje. Jadi saya ingat kita jemput seterusnya Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua -

Di bawah ECER, apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bermula dari hari pelancaran sehingga Februari, 2010 untuk menjadikan Dungun sebagai kawasan pelancongan?

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Sura bertanya mengenai usaha-suaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bermula dari hari pelancaran sehingga Februari, 2010 untuk menjadikan Dungun sebagai kawasan pelancongan bawah Program ECER.

Untuk makluman sehingga Februari tahun 2010, sebanyak 4 projek utama pelancongan telah dikenal pasti di Dungun iaitu:

i. Pelancongan Pesisiran Pantai Teluk Bidara, Dungun.
ii. Pelancongan Pesisiran Pantai Bandar Dungun.

iii. Kerja-kerja Kawalan Hakisan Pantai Teluk Lipat, Dungun.
iv. Program Homestay di Kg. Seberang Pintasan.

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Program yang dinyatakan ini ialah program biasa sedangkan pelancaran ECER sejak mula dibuat itu sepatutnya diambil satu urusan yang sangat besar dalam bentuk grand design yang hendak dibuat bagi menjadikan Dungun sebagai kawasan pelancongan. Bolehkah diketahui apakah bentuk-bentuk pelaburan yang telah dikenal pasti oleh kerajaan bagi bangunan pelancongan untuk Dungun ini di bawah Projek ECER ini?

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, bagi semua program memang kita perlu kajian dan di bawah projek-projek ECER ini setakat ini kesemua program yang dicadangkan adalah di peringkat kajian awal dan kita berharaplah selepas kajian ini program ini akan dilancarkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat nak beri peluang dulu Yang Berhormat Wakaf Mempelam kepada Paka, Paka nampaknya ada soalan tadi ini mengenai Dungun jugak barangkali ada soalan tambahan yang hendak dibangkit?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada tapi tak ada kena mengenalah di bawah ECER ini tapi berkaitan dengan PBT tadi. Kalau boleh saya tanya jadi lainlah pulak jadinya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah, terima kasih. Yang Berhormat Wakaf Mempelam pasal ECER ya?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ECER. Saya tanyalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Cuma sebelum saya kemukakan soalan berhubung dengan ECER ini, saya tertanya-tanya tak tahulah takut tak nak jawab ke tidak, semasa Pilihan Raya Presiden ini sokong pelakon seks ke, pelakon apa masa tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! Yang Berhormat Wakaf Mempelam! ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak. Soalan tambahan saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri amaran!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau tak ada soalan, sila duduklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Berhubung dengan ECER ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan .....

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Nak jawab berkait dengan Presiden MCA ke tidak?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat biar dia bertanya dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kita bincang di luar kejap lagi. Berhubung dengan ECER ini salah satu program yang melibatkan pelancongan antaranya untuk menggalakkan industri pelancongan ini ialah menambahbaikkan perkhidmatan pengangkutan dan antara penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan ini ialah melibatkan kereta api. Jadi kereta api ini di Terengganulah satu-satu negeri yang tidak ada kereta api, dulu ada di Bukit Besi waktu PAS memerintah dulu semasa PAS menang tahun 1959 dahulu. Itupun untuk mengangkut bijih besi dari Bukit Besi ke Sura. Baru-baru ini semasa PAS memerintah dia ada kereta api daripada Kertih ke Kuantan untuk mengangkut barang-barang pukal PETRONAS. Tapi berhubung dengan sekarang ini, kajian dibuat yang dikatakan oleh ECER untuk nak hubungkan rangkaian rel kereta api ini ke seluruh negara tidak terkecuali Terengganu, jadi agak-agaknya bilakah rakyat Terengganu boleh rasa kereta api ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan mudah saja Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Bandar.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Maaf Wakaf Mempelam. Kita ingat Batu Burok saja sebab banyak soalan daripada Batu Burok berkaitan dengan kawasan Bandar jugak. Jadi memang cadangan untuk mengadakan rel kereta api itu satu keperluan untuk kita membangunkan bukan sahaja industri kita tapi bagi industri-industri lain termasuk pelancongan. Jadi banyak kali pihak kerajaan telah memohon supaya rel kereta api diadakan terutamanya untuk menyambungkan sistem kereta api sedia ada daripada Kuala Lumpur sehingga ke Kelantan. Permohonan ini telah mendapat kelulusan untuk peringkat pertama untuk mengadakan kajian dan pihak ECER telah melantik Juruperunding untuk membuat kajian kesesuaian dari segi feasibility untuk mengadakan rel kereta api ini. Program ini dijangka akan dilaksanakan jikalau kajian feasibility ini berjaya di dalam RMK 10. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu, yang akhir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Berkenaan dengan ECER. ECER ini Yang Berhormat telah lama ada di Terengganu sejak dua-tiga tahun dah tapi setakat yang kita dengar semuanya dalam 'kajian', 'kajian', 'kajian' dan 'akan', 'akan', 'akan'. Agaknya boleh tak terangkan kepada Dewan ini apakah projek sebenarnya sudah *on the ground* dan dapat memberi pekerjaan kepada rakyat Negeri Terengganu secara *specific* di mana dan apakah projek itu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, Program ECER ini telah dilaksana pada tahun 2008. Setakat hari ini sebanyak 38 program telah dilaksanakan dan telah mula di bawah RMK 9 dan 9 lagi di bawah RMK 10. Projek-projek ini termasuk 6 projek di bawah pelancongan, 8 projek di bawah Pembuatan dan Petrokimia, 4 projek di bawah Pembangunan Usahawan Dan Modal Insan, 10 projek pertanian dan ada 2 projek di bawah Agropolitan dan Program Pembasmian Kemiskinan Golongan Nelayan, 7 projek Infrastruktur, 1 projek Tabung Pemangkin. Dan di bawah RMK 10 ada sebanyak 9 projek termasuk 4 di bawah pelancongan, 1 pertanian, 3 di bawah Infrastruktur dan 1 di bawah Pembangunan Sosial. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, penjelasan. Tidak menjawab soalan sebenarnya. Jawapan itu Soalan Bertulis sudah ada dan telah dijawab. Cuma saya bertanya tadi apakah program dan projek yang telah *on the ground* yang sudah dilaksanakan sekarang ini dan berapakah peluang pekerjaan telah diwujudkan daripada program itu?

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, seperti yang saya sebut tadi sebanyak 38 projek telah dimulakan di bawah RMK 9. Pada tahun 2008 termasuk 2 projek dan termasuk 1 projek di Agropolitan di Besut, Setiu. 1 projek Pembinaan Jambatan Bukit Kuang, Kemaman. 1 projek Tabung Amanah Hartanah. Pada tahun 2008, termasuk jugak Projek Pelancongan Pesisiran Pantai Kg. Penarik, Pulau Besar, Merang. Pembangunan Pelancongan Inap Desa (Homestay) di Taman Industri Polimer Kertih di bawah Pembuatan dan Petrokimia dan juga Pembangunan Industri Kenaf di Besut, Setiu dan Marang.

Di bawah Pembangunan Usahawan dan Modal Insan termasuk Program Suri@Home, Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra dan Pusat Kecemerlangan ECER. Di bawah pertanian jugak termasuk Kelompok Pengeluaran dan Pemprosesan Kambing, Kelompok Pengeluaran dan Pemprosesan Lembu. Pada tahun 2009, projek-projek termasuk Pelancongan Pesisiran Pantai Bandar Dungun, Taman Negeri Setiu Wetland, Pelancongan Pesisiran Pantai Bidara Dungun, Pembangunan Pusat Rekreasi Perikanan Setiu, Taman Industri dan Pembaikan Bot di Kemaman, Taman Industri Berat di Kemaman. Dan dalam kajian ialah Zon Bebas Pelabuhan Kemaman dan juga Lapangan Terbang Kuala Terengganu. Program Pembangunan Enterprise Kecil dan Sederhana Untuk Produk Berasaskan Ikan Di Bawah Pembangunan Usahawan dan jugak Kompleks Bersepadu Telapia di Kenyir. Pusat Perkumpulan dan Pemprosesan, Pembungkusan Produk Berasaskan Ikan di Kuala Kemaman. Dan yang akhirnya ialah Lembah Citrus di Dungun.

Pada tahu 2010, ada 6 projek telah dimulakan iaitu Program Industri Kraftangan, Pembangunan Pelabuhan Kemaman, Menaikkan Jalan Pantai Cukai-Kemasik, IDBX (International Digital Business Exchange), Global Animasi Centre dan juga Kerja-kerja Kawalan Hakisan Pantai Teluk Lipat, Dungun. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Bandar. Saya dah jelas, dah berulang-ulang penjelasan yang diberi. Terima kasih. Saya jemput akhirnya Yang Berhormat Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 2 -

Apakah status cadangan pembinaan Jambatan Pulau Sekati?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih. Status cadangan pembinaan Jambatan Pulau Sekati adalah dalam proses melantik perunding untuk merekabentuk jajaran dan laluan kepada 4 lorong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan. Pada musim banjir baru-baru ini, jambatan kayu sementara itu memang sudah rosak, jadi saya nampak pembinaan Jambatan Pulau Sekati ini merupakan satu perkara yang agak terdesak jadi kalau boleh buat di dalam keadaan yang lebih cepat adalah lebih baik, di Jeram buat dah tapi kalau tak buat di Pulau Sekati ini tidak boleh nak pergi jugak ke Kuala Terengganu nak lalu ikut mana lagi jam di situ pulak, macam mana pandangan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Sebagaimana saya kata tadi kita dalam proses melantik perunding untuk merekabentuk jajaran dan laluan kepada 4 lorong dan dijangkakan oleh kerana keperluan yang agak terdesak disebabkan kesesakan lalulintas di jambatan yang sedia ada. Dengan adanya pembinaan Jambatan Pulau Sekati ini sekurang-kurangnya dapat mengatasi kesesakan lalulintas yang kita jangkakan konsultan ini akan melaksanakan kerja-kerjanya dalam tempoh 6 hingga 12 bulan. Ini bermakna projek ini akan dilaksanakan setelah selesainya proses merekabentuk daripada konsultan yang terlibat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan lagi Yang Berhormat? Tak ada. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Usul Di Bawah Perkara 30
Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap
Dewan Undangan Negeri Terengganu
Perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Dipertua, saya memohon izin dan mencadangkan untuk mengemukakan satu Usul Di Bawah Fasal 30 supaya Persidangan Dewan ditangguhkan bagi maksud merundingkan satu perkara yang tertentu dan mustahak bagi orang ramai dan perlu disegerakan. Perkara/Usul ini agar Dewan Undangan Negeri yang bersidang hari ini mengambil ketetapan menyokong supaya Kerajaan Negeri Terengganu menyegerakan langkah-langkah proaktif dan pelan bertindak bersepadu untuk menyelesaikan masalah Mat Rempit yang berlaku dalam negeri ini.

Kesyukuran kepada Allah dengan taufik dan hidayahNya saya dengan rasa penuh tanggungjawab ingin membawa dan mengemukakan Usul di dalam Dewan Undangan Negeri yang mulia agar semua Ahli Dewan Undangan Negeri membahas dan mendesak Kerajaan Negeri Terengganu agar bertindak segera untuk menyelesaikan masalah Mat Rempit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masalah apa Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mat Rempit. Penyelesaian masalah Mat Rempit ini tidak boleh diselesaikan dengan memberikan dan menyediakan topi keledar sebagaimana cadangan untuk menyelesaikan masalah HIV dengan menyediakan kondum dan jarum-jarum. Mat Rempit merupakan istilah kepada penunggang motosikal yang terlibat dalam perlumbaan haram, biasanya mereka menggunakan motor kapcai atau skuter. Ia merupakan satu gejala sosial remaja di Malaysia sekarang. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Ketua Program Psikologi Unversiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr. Razimi Ismail baru-baru ini didapati pembabitan remaja-remaja Melayu mencapai 95% dari keseluruhan Mat Rempit di seluruh negara. Kira-kira 24% daripada mereka mengaku pernah terlibat dalam jenayah misalnya pecah rumah, curi motosikal, kumpulan samseng dan seumpamanya. Kebanyakan daripada mereka berusia antara 14 hingga 25 tahun. Masalah Mat Rempit juga membimbangkan di Negeri Terengganu, permasalahan ini boleh diperhatikan di jalan-jalan khususnya pada waktu malam, pada malam minggu. Penangkapan dan penahanan yang dibuat oleh pihak Polis Di Raja Malaysia terhadap kesalahan Mat Rempit yang terpapar di akhbar-akhbar menambahkan kebimbangan ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu melakukan tindakan segera dalam menyelesaikan permasalahan ini. Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila duduk Bukit Payong. Silakan Bentara.

[Bentara Dewan memungut Kertas Usul Di Bawah Perkara 30 daripada Y.B. Wakil Bukit Payong untuk diserahkan kepada Y.B. Dato' Yang Dipertua Dewan]

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya menerima cadangan Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu dari Wakil Bukit Payong sebagaimana yang dibaca dan yang kita dengar sebentar tadi. Oleh kerana kebetulan sayapun memang nak tangguhkan mesyuarat ini, kalau kita bincang akan mengganggu masa rehat kita. Jadi Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, sementara saya meneliti secara terperinci Usul ini, saya tangguhkan dahulu mesyuarat ini dan kita masuk semula ke Dewan ini pada pukul 11.10 minit pagi. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUH SEMENTARA PADA PUKUL 10.40 PAGI.

PUKUL 11.10 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, mesyuarat disambung semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita tangguhkan sidang kita sebentar tadi, kita telah menerima satu Usul daripada Wakil Bukti Payong atas Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Setelah mengkaji secara keseluruhan, isu dan perkara yang dibangkitkan dalam Usul ini mengikut Fasal 30 memang perkara ini tertentu, kepentingan orang ramai. Kalau kita tengok ada waktu-waktu masalah ini menjadi suatu perkara yang merunsingkan orang ramai tetapi untuk perkara yang ketiga iaitu perlu disegerakan atau tidak, sukacita saya ingin mengulas pertamanya, dengan jelas pihak Kerajaan Negeri Terengganu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah melangkar dan berusaha dengan sungguh-sungguh bagi mengatasi masalah ini, pertamanya, melalui Bajet 2010 yang dibaca pada Persidangan yang lepas di mana peruntukan-peruntukan yang besar dan khusus telah diberikan bagi membendung dan menggalakkan aktiviti-aktiviti yang sihat dalam program kebeliaan di bawah Exco Belia. Malah pada hari semalampun telah dijawab oleh Exco Kerajaan dengan peruntukan yang khusus yang telah diberikan kepada kaum belia. Yang kedua, program-program kesedaran juga telah ditingkatkan di mana Jawatankuasa Agama Negeri, Daerah telah dikhususkan bagi mendidik dan sebagainya. Juga program-program kesedaran di peringkat secara langsung dan tidak langsung bermula daripada pembangunan keluarga, pembangunan pendidikan dan sebagainya. Begitu jugak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau kita lihat penguatkuasaan juga ditingkatkan. Juga perkara atau isu yang dibangkitkan ini bukanlah terhad kepada Terengganu sebenarnya ia telah menjadi isu besar nasional pada hari ini. Kemudian Kerajaan Pusat terutamanya dari segi penguatkuasaan Polis Di Raja Malaysia telah mengambil langkah-langkah proaktif, langkah-langkah segera, langkah-langkah jangka panjang yang mana perlu diikuti juga oleh Kerajaan Negeri. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau kita lihat pada keseluruhannya masalah ini bukan masalah yang terpencil ataupun masalah khusus untuk Terengganu sahaja, sebenarnya saya difahamkan dengan jelas Kerajaan-Kerajaan Negeri yang lain, Kerajaan Negeri di bawah pemerintahan PAS, PKR dan juga Barisan Nasional menghadapi masalah ini yang boleh dikatakan masalah semasa. Jadi oleh kerana tindakan-tindakan yang telah saya jelaskan tadi juga Wakil Bukit Payongpun belum masuk, saya rasa tidak perlulah Usul ini, yang perlu saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua Jabatan dan juga Pemerhati-pemerhati yang hadir apa yang perlu kita tingkatkan ialah program mendidik, meningkatkan kepimpinan keluarga dan juga penguatkuasaan sosial dan juga penguatkuasaan sebenarnya. Kita sebagai orang ramai terutamanya rumah-rumah yang di tepi jalan, kalau Yang Berhormat Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Yang Berhormat Wakaf Mempelam tepi rumah dia jugak gelanggang Mat Rempit barangkali. Jadi

kita nasihatkan kepada masyarakat, janganlah pulak masyarakat menjadi pendokong ataupun penyokong duduk di tepi-tepi jalan, tepuk tangan, beri sorakan dan sebagainya memberi galakan kepada anak-anak ini merempit yang membahayakan.

Jadi itulah tugas kita Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, maka kita tolak untuk dibincangkan secara Usul Tergempar ataupun Usul Di Bawah Fasal 30 pada sidang ini. Terima kasih kepada Wakil Bukit Payong.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita teruskan sidang dengan Membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Seri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja pada 3 hari lepas. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal untuk memberi ucapan. Silakan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi Rabbil Alamin. Wabihi nastain. Assalatuwassalam wa-ala asyrafil anbia iwamursalin wa-ala alihi wa-ashabihi ajmain. Rabbisyrahli wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yahqahuqauli. Yang dihormati Yang Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati, muslimin-muslimat yang dihormati sekalian.

Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih. kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kerana memberi masa kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu Sempena Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas pada 5 April, kelmarin dulu.

Pertamanya, suka saya merujuk kepada hasrat Yang Teramat Mulia yang dirakamkan dalam muka surat ke 4, penekanan kepada 6 hala tuju dalam Rancangan Malaysia ke 10 yang menekankan sekali lagi tentang di bahagian 4, penekanan di dalam mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan, kaum dan taraf pendapatan. Memang telah diperkatakan oleh Wakil Kuala Berang semalam yang meraju-rayu tentang perbezaan yang jelas antara Kuala Berang dan Kuala Terengganu. Tapi apa yang saya nak bawa pada pagi ini bukan sahaja perbezaan yang dapat kita lihat dengan ketara di antara kawasan dengan kawasan tapi di dalam kawasan yang samapun, dalam daerah yang sama tapi bahagian berlainan juga dapat kita melihat pembangunan yang tidak seimbang. Sebagai contoh yang saya nak kemukakan sekali lagi dan mungkin sebelum inipun dah beberapa kali saya kemukakan hasrat ini. Kita lihat di antara Kuala Terengganu Selatan di seberang sungai, seberang jambatan Kuala Terengganu Utara di sebelah Kuala Nerus khususnya dan secara khusus (specific) di kawasan Pulau Duyong di bawah dan di celah-celah Masjid Kristal, Pulau Wan Man. Dan di

antara kemeriahan sambutan Monsoon Cup di Duyong Kecil, kita boleh lihat bagaimana kedhaifan hidup penduduk-penduduk di Pulau Duyong itu dengan infrastruktur yang memang dari segi kesihatan langsung tak lulus, tidak ada longkangnya, tidak ada jalannya yang terdedah kepada ancaman penyakit dan sebagainya dan keadaan rumah kediaman yang terlalu dhaif. Perkara ini sudah berlarutan sebegitu lama walaupun Terengganu ini telah menjadi kaya serta merta sejak tahun 1978 mendapat hasil minyak yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. dan sepatutnya dapat dinikmati bersama oleh rakyat seluruhnya. Sudah hampir 32 tahun dengan jumlah yang kita terima berpuluh bilion ringgit. Kebetulan pula penduduk-penduduk di situ terdiri daripada kaum nelayan, buruh dan jugak pegawai rendah kerajaan dan rata-ratanya orang miskin.

Sebagaimana disebutkan oleh rakan kita atau Wakil Permaisuri semalam, kalau sebut nelayan memang 99% nelayan Terengganu layak mendapat bantuan RM200.00 sebulan. Ini melambangkan betapa miskinnya mereka sehingga mereka masih lagi begitu mendambar dan mengharapkan bantuan RM200.00 daripada kerajaan sedangkan apalah sangat nilai RM200.00 ini. Tapi bagi orang miskin adalah besar maknanya bagi mereka. Kalau begitulah kehidupan mereka bagaimana caranya mereka ini untuk memiliki rumah yang selesa ataupun tanah sendiri. Dan memang saya perhatipun sikap nelayan dan petani jauh berbeza. Petani bagi mereka tanah itulah harta dan punca pendapatan bagi mereka. Mereka ini cerdik di dalam mencari dan meneroka tanah-tanah kerajaan sama ada secara halal ataupun membuat permohonan. Juga kita melihat petani walaupun mereka miskin tetapi mereka ada tanah dan paling tidak tapak rumah, mereka ada kebun, mereka ada ladang dan sebagainya tapi memang duit tunai mereka tidak ada tetapi harta mereka ada. Berbeza dengan sikap nelayan, mereka hanya berpada dengan apa yang mereka turun ke laut dapat apa yang mereka dapat untuk makan hari itu dan tidak fikir untuk besok, besok turun lagi. Hingga mereka tidak menyedari bahawa selama ini mereka tinggal menumpang dalam negara yang telah merdeka. Mereka hidup berpuluh tahun tanpa ada seinci tanahpun atas nama mereka sendiri. Adalah rumah yang ala kadar dan mereka tidak berhasratpun dan mungkin tidak tahu bagaimana untuk memiliki tanah dalam negeri ini kerana itulah kehidupan yang dikelilingi oleh mereka. Mereka lalui kehidupan sebegitu sejak turun temurun dan inilah yang berlaku di Pulau Duyong. Mereka menumpang di tanah orang lain sebab zaman dulu mudah: "Hamba tumpang duduk atas tanah deme sikit deh." Tuan tanah kata: "Duduklah, tak apalah mana-mana kosong buat rumah guana-guanapun." Orang zaman dulu baik, pakai lisan sahaja, tak ada surat perjanjianpun dan sewa tak payah bayar, duduklah nak duduk. Perjanjian lisan antara orang tua sama orang tua. Tetapi apabila orang tua sudah meninggal, anak-anak jugak memerlukan tanah dia lihat tanah yang ada nama datuk ataupun bapa mereka sudah ada rumah orang lain maka timbul masalah sekarang ini tuan tanah asal nak jual tanah ini kerana mereka tidak mendapat menafaat. Maka bila berlaku begitu dan apa yang mereka takuti sekarang ialah mereka ini akan diarah pindah oleh tuan baru mungkin menggunakan kuasa mahkamah dan sebagainya.

Di sinilah saya melihat tanggungjawab kerajaan, waktu agak terdesak untuk kita campur tangan dalam perkara ini. Memang mengikut perlembagaan dan undang-undang mereka tidak ada hak untuk menuntut kerajaan bayar pampasan dan sebagainya kerana yang terlibat ialah individu dengan individu sementara tuan rumah dengan tuan tanah bukan tanah kerajaan tetapi sebagaimana saya pinjam kata-kata oleh Yang Berhormat Ladang; ini tidak salah kalau kerajaan nak bantu mereka walaupun tidak peraturan dan undang-undang yang mewajibkan kita bantu. Tetapi apa salahnya kerajaan nak membantu dan bukan satu kesalahan dan perkara ini boleh dibuat dan diamalkan. Saya bercadang beberapa kali supaya kerajaan membuat pengambilan balik keseluruhannya dan membuat layout, buat tatatur baru, buat kampung tersusun yang membolehkan mereka sekurang-kurangnya ada lot tapak rumah masing-masing yang boleh mendirikan rumah di tapak rumah masing-masing. Begitulah saya nampak cara yang boleh mengekalkan Bumiputera di kawasan tanahnya yang berharga tinggi. Kalau kita kata kita nak beri penempatan di luar daripada Pulau Duyong mereka akan berpindah maka akan timbul persoalan bagaimana pekerjaan mereka? Pekerjaan mereka terikat dengan pantai dan laut, pekerjaan mereka terikat dengan Bandar Kuala Terengganu sebagai buruh, pegawai rendah kerajaan dan sebagainya. Di mana mereka nak cari duit untuk berpindah walaupun pindah rumah kalau rumah mereka dirobohkan satu bendapun tak boleh diambil, tiangpun tak boleh ambil kerana terlalu uzur. Di situlah mereka lebih memerlukan dan berharap supaya mereka tidak dipindahkan dan dikekalkan di situ dan dalam keadaan susunan yang lebih baik dan juga mempunyai infrastruktur yang setaraf apa yang kita panggilkan sebagai Majlis Bandaraya Pesisir Air ini. Di sinilah saya nampak dan saya menyokong cadangan daripada Wakil Tepoh. Nampaknya di sinilah keperluan mendesak untuk kita menubuhkan satu daerah baru di Kuala Nerus. Mungkin perkara ini berlaku kerana .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam hal ini Tepoh dengan Bukit Tunggal sepakat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Untuk kepentingan rakyat kita bersepakat. Sebab itu saya rasakan bahawa kita tidak boleh melihat dalam Dewan ini Pembangkang sebagai musuh kita saling melengkapi. Kadang-kadang ada penyokong kerajaan tidak berani menyatakan kerana sekatan tertentu dan Pembangkang boleh mengatakannya sebagai cadangan ataupun sebagai kritikan yang membina. Janganlah dilihat apa yang kita cadangkan ini sebagai perkara yang negatif semuanya. Itu kita lupakan dahulu tapi untuk masa ini saya bersama-sama dengan Tepoh untuk kepentingan bersama rakyat di Kuala Nerus. Jadi bila pentadbiran di sebelah sini mungkin kekurangan kakitangan, kepakaran, masa dan sebagainya sehingga lupa dan terlepas pandang di sebelah Kuala Nerus ini. InsyaAllah, sekiranya ada Majlis atau daerah baru di Kuala Nerus, saya rasa dengan pegawai yang baru, dengan kakitangan yang mencukupi, masalah-masalah ini dapat dilihat dengan lebih teliti dan dapat diberi peruntukan yang sewajarnya kepada rakyat kita yang

dhaif. Kalau tidak Kerajaan yang bantu maka tidak ada siapa lagi yang dapat membantu mereka.

Yang keduanya, berkait dengan hari itu saya nak bawa sedikit masalah pembangunan yang dilaksanakan di Pulau Duyong jugak sebagaimana persoalan saya pagi tadi dan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang kedai-kedai yang dibina yang sudah 5 siri Monsoon Cup dijalankan. Begitu lama kedai ini dan terpacak di situ tetapi dengar khabar jawapan tadi belum ada CF, cuma kalau ikut perjanjiannya kalau tidak disambung Monsoon Cup ini cuma ada 3 tahun saja lagi. Ada 3 kali pertandingan saja lagi, 5 sudah terlepas dan kedai-kedai masih tidak dapat digunakan. Dan kalau diberi sewapun kalau hanya untuk kepentingan 5 atau 6 hari setahun saya rasa tidak ada daya majupun di situ. Siapalah yang hendak menjenguk ke situ, penempatan dan penduduknya dhaif dan miskin, nak masuk ke kedai yang begitu hebat. Oleh itu saya suka mencadangkan untuk memajukan di sini oleh pihak Kerajaan, ini ikhlas saya kata ni bukan nak apa-apa ni. Sebab sayapun merasakan mungkin kos bangunan yang agak tinggi, duit rakyat, duit kita semua, bukan duit titik peluh kita tapi duit minyak yang Allah anugerahkan secara percuma, mudah, tak payah fikir, Tuhan bagi. Petronas tukang fikir bagaimana nak gali. Kita terima komisen melalui Wang Ehsan, Dana Khas, royalti, tak payah perah kepala otakpun Kerajaan Terengganu, jadi sayanglah duit itu dan benda sudah dibuat. Saya suka mencadangkan dan mintak pelepasan daripada orang Kuala Terengganu jugaklah supaya Jeti Pelancongan Syahbandar pindahkan saja ke Jeti Monsoon Cup. Bila kita pindah ke situ dan jeti sudah ada barulah hidup kalau ada orang nak berniagapun sepanjang masa. Kedai-kedai yang ada boleh dibuat tempat menjual tiket dan sebahagiannya boleh dibuat kedai kopi, menjual kraftangan dan sebagainya. Syahbandar sudah maju dan tidak ada masalah tapi kalau kita pindahkan ke Pulau Duyong lagi baik untuk memajukan lagi satu tempat yang terbengkalai selama ini dan insyaAllah boleh memberi peluang pekerjaan kepada orang-orang pulau. Sebab saya pernah diberitahu bahawa dulu ada dicadangkan bersebelahan MSET itu hendak dibuat Akademi Pelayaran tapi sehingga hari ini apakah statusnya Allahuwa'alam. Kalau ada bagus jugak bolehlah anak-anak muda kita masuk Akademi Pelayaran, boleh menceburi bidang pelayaran dan insyaAllah juga mungkin suatu masa boleh menjadi peserta Monsoon Cup manalah tahu dengan training yang kita berikan.

Yang ketiga, suka saya nak menyebut sedikit berkenaan dengan saranan ataupun Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja pada muka surat 11. Yang sekali lagi menimbulkan masalah banjir kilat, hakisan pantai dan kecetekan muara sungai. Apa yang saya perhatikan banjir kilat yang berlaku sekarang ini dan sebelum ini tidak pernah berlaku khususnya di kawasan saya, kawasan Tepoh adalah kerana kerancakkan pembinaan projek-projek baru antaranya, Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang diperbesarkan banyak kawasan-kawasan dengan izin, *water catchment area* ataupun kawasan takungan air telah ditimbus. Malangnya semasa penimbusan ini dibuat tidak diambil kira kawasan takungan

ataupun kawasan laluan air untuk ke Kuala Terengganu. Begitu juga saya melihat seolah-olah sekarang ini semacam sudah tidak ada satu kawalan ataupun penguatkuasaan tentang penambunan tanah-tanah di kawasan yang dulunya baruh padi. Baruh padi ini setahu saya semasa saya kecil-kecil lagi dia mempunyai dua fungsi utama. Pertamanya, sebagai kawasan takungan air. Yang kedua, sebagai tempat pertanian. Jadi Allah S.W.T. ni begitu teratur perancanganNya walaupun padi sekali setahun dahulu tapi ada musim tanam padi baruh itu boleh jadi tempat air bertakung dan boleh jugak untuk menghasilkan pertanian. Tetapi oleh kerana sekarang ini mungkin pertanian di kawasan bandar ini tidak berdaya maju lagi dan orangpun sudah tidak berminat lagi untuk bertani dan kitapun rasanya jugak tak nak menggalakkan tanam padi di kawasan Majlis Bandaraya ini. Oleh itu berlakulah penambunan tanah yang berleluasa dan dulu rumah kita tidak ditenggelami air sekarang sudah ditenggelami air jika hujan tak sampai 2 jam macam Kuala Lumpur dan jadinya pada hal duduknya taklah di kuala sangat. Dan penambunan dan masalah sebagaimana yang saya sebutkan tadi bukan sahaja kawasan sawah itu ditimbus tetapi tidak diambil kira alur air semuanya ditimbus sampai parit yang asalpun ditimbusnya dia buat jalan melintasi laiuan air, culvertnya terlalu sempit sepertimana Yang Berhormat sebutlah lebuh raya 4 lorong buat culvert sempit yang akhirnya kena pecah lebuh raya pulak dan belanja RM1 juta pulak. Sedangkan kalau dibuat pemantauan, perancangan yang lebih awal di mana alur air kita rezabkan dan kita perbesarkan, elokkan dia maka duit itu tidaklah membazir sebegitu banyak. Sekali lagi saya rasa ini terlibat dengan perancangan, pemantauan, penguatkuasaan oleh pihak Kerajaan. Jadi mungkin saya rasa kalau ada daerah baru, pengurusan baru mungkin lebih baik dari segi perancangan, pemantauan dan penguatkuasaan. Saya bukanlah nak halang orang nak buat pembangunan ataupun rumah tapi biarlah ada peraturan, ada perancangan yang teliti supaya tidak menyusahkan orang-orang lain. Kita nak menyenangkan orang-orang kemudian tapi orang-orang terdahulu menjadi mangsa. Dan tidak ada tempat di mana kita nak mengadu. Akhirnya, kalau ada tanah lain pindahlah buatlah rumah di tempat lain, kalau ada duit angkatlah rumah bagi tinggi, timbus pulak. Ini semua melibatkan kos kepada penghuni asal dan saya rasa suatu perkara yang sangat tidak adil bagi saya orang-orang dahulu menerima kesan akibat yang buruk daripada pembangunan yang tidak terancang.

Berkaitan dengan itu juga, saya melihat satu perkara yang tapi perkara ini sudah berlaku dan saya sudahpun timbul di dalam Dewan sebelum inipun bahawa nak buat pembangunanpun kemajuan memang kita mahu tapi biarlah ada kajian yang teliti. Contoh sekarang antara perkara yang berlaku; di muara Sungai Terengganu kecetekan ditambah pulau-pulau yang baru, pulau pasir, timbunan pasir yang banyak. Ini dengan sendirinya akan melambatkan aliran air daripada hulu ke muara. Akhirnya berlaku *stagnation* dengan izin, aliran perlahan menyebabkan Sungai Nerus akan meningkat. Ini yang kita lihat hari ini di Pusu Tiga paras airnya lebih rendah daripada Sungai Nerus. Kalau dibina parit Sungai Tok Jiringpun akhirnya air Sungai Nerus akan masuk ke Pusu Tiga, dia takan

mengalir *reverse* air ini, dia tidak boleh langgar gravity, dia kena ikut gravity tapi aliran asal yang turun ke Kompleks Sukan telah disekat. Inilah satu kemalangan yang berlaku dan mungkin boleh dibina sungai baru, aliran baru tapi kosnya akan jugak besar termasuklah *maintenance*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Orang kemudian ni mungkin boleh banyak masa sikit kot. Okeylah, saya pergi yang ringkas-ringkaslah. Yang seterusnya saya nak sebut di sini ialah berkaitan dengan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja di muka surat 16 berkaitan dengan pembangunan di Kenyir. Memang untuk menggalakkan pelancongan, untuk memajukannya, kita Pembangkang membangkang jugak dan yang baik kita sokong. Tapi kita masih ada ruang-ruang untuk kita peringatkan kepada Kerajaan supaya kegagalan yang lalu tidak berulang. Mengikut Jawapan Bertulis pada sesi lepas, Kerajaan bercadang dan sebahagiannya telah dibuat untuk membelanjakan sejumlah wang RM289 juta di Kenyir untuk membangunkan Kenyir dengan 11 projek yang agak hebat 'Kenyir Island Hopping' RM37 juta. Pusat Santuari Gajah RM40 juta, jadi sekarang ni kalau gajah dapat peruntukan RM40 juta tidak salah kalau Pulau Duyong diberi peruntukan yang sebegitu untuk 5,000 penduduk Pulau Duyong. Dan Eco Resort RM30 juta, Taman Anggur RM3 juta, Taman Anggur ini sayapun buat search juga dan saya duk tengok boleh berjaya tanam anggur ini tapi perlu penjagaan yang rapi, perlu ada kepakaran, Thailand boleh buat tapi kepakaran yang sangat tinggi. Saya bimbang berlaku macam strawberry di Sekayu habis saja duit hasilnya tiada. Taman Buah-buahan di Sekayu jugak terbengkalai begitu saja dan banyak projek kita yang sebenarnya mungkin diusahakan dengan teliti tapi tak ada kepakaran yang tinggi, pegawai dan kakitangan yang terlatih, ia boleh berdaya maju tapi kenapa dan kita kena kaji banyak projek pertanian kita gagal. Fertigasi Mega di Telaga Papan kita gagal. Inilah sejarah-sejarah yang boleh memberi peringatan kepada kita supaya bila kita nak buat, buatlah dengan teratur, terancang dan kajian yang teliti. Kajian dari segi kos efektifnya, kita bukan *charity* (kebajikan) sekarang untuk mencari, menambah pendapatan negeri dan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat bukan sekadar nak perhabis duit kerana duit kita banyak. Kita kaji dari segi pemasarannya ataupun dari segi daya majunya, adakah dia berdaya maju, boleh menarik pelancong ataupun tidak kerana saya difahamkan bahawa bila sebut Kenyir dan apabila kawan-kawan saya di Kuala Lumpurpun dia akan terfikir nak pergi memancing, sebut tasik itulah fokusnya. Tapi sekarang dia orang buat rungutan, kawan-kawan ini pernahlah menyewa sampai dua-tiga hari sewa bot, duduk di Kenyir, sampai seminggupun ada tapi ikan takdok dah sekarang ini dia kata. Ikan di Tasik Kenyir sudah berkurangan kalau nak, kena pergi jauh masuk ke hulu, beberapa jam perjalanan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Silalah. Ajil dah lama tak bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Bukit Tunggal. Bukit Tunggal ingat ke dok yang beri banyak lesen pukat, lesen jala tu semasa zaman PAS mula? Ke tak ingat dah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak masuk line tu, terkeluar *alignment.* Tak payah jawab, tak payah jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya daripada kawasan Kenyir sebenarnya bukan ikan takdok, ikan pandai, dia kenal kail tu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dia kenal kail. Mungkinlah sebab Yang Dipertua ajar ikan di Kenyir tu jadi ikan kohor pandai, ikan sekolah belaka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ikan banyak, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dan saya dengar cerita pulaknya ada ikan Naga yang makan ikan-ikan lain, jumpa tak lagi hal terlepas seekor tu Allahuwa'alamlah. Dia orang kata habis makan ikan-ikan lain. Yang Amat Berhormat dah isytihar untuk tangkap ikan ni? RM10,000 rasanya hari itu dia beri tawaran. Jumpa tak lagi Allahuwa'alam, nanti bolehlah jawab selepas ni.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan. Ini orang Tasik Kenyir ni. Saya nak maklum kepada Yang Berhormat bahawa kalau cerita-cerita yang dibawa oleh angin tu tak payah dengarlah. Jadi saya nak menafikan bahawa apa yang diberitahu ikan Nagalah, ikan takdok tu pergilah dulu ke Tasik Kenyir dan bolehlah tengok. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Allah! Macamlah kita duduk di Hulu sangat bukannya jauh sangat, saya dah pergi tengok semua sekali dah, sudah *round* dah beberapa hari dah. Takut Yang Berhormat yang tak pergi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila habiskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya pergi tengok, kapalnya tak berjalan, hak MSET beri harga berjuta tak berjalan, hak berjalannya hak buruk tu macam bot penambang di kampung saya beri pinjam. Pinjam bot laut dalam di kampung saya buat rumah bot tu ajelah bot kelaut, hak ada hak mahal takdokpun orang pakai. Kalau nak kata, saya telah

pergi tengok Taman Burung memang ada dibuat tapi Taman Anggur belum lagi dan hak lain-lain belum ada lagi. Taman Burung ada dibuat tetapi atapnya belum ada, saya bimbang takut burung-burung tu lari, dia takdok jaring di atas. Pergilah tengok.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hak tu fesyen barulah tu kalau tak kenal, kita tak pakai atap lening, burung tu kita jaga.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, nanti pihak Kerajaan jawab, dia tak siap lagi tu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Hah ... tulah saya kata, janganlah gaduh lagi , sabar-sabar. .....(Dewan Gelak)....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormatpun janganlah cepat menghukum. Yang Berhormat tengok tu hak tak siap lagi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya tengok hak tak siap, begitulah saya tengok macamlah Exco jawab dia terima maklumat selamat oleh pegawai tak runtuh, dia runtuh kemudian nak buat guana dia kata. Sayapun begitu jugak saya tengok masa tu nak buat guana.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat habiskan, ayat-ayat akhirnya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ada banyak lagi ni, Taman Rambutan, Taman Kaktus, Bebas Cukai dan lain-lain lagi tak payah sebutlah tetapi dapat jawapan secara bertulis. Tapi saya nak sebutlah dan nak mintaklah duit dibelanjakan supaya sebagaimana yang sebut tadi berhati-hatilah dengan duit rakyat ini, ini amanah kepada kita dari segi daya majunya, dari kejayaan projek itu sendiri, carilah kepakaran dan kalau tidak ada pakarpun latihlah supaya berjaya. Saya sokong untuk kejayaan tapi janganlah nanti anak-cucu kita sebut habis RM289 juta takdok bendapun Kenyir nanti susah kita.

Ada dua perkara lagi yang saya nak sebut dalam masa yang ada ni. Yang pertama berkaitan dengan RKKK Batu 6.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat? Yang akhir ni.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bolehlah akhir tak akhirpun. RKKK Batu 6 ni, saya duk tengok ada dibina gerai-gerai baru, gerai-gerai besar tapi dah lama dah tak siap lagi, dengar khabarnya bangunan tersebut sepatutnya siap lama dah. Yang keduanya, adakah bangunan ini dibina sementara atas reserve jalan sebab saya tengok di RKKK Batu 6 -

Tepoh ni jalan tu untuk dibesarkan sedangkan dibina bangunan ini. Jadi kalau nak perbesarkan bangunan ini nak dirombak pulak ke? Itu satu persoalan, orang-orang Batu 6 bertanyalah ni. Dia orang kata, duduk semasa bentang RKKK, Jalan Batu 6-Kubang Jela hendak diperbesarkan tiba-tiba dia kata macam mana bangunan dibina atas reserve jalan sekarang tepi longkang betul-betul. Jadi kalau nak perbesarkan jalan adakah nak rombak balik jalan ini. Begitulah persoalannya. Jadi perkara inipun perlu ditengok balik sebab itulah saya kata perancangan itu penting, buatlah biarlah kita ikut betul-betul perancangan. Dan ada juga bangunan yang dibina oleh swasta begitu tinggi sekali, adakah ini termasuk dalam RKKK ataupun tidak Allahuwa'alam, sayapun tak berapa faham.

Yang akhirlah, ini akhir sungguhlah. Saya duk sebut tentang pembangunan, tentang perancangan. Sekarang ini tentang pencemaran alam sekitar. Kalau kita pergi daripada Batu 6 nak pergi ke Kota Bharu dekat kita panggil Bukit Berapit, dekat Kuari Bukit Jong, ada dibuka kuari baru pulak di kawasan Tepoh tapi ada orang mengadu ke saya, sayapun nak buat guana dah orang Kuala Nerus jugak dikira kawasan kita jugaklah Kuala Nerus tu. Kuari diberitakan sudah tutup 20 tahun dulu kerana beberapa masalah. Di antaranya kabel bervoltan tinggi melalui atasnya takut-takut kalau semasa letupan batu tu terkena kabel bervoltan tinggi itu, ini membahayakan pekerja dan orang-orang di sekitar. Yang kedua, kuari itu dekat jalan utama, ini menyesakkan jalan utama itu dengan keluar-masuk lori. Dan yang ketiga, berdekatan dengan taman perumahan, rumah orang, dia ada 4 – 5 buah rumah saja di situ hari-hari terpaksa makan debulah sekarang ini. Mungkin Alam Sekitar dia pergi check, tak bahaya kesihatan lagi, itu memanglah peringkat awal tak bahaya lagi, lama-lamakan dia bahayalah. Janganlah sudah bahaya baru nak bertindak. Sekurang-kurangnya perkara ini dapat direnungkan semula kenapa kuari ini dibuka semula yang sudah ditutup 20 tahun dahulu. Dan yang keempat yang paling malang saya tengok aduan daripada petani di Sungai Mas yang merupakan selama ini membekalkan sebahagian besar keperluan sayur-sayuran di Pekan Batu 6, di kedai-kedai, di pasar-pasar tetapi bila berlaku pembukaan kuari ini, pencemaran sumber air mereka dan tertimbusnya alur air yang beberapa kaki tertimbus menyebabkan kekurangan air untuk menyiram tanam-tanaman mereka. Jika digalipun mereka kata tidak akan selesai masalah ini sebab tanah bukit yang halus turun yang merosakkan tanaman mereka dan sudah ramai yang tidak bertani lagi. Ini akan merugikan petani-petani kita yang miskin, kalaulah kita tidak ambil pencaknaan, perkiraan atas kepentingan awam kerana mungkin dapat keuntungan, janganlah nanti kata orang untung sekarung rugi seguni. Inipun kena ambil kira sama untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat atas nama kita sebagai pemimpin, Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat dalam Dewan ini. Jadi setakat itulah saja, nampak Yang Dipertuapun duk *cerlong* sokmo dok sedap jugak. Jadi saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana masih memberi ruang yang selesa kepada saya untuk berucap. Kalau boleh beri lagi nak berucap lagi tapi tak apalah setakat tu. Wallahuwa'alam. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggal. Payah ni nak suruh berhenti, cukup payah. Ajil nak berucap. Siapa lagi yang nak bercakap, saya nak susun ni. Sura, Batu Burok, Rhu Rendang. Saya jemput Ajil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi Rabbil Alamin. Wabihi nastain. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, adik-adik, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian.

Pertama-tama syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana saya diberi kesempatan oleh Dewan yang mulia ini untuk membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja sempena Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya ini saya ingin menyampai satu pantun khusus kepada Ahli Yang Berhormat Wakaf Mempelam.

Dari Paka ke Bukit Besi
Singgah di Jabi membeli roti
Tegak berdiri saya di sini
Agar terubat rindu Wakaf Mempelam di hati
InsyaAllah.
....(Dewan Gelak dan tepukan sokongan) ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya jawab ke pantun ini Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, daripada teks ucapan yang telah dibekalkan kepada kita, saya ingin memetik beberapa perkara yang saya rasa ada kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan rakyat. Isu yang saya ingin saya nyatakan di sini adalah berkaitan dengan Tasik Kenyir sebagaimana yang dinyatakan oleh sahabat saya daripada Bukit Tunggal tadi di mana beliau telah ke Tasik Kenyir. Cuma apa yang ingin saya tambah lagi berkaitan dengan isu Tasik Kenyir ini ialah pembinaan bot-bot yang dibuat oleh Kerajaan yang dikatakan menelan belanja yang begitu besar. Yang pertama, isu ini ialah bot-bot ini tidak diguna secara optima. Yang kedua, pembinaan ini seolah-olah akan mengganggu usaha cari makan oleh pengusaha-pengusaha bot Kenyir yang akhirnya pendapatan mereka semakin hari semakin berkurangan. Lantaran itu saya pohon mencadangkan agar pihak Kerajaan memikir balik program-program yang ada pertandingan secara langsung dengan rakyat dan usaha untuk meningkatkan lagi pendapatan dan juga duit rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh sebagaimana dalam buku ucapan ini iaitu berkenaan dengan e-Book. E-Book ialah satu usaha yang saya rasa sangat wajar cuma pentingnya ditambah nilai mana-mana yang perlu dan saya menyokong apa yang disarankan oleh Wakil Tepoh agar sekiranya tidak menjadi keberatan oleh pihak Kerajaan apa salahnya agar mahasiswa-mahasiswa Negeri Terengganu yang telah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tertinggi dibekalkan laptop ini secara percuma kepada mereka. Dan saya yakin jumlahnya tidaklah sebesar sebagaimana yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk membeli e-Book kepada seluruh pelajar Darjah 5 di sekolah-sekolah rendah yang mencapai jangkauan RM50 juta. Saya rasa paling-paling banyakpun kalau diberikan kepada penuntut universiti ataupun yang akan masuk ke universiti mungkin dalam 5,000 orang didarab dengan 1,500 biji adalah dalam RM5 ataupun RM10 juta sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Wakil Ajil ni duk mengadap ke saya sokmo tidak mengadap ke Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Nak suruh terubat rindu tu. ... (Dewan Gelak) ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, sila teruskan Yang Berhormat. Saya ingatkan nak berbalas pantun tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ini satu buruk sangka ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya masa berpaling ke sana, saya berpaling ke sana, kadang-kadang tengok jugak muka Yang Dipertua. Hah ... paling sebelah sana, tengok ke Wakaf Mempelam sebab rindu jugak lama tak jumpa. Lepas tu beralih pulak ke Menteri Besar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat tengok ke saya, tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh yang demikian adalah wajar Kerajaan memikirkan semula apa saya nyatakan ini agar nikmat yang dirasai oleh anak-anak kita di peringkat sekolah rendah juga dapat dinikmati oleh anak-anak kita yang belajar di peringkat universiti.

Yang ketiga Dato' Yang Dipertua berkaitan dengan pakaian sekolah. Kebetulan hari ini Yang Dipertua saya bawa pakaian sekolah yang telah dibekalkan pada tahun lepas yang masih belum dibahagikan dan saya dapat e-mail daripada rakan saya yang menggambarkan lebih kurang di Hulu Terengganu masih ada 2,000 lagi pakaian sekolah, kasut, telekung dan jugak stokin yang belum diagihkan.

Persoalannya ialah saya difahamkan dalam jawapan sidang yang lalu, Kerajaan cuba untuk menyelesaikan masalah ini tapi sehingga hari ini bila saya *check* dengan rakan-rakan tidak ada satu usahapun dibuat oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Sebagai contoh saya bawa hari ini Dato' Yang Dipertua, dengan izin Yang Dipertua. Dalam supit rokrak, kalau nak kenal inilah supit rokrak ADUN Hulu Besut. Inilah pakaian sekolah yang dihantar ke rumah saya menuntut supaya ditukar kerana tidak padan (muat). Jadi saya nak tanya pihak Kerajaan sejauh mana tindakan diambil oleh pihak Kerajaan berhubung dengan pembekal ini. Adakah pembekal ini bersetuju untuk mengganti balik apa yang telah dibekalkan dan apakah bayaran telah dilunaskan sepenuhnya. Jika belum dilunaskan tindakan wajar perlu diambil kepada pembekal ini agar satu tindakan yang sepatutnya dikenakan kepada mereka yang terlibat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu saya juga ingin menyatakan di sini bahawa pakaian sekolah ini ialah suatu benda sebagaimana yang dijanjikan dulu tetapi tahun ini alhamdulillah telah tidak dilaksanakan lagi cuma dibahagikan duit kepada mereka yang layak. Jadi alhamdulillah, saya yakin dengan adanya perubahan ini sekurang-kurangnya masalah saiz yang tidak betul, masalah pelajar daripada sekolah rendah ke sekolah menengah tidak akan wujud lagi, insyaAllah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang seterusnya ialah berkaitan dengan isu tanah. Saya difahamkan pihak Kerajaan ada memperuntukkan projek-projek pembinaan RMM (Rumah Mampu Milik). Saya difahamkan setakat ini telah 8 projek dikeluarkan, betul tidak betul cuma saya mintak penjelasan daripada pihak Kerajaan. Dan projek ini dijalankan secara runding terus, saya tak mahu ungkitkan hal runding terus cuma saya mahu ungkitkan di kawasan saya masalah sama dengan apa yang dialami oleh Ladang, apa yang dialami oleh Bukit Tunggal iaitu tidak menjadi satu kesalahan kepada Kerajaan untuk membagikan ataupun untuk memberi imbuhan ataupun ganti rugi kepada mereka yang terlibat. Seorang hamba Allah berada di kawasan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, telah tinggal di situ lebih kurang 10 – 15 tahun, telah menanam pokok kelapa sawit yang mungkin 1 – 2 tahun lagi mungkin akan dapat hasil dan dalam masa tersebut tanah itu telah dianugerahkan kepada satu syarikat untuk buat perumahan dan tanah ini tanah Kerajaan yang masih belum diberi title kepada pemilik. Jadi dia terpaksa pindah atau keluar daripada kawasan tersebut. Jadi saya berharap satu usaha dijalankan untuk mempastikan tidak berlaku penganyianyaan terhadap hamba Allah ini sebanyak 2 buah rumah, satu Encik Zakaria dan satu lagi Razali Nawi yang berada di Kampung Bukit Ara, Ajil. Jadi perkara ini saya rasa cukup sensitif bagi kita sebagai pemimpin untuk mempastikan di samping kita mendirikan rumah yang istimewa tapi dalam masa yang sama kita teranyianyakan mereka yang terlibat dalam usaha pembangunan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu, berkaitan dengan tanah juga. Saya ingin menyatakan di sini dan memohon ihsan daripada Kerajaan Negeri untuk menyediakan ataupun untuk mempastikan generasi kedua Felda iaitu Felda Bukit Bading. Saya telah mengenal pasti tapak di Felda Bukit Bading ini

sebanyak 300 lot yang masih kosong untuk dibuat rumah dan saya telah angkat perkara ini kepada peringkat yang tertinggi cuma kita berharap agar pihak Kerajaan Negeri tidak menjadi keberatan untuk menguruskan kawasan ini kerana masalah apabila Felda mempunyai generasi yang telah lama sekarang ini generasi kedua, apabila generasi kedua wujud generasi kedua ini banyak yang telah keluar dari kawasan Felda maka masalah yang timbul ialah sekolah-sekolah yang semakin kosong kerana kilang-kilang lama masih beroperasi tetapi tidak ada produk. Ini akan menjadikan kawasan Felda akan menjadi kawasan yang berkurangan penduduk. Jadi dengan adanya cadangan ini saya berharap ianya akan dapat memberi satu nafas baru kepada Felda terutamanya di Bukit Bading, Felda yang saya rasa tertua di Negeri Terengganu agar ianya diberi ruang kepada generasi kedua ini untuk tinggal di kawasan Felda tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Wakil Bukit Payong. Bukit Payong takdok hari ini mungkin keluar pergi ceramah barangkali. Menyatakan bahawa apa yang dikatakan bahawa pendidikan yang ditumpukan oleh Kerajaan Negeri tidak berfokus kepada agama. Ini satu tuduhan yang saya rasa tidak wajar kerana sistem yang dilalui oleh Wakil Bukit Payong sendiri saya yakin dan saya percaya Sistem Arus Perdana. Dan sepatutnya beliau berterima kasih terhadap apa yang telah dilalui dan dengan pendidikan tersebut dia mampu berada pada tahap yang ada pada hari ini. Dan dinyatakan jugak kelmarin kalau tidak silap saya bahawa dia nak melatih budak-budak hak lemah-lemah ini menjadi Tok Imam. Jadi apa yang kita hajatkan dan apa yang diinginkan oleh pihak Kerajaan Pusat, Kerajaan UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional bukannya Tok Imam yang *komang-komang,* kita nak kekgi Imam yang juga Engineer, Imam kekgi Akauntan, Imam yang dilahirkan di Terengganu ialah Imam-Imam yang profesional yang pergi ke masjid naik kereta-kereta hebat, jangan pergi ke masjid naik motor Honda Cup, lampu bulat jugak tapi Honda Cup. Jadi inilah yang kita cuba *promotekan* agar kita dapat lahirkan satu generasi Islam yang hebat yang bukan sahaja digeruni oleh lawan tetapi juga dihormati oleh sahabat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua selain daripada itu, hari ini dia bawa usul lagi, Usul Mat Rempit. Kelmarin bawa Usul Royalti dan saya yakin dia dah tahu dia bawa usul ini Dewan akan tolak, semestinya dia yakin dah tetapi dia bawa jugak sebab ini akan jadikan modal untuk mereka berceramah. Kita pentingnya Mat Rempit kemudian Kerajaan tolak, kemudian dia akan boleh kata Kerajaan tidak peka terhadap masalah Mat Rempit, Kerajaan tidak peka masalah remaja dan saya yakin dan percaya perkara ini akan dibawa oleh pihak Pembangkang untuk menaikkan imej mereka dan menjatuhkan imej UMNO dan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua selain daripada itu, apa yang ingin saya nyatakan jugak dalam masa yang singkat ini ialah berkaitan dengan yang disebut oleh Wakil Wakaf Mempelam; se projek beri ke OKU, dua projek OA. Lupakah Wakil Wakaf Mempelam 1999 hingga 2004 projek banyak jugak diberi kepada

kroni-kroni dia, siapa tak kenal ANZ, siapa tak kenak Chua Brother? Jadi memaku dulang paku terserpih, mengata orang aku yang lebih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Hah! Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat boleh duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak Wakil Wakaf Mempelam duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan tak boleh jugak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak duduk dulu. Ajil terima kasih habis ke beri laluan Yang Berhormat panjang lagi ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, terima kasih. Hah! Tengok itukan gentleman dia beri laluan. Pasal saya tengok dia bercakap tu macam dia tu Exco lagi ..... (Dewan Gelak) .... gaya dia jawab, gaya dia cocoh tu. Jadi saya bila dia kata masa PAS dulu diberi kepada syarikat-syarikat tertentu, kita buka tender dan tidak ada projek yang gagal, yang berhenti sekerat jalan dan tidak ada yang runtuh, itu rekod yang ada, cuba buktikan. Kalau bagi kepada OKU hak saya sebut semalam, main buat sekerat jalan, ambil balak lepas tu tinggal, lepas tu runtuh, apalah, jauh langit dengan bumi beza.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, maknanya secara tak langsung Wakil Wakaf Mempelam mengakuilah bahawa projek beri kepada kroni jugak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi itulah apa yang berlaku untuk nak menyatakan bahawa kita buat bila projek itu runtuh semasa dalam pembinaan dia ditanggung oleh kontraktor, tidak sesenpun ditanggung oleh Kerajaan. Jadi ini tidak menjadi satu isu yang besar tapi benda ini dijaja dan diratib di dalam ceramah-ceramah seolah-olah apa yang dilakukan oleh Kerajaan hari ini semuanya membawa kepada keburukan dan semuanya ada penyelewengan. Ini ditanam, dijaja dan diratib dalam ceramah-ceramah tujuannya tidak lain tidak bukan agar timbul rasa kebencian rakyat kepada Kerajaan sedangkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, PAS ditubuhkan sejak 1951 bukan setahun, bukan dua tahun lebih 50 tahun. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan PAS atau parti PAS untuk pendidikan, untuk

akhlak remaja, untuk pembangunan? Sekolah kita buat, hospital kita buat, jalan raya kita buat, tidak ada satupun yang dibuat oleh Kerajaan PAS sejak 50 tahun dulu cuma bersyarah saja. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai parti yang hebat, parti yang memperjuangkan Islam sekurang-kurangnya ada 2 – 3 universiti, ini takdok sebutir habukpun, yang adapun hak di Kubang Lembik tu KUDQI ada ke dok lagi lening, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi ini satu benda yang kita; "Wahai orang-orang yang beriman sebab apa yang kamu cakap kamu tidak buat."

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sekurang-kurangnya kawan lama saya ini satni dia kata PAS tak buat apa-apa lepas tu dia khabor hak di Kubang Lembik PAS buat pulak tapi sekurang-kurangnya PAS ada buat, UMNO buat apa? Jangan sebut Kerajaan, antara PAS dengan UMNO dan Kerajaan. PAS ada buat, kita di Rusila, di Kubang Lembik ada jugak buat, PASTI dan sebagainya. UMNO buat apa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ini soalan tadika Yang Dipertua, soalan kanak-kanak tadika.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nak persoal saya tak apalah, nak kata tadika ke apa tapi persoalan saya cuba khabor apa benda hak UMNO buat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Yang Berhormat tengok ke sini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey, saya tengok. ...(Dewan Gelak) .... tapi sekurang-kurangnya soalan saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah faham soalan tu sila bagi Yang Berhormat Ajil jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, inilah putar belit yang dilakukan. Umur 50 tahun lebih dah ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tengok ke saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi sensitif tengok ke dia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sebab meja mengadap ke sana sepatutnya meja *adjust* ke sini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini bukan soal putar belit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi dia peluang, Yang Berhormat Wakaf Mempelam duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan saya mudah kalau bekas Exco ni tak tahu nak beza antara parti, antara Kerajaan, hai ..... payah, berat ni orang hulu ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil, sekejap. Jadi tadi ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Minta maaf, minta maaf tadi saya sebut orang hulu kalau Yang Dipertua berasa saya minta maaf, Wakil Ajil saya tarik balik, minta maaf.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kita tak usah jadi Dewan ini perkara yang kelakar, isu ada, saya ingat masa yang sangat pendek dan saya dah susun tadi ada 3 orang lagi yang akan bercakap, saya ingat Ajil teruskan dengan *point-point* yang hendak diteruskan, sila 10 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kalau paling begini meja duduk begini tapi kalau paling begini jadi mikrofon jauh takut tak berapa dengar, ini masalahnya jadi kena adjust mikrofon biar tinggi sedikit.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua selain daripada itu, nak tanya hak Kerajaan UMNO dengan Barisan Nasional ini serupalah. Tunjang Barisan Nasional ialah UMNO, jadi PAS dengan PKR hak mana se tunjang saya dok tahu, tak nampak tunjangnya, takdok tunjang barangkali sebab tu bergoyang sokmo lening. Jadi inilah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia tidak jawab soalan, saya tak cakap tunjang ke tak tunjang ke, takdok. Saya tanya parti dengan Kerajaan sama ada parti PAS ke, parti PKR ke, parti UMNO ke. Kerajaan tu pulak masa PAS jadi pemerintah ke, itu berbeza. Jadi bila dikatakan PAS tak buat apa-apa, kita kata kita buat jugak sekadar kemampuan kita .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat Ajil faham Yang Berhormat. Beri ruang untuk dia berucap. Sila Ajil.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah faham tapi dia tak jawab soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakaf Mempelam ni; 'Kura-kura dalam perahu, pura-pura tidak tahulah.' Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu kita jugak dalam usaha untuk mempastikan perbelanjaan berhemah, Kerajaan Negeri sewajarnya mempastikan apa yang dibelanjakan itu dimaklumkan kepada rakyat. Saya sukar untuk menjawab Yang Dipertua, apabila rakan-rakan, sahabat-sahabat, orang-orang kita bertanya: "Kerap sangat pemimpin-pemimpin kita ke luar negara, berapa banyak duit yang dihabiskan dan berapa banyak hasil dari lawatan tersebut?" Jadi kadang-kadang kita susah nak jawab benda-benda sebegini jadi kita berharap pihak Kerajaan agar mempastikan setiap perkara yang dibuat itu dimaklumkan kepada rakyat dan jugak dipastikan bahawa ianya membawa hasil yang baik kepada rakyat dan juga negeri. Saya jugak terbaca dalam Ucapan Tengku Seri Panglima Raja bahawa di Negeri Terengganu kita ada 12 bidang keberhasilan utama negeri tapi saya cari-cari tidak ada benda yang dinyatakan yang 12 ini. Adakah ianya terlupa ataupun baru nak rancang ataupun sudah dirancang dan telah dilaksanakan ataupun macam mana? Cuma yang dikatakan di sini bahawa: "Sebanyak bidang keberhasilan negeri state KRA telahpun dikenal pasti bagi memacu perlaksanaan perancangan tersebut." Jadi kita berharap agar pihak Kerajaan menjelaskan apakah bidang tersebut bukan saja jelas, dilaksanakan dan dimaklumkan kepada rakyat bahawa ini usaha kita dan usaha untuk mempastikan negeri kita Terengganu Darul Iman ini berada sama taraf, sama tahap dengan negeri-negeri lain yang telah maju dan yang sedang membangun.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu berkaitan dengan pembalakan. Hari ini saya difahamkan banyak kawasan-kawasan balak telah diberi konsesinya kepada rakyat dan dalam masa yang sama ada jugak sawmill-sawmill yang tutup dan dalam masa yang sama pemilik-pemilik konsesi ini ataupun mereka yang memiliki kawasan balak ini mereka tercari-cari pembeli. Betul atau tidak saya difahamkan oleh kerana terlalu banyak kawasan balak dikeluarkan maka pembeli dia *demand,* dia main harga. Jadi ini sekurang-kurangnya merugikan negeri dan juga orang yang mendapat kawasan tersebut. Kalau selama ini orang berebut nak balak, hari ini saya nampak balak ini menjadi bala sebab takdok orang nak beli dan bila takdok orang nak beli, contohnya di kawasan Tasik Kenyir yang dahulu masa zaman PAS dianugerahkan kepada satu syarikat dan hari ini saya difahamkan diberi kepada orang lain dan saya telah dipanggil oleh mahkamah untuk menjadi Saksi terhadap kes tersebut, saya tidak tahu statusnya setakat mana hari ini yang terjadi di kawasan Dam Kedua Tasik Kenyir. Jadi inilah perkara-perkara yang saya rasa yang perlu diambil perhatian, perlu diberi penekanan

agar ianya menampakkan ketelusan Kerajaan dalam usaha membelanjakan wang rakyat dan usaha menarik semula duit ataupun hasil daripada royalti, daripada balak dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua selain daripada itu, berkaitan dengan parti PAS juga, saya berbaca dalam surat khabar, Ketua Pemuda PAS kata, orang hak lompat parti masuk PAS akan masuk Syurga, orang hak lompat parti ke luar PAS masuk Neraka. Saya tidak tahu apa asas yang dibuat untuk mempastikan benda ini ataupun nas-nas yang diambil untuk menyatakan bahawa fatwa tersebut dikeluarkan. Jadi inilah suatu benda yang saya rasa boleh merosakkan perpaduan rakyat, boleh merosakkan keharmonian masyarakat kerana mereka bercakap apa saja untuk kepentingan mereka. Mereka boleh bercakap apa saja untuk kepentingan parti mereka. Lantaran itu kita berharap agar sebarang fatwa atau perkara-perkara berkaitan dengan agama ini perlu diselidiki dahulu sebelum diwarwarkan kerana ianya secara tak langsung atau secara langsung akan menjejaskan keharmonian masyarakat kita. Ini bila ramai hak keluar parti masuk parti Bebas atau masuk Barisan Nasional mereka keluarlah fatwa, ini haram tapi kalau orang kita masuk hala ke dia, dia kata halal. Inilah hak kata Tok Guru lama "Halalun bila boleh ke aku, walharamun bila boleh ke mu." Inilah yang berlaku Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa itu sajalah apa yang saya ingin nyatakan dalam ucapan ringkas saya ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi ruang dan peluang dan kesempatan kepada saya membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja pada Pembukaan Dewan kali ini dan insyaAllah, apa yang baik semuanya daripada Allah dan yang tidak baik daripada saya sendiri. Dan akhirnya (membaca petikan ayat yang bermaksud): "Tolong menolonglah kepada perkara-perkara kebaikan dan kamu jangan tolong kepada perkara-perkara buruk dan kejahatan." Dan setakat hari ini terbukti bahawa UMNO dan Barisan Nasional tidak pernah menyuruh, tidak pernah mengajak dan tidak pernah berdakwah kepada manusia untuk melakukan kejahatan. Kita suruh orang buat baik dan kita jugak berbuat baik. Sekianlah, terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah. Wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak ucap tahniah kepada Wakil Ajil kerana telah mula bercakap, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Ajil di atas ucapan dan masa yang diperuntukkan tepat. Saya mintak 20 minit daripada Sura, insyaAllah. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN RAMLI (Wakil Sura): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi rabbil alamin. Wassalatuwassalamu-ala asyrafil

anbia iwamursalin. Wa-alihi wasahbihi ajmain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pegawai dan Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Saya bersyukur kerana diberi kesempatan oleh Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja Sempena Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas pada 5 April yang lalu. Dan dalam Ucapan Yang Teramat Mulia ada disebutkan berkaitan dengan harapan supaya Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri memberikan khidmat bakti seikhlasnya terutama kepada kalangan rakyat yang benar-benar memerlukan pertolongan. Kita lihat dalam soal melibatkan perkhidmatan, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang melibatkan Pembangkang tidak diberikan peruntukan itu kita faham tetapi kita akan terus berkhidmat. Cumanya dan sepatutnya diberitahu ke manakah peruntukan itu dan kepada siapakah diletakkan peringkat DUN yang dimenangi oleh Pembangkang supaya bila rakyat datang untuk memohon Bantuan Peruntukan itu kita boleh salurkan kepada orang yang berkenaan tetapi tidak dimaklumkan kepada kita dan ini kita mintak supaya Kerajaan benar-benar telus dalam memahami Ucapan ini supaya perkhidmatan yang diberikan oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri akan terus diberikan kepada rakyat dengan seikhlasnya.

Dan dalam masa yang singkat ini juga saya nak mengambil ingatan bahawa dalam Ucapan ini perkara yang berkait dengan Al-Quran yang dibanggakan dengan jumlah ramainya anak-anak kita yang melalui pendidikan di peringkat pra-sekolah yang boleh membaca Al-Quran dan menghafaz Al-Quran dengan baik dan sebahagian disebutkan dalam hafazan Yaassinpun juga boleh dilakukan oleh mereka tetapi kenyataan kepada Al-Quran ini mestilah kita faham apa yang sebenarnya dikehendaki Al-Quranulkarim. Dalam Suratul Furqan ayat 30, Allah S.W.T. menyebutkan pengaduan Nabi S.A.W. (yang bermaksud): "Dan telah berkatalah Rasul, dalam pengaduannya, wahai Tuhanku sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Quran sesuatu yang ditinggalkan." Di mana Ibnu Qayyim dalam menghuraikan ayat ini telah menyebutkan lima perkara Al-Quran ditinggalkan: Pertama, tidak membacanya termasuk menghafaznya. Kalau kita mengambil nisbah di peringkat pendidikan pra-sekolah bagaimana bacaan di peringkat murid-murid sekolah rendah, sekolah menengah, menengah atas dan seterusnya. Nisbah ini sahajapun sudah kelihatan bahawa di peringkat rendah (tadika) itu saja yang diberi perhatian, pihak Kerajaan jugak hendaklah memberi perhatian kepada peringkat yang lebih tinggi daripada itu iaitu soal pembacaan, soal hafazan. Yang kedua, memahami makna-makna ayat Al-Quran kerana membaca sahaja dengan tidak memahami makna tidak memungkinkan manusia bertindak di atas kehendak Al-Quran itu. Apatah lagi kalau kita hendak membaca sesuatu bahasa dengan kita tidak memahami bahasa itu maka kita tidak akan membaca apapun

penerbitan yang ada di dalam bahasa tersebut. Al-Quran itu mestilah jugak diambil perhatian memahami maknanya untuk bertindak di atas kehendak-kehendak yang dibaca. Yang ketiga ialah, meninggalkan mempelajari tafsir-tafsir Al-Quran. Al-Quran itu mesti dipelajari tafsirnya, saya nak mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya membanyakkan kelas-kelas dan kuliah-kuliah tafsir di masjid-masjid yang ada di seluruh Negeri Terengganu ini kerana ini adalah sebahagian daripada maksud untuk memahami Al-Quran. Maka saya meminta pihak Kerajaan membanyakkan kelas-kelas dan kuliah-kuliah di masjid-masjid di seluruh Negeri Terengganu yang begitu banyak disebutkan semalam lebih kurang 500 buah. Jadi saya harap pihak Kerajaan mengambil berat. Yang keempat ialah, meninggalkan berhukum dengan hukum Al-Quran. Oleh itu, pihak Kerajaan juga oleh kerana bagi Undang-Undang Tubuh di Negeri Terengganu ini Undang-Undang Tubuhnya ialah Quran, Hadis, Ijmak dan Qias yang telahpun kita maktubkan pada tahun 2003 maka saya nak mencadangkan supaya Kerajaan jugak memberi memberi perhatian khususnya Exco Agama supaya berusaha supaya pelaksanaan syariah berdasarkan kepada Undang-Undang Tubuh di Negeri Terengganu yang telah diluluskan itu dapat dilaksanakan. Ini adalah penting supaya kita melihat daripada maksud Al-Quran itu ialah untuk diamalkan undang-undang dan peraturannya.

Yang keempat, kata Ibnu Qayyim: "Meninggalkan Al-Quran itu bermakna meninggalkan Al-Quran untuk dijadikan ubat kepada penyakit masyarakat." Inilah yang sedang kita alami sekarang ini. Penyakit masyarakat yang sangat banyak tetapi pendekatan holistik tidak diambil oleh Kerajaan. Pendekatan berdasarkan Quran ini telah berjaya merubah masyarakat Jahiliyyah menjadi masyarakat yang paling baik dalam tempoh yang sangat singkat, kenyataan sejarahnya ialah 25 tahun sahaja. Sehingga diturunkan oleh Allah, ayat (yang bermaksud): "Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan bagi manusia." Dihadapkan kepada siapa ayat ini? Kamu ini adalah yang dulunya, asalnya masyarakat Jahiliyyah. Tetapi dengan Al-Quran yang dijadikan ubat memperbaiki masyarakat maka Rasulullah S.A.W. berjaya membentuk masyarakat yang menjadi sebaik-baik umat. Maka hendaklah kita memberi perhatian bahawa kita kalau hendak menangani apa juga masalah yang berlaku dalam negeri kita, dari segi jenyah, dari segi sosial, dari segi Mat Rempit, dari segi buang anak, membunuh, zina, pelacuran dan lain-lain mestilah dilibatkan pendekatan holistik Al-Quran oleh pihak Kerajaan. Sebab itu saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan benar-benar menubuhkan satu jawatankuasa yang akan menangani masalah-masalah yang berlaku dalam Negeri Terengganu ini berdasarkan kepada pendekatan Al-Quranulkarim.

Yang ketiga, saya juga ingin untuk menyebut pada awal Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja ini berkaitan dengan kesatupaduan, keharmonian dan kemakmuran serta semangat setia kawan yang perlu disemai di antara kita untuk mengeratkan perpaduan. Baru-baru ini di Dungun, Menteri Pertanian datang untuk merasmikan satu Projek Penanaman Pisang di Kampung Padang Pulut

dalam DUN Rantau Abang. Dan ada kain rentang yang sekarang ini dari plastik, kain atau plastik rentang yang dinaikkan untuk menyambut kehadiran Menteri Pertanian. Dan dalam kata-kata aluan sambutan itu diletakkan pula wajah-wajah, orang-orang yang menyambut kehadiran Menteri Pertanian. Kalau kita lihat terletak di simpang utama persimpangan jalan di Dungun dan kita dapati pada pihak kanan atau plastik rentang itu muka Yang Berhormat Menteri Pertanian, kemudian ada wajah (muka) Menteri Keselamatan Dalam Negeri selaku Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Terengganu, yang ketiga ialah wajah (muka) Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu. Di sebelah kiri kain atau plastik rentang itu yang kita ini dari kanan tengok ada wajah Ketua Bahagian Dungun, kemudian di sebelahnya Exco Dungun ADUN Rantau Abang, kemudian di sebelahnya Ahli Parlimen Dungun. Dua wajah (muka) takdok, Wakil Bukit Besi takdok di situ, Wakil Pakapun takdok di situ, pasal apa jadi begini? Apa masalahnya, mengapa berlaku seperti ini? Ini diletak di simpang jalan, orang tengok. Kalau nak berbalah, berkelahipun janganlah tunjuk. Minta maaflah Yang Dipertua, saya kena sebut benda ini sebab mengaibkan, bukan tak *handsome* muka Bukit Besi dan Paka ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, takut tak muat kot?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN RAMLI (Wakil Sura): Kalau nak letak sangat kata tak sukalah, letaklah kat mana-manapun, bermata satu saja ke boleh tahan, macam lanun tu tapi biarlah kita ambil ingatan perkelahian ini jangan kita bawa ke luar. Kita faham supaya kita mengambil ingatan ini ialah lain kali kerana ia melibatkan pemilihan yang dibuat oleh rakyat sebagai ADUN, jangan dinafikan hak mereka. Sebab itu saya nak mintak supaya akan datang apapun yang berlaku dalam program-program yang melibatkan Kerajaan di Dungun hendaklah diberikan perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Kemudian yang jugak penting saya nak sebutkan di sini ialah berkaitan dengan kesihatan perlulah diberikan perhatian. Saya faham dan sangat mustahak bahawa Dungun ini perlu kepada satu hospital baru, Rancangan Malaysia Ke-9 sudah nak habis tempohnya. Maka saya berharap pihak Kerajaan Negeri berusaha bersungguh-sungguh walaupun kita faham perkara ini di bawah Kementerian Kesihatan mendesak bahawa satu hospital baru ini yang sangat mustahak bagi penduduk Dungun dibina dan dimasukkan kalau boleh di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 supaya ia benar-benar menjadi kenyataan kerana sudah beberapa orang Menteri Besar, sudah beberapa Menteri Kesihatan, sudah beberapa Ahli-ahli Exco yang menjaga bahagian kesihatan di Terengganu ini, sudah beberapa Ahli Parlimen tapi masih tidak lagi menjadi kenyataan hospital yang sangat mustahak bagi Daerah Dungun pada hal hospital sedia ada telah dibina pada tahun 60an. Saya berharap ianya akan diberikan perhatian yang sangat *serious* kepada kepentingan kesihatan rakyat khususnya di Bandar Dungun.

Dan saya jugak mengharapkan supaya pihak Kerajaan benar-benar memberikan perhatian kepada soal pembasmian kemiskinan rakyat. Kerana dari segi soal asasnya ialah supaya pentadbiran Kerajaan yang membawa maksud merakyatkan pentadbiran dan pembangunan diberikan perhatian. Saya menerima satu salinan surat daripada beberapa orang penduduk Dungun yang tidak berpuas hati dengan pentadbiran Majlis Perbandaran Dungun. Cadangan supaya ditukar, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Dungun ini ke jabatan atau ke daerah lain. Tandatangannya ada dan semua Wakil Rakyat saya rasa di Daerah Dungun juga menerimanya. Tetapi saya mintak supaya difahami bila kita sebut 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan', apatah lagi sampai di Dungun 'Merakyatkan Perbandaran' maknanya rakyat menjadi keutamaan kita. Rakyatlah yang menentukan sebahagian daripada kehendak-kehendak pentadbiran kita dan pembangunan kita. Maka saya sangat berharap supaya diberikan perhatian kepada surat yang telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ini diberikan perhatian walaupun dari sebahagian kecil yang menghantarnya dari rakyat Dungun. Ini adalah kerana bila kita letakkan sesuatu motto biarlah motto itu menjadi benar-benar seperti mana yang kita asaskan dalam pentadbiran dan pembangunan kita. Dan saya berharap Kerajaan berikan perhatian *serious* kepada soal ini.

Dan dengan itu saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ucapan yang telah disampaikan ini untuk memungkinkan kita meneruskan kerja-kerja sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri dalam tempoh penggal ini walaupun dalam suasana kesempitan yang ada yang kita dinafikan banyak hak-hak bagi kita menyuarakan persoalan-persoalan dan permasalahan-permasalahan rakyat. Dan dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam Ucapan Yang Teramat Mulia ini. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih ADUN Sura. Masa masih ada tapi Yang Berhormat sudah habis cuma Yang Berhormat ada masa serious dan ada juga gurauan tetapi Dewan tidak sempat nak kejar, dokdang nak ketawa dengan gurauan Yang Berhormat. Jadi saya jemput 20 minit daripada Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Dato' Yang Dipertua, saya ingin juga turut berbahas Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu yang telah kita sama-sama dengar di Dewan yang mulia ini. Yang mana telah memberikan beberapa harapan kepada kita Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk kita terus memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat terutamanya daripada kalangan dan golongan yang miskin. Begitu jugak apa yang disebut tentang keperluan penjawat awam di Negeri Terengganu ini dalam isu-isu pembaziran, penyelewengan dan salah urus yang perlu dihapuskan daripada

pengurusan awam ini sendiri. Dato' Yang Dipertua, Negeri Terengganu memanglah sebagaimana yang kita ketahui negeri yang mempunyai hasil kekayaan, khazanah gas dan minyak yang begitu banyak. Negeri yang mempunyai sumber-sumber yang begitu kaya yang sepatutnya dapat dikecapi oleh setiap lapisan masyarakat yang ada di Negeri Terengganu ini sendiri. Namun kita dapat melihat sepatutnya dengan hasil kekayaan yang ada ini kita sudah lama dapat merapatkan jurang di antara yang kaya dengan yang miskin serta mengatasi ketidakseimbangan perbelanjaan tahunan yang berlaku setiap tahun. Apapun punca kegagalan yang ada ini perlu dilihat bersesuaian dengan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja di Dewan yang mulia ini sendiri. Perlu ada kecaknaan di kalangan kita Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk memberikan pembelaan kepada golongan yang miskin, golongan yang memerlukan bantuan dan pertolongan, perlu ada kejujuran, perlu ada hemah dan komitmen terutamanya dalam penyelesaian kita terhadap rakyat *marhain* ataupun golongan miskin yang berada di Negeri Terengganu ini.

Di Dewan yang mulia ini saya ingin sekali lagi bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita telah melalui proses meluluskan Bajet di Dewan ini sejak Yang Amat Berhormat menjadi Menteri Besar sebanyak 2 kali, 2 tahun berturut-turut kita membelanjakan tidak kurang daripada RM2 bilion setiap tahun dan Bajet 2010 ini jugak kita jangkakan akan mencecah lebih daripada RM2 bilion. Ini adalah suatu jumlah yang begitu besar berbanding dengan negeri-negeri lain yang berada di seluruh Semenanjung Malaysia ini sendiri. Persoalan yang ada di hadapan kita, apa relevannya hasil sebesar ini kepada rakyat miskin di Negeri Terengganu sedangkan rakyat termiskin terus menerus hidup dalam keadaan 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Pengayuh-pengayuh beca yang mendapat RM100.00 – RM200.00 subsidi ataupun bantuan akan terus kekal dengan kehidupan dia sebagai pengayuh beca, nelayan yang turun pagi pulang malam ataupun keluar malam dan pulang pagi akan terus hidup dalam keadaan yang serba kekurangan dan begitu jugak bagi seorang petani di Negeri Terengganu yang diberikan subsidi atau Dana Khas, Dana Ihsan RM200.00, RM300.00 mereka tetap akan bertani, mereka tetap akan hidup dalam keadaan 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Pergantungan ini meletakkan kehidupan rakyat miskin di Negeri Terengganu berada di dalam keadaan yang begitu kritikal sedangkan kita mempunyai hasil kekayaan yang begitu banyak, melimpah ruah tetapi pembelaan terhadap golongan miskin ini perlulah dinilai semula oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan melihat secara keseluruhan aspek-aspek pembangunan dan perbelanjaan Negeri Terengganu ini sendiri. Apa ertinya pembangunan, kita membangunkan bandar-bandar baru, kita membangunkan Kuala Terengganu dengan mengambil tanah-tanah di Ladang, di tengah-tengah Bandar Kuala Terengganu, di Chabang Tiga dan sebagainya. Apa erti pembangunan kalau rakyat dan orang-orang Melayu terutamanya akhirnya menjadi pelarian di bumi dan di negeri sendiri.

Saya ingin mendapat penjelasan secara spesifik daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, apa jaminan apabila kita membangunkan Kampung Tanjung, kita membangunkan Kampung Ladang, kita membangunkan Bandar Kuala Terengganu dengan Projek Paya Keladi II, apa jaminan orang-orang Melayu yang sudah beratus-ratus tahun menginaptinggal di situ, mereka akan dapat kenikmatan daripada hasil apa yang disebut sebagai pembangunan. Saya melahirkan kebimbangan ini adalah kerana melihat kepada 2 projek besar yang sekarang ini sedang dijalankan oleh Kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang pertamanya, Projek Paya Keladi II, saya ingin mendapat penjelasan terus apa jaminan Projek Paya Keladi II itu dari segi majoriti rumah-rumah kedai yang ada di situ akan diberikan kepada peniaga-peniaga Melayu ataupun pembeli-pembeli Melayu yang saya yakin mempunyai dengan izin *purchasing power* untuk membeli rumah-rumah kedai yang ada dalam projek Paya Keladi II. Begitu jugak pembangunan Bandar Chabang 3 yang diberikan kepada seorang kontraktor Cina, bukan kita bersifat *racist* tapi Chabang 3 dari segi warisannya bandar orang-orang Melayu, tanah milik orang-orang Melayu tetapi dari segi membangunkannya telah diberikan kepada seorang kontraktor Cina dan apa jaminan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa peniaga-peniaga Melayu tidak akan terpinggir daripada pembangunan yang berlaku sekarang.

Begitu jugak apa yang berlaku di Ladang sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Ladang. Kebimbangan kita dari segi apa yang disebut sebagai Bandaraya Pesisiran Pantai. Kita boleh membangun, kita boleh membina, kita boleh membuat ataupun membina bangunan-bangunan pencakar langit tetapi kita sebagai orang-orang Melayu yang beragama Islam perlu bertanya kepada diri kita apakah dengan harga pembangunan yang begitu mahal kita terpaksa membayar sehinggakan orang-orang Melayu di Kuala Terengganu dalam jangka masa 5 - 10 tahun yang akan datang di bawah pemerintahan ataupun pentadbiran Yang Amat Berhormat akan merempat di tanah atau bumi sendiri.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin merujuk kembali kepada laporan yang dibuat tentang Stadium Sultan Mizan yang telah runtuh. Sebenarnya laporan yang dibuat ataupun taklimat yang dibuat kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara ataupun PAC amat memalukan kita seluruh rakyat Negeri Terengganu, bukan sahaja Yang Amat Berhormat Menteri Besar tetapi seluruh warga dan rakyat Negeri Terengganu. PAC untuk makluman semua, bukan sahaja terpaksa membincangkan dan melihat kepada pembentangan yang dibuat di Dewan Rakyat, kepada Laporan PAC ini bukan hanya isu Stadium Sultan Mizan tetapi laporan-laporan ini saya yakin Yang Amat Berhormat ada dalam simpanan Yang Amat Berhormat tetapi laporan jugak terpaksa dibuat selain daripada Stadium Sultan Mizan yang bernilai RM293 juta, isunya bumbung runtuh, PAC di Parlimen jugak terpaksa membincangkan isu Pusat Akuatik Kuala Terengganu, isunya aspek kualiti pembinaan dan kualiti bahan bina yang rendah nilainya RM18 juta. Stadium tertutup Kuala Terengganu isunya struktur bumbung yang berkarat, nilai Stadium RM115 juta. Yang keempat, naik taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu

Pakej 2, isunya ceiling rosak, nilai Lapangan Terbang RM130 juta. Dan yang kelimanya, PAC di peringkat Pusat terpaksa membincangkan isu bina dan siap Terminal Bas Kuala Berang yang bernilai RM4.1 juta, isunya adalah bumbung runtuh. Dato' Yang Dipertua, bagaimana perasaan kita apabila pemimpin-pemimpin dan Ahli Parlimen di dalam Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara terpaksa membincangkan tentang pembangunan Negeri Terengganu, kegagalan pembangunan Negeri Terengganu sendiri yang amat, amat, amat memalukan kita. Walaupun Yang Amat Berhormat membacakan tentang kenapakah ianya berlaku, sebab-sebab berlaku tetapi saya ingin tekankan sekali lagi, selagi kita tidak menyelesaikan masalah penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah maka selama itulah kita tidak akan dapat menyelesaikan isu-isu yang dikatakan pembangunan di Negeri Terengganu ini sehingga boleh memberi imej yang begitu negatif kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat serta seluruh rakyat Negeri Terengganu. Betapa malunya kita setiap hari, pelancong-pelancong yang turun-naik kapal terbang mereka akan melihat runtuhnya suatu pembangunan yang bernilai beratus-ratus juta dengan sekelip mata akibat daripada salah urus, penyelewengan dan jugak rasuah yang berlaku.

Dato' Yang Dipertua, di Dewan yang mulia ini saya ingin sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Ajil ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, isu yang banyak diperkatakan oleh penjawat-penjawat awam, Pegawai-pegawai Kerajaan, kekerapan Yang Amat Berhormat bertugas rasmi ke luar negara. Kalau boleh di Dewan ini sepanjang 2 tahun Yang Amat Berhormat perlu menjelaskan berapa kali ke luar negara dan apa hasil kunjungan ini kepada Kerajaan Negeri. Begitu jugak saya ingin mendapat penjelasan tentang kos pengambilan tanah oleh Kerajaan Terengganu di kawasan Bandaraya Kuala Terengganu sebagaimana yang saya sebutkan Kampung Tanjung, Kampung Ladang, Paya Bunga dan jugak Cabang 3 dan apakah ianya melibatkan isi rumah orang-orang Melayu dan berapa bilangan isi rumah penduduk-penduduk Melayu yang terlibat dengan pengambilan tanah ini sendiri.

Dan begitu jugak saya ingin mendapat penjelasan tentang Dasar Perhutanan di Negeri Terengganu sebagaimana yang disebutkan tadi, nyatakan jumlah kelulusan kawasan pembalakan yang diluluskan daripada tahun 2008 hingga 2010. Dan kalau boleh Dewan yang mulia ini senaraikan syarikat-syarikat yang mendapatnya, apa salahnya kita mengetahui kerana terlalu banyak diperkatakan daripada Besut sampai ke Kemaman saya pergi, saya berjalan, saya berhenti, apa yang selalu disebut, nama yang selalu disebut nama 'Abu', sayapun tak tahu siapa 'Abu' ni tapi 'Abu', 'Abu', maka Yang Amat Berhormat perlu menjelaskan siapakah orang-orang di belakang syarikat-syarikat pembalakan ini dan apa merit yang diberikan kepada mereka ini dan apakah kepentingan-kepentingan yang ada pada syarikat-syarikat pembalakan ini sendiri.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dalam kita membangunkan Negeri Terengganu ini jugak, saya ingin sekali lagi merujuk kepada jawapan Yang Amat

Berhormat tentang tuntutan kita ke atas royalti minyak Negeri Terengganu ini sendiri. Royalti minyak sebagaimana yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat dalam sidang Dewan 23 Disember yang lalu iaitu mesyuarat kali terakhir di antara Kerajaan Negeri Terengganu yang diadakan di Kuala Terengganu pada 18 Ogos 2009. Antara tuntutan ataupun perkara-perkara yang menjadi tuntutan di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Terengganu dan Petronas ialah yang pertamanya, persoalan royalti dibayar terus oleh Petronas kepada Negeri Terengganu. Yang keduanya, pembayaran yang telah dibuat oleh Petronas kepada Kerajaan Persekutuan antara 2000 hingga 2009 mestilah dianggap sebagai pembayaran royalti kepada Negeri Terengganu. Dan yang ketiga, Kerajaan Negeri menarik balik saman terhadap Petronas. Apa Yang Amat Berhormat serta Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sekalian, kita sebagai rakyat Negeri Terengganu berhak untuk membuat tuntutan ini, saya memberikan sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas tuntutan ini bukan di atas sentimen parti, bukan di atas sentimen peribadi tetapi di atas semangat kita sebagai Negeri Terengganu untuk mendapatkan balik hak kita yang telah dinafikan lebih 10 tahun yang sekarang ini jawapan di Parlimen sudah mencecah lebih daripada RM17 bilion, bayangkanlah RM17 bilion duit Negeri Terengganu, duit Kerajaan, duit rakyat Negeri Terengganu diurus oleh Kerajaan Persekutuan tanpa kita mendapat peruntukan-peruntukan yang sebaiknya yang boleh kita melaksanakan untuk kebaikan rakyat Negeri Terengganu ini sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 2 - 3 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, saya ingin habiskan dalam 2 - 3 minit lagi. Perlulah kita di Dewan ini bersikap lebih gentleman dalam arena politik baru ini. Kita melihat persoalan-persoalan penyelewengan, persoalan-persoalan hak dan sebagainya dan bukan di atas sentimen kepartian tetapi di atas sentimen untuk kita memperbaiki keadaan yang ada dan memberikan yang terbaik, khidmat yang terbaik kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu. Saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar seorang yang bertanggungjawab dan boleh memberikan jawapan-jawapan yang terbaik dalam persoalan-persoalan besar yang timbul di kalangan rakyat Negeri Terengganu sekarang ini. Saya timbulkan tadi persoalan konsesi balak yang ada, saya timbulkan tadi persoalan royalti minyak yang ada, saya timbulkan jugak persoalan pembangunan bandar-bandar baru dan pengambilan tanah di Kuala Terengganu dan di seluruh Negeri Terengganu dari segi jaminan terhadap orang-orang Melayu yang ada di Negeri Terengganu ini sendiri yang perlu kita lindungi. Kita orang-orang Melayu perlu ada sifat supaya kita mempertahankan dari segi masa depan orang-orang Melayu. Di Malaysia ini tidak ada lagi bandar-bandar ataupun sudah tidak ada lagi bandar-bandar yang majoritinya orang-orang Melayu hanya atau mungkin di Terengganu atau di Kelantan sahaja. Inilah yang perlu kita pertahankan, warisan inilah yang menjadi kewajipan kita mempertahankan untuk kita mengekalkan tradisi Melayu di Negeri Terengganu ini sendiri dan kita memberikan hak-hak yang terbaik kepada kaum-kaum yang lain kaum Cina dan

India yang ada di Terengganu ini dengan kita tidak sedikitpun menggadaikan walau seincipun tanah-tanah yang berstrategik di Negeri Terengganu ini kepada kaum lain untuk kita letakkan di atas nama pembangunan itu sendiri.

Dato' yang Dipertua, saya rasa itulah yang dapat saya sampaikan pada pagi yang mulia ini. Sekali lagilah kita melahirkan rasa terima kasih kita kepada Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja yang telah memberikan dan menyampaikan Ucapan baginda di Dewan ini maka dengan apa yang telah dilaksanakan ini, kita mengharapkan insyaAllah Terengganu akan terus membangun, Terengganu akan terus menjadi Terengganu Darul Iman yang mendapat rahmat dan perlindungan daripada Allah S.W.T. Wallahuwa'alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Terakhir saya jemput Rhu Rendang. Dipersilakan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah wassalatu wassalamu alarasulillah wa-ala alihi wasahbihi wamanwa'la'. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Dalam menyampaikan Ucapan, Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima telah mengemukakan tentang hala tuju yang diberi penekanan ke arah memantapkan perjalanan pentadbiran dan pelaksanaan dasar dan polisi Kerajaan Negeri khusus dalam menangani krisis ekonomi dunia yang sudah tentu negara kita menerima kesan dan Terengganu juga akan menerima tempias daripadanya. Dalam hala tuju tersebut izinkan saya mengulangi untuk menjadi ingatan kita. Yang pertama, sektor swasta sebagai ejen pembangunan. Yang kedua, produktiviti dan inovasi melalui k-ekonomi. Yang ketiga, modal insan yang kreatif dan inovatif dengan kemahiran yang tinggi di abad ke-21. Yang keempat, penekanan dalam pengurangan jurang pembangunan antara kawasan, kaum dan taraf pendapatan. Yang kelima, kualiti hidup setaraf negara maju. Dan yang keenam, Kerajaan bertindak sebagai fasilitator yang berkesan.

Dalam mukadimah ucapan itu, disebut penekanan dalam perkara yang keempat. Menegaskan bahawa kita bersama-sama berganding bahu ke arah memupuk masyarakat yang hidup bersatupadu, harmoni dan semangat setiakawan dan persefahaman perlu disemai antara kita untuk mengeratkan perpaduan antara satu sama lain. Disebut dalam perkara yang keempat, penekanan dalam mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan, kaum dan taraf pendapatan. Tidak disebut di sini pembangunan antara negeri dan wilayah-wilayah sepatutnya disebut sama untuk memberi peringatan kepada Kerajaan Pusat dan kefahaman kepada kita sendiri. Terengganu adalah sebahagian antara

negeri-negeri Persekutuan Malaysia yang mengamalkan Sistem Federalisme. Konsep Federalisme dilaksanakan dalam amalan Politik Demokrasi Berparlimen, kebiasaan dilakukan di dalam negara berbagai kaum dan daerah dengan tujuan untuk menjamin perpaduan di antara kaum dan daerah itu. Perlu diingat bahawa perpaduan tidak boleh dilaksanakan dengan asas-asas kebendaan sahaja kerana manusia bukan sahaja diikat dengan benda, mereka mempunyai hati nurani dan perasaan yang terpenting adalah keadilan yang perlu dilaksanakan dengan cara yang tepat. Kita perlu membaca sejarah sudah lebih 50 tahun negara kita mencapai kemerdekaan walaupun Negeri Terengganu diperintah oleh parti yang silih berganti tahun 1959 - 1961 dipimpin oleh PAS. 1961 – 1999 dipimpin oleh Barisan Nasional (UMNO) yang dulunya Perikatan. Tahun 1999 – 2004 dipimpin kembali oleh PAS. Tahun 2004 hingga kini dipimpin lagi oleh Barisan Nasional yang berteraskan kepada UMNO. Dalam semua tempoh itu kita perlu melihat bagaimana Negeri Terengganu terus dipinggirkan bukan sahaja dipinggirkan di zaman penjajahan tanpa menafikan Terengganu dijajah paling akhir di Malaysia ini. Terengganu berada di bawah negeri menang dan berada di bawah Tanah Persekutuan Melayu di akhir tahun 40an. Terengganu dipinggirkan dalam pembangunan yang menonjolkan kemajuan bagi seluruh negara Malaysia di mana keseluruhannya penekanan diberi kepada negeri-negeri Pantai Barat, negeri-negeri Pantai Timur dipinggirkan khususnya Terengganu walaupun setelah kita mencapai kemerdekaan 50 tahun lebih. Di sana terdapat perkara-perkara asas ataupun kemudahan-kemudahan asas yang perlu diberi menjadi pemangkin kepada kemajuan di Negeri Teregganu yang sangat usuri, yang sangat dasar, yang sangat kita boleh fahami sebagai contoh ialah pelabuhan, lebuh raya, kereta api ini sebagai contoh kerana kemudahan ini merupakan kemudahan yang sangat menyentuh kepentingan rakyat yang lebih besar tanpa menafikan lapangan terbang juga adalah penting tapi lapangan terbang tidak digunakan oleh jumlah rakyat yang besar. Dan masalah pelabuhan, Pelabuhan Pantai Timur merupakan perkara yang penting untuk menghubungkan Malaysia dengan negara-negara sebelah Timur seperti Jepun, Hong Kong, Thailand, Amerika Latin, Filipina, Indonesia dan lain-lain lagi. Apabila dibincangkan tentang pelabuhan di Pantai Timur semua pengkaji, konsultan dalam tahun 70an mengatakan pantai di Negeri Terengganu, teluk di Negeri Terengganu khususnya di Kemaman adalah paling sesuai untuk dijadikan pelabuhan kerana kedalamannya, kerana ketenangannya di musim tengkujuh, kerana dapat menghadapi hakisan yang mungkin berlaku. Tetapi malangnya dipilih Pahang kerana pada masa itu Pahang adalah negeri Perdana Menteri bukan berdasarkan kepada dari segi menasabah, strategi, dari segi kajian yang dibuat tetapi dia adalah negeri Perdana Menteri maka dipilih Pahang tidak dipilih Terengganu, inilah penderitaan yang dialami oleh Terengganu. Dan setelah berlakunya penemuan petroleum di pantai Terengganu terpaksa Pelabuhan Kemaman menjadi Pelabuhan untuk perbekalan kemudahan-kemudahan industri petroleum selepas itu dialih pentadbirannya jugak ke Kuantan. Dalam soal lebuh raya sebagai contoh, sudah berpuluh-puluh tahun negeri lain sudah ada lebuh raya kita ketinggalan dan memakan masa yang lama, dalam pilihan raya 1999 Menteri Kerja Raya pada masa itu pernah meletakkan batu

asas untuk didirikan bila-bila masa saja tapi selepas pilihan raya kami yang mengambil alih dia tanggul kemudian Barisan ambil alih jugak dalam keadaan kelambatan yang begitu rupa. Hal-hal yang seperti ini merupakan perkara yang perlu menjadi ingatan kepada kita semua jangan kita meletakkan kepentingan parti politik dan faharan kita sebagai asas kepada sikap kita dalam masalah ini. Marilah kita bersikap secara saksama. Kereta api sehingga ke hari ini tidak ada di Terengganu, negeri-negeri lain sudah ada ini adalah peninggalan yang berlaku.

Dan yang paling menderita ialah masalah royalti petroleum yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Burok tadi. Saya masih ingat pada tahun 1978, ketika berlakunya penemuan hasil minyak di Terengganu di masa itu Dewan Undangan Negeri Terengganu mengadakan perbahasan sehingga larut malam untuk membincangkan supaya Terengganu diberi hak royalti ini, akhirnya berhasil kerana berpandukan kepada Perjanjian Petroleum di antara Petronas dan Kerajaan Negeri dan berpandukan kepada Akta Petroleum yang digubal untuk menyelesaikan masalah Kerajaan Pusat, Sabah dan Sarawak dan akhirnya bersetuju supaya diperuntukkan Royalti Petroleum kepada Sabah dan Sarawak. Asas yang sama diberi kepada Terengganu tapi malangnya kerana perbezaan politik, sentimen politik, taksub politik, kita telah melakukan satu kesilapan yang besar melalui Usul dalam Perhimpunan UMNO dan dibatalkan. Namun demikian, kita boleh berusaha lagi walaupun perkara ini dibawa ke mahkamah, saya lebih mengutamakan perundingan daripada mahkamah kerana saya tidak yakin dengan Sistem Kehakiman yang ada dalam negara kita pada hari ini kerana tidak ada pemisahan kuasa yang sepatutnya berlaku dalam sebuah negara yang adil dan saksama mengikut amalan demokrasi, pemisahan kuasa di antara eksekutif, legislatif dan juga *sharing* di mana Badan Kehakiman tidak mahu pemisahan kuasa, kita bimbang sekiranya di bawa ke mahkamah maka dibuat satu keputusan yang membatalkan sampai bila-bila. Dengan sebab itu perundingan diutamakan apa lagi sudah ada tokoh-tokoh negarawan membuat kenyataan yang terbuka bahawa royalti adalah hak Negeri Terengganu di antaranya ialah Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah bekas Pengerusi Petronas, bekas Menteri Kewangan membuat kenyataan terbuka dan yang terakhirnya ialah Tun Musa Hitam juga membuat kenyataan yang terbuka dan saya nak dedahkan dalam Dewan ini biasanya saya tak dedah di tempat lain iaitu Tun Mahathir Mohamad membuat kenyataan jugak dalam tahun 2000 beliau membuat kenyataan dan pihak media menyiarkan Tun Mahathir jugak membuat kenyataan bahawa royalti adalah hak Negeri Terengganu yang sepatutnya mengikut perjanjian yang dimeterai dan mengikut semangat hubungan antara negeri dan Persekutuan. Oleh kerana itu, kita hendaklah berusaha dan kami menyokong usaha-usaha ini dengan gigih supaya hak Terengganu dipulang kembali dengan cara yang seadil-adilnya. Dan memangnya Terengganu ini ada hasil-hasil yang banyak, bahan-bahan semulajadi yang banyak tetapi tidak boleh dimemanfaatkan dengan sebab memanfaatkannya memerlukan kebenaran oleh Kerajaan Pusat, Terengganu boleh buat Kilang Simen, Terengganu mempunyai pasir silica, Terengganu ada macam-macam hasil lagi tetapi bila nak diusahakan ada kaitan dengan Kerajaan Pusat, banyak perkara yang terkandas, hasilnya

ada, semulajadinya ada tetapi malangnya kita tidak boleh nak salur dengan sebab semangat Federalisme tidak dilaksanakan dengan cara yang sungguh-sungguh.

Perkara yang kedua, yang saya nak sentuh ialah yang disebut dalam hala tuju yang pertama dan yang keenam iaitu sektor swasta sebagai ejen pembangunan. Dalam masa yang sama yang keenam itu Kerajaan bertindak sebagai fasilitator yang berkesan. Di sini perlunya penyelarasan oleh Kerajaan dan pihak swasta ada perkara yang sepatutnya diserah kepada swasta dan ada perkara yang sepatutnya dikendali oleh Kerajaan, ada yang sepatutnya boleh berbahagi di antara Kerajaan dan pihak swasta. Di sana ada perkara yang asasi, perkara yang daruriyat, keperluan hak manusia yang disebut oleh Nabi S.A.W. dan ianya berpanjangan boleh bertambah (yang bermaksud): "Manusia itu bersekutu dalam 3 perkara iaitulah air, api dan padang ragut)." Hari rawatan perubatan dan hari ini juga mungkin komunikasi dan hal-hal lain yang merupakan perkara yang sangat penting bagi rakyat. Dalam hal ini kita boleh mengizinkan Kerajaan melibatkan diri dengan cara yang bersungguh, dengan cara yang serius, dengan cara yang lebih berkesan di samping memberi galakan kepada pihak swasta. Dan di sana ada kegiatan-kegiatan ekonomi yang perlu dilakukan oleh pihak swasta, Kerajaan tidak sepatutnya bertanding dengan pihak swasta. Pihak swasta nak berniaga kayu, Kerajaanpun nak berniaga kayu, swasta melibatkan diri dalam pakaian, Kerajaanpun dalam pakaian. Perkara yang seperti ini sepatutnya tidak ada pertembungan di antara Kerajaan dengan pihak swasta, kalau ada pertembungan ini Ibnu Khaldun pernah mengatakan (yang bermaksud): "Penglibatan Kerajaan di dalam kegiatan ekonomi rakyat dengan cara yang tidak patut boleh membawa keburukan." Keburukannya ialah akan berlakulah kroni-kroni, kadang-kadang bukan kehendak Menteri Besar, bukan kehendak Exco tetapi penyokong-penyokong yang tidak bertanggungjawab yang akan menekan pemimpin-pemimpin politik yang memaksa mereka menyerahkan sesuatu maka berlakulah projek-projek yang gagal, berlakulah perancangan-perancangan yang tidak sampai kepada matlamat yang hendak dituju. Tanggungjawab Kerajaan menjadi fasilitator, kadang-kadang Kerajaan tidak menunaikan tanggungjawab hari ini, pernah suatu masa dulu Kerajaan memberi kemudahan dalam perusahaan Roselle sebagai satu contoh tetapi bila orang-orang kampung mengusahakannya pasarannya tidak ada, mati begitu saja dan banyak lagi hal-hal lain mati di tengah jalan. Projek nipah yang berlaku di Rhu Rendang, saya lihat sejak perasmian dan beberapa bulan sahaja dibuka lepas itu tidak bergerak sebabnya tidak ada pasaran. Peranan Kerajaan ialah untuk memainkan kemajuan dalam pasaran, kalau kita usahakan di peringkat rakyat sedangkan pasarannya tidak ada maka akan terbengkalailah di tengah jalan. Inilah peranan Kerajaan yang sepatutnya dan oleh kerana itu perkara satu dan enam ini hendaklah diselaraskan dengan cara sebaik-baiknya.

Dan satu lagi perkara yang saya nak sentuh ialah perkara yang kelima iaitulah kualiti hidup setaraf negara maju. Negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun,

Great Britain, German, Perancis walaupun mereka maju dan maju dalam bidang industri tapi mereka tidak lupa dalam menyediakan keperluan-keperluan asas bagi rakyat khususnya dalam masalah pemakanan. Mereka mempunyai makanan yang cukup, kemudahan yang cukup sebabnya kadang-kadang kita menganggap kalau kita maju dalam bidang ini kita jadi negara yang tidak maju, pertanian tidak perlu diswastakan kerana keuntungannya tidak banyak tetapi dari strategi keselamatan negara, srategi menghadapi bencana alam di seluruh dunia dan hal-hal yang seperti ini perlu diutamakan. Kita melihat bagaimana negara-negara maju dalam dunia mereka boleh hantar bantuan makanan ke negeri yang menghadapi kemarau, menghadapi kebuluran walaupun mereka maju dalam bidang industri tapi mereka mempunyai pemakanan yang cukup, kemudahan-kemudahan penting yang cukup, kadang-kadang kita lupa hal-hal yang seperti ini, kita anggap dalam bidang pertanian perkara yang lekeh. Jepun sebagai sebuah negara yang maju, Kerajaan memberi subsidi sehingga 99%, rakyat bayar 1% sahaja walaupun Kerajaan menghanguskan duit tetapi dari segi keperluan masa depan, keperluan negara merupakan keperluan asasi yang sangat pokok.

Dan yang akhirnya, ialah masalah modal insan. Walaupun baik mana sekalipun rancangan diatur, difikir, dilaksanakan sekiranya kita tidak mempunyai modal insan yang berjaya maka segala-galanya akan gagal. Model Ekonomi Baru akan menemui kegagalan sebagaimana jugak Dasar Ekonomi Baru. Masalahnya adalah masalah pelaksana, pelaksana inilah yang berkait dengan modal insan. Dalam kita membina modal insan kita mestilah melihat kepada komponen-komponen yang asasi kepada naluri manusia, fitrah manusia, Allah Taala jadikan manusia itu ada jasad, roh, individu, masyarakat, bahan-bahan yang digunakan, kewajipan terhadap Allah dan khilafah memakmurkan bumi dengan peraturan Allah dan kebiasaan yang diberi oleh Allah S.W.T. Walaupun kita bercakap tentang ini dan hendak diberi penekanan tetapi kita pisahkan di antara satu sama lain, roh, jasad, individu, masyarakat dan semua komponen ini adalah mata rantai yang tidak boleh dipisahkan di antara satu sama lain dengan sebab itu Allah Taala menyebut dalam Al-Quranul Karim dengan satu acuan yang jelas (sebagaimana huraian): Kita bercakap tentang Ulul Albab, bercakap tentang khaira ummah (sebaik-baik umat), bercakap tentang ummatan wasata (umat yang pertengahan) tetapi kita tidak menyentuh mata-mata rantai yang merupakan komponen bagi membentuk Ulul Albab ini. Penekanan yang pertama ialah aqidah, aqidah ini ialah bagi orang Islam mengikhlaskan diri kepada Allah S.W.T. dan menolak Tharut. Tharut ialah setiap yang melampaui batas bukan sahaja dalam aspek ibadat termasuklah dalam aspek cara hidup, undang-undang dan peraturan yang melampaui batas yang menjadikan manusia itu melampaui batas dan tidak seimbang di antara rohani dan jasad, manusia tidak boleh mengawal hawa nafsu. Contohnya, Soalan Bertulis oleh Yang Berhormat Bukit Payong berhubung dengan Pusat Karaoke dan Pusat Snuker di Terengganu berjumlah 70. Bukan kita tidak boleh berhibur, boleh berhibur tetapi sejauh mana batas-batas sempadan di dalam hiburan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya, terima kasih. Saya tak nampak batas-batas sempadan ini berlaku dengan cara yang teguh dan kuat. Dengan sebab itu perlu adanya batas-batas sempadan yang dapat mengawal aspek-aspek negatif daripada hiburan ini. Jangan kita melihat dari segi menggalakkan pelancong datang, pelancong datang ke sini bukan nak berhibur, mereka nak berhibur dan memuaskan hawa nafsu lebih baik di negeri mereka sendiri, mereka datang nak tengok alam semulajadi. Dengan sebab itu penekanan kepada mengindahkan alam semulajadi, memelihara ini sangat penting di samping kita melakukan sekatan-sekatan supaya tidak berlaku perkara-perkara yang negatif. Ini hal yang sangat penting yang perlu dilaksanakan dan kami telah meluluskan undang-undang yang berdasarkan kepada syariat Islam dalam penggal yang lalu, Kerajaan tidak membuat dan terus menerima dan Tuanku telah sign dan sudah digazetkan, alangkah baiknya perkara ini dilaksanakan dan kami bersedia memberi kerjasama yang sepenuhnya dan diberi kepada semua pihak untuk melaksanakan dengan sebaik-baiknya. Sekiranya kita berjaya dalam melaksanakan pembentukan modal insan dengan cara sebenarnya mengikut acuan Allah S.W.T. maka perancangan kita akan berjaya.

Yang kedua ialah ilmu dan kebijaksanaan. Yang dimaksudkan kebijaksanaan yang unggul ialah Quran dan hadis Nabi S.A.W. dan kita dibenarkan menerima segala kebijaksanaan dari mana datangnya sekalipun. Dengan sebab itu Islam menggalakkan penterjemahan daripada ilmu-ilmu asing dibawa ke dalam masyarakat dan inilah yang melahirkan tamadun Islam. Dengan sebab itu saya mencadangkan supaya Terengganu memperkasakan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Malangnya KUSZA yang sepatutnya menjadi milik Negeri Terengganu telah diserah kepada Kerajaan Pusat, ini adalah satu langkah yang tidak bijak, satu langkah yang gopoh-gapah, negeri-negeri lain ada pusat-pusat pengajian dia, Terengganu tidak ada pusat pengajian yang milik Kerajaan Negeri sendiri, kita serah kepada Pusat. Walaupun demikian, masih belum terlambat, kita boleh mengadakan pusat pengajian sendiri dan perkasakan bahasa kebangsaan kerana perkasakan dengan bahasa ibunda dan bahasa kebangsaan ini yang lebih banyak melahirkan ilmuwan di negeri masing-masing. Jepun dia perkasakan negara dia dengan bahasa dia, Korea dengan bahasa dia, China dengan bahasa dia, German dengan bahasa dia, dia hantar ke luar-luar negara dengan bahasa-bahasa asing, bila bawa ke dalam negeri dengan bahasa sendiri barulah kita boleh melahirkan modal insan yang sebanyak-banyaknya dalam negeri sendiri. Kalau kita tidak perkasakan bahasa kita sendiri maka usaha ini akan terbantut, tidak membanyakkan hasil-hasil yang memberikan menafaat.

Saya rasa itulah beberapa perkara yang dapat saya ucapkan dalam tempoh ini, mudah-mudahan diberi menafaat kepada kita semua. Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Rhu Rendang. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sepanjang dua hari sejak hari kelmarin kita telah mendengar 12 ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan selepas kita bersidang waktu petang saya harap saya memberi peluang kepada Kerajaan untuk membalas jawapan ataupun menggulung. Sebelum saya tangguhkan mesyuarat ini sebagaimana pengumuman pada hari kelmarin, saya jemput semua Ahli Yang Berhormat dan sidang Dewan yang berada dalam Dewan ini bagi menggelakkan pembaziran kita ada jamuan di Tingkat 18. Kepada Pemerhati di luar dan di dalam kalau rasa nak ke tingkat 18pun boleh, kita juga ada sedia di Medan U2 jamuan tengah hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan saya tangguhkan Persidangan ini sehingga pukul 2.30 petang untuk sidang seterusnya. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.15 PETANG.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sidang kita diteruskan semula. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk memulakan penggulungan oleh pihak Kerajaan maka saya jemput pertamanya daripada Kuala Besut. Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil Alamin. Wassalatu wassala mu-ala Sayyidina Muhammaddin asyrafil mursalin wa-ala alihi wasahbihi ajmain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam Satu Malaysia dan Salam Perpaduan. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, para-para Pemerhati, wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Pertama-tamanya izinkan saya mengambil kesempatan di sini untuk sama-sama merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja kerana menyampaikan ucapan bersempena dengan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Kedua Belas ini. Semoga hasil Persidangan kita ini akan memberikan lebih banyak lagi menafaat dan kebaikan kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu Darul Iman selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk merakyatkan pentadbiran dan pembangunan Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, di dalam Ucapan Perbahasan yang telah kita dengar semalam dan hari ini berkait dengan portfolio saya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Wakil Jabi kerana telah memberi keprihatinan kepada kejadian penyakit Demam Denggi dan cadangan-cadangan dalam pencegahan dan rawatan Demam Denggi di Negeri Terengganu ini. Untuk makluman Dewan, sehingga minggu yang ketiga belas tahun 2010 ini iaitu dari awal tahun sehingga 3 April 2010 telah terdapat sebanyak 270 kes Demam Denggi di seluruh Negeri Terengganu berbanding dengan sebanyak 348 kes pada waktu yang sama pada tahun 2009 yang lepas. Angka ini secara keseluruhannya telah menunjukkan penurunan kes iaitu sebanyak 22.4% berbanding dengan tahun lepas. Walau bagaimanapun, kejadian Demam Denggi di Daerah Kuala Terengganu pada tahun 2010 ini adalah membimbangkan kerana telah berlaku peningkatan sebanyak 165 kes berbanding 149 kes pada tahun lepas. Peningkatan ini telah berlaku sebanyak 10.7% di Daerah Kuala Terengganu. Walhal di daerah-daeah lain semuanya menunjukkan penurunan. Kes-kes Denggi

yang berlaku mengikut pecahan daerah pada tahun ini sehingga minggu ketiga belas ialah:

Daerah		Jumlah Kes
Besut	-	33 kes
Hulu Terengganu	-	15 kes
Kuala Terengganu	-	165 kes
Marang	-	9 kes
Dungun	-	26 kes
Kemaman	-	14 kes
Setiu	-	8 kes
JUMLAH :		270 kes

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, mintak laluan. Pohon penjelasan, mengapakah di Kuala Terengganu begitu tinggi sekali kes-kes Denggi ini?

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Wakil Jabi. Seperti yang kita maklum bahawa kes-kes Denggi ini ialah berpunca daripada gigitan nyamuk Aedes sama ada nyamuk Aedes Aegypti ataupun Aedes Albopictus di mana nyamuk ini datang daripada jentik-jentik yang membiak di takungan air-air bersih yang mana bila berlaku banyaknya tempat-tempat pembiakan jentik-jentik ini kita percaya ianya berkaitan dengan jumlah kes yang banyak. Jadi hasil daripada kajian pemeriksaan Jabatan Kesihatan sendiri memang di tahap kebersihan di Daerah Kuala Terengganu khususnya di kawasan-kawasan bandar yang akan saya sebutkan beberapa tempat sekejap lagi masih belum agak memuaskan dari segi kebersihan. Saya rasa ini dapat memberikan penjelasanlah.

Izinkan saya sambung. Terdapat 13 lokaliti wabak berlaku sehingga kini dengan 9 wabak adalah terkawal dalam masa 14 hari dan 4 wabak yang tidak terkawal yang semuanya berlaku di Daerah Kuala Terengganu. Jadi tempat-tempat wabak yang tidak terkawal ini sukacita saya maklumkan pertama lokaliti Kampung Losong Haji Long ada 12 kes, lokaliti Buloh Gading 37 kes, Rumah Awam Kos Rendah Telaga Daing 15 kes, Kampung Nibong Panji Alam 10 kes. Jadi pihak Jabatan Kesihatan telah membuat pemeriksaan-pemeriksaan di seluruh Negeri Terengganu pada tahun ini sehingga minggu 13, sebanyak 46,006 premis-premis telah diperiksa dan didapati sebanyak 264 premis yang didapati menjadi tempat pembiakan jentik-jentik dan kita telah mengeluarkan kompaun sebanyak 183 kes di mana jika sekiranya membayar semua kompaun jangkaan pendapatan daripada kompaun tersebut adalah sebanyak RM57,000.00. Saya difahamkan bagi kes-kes yang melibatkan premis-premis perniagaan kita kompaun sampai RM500.00, bagi kes-kes yang bukan perniagaan (tempat kediaman) sebanyak RM300.00.

Dalam kes-kes kesalahan positif jentik-jentik Aedes ini pihak Jabatan Kesihatan tidak dapat menutup premis-premis ini seperti yang disyorkan oleh Wakil Jabi kerana bidang kuasa menutup kes-kes yang ada pembiakan jentik-jentik ini pada pandangan saya di bawah PBT (Pihak Berkuasa Tempatan). Antara tindakan-tindakan yang telah jabatan ambil dalam kita mengawal dan mencegah penyakit Denggi ini, kita telah membuat semburan kabus ataupun *fogging* di sebanyak 75,887 premis. Kita juga telah memasukkan racun jentik-jentik Abate di sebanyak 1,183 premis dan kita telah bersama-sama mengadakan gotong royong dengan masyarakat tempatan sebanyak 61 aktiviti. Kita mengharapkan *pattern* penurunan kes-kes Denggi sehingga hari ini akan berterusan dan mudah-mudahan tidak akan ada berlaku kes-kes kematian Denggi.

Perkara yang kedua, permintaan ataupun perhatian yang diminta oleh Yang Berhormat Wakil Sura supaya Jabatan Kesihatan memberikan keutamaan kepada Projek Hospital Daerah Dungun. Jadi sukacita saya maklumkan kepada Dewan bahawa sehingga hari ini sebenarnya Projek Hospital Baru Daerah Dungun sudah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan kita juga telah memasukkannya dalam senarai Rancangan Malaysia Kesepuluh di mana tapak sudahpun disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri cuma menunggu bajet dan pelaksanaannya sahaja. Jadi itulah sahaja yang dapat saya maklumkan Dato' Yang Dipertua Dewan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hospital Baru Dungun itu tadi katanya lulus dalam Rancangan Malaysia Kesembilan lepas itu dibawah ke dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, lepas tu nak buat bila tu, Rancangan Malaysia Kesebelas ke, ke dua belas ke, lama sangat dah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang ke sepuluh belum baca lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat dah jawab dah tu, saya ingat tak payah jawab dah. Dia saja tanya aje tu. Yang Berhormat saya menjemput Telemong.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Alhamdulillahi Rabbil Alamin. Wassalatu wassala mu-ala asyrafil anbia iwamursalin. Wa-ala alihi wa-ashabihi ajmain. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan sidang hadirin yang saya hormati sekalian.

Pertama-tamanya, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya kita pada hari ini masuk hari yang ketiga dan sudah sampai ke penghujung sidang Dewan kita pada kali ini. Terlebih dahulu saya juga ingin merakamkan dan mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja atas Ucapan Perasmian di dalam Dewan

2 hari yang lalu. Dan juga saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja atas kecaknaan beliau terhadap golongan petani, penternak dan juga nelayan yang mahu mempastikan pihak Kerajaan terutamanya untuk memberi perhatian yang serius kepada golongan-golongan ini dan sekaligus supaya kita mengambil cakna yang teramat sangat. Memandangkan golongan petani, penternak dan juga nelayan merupakan salah satu daripada golongan yang masih ketinggalan ke belakang dan juga masih memerlukan bantuan dan juga sokongan daripada pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini sebagai Yang Berhormat Kawasan Telemong ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kepimpinan dan terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah menyediakan satu peruntukan yang besar untuk membangunkan Tasik Kenyir. Dan saya walaupun telah banyak menerima dan juga kita telah mendengar bagaimana keluhan, keresahan dan kerisauan daripada rakan-rakan kita terutamanya daripada rakan kita Pembangkang namun begitu kita cukup yakin dan percaya dengan pelaburan yang begitu besar insyaAllah pulangannya begitu besar kepada rakyat negeri kita Terengganu. Apatah lagi Yang Amat Berhormat akan menjadikan Tasik Kenyir sebagai satu destinasi pelancongan yang utama dalam negara kita ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, selain daripada itu juga saya ingin menolak tohmahan-tohmahan yang negatif berkaitan dengan pembangunan di Tasik Kenyir tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua bahawa masalah di Tasik Kenyir seperti yang dibangkitkan kurang ikan, ikan takdoklah. Sebenarnya perkara tersebut berlaku semenjak pada tahun 2000 hingga 2004 masa PAS memerintah. Saya khabor selalu ni senang sikit, nak nafi, nafilah sebab masa tersebut Tasik Kenyir ditinggalkan begitu saja dengan tanpa ada sebarang bantuan dan juga pembangunan oleh Kerajaan dan juga pada masa tersebut juga berlakunya berleluasa orang mengebom ikan, orang mencuri ikan dan meracun ikan di Tasik Kenyir. Inilah yang menyedihkan kita ditambah pula dengan pengeluaran Lesen Bot Menangkap Ikan begitu banyak di Tasik Kenyir hampir beratus buah di Tasik Kenyir tersebut. Sehinggalah pada tahun 2004 kita terpaksa mengambil langkah yang drastik pada masa tersebut untuk memulihkan kembali ikan di Tasik Kenyir supaya menarik lebih ramai pelancong. Betul, memang pelancong datang ke Tasik Kenyir ni nak memancing. Jadi kita terpaksa memulihkan keadaan tersebut dengan kita membatal buat sementara waktu lesen-lesen di Tasik Kenyir untuk memulihkan ikan-ikan di tasik itu sehinggakan ada sesetengah daripada pengusaha-pengusaha yang pada masa itu yang diluluskan telah mengamuk dan menyerang ke pejabat saya. Itu jelas terbukti dan ianya memang kebanyakannyapun memang terdiri daripada rakyat kita belaka, ada yang kuat PASpun ada, UMNOpun ada belakalah. Jadi sekarang ini saya terpaksa mengadap Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada pasa tersebut, Dato' Seri Idris untuk memohon peruntukan khusus untuk membela mereka ini supaya mereka ini tidak terjejas dari segi punca pendapatan mereka.

Dan alhamdulillah, peruntukan pada masa tersebut diluluskan RM300.00 sebulan untuk nelayan-nelayan yang kita batalkan lesennya dan kita mengaturkan program jangka panjang iaitu ternakan ikan dan juga perkara-perkara lain.

Dan alhamdulillah, sejak sekarang ini kita melihat pembangunan Tasik Kenyir begitu menyerlah sekali dan dapat menarik begitu ramai pelancong-pelancong daripada luar dan pada hari ini kalau tuan-tuan nak ke Tasik Kenyir kalau nak tempah bot hari ini le nak masuk memang takdok, maknanya kena tempah dalam sebulan dulu barulah boleh masuk. Ini menunjukkan ramainya orang nak masuk ke Tasik Kenyir hari ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya bukan mengempen ini tapi mengalu-alukan siapa yang nak pergi bolehlah pergi dan secara tidak langsung bila orang pergi menafaatnya banyaklah kepada pengusaha-pengusaha bot di situ, pengusaha bot besar, pengusaha bot-bot kecil. Cuma baru-baru ini kita ada berbincang dan memohon dengan Kerajaan supaya bot-bot di Tasik Kenyir ini saya bagi pihak pengusaha-pengusaha bot di Tasik Kenyir ini memang ada memohon dengan Yang Amat Berhormat supaya dipertingkatkan bot-bot di Tasik Kenyir ini selaras dengan pusat pelancongan yang ingin dijadikan di Tasik Kenyir. InsyaAllah, saya yakin dan percaya dengan bot-bot yang dibeli oleh Kerajaan tidak akan menjadi percanggahan dengan bot-bot kecil di Tasik Kenyir ini, insyaAllah, itu akan dijawab oleh Exco dialah. Saya juga mengambil kesempatan atas kepimpinan, atas kecaknaan dan juga orang Telemong mengalu-alukan pembangunan di Tasik Kenyir untuk keperluan masyarakat setempat, kawasan tersebut Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Dan berbalik kepada penggulungan saya pada hari ini, ada beberapa perkara yang ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang banyak membangkitkan perkara berkaitan dengan pertanian. Saya ucap terima kasih banyak kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan mahupun daripada pihak Pembangkang yang banyak memberikan pandangan dan juga teguran kepada kita untuk memperbaiki dan juga secara tidak langsung dapat juga kita membela rakyat kita di peringkat bawahan di sana. Dan memang kita tahu bila kita melaksanakan satu-satu program pertanian ini memang sudah tentu kita akan menghadapi banyak masalah dengan pihak pelaksanaan di peringkat bawahan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Barisan Nasional ini tidak pernah rasa kecewa dan tidak pernah rasa putus asa, malah kita berusaha dari masa ke semasa untuk membela rakyat kita yang terdiri daripada petani, penternak dan juga nelayan.

Semalam ada dibangkit oleh Yang Berhormat ADUN Jabi yang meminta kita supaya meneruskan juga program-program yang sebelum daripada ini kita laksanakan iaitu Program Pawahan Lembu, Pawahan Kambing dan untuk pengetahuan Yang Berhormat memangpun kita teruskan sekarang ini Pawahan Lembu, Pawahan Kambing sehingga ke hari ini tapi kaedah dan cara yang kita buat pawahan tersebut agak berbeza dengan masa-masa dahulu kerana pada masa sekarang ini Konsep Pertanian Negeri Terengganu bukan lagi kita nak

menjuruskan kepada pertanian sara diri, kita ingin menggerakkan seluruh jentera pertanian kita untuk menjadikan pertanian itu satu perniagaan. Sebab itu kita agihkan Lembu Pawah kalau masa dulu kita bagi 40 ekor boleh sekampung dah, seekor seorang kita bahagi tapi hari ini kita telah buat keputusan kita tidak buat dah kerana itu tidak boleh mendatang dan juga menjana ekonomi masyarakat kita. Maka hari ini kita beri kepada setiap peserta sekurang-kurangnya, maksimumnya 10 ekor dan kita ada lagi satu program iaitu Program Peningkatan Keluaran Makanan Negara. Di bawah program ini sehingga 20 ekor bagi seorang peserta. Walau bagaimanapun, peserta tersebut kita pilih, maksud saya pilih ni kita pilih kriteria-kriteria yang mereka betul-betul layak dan nak jadi pengusaha dan juga bercita-cita nak jadi seorang pengusaha yang berjaya dalam bidang ternakan lembu mahupun kambing. Kita tak boleh nak tabur dah sebagaimana sebelum ini dan sebelum pada ini kita pergi tabur begitu memang kita nampak ramai. Hari ini kita pilih-pilih orang yang ada tapak, yang ada boleh buat makanan, yang minat nak bela lembu Yang Berhormat. Jadi bila keadaan tersebut berlaku mungkinlah kita tak berapa nampak berterabur macam dulu. Kalau kita beri secara taburpun banyak masalah, dia lepas lembu merata-rawa jadi susah, banyak pulak yang menimbul kesulitan kepada orang lain. Pelancong-pelancong marah, tahi lembu banyak macam di Kuala Berang suatu masa dulu, banyak tahi lembu orang duk bangkit di merata-rata tempat, kitapun rasa malu dengan keadaan tersebut tapi hari ini comel belaka dah Dato' Yang Dipertua. Kuala Berang memang dah comel dah lening kalau tak percaya baru-baru ini Pertandingan Kebersihan Peringkat Kampung, 2 tahun berturut-turut dah, baham di Kuala Berang nombor 1, nombor 2, nombor 3, Telemonglah tu, Kuala Berang tu. Hak sebelah kuala tu takdok dah Dato' Yang Dipertua. Kita takdok tahi lembu dah lening, saya beri jaminan insyaAllah, adalah setongkol-dua tu hak terpencil tu nak buat guana. ....(Dewan Gelak) ....

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, begitu jugalah berkaitan dengan kambing. Kambingpun begitu jugak, Kerajaan Negeri Terengganu nak menjadikan Terengganu sebagai pengeluar kambing sehingga 2015, ini program jangka masa panjang. Jadi Yang Berhormat, tuan-tuan beri kritikan kita faham. InsyaAllah kita akan perbetulkan dari masa ke semasa. Kita sekarang ini dalam peringkat nak mewujudkan kluster kambing, kita tak pergi lagi ke peringkat bawah, kita hanya mewujudkan kluster kambing. Yang kedua, kita ingin mewujudkan usahawan kambing dulu, bila stabil di kedua-dua peringkat ini barulah kita akan pergi kepada Mikro Kaprima di peringkat bawah. Mikro Kaprima ini kita akan beri kepada PPRT sehingga 15 ekor ibu dan seekor bapak. Hak itulah yang kita warwarkan tapi memanglah saya cakap sokmo tapi belum sampai masa lagi Yang Berhormat tanya saya jawablah. Maknanya benda inilah sokmo saya beritahu, kita akan beri sampai 15 ekor ibu, kita beri kandang, kita beri bapak seekor maknanya untuk dia mengawan kepada 15 ekor ibu ....(Dewan Gelak) .... memang padan, kita beri jaminan kambing ini memang kuat, kita tahu dah, kita test dah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada juga cadangan-cadangan daripada rakan-rakan tadi berkaitan dengan pembangunan Burung Walit. Ini adalah satu industri baru dan Kerajaan sebenarnya amat menyedari tentang kemajuan dan juga kebaikan pulangan daripada industri Burung Walit ini. Bagi Kerajaan Negeri Terengganu kita telah membuat satu kajiselidik bermula daripada tahun lepas lagi dan saya telah meminta daripada Pengarah Jabatan Haiwan Negeri Terengganu untuk membuat kajian yang terperinci berkaitan dengan pelaksanaan Burung Walit. Hak nak buat secara individu itu individulah tetapi nak menjadikan Dasar Kerajaan Negeri ini dan saya difahamkan oleh Pengarah Haiwan Negeri beliau telahpun pergi ke merata tempat untuk melihat bagaimana satu konsep yang sangat bagus untuk kita laksanakan di Negeri Terengganu ini. Dan insyaAllah, tuan-tuan dan puan-puan bermula daripada tahun ini juga kita telah melaksanakan di Negeri Terengganu ini kita buat di peringkat-peringkat daerah dulu. Kita akan beri kepada PPRT dengan peruntukan sebanyak RM10,000 seorang yang dibuat oleh Jabatan Haiwan. Ini untuk golongan PPRT bukan untuk usahawan lagi Dato' Yang Dipertua. InsyaAllah, kalau Yang Berhormat kalau ada-ada nama itu bolehlah panjangkan kepada Jabatan Haiwan Peringkat Daerah masing-masing untuk kita melihat pilot projek di Negeri Terengganu ini. Sekiranya ia boleh mendatangkan kebaikan dan juga boleh memberi pulangan yang baik kepada penternak-penternak kita, insyaAllah pada tahun akan datang kita akan memikirkan satu program yang menyeluruh bagi Negeri Terengganu ini.

Tuan-tuan, hadirin yang saya hormati sekalian. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan pembangunan ECER yang dibangkitkan oleh ADUN Jabi bahawa Besutpun nak jugak ECER. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memanglah dalam perancangan ECER ini, ianya akan dibangunkan ke setiap daerah di seluruh Negeri Terengganu ini. Cuma sekarang ini ECER dia fokus satu-satu projek yang hendak dilaksanakan dan projek-projek tersebut saya nak memaklumkan bahawa dia mementingkan kepada pengisian program tersebut bukan kepada pembangunan program tersebut. Maksud saya ia akan *develop* satu-satu kawasan tersebut dengan satu pengisian yang sangat baik dan juga mempastikan ianya betul-betul kukuh dan kemas barulah dia memasukkan pengisian daripada PPRT yang kita pilih di seluruh Negeri Terengganu bukan maksud buat di Setiu kita beri ke orang Setiu saja, kita buat di Setiu, di Kuala Berang, di Telaga Papan ada program-program yang berkaitan dengan pertanian maknanya kita akan buka kepada seluruh masyarakat PPRT yang di Negeri Terengganu untuk masuk ke kawasan tersebut sekiranya mereka bersedia untuk berhijrah dengan rumah percuma, ladang percuma dan pertanian percuma, pokok percuma, kambing percuma, benda apa lagi naknya, percuma belaka dah kita beri. Dan insyaAllah selepas pada ini, di Besut juga ada perancangan ECER untuk membangunkan dalam industri pertanian ini terutamanya jagung dan juga benda-benda yang berkaitan sesuai dengan kawasan tersebut. Jadi itulah untuk makluman Yang Berhormat ADUN Jabi.

Yang keduanya, saya nak membangkitkan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permaisuri yang mahu ECER supaya tukar daripada tanam kelapa pandan kepada getah dan kelapa sawit. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang kita tahu bila tanam getah dan kelapa sawit harganya mahal lening tapi orang kitapun begitu juga Yang Berhormat, bila kelapa sawit naik dia tebang getah, bila getah naik dia tebang kelapa sawit, padan main hak tu-le. Sekarang ini masalah kita hari ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita adalah salah satu daripada program untuk Program Makanan Negara *(Food Security Programme)* dengan izin, Dato' Yang Dipertua. Inilah yang dibangkit oleh Yang Berhormat Rhu Rendang tadi mempastikan bahawa makanan cukup dalam negara kita. Jadi Kerajaan melaksanakan ECER ini dengan satu perancangan dan juga program yang telah ditentukan untuk mempastikan makanan negara tidak terjejas walaupun kita menghadapi perang, kita menghadapi kenaikan harga barang daripada luar maka kita juga kena tanam jugak perkara-perkara tersebut untuk keperluan makanan dalam negeri kita ini termasuklah benda-benda lainpun seperti padi ke, apa-apapun, ini keperluan dalam negeri kita. Kita tahu kadang-kadang kita Kerajaan rugi tapi kita kena tanam jugak kerana ini adalah kepentingan makanan dalam negeri kita. Kita kaya setara manapun, membangun setara manapun, maju setara manapun, kita duduk dalam Dewan ini takdok seorang nak mamah batu bepan tuan-tuan, mesti kita kena makan jugak makanan walau guanapun. Sebab itu saya kata walau bagaimanapun kalau kita nak tanam kelapa sawitpun takmboh tanam getah, nak tanam kelapa sawit belaka takmboh tanam padi, orang nak tanam getah belaka takmboh tanam padi akhirnya kita mamah getah scrub esok-esok tuan-tuan. Inilah masalah memang kita tahu sebab itulah hari ini Kerajaan mengeluarkan belanja yang cukup besar untuk petani-petani sebab untuk kita nak mengimbangkan dengan kenaikan harga baja, kenaikan harga tambang, dan kenaikan kos berbagai-bagai kos Kerajaan terpaksa menyediakan peruntukan yang sangat besar kepada petani-petani kita untuk mengusahakan pertanian mereka. Antara lain sebagaimana yang saya sebut tadilah, petani kita yang telah menanam padi telah mendapat RM2,200 satu hektar tuan-tuan secara langsung dan tidak langsung, secara sedar dan juga tidak sedar. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga ingin menyentuh tentang apa yang dibangkitkan berkait dengan harga tembikai yang sangat murah pada masa sekarang ini yang dibeli oleh pihak FAMA. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya dimaklumkan oleh pihak FAMA hari ini dia meletakkan harga ke kita dan meminta jabatan-jabatan Kerajaan di bawah agensi MOA untuk mempastikan bahawa harga ini tidak terlalu rendah dari harga pasaran. Dan FAMA telah meletakkan harga lantai dia 50 sen sekilo, harga lantai ini maksudnya kalau di pasaran harga dia 30 sen, FAMA kena beli 30 sen jugak, kalau harga itu naik 80 sen dia wajib kena beli dengan harga 80 sen jugak, kalau harga pasaran naik RM1.00 dia kena beli RM1.00, itu maksud harga lantai. Dan juga saya faham maksud Yang Berhormat beritahu tadi mungkin ada yang 40 sen itu kita akan *check* baliklah FAMA ke atau mana-mana yang beli kerana saya dimaklumkan FAMA kata dia tak beli dengan harga 40 sen ini Yang Berhormat. Satu lagi perkara, kita ini bukannya masalah yang kita hadapi hari ini di mana

pertanian kita sudah berjaya menanam, masalah yang kita hadapi hari ini ialah pemasaran yang sedikit menimbul banyak masalah di peringkat kita pada hari ini. Dan perkara ini Kerajaan amat menyedari, amat mengetahui berkaitan dengan pemasaran ini kita menghadapi masalah yang sangat besar. Oleh sebab itu, sekarang ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar, telah mengarahkan saya supaya menyusun balik program-program di bawah Industri Pertanian, Industri Asas Tani di bawah Pertanian untuk membantu petani-petani kita supaya mereka boleh memperbaiki mutu dan juga pemasaran yang lebih baik pada masa-masa yang akan datang.

Tuan-tuan hadirin yang saya hormati sekalian. Ada juga Yang Berhormat membangkitkan perkara berkaitan dengan Program Nelayan yang diberi peruntukan sebanyak RM200 yang tidak sesuai lagi pada masa sekarang ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM200 ini adalah diberi atas keprihatinan Kerajaan. Kerajaan Barisan Nasional ini prihatin, beri Elaun Sara Diri kepada nelayan yang disebabkan oleh kenaikan kos bahan api dan juga harga-harga barang keperluan harian seperti bawang dan lain-lain lagi pada akhir tahun lepas. Maka Kerajaan buat keputusan kita akan beri RM200 kepada semua nelayan yang mempunyai kad dan juga ada lesen nelayan. Yang ini kena ingat tu, nelayan semua orang boleh mengaku tetapi kepada nelayan yang ada kad dan juga lesen nelayan yang telah dipersahkan oleh LKIM dan juga Jabatan Perikanan. Kita akan bayar setiap bulan dan masuk ke akaun mereka sebanyak RM200 sebulan. Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat selain daripada Bantuan Nelayan, Kerajaan juga telah membantu nelayan kita dalam bentuk Subsidi Bahan Api yang mana Subsidi Bahan Api ini kalau sampanlah saya ambil contoh diberi subsidi sebanyak RM1.20 seliter, yang mana sekarang ini harganya RM1.80 seliter dan dia boleh beli minyak di mana-mana pusat yang telah diluluskan sebanyak 50 liter sehari.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak maklum bahawa sebenarnya telah banyak Kerajaan beri bantuan kepada nelayan. Tak masuk ke laut tu saya duk kira-kira Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ia boleh pendapatan RM1,000 dah sebulan. Kalau kita kira harga minyak sendiri dah 60 sen kalau kita kali dengan 25 hari, kita tolak hari Jumaat tak payah masuk ke lautlah, 25 hari dia sudah mendapat subsidi minyak atau penjimatan minyak sudah mendapat lebih kurang RM700 sebulan, hari-hari dia boleh *claim* tu, dia boleh beli minyak dan dia boleh mengurangkan minyak dia dah RM750 dah sebulan sebab 50 liter sehari. Ini yang telah diputuskan dan telah diberi oleh pihak Kerajaan. Selain daripada itu juga Elaun Sara Hidup RM200 sebulan.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Speaker minta laluan. Saya ingin mengulas kembali apa yang saya bahaskan sewaktu pembahasan mengenai Projek Agropolitan dan juga kebajikan kepada nelayan. Apa yang ditekankan oleh pihak Kerajaan tadi kedua-duanya adalah contoh yang saya berikan. Yang pertama Agropolitan, saya kata dalam masa

membahaskan Agropolitan saya membandingkan di antara kelapa pandan, kelapa sawit dan juga getah, walaupun kelapa pandan, kelapa sawit dan getah yang dibahaskan mengenai keperluan kita terhadap penanaman atau pertanian yang melibatkan makanan ianya biasanya dikaitkan dengan makanan uji sesebuah negara. Saya rasa tidak wajar kalau kita melihat kepada kelapa pandan untuk menjadi satu komoditi ataupun satu tanaman utama untuk sesebuah Projek Agropolitan. Saya menyentuh jenis tanaman ini, saya juga membuat dalam perbahasan saya dan saya menekankan bahawasanya ECER tidak seharusnya melihat kepada penanaman adalah satu proses yang dititikberatkan oleh ECER dalam pertanian. Tetapi ECER mestilah memandang kepada sektor hiliran di dalam pertanian yang mana saya *emphasize* dengan izin, menekankan semula dengan memberi gambaran kenapakah berlakunya kejatuhan di dalam harga sesebuah hasil pertanian. Harga jatuh kerana hasil melambak di pasaran, kenapa berlaku lambakan hasil pertanian ini sehingga jatuhnya harga hasil pertanian yang telah diusahakan petani. Ini adalah disebabkan oleh kita mengambil hasil petani untuk dijual sebagai produk mentah, kita tidak pernah memikirkan bahawasanya kalau kita boleh *retain* dengan izin atau kita boleh kekalkan produk tersebut dalam berkisar dalam pasaran pada jangka masa yang lebih lama maka tidak akan berlaku lambakan yang menyebabkan kepada kejatuhan yang amat teruk kepada hasil tani tadi. Maksud saya, kita boleh teruskan dengan kelapa pandan tetapi ECER tidak boleh meninggalkan petani di Setiu, di Pak Kanchil dengan sekadar memetik buah kelapa pandan sahaja tetapi ECER harus melihat bahawasanya kelapa pandan ini harus diproses supaya menjadi air kelapa pandan yang enak diminum, ditinkan dan dijadikan bahan eksport ke Timur Tengah ataupun negara-negara lain yang gemar kepada air kelapa pandan ataupun hasil-hasil sampingan yang lain kepada kelapa pandan.

Yang keduanya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia bukan mencelah dah Yang Berhormat dia dah jadi macam bersyarah pulak.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Tak, saya melihat bahawasanya pihak Kerajaan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat rumuskan saja sebab Yang Berhormat sudah berucap dan pihak Kerajaan sudah mencatatnya. Penjelasan saja.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Sikit saja penjelasannya. Mengenai RM200 itu adalah bukan isu utama tetapi saya melihat kepada perbelanjaan Kerajaan yang lebih kepada kebajikan kepada nelayan. Apa yang saya nak jelaskan dalam perbahasan saya pada hari semalam, saya nak tekankan bahawasanya peruntukan juga harus di*inject* kepada sektor perikanan ini untuk melihat kepada teknologi-teknologi moden ataupun teknologi-

teknologi yang telah diamalkan di negara-negara lain supaya perikanan dilihat sebagai satu sektor yang boleh mendidik nelayan bahawasanya nelayan bukan lagi kuli dalam sektor perikanan tetapi merupakan pekerja yang bertaraf semi profesional ataupun profesional di suatu masa nanti. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Tapi untuk makluman Yang Berhormat, Program Agropolitan ECER ini ia merangkumi berbagai aktiviti yang telah dirancang oleh pihak ECER. Ini yang saya fahamlah dalam taklimat yang telah diberikan kepada saya bukan sahaja program hiliran malah program huluranpun juga disediakan oleh pihak ECER. .....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Huluan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Haa .... huluan, huluran pulak dah. .... (sambil gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPEERTUA: Kalau huluran yang sakit huluran tu.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Huluan Dato' Yang Dipertua, memang dia sedia dah cuma sekarang ini tidak sampai ke peringkat kita lagi, dia pergi ke fasa-fasa Yang Berhormat. Dan di samping itu juga, hak saya baca ECER ini berkaitan dengan industri pertanian aje, hak industri-industri lain tu orang lainlah pulak baca, banyak lagi program-program ECER di Terengganu tetapi salah satu cabangnya ialah untuk mempelbagaikan program peningkatan pertanian di Negeri Terengganu.

Di samping itu juga adalah berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat satni ialah berkait dengan perikanan. Saya menjawab soalan apa yang dibangkitkan. Dan untuk makluman Yang Berhormat bahawa Kerajaan kita sekarang ini dan telah merancang sekian lama dan mengadakan pelbagai program untuk nelayan-nelayan kita. Ada Program Pemprosesan Ikan, kita buat latihan kepada anak-anak nelayan. Ada juga Program Nakhoda Kapal di Pelabuhan Chendering dan untuk pengetahuan kita semua kita sudah melantik 555 orang setakat ini nakhoda kapal di Pusat Perikanan dan sebanyak 555 orang itu lebih 500 anak-anak kita yang berkursus sebagai nakhoda kapal tersebut mereka hari ini telah menjadi nakhoda nelayan-nelayan di seluruh negara kita ini, untuk pengetahuan Yang Berhormat. Begitu juga dengan program-program lain, Kerajaan sentiasa merancang dan juga sentiasa memikirkan bagaimana untuk membela petani-petani, penternak-penternak dan juga nelayan-nelayan. Pandangan Yang Berhormat memberitahu kepada kita insyaAllah, kita akan ambil kira supaya mempastikan nelayan-nelayan terutamanya di Permaisuri akan terbela,

Yang Berhormat. Kita turun tiga-empat kali dah ke Permaisuri ni hak nak lulus sakit pulak, sudah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini juga kita ada mendengar keresahan dan masalah nelayan di Permaisuri yang bermasalah di muara sungai. Muara sungai ni sebagaimana dibangkitkan oleh Wakil Kemasiklah. Saya sudah maklum beberapa kali bahawa muara sungai kita di Terengganu ini memang bermasalah kecuali muara yang sudah dibuat dengan pemecah ombak dan kita buat benting pasir di setiap muara. Untuk makluman Yang Berhormat semua bahawa kos yang diperlukan adalah terlalu tinggi dan Kerajaan Negeri memang tidak mampu untuk menanggung kos keseluruhan kerana kita ada berbelas-belas muara yang tersumbat sekarang ini kerana kita terdedah dengan Laut Cina Selatan, ombaknya bergelora, lautnya luas dan bila banjir kita banyak air daripada darat. Ini menyebabkan muara sungai kita semuanya tersumbat, semuanya tidak boleh dilalui oleh nelayan-nelayan kita dan bermasalah. Dan kita kalau gali sajapun dengan tidak dibuat pemecah ombak ia habis saja pitih itu memang betul kerana kita sudah laksana. Dan buat masa sekarang ini peringkat kajian telah selesai di muara Sungai Besut ianya memerlukan kos RM250 juta dan apa yang diminta oleh nelayan di muara Sungai Setiu yang memohon kita supaya mengorek muka kuala baru dan ini saya nak perbetulkan fakta kepada Yang Berhormat Permaisuri bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersetuju secara dasarnya untuk mengorek muara sungai tersebut tetapi dalam masa yang sama Yang Amat Berhormat juga telah meminta kepada pihak JPS dan juga konsultan-konsultan daripada dalam dan juga luar negeri untuk membuat kajian yang menyeluruh dulu bukan kata nak korek selalu tapi saya takut nelayan salah faham, kita kena menyediakan satu kajian yang menyeluruh supaya nak buka muara sungai baru ni tak akan menimbulkan kesan kepada petani-petani kita hak lain jugak kerana di Setiu itu kita takmboh beri kesan kepada orang ternak udang, kita takmboh beri kesan kepada orang ternak ikan dan kita takmboh juga tebing-tebing kita rebis dan akhirnya dia akan marah ke kita balik, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sekarang ini dalam peringkat kajian dan telah diluluskan dan kalau perkara tersebut tidak ada masalah, insyaAllah Kerajaan tidak ada keberatan sebagaimana dimaklum oleh Yang Berhormat Permaisuri pada pagi semalam.

Jadi itulah saja saya rasa apa yang ingin saya bentangkan dan saya ingin ulaskan cuma ada dua-tiga orang lagi masalah-masalah yang dibangkitkan oleh terutamanya Yang Berhormat Bukit Tunggal berkaitan dengan keprihatinan beliau kepada nelayan-nelayan di kawasan beliau yang memberitahu bahawa nelayan-nelayan di kawasan Bukit Tunggal yang masih lagi dihimpit kemiskinan dan juga masalah rumah yang kecil kerana tidak ada tanah. Ini kita faham Yang Berhormat dan kita mintak Kerajaan bersama Yang Berhormat kalau kita nak buat penyusunan balik kampung-kampung tersebut dan peruntukan disediakan melalui PPRT ada rumah tetapi nak buat kena ada tanah kalau takdok tanahpun kena ada program-program lain dengan pembukaan FELCRA, Ladang Rakyat dan FELDA tapi orang

laut mesti beri kesanggupanlah nak berpindah ke darat sikit, kalau takmboh pindah ke darat jadi susah jugak kita nak menyelesaikan masalah mereka. Hak bantuan-bantuan lain sebagaimana biasa itu akan diberi oleh pihak Kerajaan dari masa ke semasa Yang Berhormat.

Saya nak maklum sedikit perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ladang tadi, saya tak sempat nak beritahu ke dia bahawa *figure* setakat ini yang kita telah keluar anak kelapa sawit kepada program peningkatan pendapatan lebih kurang 20,000 anak sawit dah kita telah serah kepada masyarakat di seluruh Negeri Terengganu ini yang perlu. Cuma Ladang kita tidak hantar lagi kerana takdok tanah dah di Ladang. Yang Berhormat Ladang kena cari tanah dulu baru boleh menanam, takdok tanah payah nak tanam di Ladang.

Jadi itulah masalah kita, insyaAllah Yang Berhormat segala pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat sama ada Kerajaan mahupun Pembangkang kita akan ambil kira dan kita menilai untuk kepentingan, kebajikan, kebaikan untuk nelayan, penternak dan petani di seluruh Negeri Terengganu. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Barangkali tak berapa sesuai nama Ladang tu Yang Berhormat. Saya jemput Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan dan Pembangkang, Ketua-ketua Jabatan daripada Pusat dan Negeri, seterusnya para Pemerhati, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana kita dapat sama-sama menghayati Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja dan sebahagian besar daripada ahli-ahli telah mengambil bahagian membahaskan ucapan tersebut. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulas dan menggulung semula perkara-perkara yang telah dibangkitkan di sepanjang perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya merujuk kepada Yang Berhormat Wakil daripada Bukit Payong yang bercakap tentang pendidikan agama. Alhamdulillah Dato' Yang Dipertua, negara kita telah memberi perhatian yang sangat besar dan memberi fokus yang sangat banyak kepada pendidikan agama ini kerana itulah maka pada hari inilah lahirnya ramai orang yang berpengetahuan agama sama ada di kalangan pihak Pembangkang dan juga pihak Kerajaan melalui sistem pendidikan yang ada pada hari inilah lahirnya ilmuwan-ilmuwan, cendekiawan-cendekiawan negara kita yang memungkinkan banyak perubahan telah berlaku di negara kita. Kalau dahulu kita tidak mempunyai Sistem Perbankan Islam, hari ini kita mempunyai ramai

cendekiawan Islam yang faham tentang sistem perbankan, kita telah mampu menjadikan bank-bank dalam negara kita berjalan berteraskan syariat Islam. Begitu juga dulu kita tidak ada kedai-kedai pajak gadai yang berlandaskan Islam, melalui kelahiran ramai tokoh-tokoh, ilmuwan-ilmuwan Islam yang memahami tentang muamalah pajak gadai ini, hari ini kita ada Ar-Rahnu, ada macam-macam lagi, begitulah juga dalam sistem insuran Takaful dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan kita telah berjaya sebenarnya walaupun ada sebahagian daripadanya belum mencapai matlamat seperti yang kita cita-citakan. Kerana itu Dato' Yang Dipertua, saya ingin menegaskan bahawa sistem pendidikan kita sebenarnya telah baik tetapi mungkin ada beberapa aspek lain lagi yang perlu kita perbaiki khususnya dalam pendidikan Islam ini. Dan Kerajaan sebenarnya terbuka untuk memastikan generasi anak-anak kita hari ini membesar bukan sahaja mahir dalam ilmu-ilmu profesional yang lain tetapi mereka juga mampu menghayati ajaran Islam. Kerana itu kita adalah Kelas KAFA, apabila dilihat kelas ini dilihat belum mampu dan ada lagi anak-anak kita yang belum mampu membaca Al-Quran dengan baik setelah tamat sekolah rendah, ada lagi anak-anak kita yang tidak mampu menunaikan solat dengan baik selepas habis sekolah rendah kita buat lagi Kelas J-Qaf dan sebagainya. Maka kerana itulah saya katakan bahawa dari segi tuntutan Fardhu Ain sebenarnya sekolah-sekolah yang ada di negara kita, sekolah menengah kebangsaan dan sekolah kebangsaan sahaja belum lagi sekolah Arab sebenarnya memenuhi tuntutan bagi mengajar ilmu Fardhu Ain kepada anak-anak dan generasi kita yang baru. Ini harus kita faham Dato' Yang Dipertua, kerana kadang-kadang orang-orang kita boleh bercakap tentang pendidikan Islam, mereka menginginkan semua orang ini faham agama secara menyeluruh, nak suruh supaya bila orang itu tamat sekolah, tamat sekolah menengah dia faham segala-galanya. Kita harus faham bahawa dalam Islam ada tingkatan-tingkatan ilmu, ada Fardhu Ain, ada Fardhu Kifayah, jadi tidak semua orang mesti belajar semua ilmu yang di dalamnya ada Fardhu Kifayah. Yang semua orang wajib belajar ialah Fardhu Ain iaitulah perkara-perkara yang wajib dan setiap orang Islam mesti tahu dan mesti amalkan seperti sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya. Itupun zakat bagi orang yang ada harta kalau orang tak ada harta dia tidak payah belajar zakat sebab dia tidak wajib keluar zakat. Maka begitulah, saya perhatikan bahawa sistem pendidikan kita di sekolah kebangsaan telah memenuhi dari segi tuntutan apabila seseorang pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh dia habis darjah 6 sebenarnya kalau dia mengikuti dengan baik dia telah mampu membaca Al-Quran, dia mampu menunaikan sembahyang dengan baik, dia tahu apa itu puasa, dia tahu apa itu haji dan sebagainya. Cuma kadang-kadang saya lihat, sesetengah daripada Wakil Pembangkang dia nakkan sesuatu yang ideal, dia nak sesuatu yang sempurna, dia nak bila orang itu habis sekolah tahu segala-galanya. Saya nak sebut bahawa ada banyak perkara-perkara yang sebenarnya tidak Fardhu Ain macam ilmu Faraid kalau tak ramai orang tahupun tak apa tetapi dalam sesuatu kawasan/ daerah mesti ada orang tahu supaya apabila ada kematian ada orang yang boleh dirujuk macam mana pembahagian harta pusaka itu tersebut. Begitu juga dalam ilmu pentafsiran Al-Quran seperti yang ditekankan oleh Wakil Sura, tak

semestinya semua orang faham Al-Quran dan ilmu Al-Quran ini bukan semuanya menuntut setiap orang itu faham dan mampu menafsir. Kalau kita ada beberapa orang yang mampu menafsir di kalangan kita, dalam masyarakat kita yang memungkin kita untuk merujuk kepada Al-Quran apabila ada sesuatu isu itu sebenarnya adalah cukup dan itu sebenarnya dituntut oleh agama kita kerana ilmu tafsir Al-Quran ini bukan ilmu Fardhu Ain tetapi ia adalah ilmu Fardhu Kifayah, tidak semua kita mesti mahir mampu untuk menafsir Al-Quran tetapi jika ada di kalangan kita itu sudah mencukupi. Maka dengan sebab itulah dalam konsep pendidikan Islam saya rasa kita harus kembali kepada asasnya, memahami apa itu Fardhu Kifayah, apa itu Fardhu Ain. Dalam hal-hal lain saya melihat bahawa kita telah mencapai kejayaan yang besar kerana kita memberi penekanan dalam aspek yang pelbagai. Kita menekankan pendidikan Islam yang asasnya di peringkat sekolah dan yang selebihnya kita cuba mengadaptasikan, menyelaraskan di antara bidang-bidang yang ada dalam pendidikan kita dengan apa yang diajar dalam agama kita. Itulah yang memungkin kita menjadikan bank-bank kita yang sebelum ini tidak ada yang berlandaskan kepada syariat Islam, ada Bank Islam seperti yang saya sebut diawal tadi. Maka kerana itulah Dato' Yang Dipertua, di negara kita hari ini dan di Negeri Terengganu hari ini usaha yang berterusan sebenarnya telah diambil oleh pihak Kerajaan dan kerana itulah Negeri Terengganu mendahului negeri-negeri lain dalam pendidikan Islam khususnya dalam pendidikan Al-Quran. Kerana itulah kita ada Program Pintar Al-Quran yang diungguli oleh Yayasan Islam Terengganu, walaupun peringkat awalnya tidak ramai orang percaya anak-anak yang berumur 5 tahun, 6 tahun mampu mengkhatam Al-Quran, hari ini telah terbukti program ini telah berjaya bukan sahaja Yayasan Islam melaksanakannya ia telah mula digunapakai oleh Tadika-tadika KEMAS bahkan juga pra-prasekolah di Kementerian Pendidikan Malaysia atau di sekolah-sekolah kebangsaan. Ini adalah usaha kita. Begitu juga dengan program-program lain seperti Sekolah IMTIAZ yang telah menjadikan pelajar-pelajar sekolah ini berkemampuan bukan sahaja mereka mendapat cemerlang dalam PMR dan SPM tetapi mereka juga mampu menghafaz sebahagian besar surah atau juzuk-juzuk Al-Quran dan dalam masa yang sama mereka juga mampu memahami Bahasa Arab dan sebagainya.

Suka saya sebut di sini Dato' Yang Dipertua, Wakil-wakil Pembangkang selalu menyebut dan mengaitkan masalah gejala sosial dalam negara kita dengan kegagalan pendidikan kononnya. Saya ingin sebutkan di sini bahawa kita sebenarnya banyak lupa, acap kali lupa apabila telah terbiasa dengan sesuatu keadaan, kita lupa asal ceritanya. Saya sebut begini kerana saya selalu bercakap sebagai contoh tanggungjawab mengimarahkan masjid, ini adalah tanggungjawab penduduk sesebuah kampung, mesti ada orang dalam sesebuah kampung yang mengimarahkan masjid, mesti dihidupkan solat jemaah tetapi Kerajaan membantu, Kerajaan memberikan elaun, bagi saguhati kepada Imam dan Bilal kerana menghargai bahawa mereka ini orang sentiasa ke masjid nak menghidupkan solat jemaah maka kerana itu Kerajaan bagi elaun. Bagi elaun kepada Imam, bagi elaun kepada Bilal tetapi kadang-kadang ada sesetengah Tok Imam dia lupa

bahawa elaun ini adalah saguhati, penghargaan daripada Kerajaan, sehingga ada walaupun tak ramai dan jumlahnya sangat kecil, ada sesetengah tu bila tak masuk elaun dia kata saya tak bang (azan) dah hari ini kerana elaun lambat katanya, biar orang lainlah bang. Ada ke begitu. Samalah juga seperti pendidikan ini. Pendidikan adalah tanggungjawab ibu bapa itu asalnya kerana Rasulullah S.A.W. pernah bersabda (yang bermaksud): "Setiap bayi, setiap kanak-kanak yang dilahirkan dalam keadaan fitrah ibu bapanyalah yang mencorakkannya." Nak jadi Yahudi atau nak jadi apa. Ini menunjukkan kepada kita Rasulullah telah mendedahkan pendidikan ialah tanggungjawab ibu bapa tetapi Kerajaan yang prihatin, Kerajaan yang bertanggungjawab mewujudkan sekolah-sekolah, mewujudkan pusat-pusat pengajian kerana menyedari bahawa ini satu tanggungjawab yang besar tidak semua orang mampu mendidik anak-anak, tidak semua orang mampu memberikan ilmu kepada anak-anaknya tetapi apabila pendidikan gagal maka ramai orang mengatakan bahawa ini adalah kegagalan Kerajaan. Saya sebut begini kerana apabila ada anak-anak yang lepas sekolah rendah tak pandai sembahyang, dia tuduh ke Kerajaan, dia tuduh sekolah yang gagal. Sedangkan bukan sahaja bab sembahyang, ini pernah ditegaskan sendiri oleh Wakil Bukit Payong, kita sebut hak dia sebut, kita kod kembali mungkin ini boleh menjadi hujah yang lebih kuat (yang bermaksud): Manusia ini macam logam yang berbagai jenis seperti galian emas dan perak, ada besi, ada bijih timah tak sama, kanak-kanakpun mungkin begitu. Ada orang bila dia dengar dia belajar dia cepat dapat, ada orang bila dia dengar, belajar dia lambat dapat. Sebab itulah bukan bab sembahyang saja hak atau bab ilmu-ilmu lainpun dalam bab membaca, menulispun kadang-kadang masih kedapatan bahawa budak-budak ataupun anak-anak kita yang lepas darjah 6 yang masih kurang mampu membaca dan menulis. Kalau inipun kita nak katakan kegagalan sekolah maka kita sebenarnya macam hak Tok Bilal hak nakal tadilah, bila elaun lambat kita kata ke Kerajaan dia tak mahu bang (azan) dia lupa tanggungjawab asalnya tadi.

Dato' Yang Dipertua, satu lagi yang dibangkitkan oleh Wakil Bukit Payong ialah mengenai pengurusan kubur. Ada soalan dari Wakil Bukit Payong mengenai pengurusan kubur oleh Kerajaan tetapi tidak sempat dijawab oleh kerana kekangan masa yang sepatutnya semalam. Oleh itu suka saya sebut bahawa Kerajaan melalui Jabatan Agama mempunyai enakmen dan juga peraturan-peraturan mengenai penjagaan ataupun pengawalan kubur-kubur ini. Dan Kerajaan juga telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk memastikan tanah-tanah perkuburan sentiasa terpelihara dalam keadaan bersih dan senang diziarahi dan sebagainya. Kerana itu ada bermacam-macam program telah dibuat oleh Kerajaan, pertandingan kubur-kubur, ada surat-surat pekeliling dari masa ke semasa sempena bulan puasa, sempena hari raya, Maulidur Rasul, Tahun Baru Hijrah dan sebagainya yang mengarahkan dan meminta jawatankuasa masjid-masjid dan kampung-kampung untuk mengadakan program-program pembersihan kubur dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dalam kes yang dibangkitkan yang melibatkan kawasan Rantau Abang, saya dimaklumkan Wakil Pembangkang dah

berceramah panjang dah mengatakan bahawa Kerajaan gali kubur, sodok kubur, tidak menghormati kubur, orang hiduppun tak jaga, orang matipun sodok jugak dan macam-macamlah. Sebenarnya kes yang berlaku di Rantau Abang ini adalah kes yang terpencil. Saya dimaklumkan bahawa kubur yang tergali sebenarnya berada di luar pagar kubur yang telah digazetkan. Dan ini adalah merupakan kubur lama, orang kampungpun tak tahu bahawa di situ ada tanah perkuburan dan di sebelahnya ada jalan, orang duk atasnya lama dah tetapi apabila Kerajaan memperbaharui jalan dan membuat longkang di tepi kubur itu dan sewaktu menggali diketemui ada tengkorak-tengkorak manusia, jenazah-jenazah lama. Dan proses telah dibuat kerana jenazah-jenazah lama ini, kerangka-kerangka lama itu telah dipindahkan dengan pengawalan pihak Jabatan Agama dan Mufti sendiri dan dia telah dialih ke dalam kawasan perkuburan. Jadi sebenarnya Dato' Yang Dipertua, tidak timbul masalah ataupun isu Kerajaan, JKR dan sebagainya menggali kubur untuk membuat jalan raya tanpa mengambil kira tanah kubur dan sebagainya itu tapi sebenarnya kerja-kerja dibuat di luar tanah perkuburan dan orang kampung sendiri tidak tahu *semetelah* JKR dan kontraktor yang terlibat.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin merujuk kepada apa yang ditimbulkan oleh Wakil Ladang iaitu mengenai perjawatan di Jabatan Hal Ehwal Agama. Suka saya maklumkan bahawa proses pengambilan telah dibuat dan setakat ini seramai lebih kurang 11 orang pegawai telah dilantik pada akhir tahun lepas. Dan pada awal 3 Januari lepas 4 orang pegawai telah dilantik dan sekarang SPN sedang dalam proses memanggil untuk Ujian Peperiksaan untuk calon-calon yang memohon jawatan ini. Suka saya memaklumkan bahawa proses ini dibuat kerana kita ingin memastikan bahawa hanya calon-calon terbaik dipilih dan dilantik ke jawatan-jawatan yang masih kekosongan ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pembahas-pembahas yang telah bercakap atau yang telah menimbulkan persoalan-persoalan berkaitan dengan isu agama ini kerana saya percaya di sebalik teguran, di sebalik kritikan, di sebalik ucapan-ucapan yang para wakil-wakil bahaskan ia sudah pastilah akan dijadikan sebahagian daripada pertimbangan untuk pihak Kerajaan dalam menentukan program-program di masa hadapan. Suka juga saya sebut bahawa Kerajaan sebenarnya memang memberi perhatian yang cukup serius mengenai pendidikan agama ini khususnya pendidikan Al-Quran seperti yang disebut oleh Wakil Sura. Kalau Wakil Sura sebut bahawa kita sebenarnya masih kekurangan guru-guru tafsir dan sebagainya, saya dari segi ratio bilangannya saya tidak tahu tetapi jika ada orang yang hendak belajar tafsir, saya rasa peluang di Terengganu sangat banyak. Dalam Suara Masjid program tiap-tiap minggu, tiap-tiap malam di Radio FM Terengganupun sesiapa yang berminat boleh dengar pada tiap-tiap malam Rabu, Ustaz Talib daripada UDM ada dalam Kuliah Maghrib tiap-tiap minggu membicarakan ilmu yang berkaitan dengan tafsir ayat-ayat Al-Quran. Jadi sebenarnya Dato' Yang Dipertua, peluangnya ada terserah kepada sesiapa yang berminat atau tidak saja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan sikit. Saya duk tengok Exco Agama, saya takut dia sempat habis. Cuma saya nak mintak komen sikit takut dia habis dan berhenti memberi jawapan. Saya nak mintak komen sikit Dato' Yang Dipertua, ada soalan saya yang ditolak dan saya kalau boleh mintak Yang Berhormat Exco sebut sikit berhubung dengan kes saya tanya khusus. Ia berkait dengan Agama secara langsung dan rakyat kita ini tentang anak yang tidak sah taraf, yang anak lahir luar nikah dan ia didaftarkan di Terengganu dari tahun 2004 hingga 2009, saya rasa ada trend peningkatan dan jugak anak-anak yang sekarang ini belajar dari darjah 1 hingga darjah 6. Jadi kot-kot boleh beri komen sikit berhubung dengan soalan saya itu? Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, soalan itu sudah ditolak dan jika nak angka sekarang saya perlukan notis, itupun jika dibenar saya menjawab dalam sidang yang akan datang. Tapi walau bagaimanapun Dato' Yang Dipertua, seperti yang saya selalu sebut ini tidak boleh dikaitkan dengan program-program Kerajaan seperti yang saya sebut tadi kegagalan pendidikan anak-anak ini tidak 100%. Saya tidak nafikan bahawa Kerajaan tidak bertanggungjawab, Kerajaan memang bertanggungjawab tetapi dalam banyak hal ibu bapa juga bertanggungjawab, masyarakat juga bertanggungjawab. Isu anak yang tidak sah taraf ini bukan sahaja, berlaku di Terengganu, di Kelantan ada, di Kedahpun ada, di Selangor ada, di seluruh Malaysiapun ada. Saya lebih dukacita lagi bila Wakil Kerajaan di Kelantan dulu bila orang tanya mengenai kes seorang gadis lari bersama seorang teman lelaki, Wakil Kerajaan Kelantan jawab zaman Nabipun ada, sebab apa duk bising tapi dalam bahasa Kelantan. Saya takmboh jawab bahawa anak luar nikah juga mungkin berlaku pada zaman Nabi tapi saya nak katakan bahawa ini adalah isu dan yang berkaitan dengan tanggungjawab kita semua bukan Kerajaan semata-mata kerana Kerajaan tidak pernah menggalakkan supaya berlaku pergaulan bebas, Kerajaan tidak pernah menggalakkan supaya orang bercampur gaul sehingga berlaku anak luar nikah dan sebagainya tetapi ini tanggungjawab kita semua. Kalau kita nak sebutpun yang keluar dalam surat khabar hak sampai anak kena bakar dalam tong sampah bukan di Terengganu, di Kelantan tapi saya tak naklah kata Kelantan lebih teruk daripada kita tapi ini isu kita semua dan pendidikan yang kita buat tidak boleh dikatakan gagal kerana pendidikan inilah yang melahirkan ulama-ulama di negara kita hari ini. Kalau kita nak kata pendidikan kita gagal kenapa ada yang berjaya dan tak berjaya. Ini menunjukkan bahawa yang berjaya mungkin yang mampu dan mengikuti dengan baik, yang tidak berjaya yang mungkin tidak bersungguh ataupun memang dari segi kemampuannya kurang. Itulah yang disebut oleh Wakil Bukit Payong, *"annasuma'aadin ..."*, manusia ini macam logam, ada logam baik, ada logam tak baik. Ada logam tu kena api sikit cair dah, ada logam dibakar lamapun tak cair lagi, macam-macam jenis. Jadi begitulah juga manusia. Jadi sebab itulah Dato' Yang Dipertua, kita akui bahawa ini satu gejala yang tidak baik dan kita

berusaha untuk memungkinkan, memastikan perkara ini tidaklah merebak dengan keadaan yang membimbangkan ataupun dalam keadaan yang mungkin menjadikan ini suatu perkara yang biasa dan akhirnya diterima dalam masyarakat. Suka saya nyatakan bahawa dalam Mesyuarat MAIDAM kita telah mengambil satu langkah ke arah mengurangkan lagi gejala ini. Satunya saya telah cadangkan supaya enakmen ataupun undang-undang yang berkaitan dengan hukum khalwat dan sebagainya ditingkatkan tetapi ini bukan dalam bidang kita dan saya telah panjangkan perkara ini kepada Pusat. Dan selain daripada itu juga, saya telah mencadangkan dan insyaAllah diwartakan dalam masa terdekat iaitulah pesalah-pesalah remaja kita khususnya yang terlibat dalam masalah sosial, masalah bersekedudukan, berkhalwat dan sebagainya, mereka selepas pada ini bukan hanya setakat membayar denda, mungkin tidak hanya kena penjara tetapi mereka juga akan dikenakan tindakan ataupun arahan supaya memasuki pusat pemulihan. Supaya mereka bukan sekadar bayar selepas itu mereka balik kembali kepada asal. Kita akan bawa mereka ke satu tempat yang telah kita lihat dan kita akui dari segi kebaikannya supaya mereka ini bukan sahaja bayar denda RM2,000, RM3,000 dan sebagainya tetapi mereka juga kena mengikuti program-program pemulihan dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, saya nak sambung sedikit lagi Kerajaan sebenarnya seperti yang saya sebut bukan sahaja dalam bidang ekonomi, bangunan dan kemajuan negara tetapi dari segi pendidikan agama Kerajaan sebenarnya daripada dulu lagi sentiasa mengambil kira keperluan-keperluan dan sentiasa melihat apa yang sepatutnya dipertingkat dari masa ke semasa. Kerana itulah dulu kita hanya ada Kelas KAFA, hari ini kita ada Kelas J-Qaf. Mungkin suatu masa lagi kita ada Kelas J-Qaf untuk sekolah menengah dan sebagainya tapi ini di bawah bidang Kerajaan Pusat. Kita biarkan Kerajaan Pusat memikirkan dan kita sentiasa memberi pandangan-pandangan yang baik dan sesuai untuk mereka. Suka juga saya nyatakan Kerajaan Negeri sebenarnya telah bersetuju untuk menaiktarafkan Maahad Tahfiz kepada Institut Al-Quran dan membina kampus baru dalam masa yang terdekat. Jadi kerana itu Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyebut dan menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan sebenarnya amat prihatin tentang isu agama dalam negara kita khususnya yang berkaitan dengan pendidikan dan juga membentukan sahsiah dan moral generasi baru kita. Sekian, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih dan tahniah kepada Batu Rakit. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita berhenti rehat dan saya tangguhkan Dewan ini sehingga kita masuk semula jam 4.10 petang.

DEWAN DITANGGUH SEMENTARA PUKUL 3.45 PETANG.

PUKUL 4.10 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatu'lahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita teruskan penggulungan dengan menjemput Wakil Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya mengambil kesempatan untuk nak ucap terima kasih ke atas banyak pandangan yang telah diberi khususnya berkaitan dengan pelancongan, kebudayaan, kesenian dan warisan dan tentunya saya yakin pandangan itu telah diberi dengan ikhlas dengan harapan bahawa pelancongan di Terengganu akan ditempatkan sebagai pelancongan, peluang dan ruang untuk semua tak kira yang bermula daripada yang mengayuh beca, yang jual kuih, yang terlibat dengan pengangkutan, pengusaha-pengusaha pelancongan secara keseluruhannya.

Saya nak ucap terima kasih kepada Wakil Jabi, Wakil Hulu Besut, Wakil Ladang, Wakil Kuala Berang, Wakil Bukit Tunggal dan juga Wakil Ajil yang telah mengutarakan pandangan dan saya berhasrat juga untuk memberi pandangan balas kepada pandangan-pandangan yang telah diberi.

Wakil Jabi dan juga Hulu Besut memaklumkan tentang kawasan-kawasan pelancongan yang hari ini memang terdapat pertambahan kunjungan orang ramai termasuklah di hari-hari minggu sehinggakan ada keperluan kepada kemudahan-kemudahan ditingkatkan. Memangpun menjadi hasrat Kerajaan untuk menambah projek-projek pembangunan di kawasan-kawasan yang terlibat termasuklah di La Hot Spring dan juga Air Terjun di Lata Belatan. Dan antara kerja-kerja yang telah dimulakan dan ada yang telah disiapkan termasuklah kalau kata di Air Panas La Hot Spring kita telah menaik taraf jalan, kos projek lebih daripada RM3 juta, peruntukan Kementerian Pelancongan, mula pada Februari 2008 siap Julai 2009 dan juga menaik taraf di Air Panas La, kos projek lebih kurang RM3 juta peruntukan Kementerian Pelancongan bermula dalam bulan Oktober, 2009 dijangka siap dalam bulan Oktober, 2010 termasuk komponen pembangunan chalet, tempat letak kereta, wakaf dan pejalan kaki, longkang, kolam air bukit, jambatan dan lanskap. Dan insyaAllah, seperti mana juga permohonan Yang Berhormat kawasan supaya ditingkatkan kemudahan ini akan dilihat dari masa ke semasa. Dan Air Terjun Lata Belatan, Besut peningkatan kemudahan pelancongan di Hutan Lipur Lata Belatan, kos projek RM268,000 lebih, peruntukan Kementerian Pelancongan, tarikh mula Ogos 2009, siap Disember 2009 dan komponennya termasuk naik taraf tapak perkhemahan, bilik persalinan, rumah masak, wakaf

dan gelongsor air. Disebut jugak oleh Wakil Jabi tentang keperluan pengambilan balik tanah bagi kawasan letak kereta. Ini saya nak maklumkan jugak Yang Berhormat di mana, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan pengambilan balik tanah ini pada 27 Januari 2010 dan sekarang sedang menunggu untuk diwartakan.

Saya juga nak memaklumkan tentang status *heritage* Kampung Cina Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana ini juga dibangkitkan oleh Wakil Ladang. Kampung Cina tidak diwartakan sebagai warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 Akta 645. Dan kita boleh kalau nak teruskan pewartaan ini untuk meletakkan satu tapak sebagai warisan ini boleh juga dilakukan satu persatu iaitu satu-satu bangunan secara berasingan ataupun secara di Kampung Cina secara deretan kedai tapi keadaan fizikal deretan kedai tersebut telah banyak mengalami perubahan dan status *heritage* menurut Akta 645 tidak menghalang perancangan pembangunan. Status Restoran Terapung yang disebut dia ada kronologi dia dan sekarangpun kawasan itu sedang dibina dengan peruntukan daripada Kementerian Pelancongan satu *boardwalks* dengan izin Dato' Yang Dipertua, yang akan menghubungi Restoran Terapung dengan surau di Pasar Payang yang akan memberi kemudahan termasuk ke jeti baru kepada penambang. Dan akhirnya yang kata tentang Restoran Terapung ini, telah ditawarkan pada April 2009 tetapi tidak dibuka atau diusahakan, kemudian restoran tersebut diserah kembali kepada MPKT dan diiklan semula. Pada sesi lawatan pada 15 Mac, 3 orang masuk tender tutup 29 Mac 2010 dan setakat ini masih tiada tawaran dibuat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Penjelasan. Tidak ditawarkan lagi tu ada masalah ke?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Saya sebut tadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tentang kerja-kerja pembinaan *boardwalk* dan mungkin kerja-kerja *maintenance* bagi Restoran Terapung.

Tentang perkara yang dibangkitkan berkait dengan tiada banyak tempat makan mungkin betullah untuk pengunjung daripada negara Cina dan Taiwan tapi saya tanya Yang Berhormat Bandar dia kata banyak tempat makan ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, boleh celah sikit? Yang beritahu tu Dewan Perniagaan Cina, saya tak tahu.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Sehubungan dengan itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tentang tidak ada perbincangan terutama sekali dalam perancangan pembangunan pelancongan. Sebenarnya dari masa ke semasa kita acap kali sebenarnya bertemu

dengan Persatuan Peniaga Cina *(Chinese Chamber)* ni. Malahan pada tanggal 18 haribulan inipun kita ada perancangan untuk ke negara Cina bersama dengan *Chinese Chamber* Dato' Yang Dipertua dengan izin.

Dan memangpun kita akui tentang kehebatan sejarah dan warisan yang telah dibangkitkan oleh Wakil Kuala Berang termasuk yang akhir ini di Gua Bewah yang telah kita mulakan kerja galicari bermula 8 November 2009 hingga 15 Disember 2009 dan dari segi analisis secara ringkasnya Dato' Yang Dipertua, daripada kajian analisis yang telah dibuat oleh syarikat di Amerika, menunjukkan bahawa rangka manusia itu berusia lebih kurang 16,000 tahun sebelum Masihi dan dipercayai paling tua di Semenanjung Malaysia. Kemudiannya, kerja-kerja galicari dimulakan lagi pada 15 Mac 2010 hingga 29 Mac 2010 yang disambung semula dianggotai oleh pengkaji-pengkaji daripada Universiti Kebangsaan Malaysia bersama dengan Muzium Negeri. Dan insyaAllah akan diteruskan kerana kedapatan rangka manusia lagi dan tentunya kita akan teruskan kerja-kerja galicari ini supaya sekurang-kurang agar semua rahsia yang tertanam di Gua Bewah itu dapat kita keluarkan. Tentunya bersama dengan dapatan-dapatan itu akan menarik minat ramai sarjana-sarjana untuk buat kajian-kajian di situ. Hebat sebenarnya penemuan di Gua Bewah termasuk yang disebut oleh Wakil Kuala Berang tentang pelabuhan yang terawal, Batu Bersurat, Haji Abdul Rahman Limbong dan juga sejarah Kesultanan Terengganu. Saya percaya apabila dibangunkan secara bersepadu termasuk apa yang sedang dibuat di Kenyir sekarang ini, tentunya Kuala Berang akan lebih terserlah peranannya dari segi pembangunan.

Untuk Kenyir ini saya percaya saya tidak perlu sentuh banyak sebab tadipun Wakil Telemong banyak dah cerita pasal Kenyir ini. Dan di penghujung pandangan itulah yang pentingnya penerimaan daripada orang ramai tentang pembangunan yang dibuat, kemudahan yang sedang dinaiktaraf kerana yang penting bagi kita apapun perancangan ialah akhirnya faedah kepada rakyat dan orang ramai. Cuma saya nak sebutkan supaya Kenyir ini tidak dilihat dalam skala yang terlalu kecil sehingga ada orang kata pergi ke Kenyir ini nak pergi mengail sahaja. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Tasik Kenyir memangpun mempunyai sumber jaya pelancongan yang hebat dan kalau nak dikategorikan kita ada tiga sumber jaya alam semula jadi, sumber jaya warisan budaya dan sejarah serta sumber jaya buatan manusia di Tasik Kenyir. Tentunya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kita boleh sebut dari segi alam semula jadinya, ada tasik yang besar di situ, ada Air Terjun Lasir, Air Terjun Bewah, Air Terjun Sauk, Air Terjun Tembat, Air Terjun Petang, Gunung Gagau, flora dan fauna, Taman Negara Tanjung Mentong, Pulau Herba, Sungai Buih, Sungai Lawit, Sungai Ketiar, Sungai Cicir, Sungai Perpet. Pemandangan yang menarik Gua Bewah, Gua Taat, Santuari Kelah, akuakultur yang dibina di Sungai Comor. Warisan dan sejarahnya, ada kekuatan dari segi cara hidup masyarakat tempatan, kemahiran kraftangan, makanan tradisional, persembahan kebudayaan, sejarah tamadun manusia itu tadi di Gua Bewah dan Gua Taat. Dan dari segi buatan manusia, kita ada Pengkalan Gawi, Empangan Hidro Elektrik Sultan Mahmud, kita ada kelainan

perkhidmatan Boat House dan sedang dibangunkan juga di antara lainnya Santuari Gajah. Jadi kalau kita lihat daripada sumber jaya pelancongan, saya rasa agak berketepatan di sini tumpuan yang diberi dengan peruntukan yang disediakan untuk membangun Kenyir itu sendiri. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir secara ringkasnya, kita ada sumber dari tahun 2004 – 41,853 dan tahun 2009 kedatangan pelancong telah meningkat kepada 189,388, kalau tengok di situ lebih kurang 4 kali ganda dalam tempoh yang singkat Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Dan tentang kegusaran ramai dan takut-takut apa yang kita buat dulu, kegagalan takut berulang kembali, adakah kajian-kajian dibuat. Tentunya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, walaupun kita menerima baik pandangan-pandangan, saya nak sebutkan juga bahawa bagi Kenyir ini kita ada rancangan kawasan khas RKK Tasik Kenyir Kajian 2008 – 2020. Dengan matlamat kajiannya secara ringkasnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua; Membangunkan Pusat Pertumbuhan Gawi sebagai Pusat Pelancongan dan Pusat Perkhidmatan di pintu masuk utama Taman Negara Tasik Kenyir. Pembangunan akan memfokuskan kepada cadangan untuk membangun dan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan pelancongan untuk pelancong-pelancong tempatan dan antarabangsa dan juga kemudahan-kemudahan awam untuk penduduk tempatan, ada kajiannya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan apabila membicarakan cadangan dan tujuan Tasik Kenyir sebagai Zon Bebas Cukai, Kerajaan Negeri jugak telah melantik Biro Inovasi dan Perundingan Universiti Teknologi Malaysia dengan kerjasama *Tourism Planning Research Group* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada kajian yang dibuat dan kajian bagi cadangan Zon Bebas Cukai ini di peringkat akhir sebelum dikemukakan kepada pihak berwajib untuk mendapat sokongan dan justifikasinya sekali lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua secara ringkas termasuklah mengubah sasaran pasaran Tasik Kenyir daripada pasaran *niche* kepada pasaran *mainstream* dengan izin dengan memfokuskan kepada pelancongan keluarga. Jadi kalau dulu tumpuan tarikan ialah kepada Pengkalan Gawi, Island Hopping, Taman Herba, Santuari Kelah, Pulau Rama-Rama, Pulau Orkid dan lain-lain. Cadangan tarikan baru ialah di Tasik Kenyir ialah Kawasan Bebas Cukai termasuk cadangan Taman Tema di Pulau Pop itu adalah di antara justifikasinya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan justifikasi yang lainnya ialah termasuk meningkatkan kadar penginapan dan kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir dan juga meningkatkan perbelanjaan pelancong, kalau dulunya kedatangan pelancong terhad kepada tempat-tempat yang tadinya dengan izin *niche,* hari ininya perbelanjaan pelancong di Zon Bebas Cukai ini tentunya akan mempunyai *multiflier factor* dengan izin kepada pengusaha bot, kedai makan, kedai Bebas Cukai, Pemandu Pelancong dan lain-lain. Dan tentunya justifikasi keempat Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ialah menjana peluang pekerjaan daripada tadinya memancing kepada lawatan, daripada penginapan yang rendah kepada penginapan yang tinggi, berbelanja dan juga penjanaan peluang pekerjaan dengan penginapan hotel, pemandu bot, penjualan makanan dan cenderahati, pemandu pelancong dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua insyaAllah, kita akan terus menerima pandangan-pandangan kerana tadinya saya menyebut pandangan pelancongan ini peluang dan peluang untuk semua dan memangpun menjadi hasrat pimpinan negeri supaya pelancongan ini suatu masa dalam masa terdekat akan menjadi tulang belakang kepada pendapatan ekonomi di Negeri Terengganu dan kebergantungan kita kepada minyak dan gas dan akan ada alternatif kepada pendapatan itu. Dan insyaAllah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tidak berhasrat nak bercakap saja dan '*dok kenyang che*', lepas ini kita beri tempat ini supaya kita dapat kenyang ramai-ramai. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Rantau Abang, terima kasih. Dijemput Bandar.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ambil berat terhadap tentang pembangunan industri di Negeri Terengganu. Banyak soalan yang telah ditanya, komen dan jugak kenyataan telah dibuat ada yang benar, ada yang betul dan ada jugak yang hanya rekaan sahaja.

Wakil Ladang mengatakan bahawa di Terengganu kekurangan restoran masakan Cina. Saya tak tahu dia dengar daripada kawan Cina dia daripada mana, yang Cina betul ataupun Cina buta .....(Dewan Gelak dan bertepukan) ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, boleh mencelah? Sebenarnya saya tidak bertanya tetapi dia orang beritahu semasa perjumpaan dengan *Chinese Chamber* (Dewan Perniagaan Cina) memberitahu begitu. Itu tak buat *lolok* tetapi memang betul dia khabor.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih. Tetapi kalau nak dengar biarlah dengar dari orang Cina betullah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): *Chinese Chamber* itu *local* bukan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Jadi di Negeri Terengganu kita memang tidak kekurangan restoran tidak kiralah restoran Cina, masakan Thailand, masakan Melayu, Vietnampun ada, Indiapun banyak. Jadi ramai

pelancong daripada Asia Timur termasuk dari negara Cina, Hong Kong, Taiwan, Jepun yang datang ke sini bukan sahaja melawat ke destinasi pelancongan kita. Tetapi ramai yang datang ke sini untuk mencuba makanan tempatan termasuk keropok lekor, nasi datang, roti paun, ketupat sotong, ketupat pulut dan sebagainya. Jadi bukan sahaja mereka datang, ramai stesen televisyen dari Cina termasuk televisyen Shantong, Shenzen, Chin Nang dan jugak stesyen televisyen dari Taiwan telah datang ke sini untuk mengambil gambar dokumentasi bukan sahaja memperkenalkan tempat destinasi pelancongan tetapi memperkenalkan masakan tempatan sini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab apa dia duk tengok ke saya sokmo? ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Pandang ke depan supaya jelas sikit sampai kepada Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Barangkali jadi Cina buta barangkali.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Jadi mengenai soalan berkaitan dengan projek ECER di bawah pembuatan dan petrokimia, saya ingin tambah sikit. 8 projek telah dikenal pasti dan dilaksanakan termasuk:

1. Taman Industri Polimer Kertih.
2. Pembangunan Industri Kenaf di Besut, Setiu dan Marang.
3. Program Industri Kraftangan.
4. Taman Industri Pembinaan Dan Pembaikan Bot Kemaman.
5. Taman Industri Berat Kemaman.
6. Zon Bebas Pelabuhan Kemaman.
7. Zon Bebas Lapangan Terbang Kuala Terengganu.
8. Pembangunan Pelabuhan Kemaman.

Dan di antara 8 projek yang disebut tadi ada yang telah dimulakan dan sedang dilaksanakan. Ini termasuk pembangunan Taman Industri Polimer Kertih, fasa yang ketiga seluas kira-kira 250 ekar. Projek-projek yang akan diteruskan pelaksanaannya adalah Taman Industri Berat Kemaman seluas kira-kira 500 ekar. Zon Bebas Pelabuhan Kemaman dan Zon Bebas Lapangan Terbang Kuala Terengganu seluas 50 ekar. ECER telahpun melantik perunding iaitu Price Waterhouse Coopers untuk mengkaji kesesuaian projek-projek Zon Bebas di Kuala Terengganu dan Kemaman dan Perunding Renkell untuk Taman Industri Berat di Teluk Kalong. Bagi Taman Industri Polimer Kertih, kerja-kerja pembangunan infrastruktur asas di fasa 1A dan Fasa 1B sedang giat dijalankan dan dijangka siap pada bulan Mei tahun ini jugak. Syarikat High Ascent telah memulakan operasi pada tahun 2009 dengan bilangan pekerja seramai 300 orang. Syarikat-

syarikat lain termasuk Ad-MD Polypipes Industry Sdn. Bhd., Laternfield Pipe Industry Sdn. Bhd., Petronas Polimer Technology Centre Sdn. Bhd. dan Habas Sdn. Bhd. telah diluluskan untuk menjalankan industri di Taman Polimer Kertih itu.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah mencadangkan Pembangunan ICT di Negeri Terengganu dan telah diangkat ECER-DC yang ini melibatkan komponen seperti Pusat Animasi Global, Internal Digital Business Exchange dengan izin, Stesen Landasan Kabel untuk ICT dan juga Pusat Data di kawasan Perindustrian Batu Rakit, anggaran kos bagi projek kesemuanya adalah berjumlah RM54 juta. Dalam pelaksanaan projek, baik projek pembangunan negeri mahupun projek di bawah ECER, Kerajaan Negeri tidak meninggalkan mana-mana daerah. Jadi Wakil Jabi jangan risau, di Daerah Besut ada sebanyak 10 projek telah diluluskan. Selain projek yang telah disebutkan tadi oleh Exco Pertanian, projek-projek lain termasuk Taman Ilmu, Projek Homestay Felda Selasih Jertih, Pelancongan Pulau Lestari Kuala Besut, Pulau Perhentian, Program Suri@Home iaitu Nursery Siakap di Kuala Besut dan jugak Pengeluaran Telur Itik di Jertih, Pembangunan Industri Kenaf, LPT 3 dan Laluan Rel Kereta Api Pantai Timur yang akan melalui Daerah Besut jugak. Merujuk kepada soalan daripada .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, boleh beri laluan? Saya agak keliru Dato' Yang Dipertua, saya nak beri contoh, projek infrastruktur Jambatan Bukit Kuang katanya telah diletak di bawah ECER dulu di bawah JKR sekarang ini ECER. Apakah ECER ini yang melaksanakan projek itu ataupun ECER hanya mengkaji dan peruntukan itu daripada mana untuk buat jambatan itu?

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Projek Jambatan Bukit Kuang itu memang projek di bawah ECER dan kajian telah disiapkan dan sekarang dalam proses tender.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Peruntukan itu daripada mana adakah ECER, kementerian ke atau daripada mana?

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): ECER dan dalam proses tender.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Peruntukan ECER, bajet dia.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Betul dah, ECER. Jelas dah. Okey, terima kasih. Bagi soalan dari Wakil Kemasik, harap maklum bagi seluruh Negeri Terengganu sejak awal tahun 2010 ini sebanyak 4 pemenang pelabur telah diluluskan tapak di kawasan perindustrian yang melibatkan pelaburan sebanyak RM49.57 juta dan ini memberi peluang pekerjaan kepada seramai 142

orang. Di antara syarikat dan agensi yang telah diluluskan ialah Pertubuhan Peladang Kawasan Pelagat, MBS Roofing Sdn. Bhd., Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, AHG Fishmill Industry Sdn. Bhd.. Manakala permohonan yang masih belum diluluskan adalah sebanyak 8 permohonan dengan anggaran pelaburan sebanyak RM30.04 juta dengan peluang pekerjaan sebanyak 353 orang. Dalam usaha Kerajaan untuk membangunkan industri di Negeri Terengganu dan dalam kelulusan projek Kerajaan Negeri menggunakan syarat untuk mengambil sekurang-kurangnya 60% pekerja di kalangan rakyat tempatan. Syarat ini juga telah dikenakan kepada semua syarikat atau agensi yang melaksanakan projek perkilangan dan perindustrian di Negeri Terengganu. Jadi keutamaan bagi pekerjaan adalah kepada rakyat Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, untuk Industri Bukit Labohan Kemaman. Kawasan ini telah diwartakan sebagai kawasan perindustrian melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kali Ke-7 Tahun 2006 bertarikh 15 Mac 2006, berkeluasan kira-kira 43.054 hektar. Kawasan ini dijadikan sebagai kawasan perindustrian ringan (IKS) bagi menyokong kepada Kertih Industry Petrochemical Complex (KIPC) di Kertih, Kemaman. Antara syarikat yang telah beroperasi di dalam kawasan ini adalah:

1. Dialog Sdn Bhd.
2. Sumatech Corporation Sdn. Bhd.
3. LK Equipment Sdn. Bhd.
4. Tenaga Masyhur
5. Shah Elektrik

Dan bagi Projek GPP 8, yang disebut oleh Wakil Kemasik pagi tadi, projek ini telah dibatalkan melalui surat Petronas di mana .....

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Pohon laluan Yang Dipertua. Bukan GPP 8, dia GPP A. GPP A ini merangkumi 1, 2, 3 dan 4.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Jadi bagi projek GPP yang lapan, projek ini telah dibatalkan dan Kerajaan Negeri sedang dalam kajian mengenal pasti pelabur-pelabur yang berpotensi untuk ditempatkan di kawasan tersebut yang melibatkan kawasan tanah lebih kurang 1,000 ekar untuk industri penapisan minyak.

Dan akhir sekali Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mintak penjelasan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum yang akhir. Pasal saya takut bila yang akhir tu dia berhenti. Saya merasakan jawapan yang diberikan oleh Exco agak mengelirukan bila Wakil Ladang bertanyakan peruntukan daripada mana buat jambatan dan program-program di bawah ECER. Setahu saya tidak ada peruntukan secara langsung yang diberikan

kepada ECER. Sebagai contoh saya nak kod, soalan yang saya tanya di Parlimen, pasal ECER ini dia tak ada duit, dia boleh buat perancangan tetapi dia tidak diberi peruntukan dan duit itu bukan daripada ECER, dia hanya badan untuk melaksana membantu kerja-kerja projek pembangunan. Soalan saya Yang Dipertua, pasal saya nak memperbetulkan apa yang telah dikemukakan. Bila saya tanya Menteri Kewangan untuk menyatakan senarai lengkap semua projek yang dilaksanakan oleh Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang telah menggunakan duit khas royalti petroleum Terengganu dari tahun 2000 hingga 2010 dan jumlah kos yang terlibat. Dijawabnya, pengeluaran duit Dana Khas Kerajaan Persekutuan hak duit Terengganu ni sejak tahun 2000 dalam bentuk projek di Negeri Terengganu ialah sebanyak RM7.72 bilion yang dilaksanakan oleh kementerian dan jabatan-jabatan. Jadi dia kod lagi, antara projek yang dilaksanakan ialah projek jambatan, projek jalan, lapangan terbang, itu melibatkan RM3.85 bilion, maknanya saya nak Exco perbetulkan bukan duit ECER tapi duit royalti Terengganu yang digunakan oleh kementerian lepas itu disalurkan. Jadi biar jelas, betulkan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, penjelasan sikit. Dato' Yang Dipertua, sayapun hairan, hak mana se gulung ni, hak sini gulung ke hak sana gulung?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Exco sendiripun keliru tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat mintak penjelasan bukan beri penjelasan. Penjelasan diberi oleh Kerajaan, Wakaf Mempelam bukan Kerajaan.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, yang terakhirlah. Memang saya menyokong pemimpin MCA yang dipilih melalui proses yang betul yang kalau dia dilantik sebagai menteri atas kelebihan dia, atas kekuatan dia dengan cara yang betul memang saya sokong, hanya saya nak tahu, nak tanya balik Wakil Wakaf Mempelam adakah dia menyokong pemimpin yang mengikut atau suka cara belakang dan adakah dia menyokong Lim Guan Eng sebagai pemimpin Pakatan termasuk PAS. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia jawab ECER ke MCA tu? .... (Dewan Gelak) .... tadi ECER, ni jadi keliru habis ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tak usah jadi juaralah Yang Berhormat, duduk, duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Speaker suruh duduk saja ....Allah ... (Dewan Gelak).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tengok Yang Berhormat celahpun lari daripada tajuk, Yang Berhormat memberi penjelasanpun lari daripada tajuk jadi saya jemput Langkap.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian. Saya ada tiga perkara saja yang nak saya sebut dalam sesi penggulungan ini. Saya mula-mulanya nak ambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menunjukkan minat dalam hal kebajikan dan hal membasmi kemiskinan di Negeri Terengganu khususnya Yang Berhormat Batu Burok, Jabi dan Hulu Besut. Saya juga mengambil peluang ini merakamkan terima kasih kepada keprihatinan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja yang jugak menyentuh hal program membasmi kemiskinan di dalam Ucapan Perasmian dua hari yang lepas.

Mula-mula saya suka menyebut hal yang dibangkitkan oleh Y.B. Hulu Besut berkenaan dengan dua program besar yang dirangka dalam Program Basmi Kemiskinan berkenaan dengan Projek Ternakan Kambing Dan Ikan. Memang seperti yang diketahui umum dua jabatan ini diberi peruntukan besar di bawah Program Basmi Kemiskinan. Jabatan Perkhidmatan Veterinar diberi RM50 juta, Jabatan Perikanan juga RM50 juta untuk merangka program bagi tujuan membasmi kemiskinan. Dan sehingga saat ini kita belum lagi berjaya untuk mendapatkan pulangan yang dilaburkan dalam dua-dua program ini untuk kita agih-agihkan kepada peserta-peserta yang layak menerima bantuan di bawah senarai rakyat termiskin Negeri Terengganu. Jabatan Veterinar melaksanakan Program Lembah Kaprima dan kita sedia maklum program ini memakan masa kerana pada peringkat awalnya kita terpaksa menyediakan kemudahan asas untuk melaksanakan program ini. Begitu juga dengan Jabatan Perikanan yang melaksanakan Program Ternakan Ikan di Sungai Comor sampai hari inipun belum lagi memberi sumbangan daripada hasil projek itu. Walau bagaimanapun, dua-dua jabatan ini sudah memberi jaminan pada tahun ini hasil daripada program itu akan dapat disumbangkan kepada Kerajaan untuk kita salurkan kepada penerima-penerima sepatutnya mendapat bantuan di bawah skim ini. Dua jabatan lain yang juga mengambil bahagian dalam program ini iaitu Yayasan Pembangunan Keluarga dan Jabatan Pertanian. Dua-dua jabatan ini sudah memberikan hasil dan nampak jelas peserta-peserta yang terlibat dalam program ini sudah menunjukkan perubahan dari segi taraf hidup mereka.

Saya suka nak maklumkan kedudukan Negeri Terengganu dalam taraf kemiskinan di negara kita. Berdasarkan kepada kajian yang terbaru sebab sekarang ini pada

peringkat akhir Program Basmi Kemiskinan, jabatan yang terlibat dalam skim ini sentiasa membuat kajian keberkesanan program-programnya. Jadi angka ini akan berubah setiap minggu kerana kita sedang mengemaskinikan angka-angkanya. Berdasarkan kepada kajian yang terbaru Negeri Terengganu berada di tangga yang kelima bagi kategori miskin tegar, sudah naik kerana dulu duduk di tangga ketiga sekarang di tempat kelima. Bagi kategori miskin kita masih kekal di tangga yang ketiga. Bagi yang mudah miskin, kita masih di tangga yang agak tinggi, kita berada di tangga yang kedua. Dan perkara yang menariknya usaha kita dalam membasmi kemiskinan ini sudah menampakkan hasilnya apabila Negeri Terengganu menjadi negeri yang pertama berjaya begitu ramai mengeluarkan orang-orang miskin daripada senarai yang termiskin iaitu seramai 1,824 orang daripada keseluruhannya 3,180 pada akhir tahun lepas. Dan kedudukan daerah pula yang paling ramai termiskin ialah:

Daerah	Jumlah Penduduk Termiskin
Besut	813 orang
Kuala Terengganu	663 orang
Setiu	471 orang
Dungun	185 orang
Hulu Terengganu	139 orang
Marang	80 orang
Kemaman	63 orang

Pada keseluruhannya laporan yang terbaru kedudukan Negeri Terengganu dalam Program Basmi Kemiskinan ini berbanding dengan akhir tahun lepas. Sekarang ini kita masih ada 10,268 yang kategori miskin berbanding dengan akhir tahun lepas kita 9,924, meningkat sedikit. Ini adalah kerana kita berjaya mengeluarkan yang miskin tegar daripada 3,180 kepada 1,824. Jadi apabila keluar daripada miskin tegar dia akan berpindah kepada yang miskin. Dan yang mudah miskin, sekarang ini kita 14,107 berbanding dengan 14,121. Dan yang sudah berjaya kita keluarkan daripada kemiskinan seramai 1,600 orang berbanding dengan akhir tahun lepas ialah 574 orang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat? Kalau Yang Berhormat rasa panjang lagi saya beri peluang untuk sambung besok.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Kalau begitu saya setuju untuk sambung besok sebab masih panjang lagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah mendengar sebahagian daripada penggulungan daripada pihak Kerajaan dan kita tangguh dulu mesyuarat kita pada hari ini dan kita sambung semula pagi besok, 8 April 2010 (Khamis), jam 9.30 pagi. Saya harap kita dapat meneruskan penggulungan dan insyaAllah kita

akan selesaikan sidang kita. Jadi sebelum kita bersurai, marilah kita sama-sama membaca doa, Surah Al-'Asr.

Saya tangguhkan mesyuarat ini. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI KHAMIS, 8 APRIL 2010

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Haji Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat kita disambung semula pada pagi ini. Sebelum kita memulakan mesyuarat Persidangan untuk hari terakhir bagi sidang ini, mari kita sekali lagi dengan ikhlas berdoa membaca Ummul Kitab mudah-mudahan mesyuarat kita ini diberkati dan diberi kerahmatan oleh Allah S.W.T., insyaAllah. Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi memulakan sidang kita pada pagi ini kita meneruskan dengan Soalan-soalan Lisan, saya menjemput untuk soalan yang pertama, Wakil Hulu Besut. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 -

Apakah status projek Lembah Kaprima mengikut Daerah Negeri Terengganu dan apakah perancangan baru Kerajaan Negeri Terengganu bagi membangunkan sektor pertanian Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan hadirin yang saya hormati sekalian. Soalan daripada Yang Berhormat Hulu Besut yang bertanya tentang status projek Lembah Kaprima mengikut Daerah Negeri Terengganu dan apakah perancangan baru Kerajaan Negeri Terengganu bagi membangunkan sektor pertanian Negeri Terengganu.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pertama berkaitan dengan status Lembah Kaprima di Negeri Terengganu sebagaimana berikut:

	Daerah	Lembah Kaprima	Status
1.	Besut	Lembah Kaprima Segading, Hulu Besut	Telah siap 100% dan tender telah dikeluarkan untuk melantik pengusaha di kawasan Lembah Kaprima tersebut.
2.	Kemaman	Lembah Kaprima Cabang	Siap 100% dan dalam proses tender untuk pelantikan Agensi Pelaksana

3.	Hulu Terengganu	Lembah Kaprima Payang Kayu	Tender telah dikeluarkan dan pelaksana telah diputuskan dan akan masuk dalam masa yang terdekat.
4.	Setiu	Lembah Kaprima Hulu Seladang	Infrastruktur hampir siap 95%. Dalam proses tender untuk pelantikan Agensi Pelaksana.
		Lembah Kaprima Telaga Papan	Infrastruktur 80%.
5.	Dungun	Lembah Kaprima Durian Mentangau	Infrastruktur 60%.
6.	Marang	Lembah Kaprima Tanjung Gaduh	Infrastruktur 60%.
7.	Kuala Terengganu	Lembah Kaprima Mengabang Bakong	Infrastruktur 60%.

Perancangan baru Sektor Pertanian Negeri Terengganu yang akan dicadangkan dari segi Penternakan, selain daripada program-program yang telah kita laksanakan, kita merancang untuk membangunkan Industri Burung Walit. Yang kedua, dari segi sektor Pertanian, Kerajaan Negeri berusaha untuk menyusun balik dan juga memperkukuhkan Industri Asas Tani bagi Negeri Terengganu terutamanya memfokuskan kepada soal pemasaran dan juga soal *rebranding* produk-produk pertanian bagi Negeri Terengganu. Bagi Perikanan pula, kita akan memberi fokus kepada Industri Akuakultur bagi meningkatkan pengeluaran dari peringkat pembenihan sehingga peringkat pemprosesan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya juga ingin tahu berkaitan dengan pengesyoran Kerajaan menggalakan tanaman Serai Wangi kerana saya dapati tanaman berlaku sebagaimana suatu masa dulu Kerajaan Negeri menggalakan orang menanam pokok Stang, yang untungnya penjual benih, yang ruginya petani. adi saya takut rancangan-rancangan pertanian pada masa depan berlaku sebagaimana Serai Wangi macam pokok Stang. Jadi sebelum apa-apa cadangan baru atau rancangan baru untuk pembangunan pertanian seperti mana Burung Walit ini perlulah Kerajaan buat kajian secara terperinci.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan kebimbangan Yang Berhormat, insyaAllah Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah yang tertentu. Berkaitan dengan apa yang dibangkitkan, Serai Wangi sebenarnya Kerajaan Negeri Terengganu telah bekerjasama PERTIMA untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh petani, penanam Serai Wangi di Terengganu. Kita sedang bekerjasama dan meminta pihak PERTIMA supaya mengambil perhatian untuk menjadikan produk Serai Wangi ini sebagai satu produk hiliran dan juga sebagai IKS. Dan saya diminta untuk meninjau keadaan tersebut dan insyaAllah dalam masa yang terdekat ini kita cuba menyelesaikan masalah tanaman Serai Wangi.

Berbalik kepada industri lain yang difikirkan oleh Kerajaan yang berpotensi baik iaitu Industri Burung Walit. Industri Burung Walit ini ramai di kalangan rakan-rakan kita sendiripun telah membangunkannya tetapi ini kita merancang untuk pergi ke peringkat PPRT dan juga untuk melibatkan secara serius oleh Kerajaan Negeri. Memandangkan pada pandangan kita berkaitan Burung Walit ini adalah industri makanan bagi orang ramai untuk itu pasarannya kita rasa tidak ada masalah untuk masa yang terdekat ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Paka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Berkaitan dengan Industri Burung Walit. Dalam ucapan penggulungan petang kelmarin, saya difahamkan bantuan yang berjumlah hanya RM10,000 untuk membangunkan Industri Burung Walit kepada peserta PPRT ini. Jadi apa yang kita fahamkan, untuk membangunkan Industri Burung Walit ini ianya menelan belanja yang agak besar sampai ratusan ribu, daripada membangunkan bangunan yang diperlukan jugak kelengkapan dalaman. Jadi apakah dengan RM10,000 ini konsep bagaimanakah yang dicadangkan oleh Kerajaan ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, konsep antara salah satu daripada program yang kita ingin laksanakan sebab program dalam RM10,000 ini kita buat untuk rumah-rumah, ini kita sudah membuat kajian dan juga telah melihat beberapa model yang telah dilaksanakan terutamanya di Sarawak dan juga di Indonesia. Ada yang buat sebenarnya tidak sampaipun kosnya RM6,000 aje keseluruhan dan boleh memberi pendapatan kepada isi rumah tersebut dengan pendapatan yang agak lumayan. Ada sistem yang telah kita buat dan kita menggunapakai model tersebut untuk kita beri kepada PPRT di setiap rumah, orang miskin dan juga miskin tegar di seluruh Negeri Terengganu ini. Selain daripada itu juga, kita ada juga membangunkan peringkat pertengahan iaitu untuk kita jadikan tempat berpusat, hak ni kita kena bangunkan dengan bangunan yang besar-besarlah. Dan kita buat model yang RM10,000 ini supaya orang kita terutama

orang Melayulah yang atau bila melihat Industri Burung Walit ini dia dok boleh nak dengar dah, bila dengar RM200,000 pening gitu aje kalau orang kita. Jadi kita buat satu konsep yang mudah, yang boleh RM10,000 sudah boleh buat dan boleh mendapatkan hasil sebab kitapun bukan nak beri bantuan sokmo. Apabila sesetengah orang yang mampu dia tahu dengan peruntukan RM10,000pun boleh mendapatkan pulangan kepada dia, insya Allah selepas pada ini ramai lagi orang kita akan terlibat secara langsung dengan Industri Burung Walit dan tidak perlu kepada bantuan Kerajaan sepanjang masa, insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, soalan tambahan yang ketiga.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya pohon penjelasan mengenai Lembah Kaprima. Bolehkah pihak Kerajaan menjelaskan berapa anggaran induk yang kita ada sekarang ini untuk di kawasan-kawasan yang telah dinyatakan oleh pihak Kerajaan ataupun kita masih mengharapkan daripada pembelian Kaprima daripada luar dan di samping itu juga pohon penjelasan mengenai kriteria-kriteria yang dipilih daripada pengusaha-pengusaha dan pelaksana Kaprima? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita di Negeri Terengganu berkaitan dengan induk kambing yang telah diberi kepada masyarakat kita dari seluruh rakyat di negeri kita ini melalui kedudukan pawah di Negeri Terengganu ini kita mempunyai baka sehingga 9 Mac 2010 dan kambing yang masih aktif di Negeri Terengganu sebanyak 8,961 ekor induk. Ini yang telah kita bagi kepada masyarakat kita di seluruh Negeri Terengganu. Dan sebahagian daripadanya kita akan jadikan ianya yang terbaik dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan membeli balik untuk dijadikan baka sebab dan untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa baka kambing inipun kita kena melihat kepada jenisnya juga sebab kambing yang akan kita laksanakan di Lembah Kaprima ini spesis daripada induk Kaprima yang diberi namalah kacukan Kaprima, dia adalah kacuk-kacuk dia tu. Selain daripada itu kita ada juga baka Boer, baka Jatnapari, baka Kacang dan berbagai-bagai lagi. Berkaitan dengan Lembah Kaprima ini kita akan bangunkan baka Kaprima kita sendiri dan sebagaimana yang saya beritahu setakat ini, selain daripada yang ada di Negeri Terengganu, Kerajaan juga bercadang untuk mendapatkan baka/benih daripada MARDI-TECH yang sedang membangunkan baka yang diberi tanggungjawab oleh Kerajaan untuk membangunkan baka kambing dalam negara kita. Terima kasih, Yang Berhormat.

Ada satu lagi Yang Berhormat Dato'. Berkaitan dengan kriteria nak jadi pengusaha kambing ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pengusaha yang terlibat di Lembah-lembah Kaprima ini, kita akan mewujudkan yang pertama, pengusaha-pengusaha yang berkemampuan. Yang kedua, ada minat. Yang ketiga, memang ada sedikit modal untuk menjadi pengusaha yang kita ingin mewujudkan di Lembah Kaprima tersebut. Selepas pengusaha itu masuk, kita akan pastikan pengusaha ini akan memayungi peserta-peserta PPRT kita yang akan dipilih oleh jabatan dan juga insya Allah kita akan maklum kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di kawasan setempat untuk kita masukkan PPRT di bawah pengusaha-pengusaha yang telah kita lantik tersebut. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Dewan nak ingatkan Yang Berhormatlah, kalau boleh berkait Burung Walit itu tadi, jangan beri orang miskin duduk dengan burung sudahlah. Saya jemput Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada soalan Rhu Rendang, boleh saya tanya hak Rhu Rendang dulu ke bagi pihak beliau?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hak Yang Berhormat dulu. Nanti saya pusing, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey. Soalan saya yang pertama -

Nyatakan jumlah keluasan tanah yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada FELDA untuk dimajukan dari tahun 1990 hingga Mac 2010 dan dalam tempoh tersebut berapakah jumlah peserta baru kalangan rakyat negeri ini yang telah diambil menjadi peneroka?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai Kerajaan dan para Pemerhati sekalian. Tiada tanah Kerajaan Negeri Terengganu yang diberi kepada FELDA untuk dimajukan dari tahun 1990 hingga Mac 2010. Ini bermakna dalam tempoh tersebut juga tiada pengambilan peneroka yang dibuat oleh FELDA. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memanglah kita ketahui sejak 1990, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk tidak lagi memasukkan

peneroka di kawasan FELDA kerana telah dijadikan ladang-ladang *estate*. Ini satu polisi yang saya rasakan kena kaji semula terutamanya di Terengganu walaupun sejak tahun '90 tidak ada lagi tetapi sebelum daripada itu di Terengganu saja jumlah kawasan tanah yang Kerajaan Terengganu pernah bagi kepada FELDA ialah 48,353 hektar. Jadi masalah yang ada sekarang ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ialah berhubung dengan generasi kedua sepertimana yang dibangkitkan oleh Wakil Ajil semalam, dari segi penempatan dan sebagainya. Adakah Kerajaan bersedia untuk menimbang, sudahlah tidak dimasukkan peneroka baru dalam hendak mengatasi masalah kemiskinan rakyat yang tidak bertanah tetapi generasi FELDA yang sedia ada itupun ada yang tidak ada penempatan dan tapak rumah dan sebagainya. Apakah sikap Kerajaan untuk membantu generasi kedua seperti mana yang berlaku di FELDA Bukit Bading, kawasan Ajil, sahabat kita yang saya terhutang pantun yang belum berbayar lagi semalam tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya nak buat sedikit pembetulan. Jumlah tanah yang telah dimajukan oleh FELDA ialah sebanyak 48,594 hektar bukannya 48,353 hektar, itu yang pertama. Yang kedua, FELDA juga telah mempunyai perancangan untuk membina rumah-rumah bagi generasi kedua dan dalam soal ini Kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan di mana keperluan yang difikirkan mendadak di mana terdapat satu-satu gugusan, kita tidak boleh buat di setiap gugusan FELDA, kalau terdapat dua-tiga tempat berhampiran kita akan lakukan. Sebagai contoh kita telah bersetuju untuk membina satu penempatan di Jabur, Perasing, Kemaman yang melibatkan FELDA Neram 1, 2, 3 dan 4 dan juga Cerol 1, 2 dan 3. Dan sebagaimana yang disebutkan tadi kita akan melihat perkara ini dari masa ke semasa sebagai tambahan kepada kesediaan pengurusan FELDA untuk membuat penempatan bagi generasi kedua FELDA. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi tambahan Yang Berhormat? Berebut jugak?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak ada bincang-bincang sikit. Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Angka yang saya sebutkan tadi mungkin ada lari sikit tu tapi itu adalah jawapan rasmi dari Parlimen yang saya tanya berhubung dengan khusus di Terengganu. Jadi soalan saya seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan kes FELDA ini, sekarang ini ada banyak masalah di kawasan FELDA di seluruh negara tetapi khusus untuk Terengganu masalah gejala sosialnya, masalah di kalangan generasi kedua yang dikatakan kurang mendapat peluang untuk pendidikan dan sebagainya. Ada satu memorandum yang telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat baru-baru ini, saya difahamkan oleh satu NGO untuk nak meminta supaya dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri berhubung nak menyelesaikan

sebahagian daripada masalah dan tuntutan generasi kedua, saya rasa Yang Amat Berhormat dah terima. Apa komen dan pandangan yang diberikan terhadap tuntutan terhadap memorandum yang dihantar kepada Yang Amat Berhormat? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan sedar tentang perkara ini sebab itulah Kerajaan mempunyai perancangan bukan sahaja mewujudkan FELDA untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di luar bandar suatu ketika dahulu. Walaupun kalau kita tubuh LKTP (FELDA) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, masa tu zaman PAS pergi ceramah dia kata LKTP tu 'langkah kerajaan tipu peneroka'. Kemudian setelah keberhasilan diperolehi, hasilnya lumayan PAS mendiamkan diri tetapi bila hasil merosot harga komoditi murah, PAS meracuni fikiran peneroka. Dan sebagaimana disebut-sebut pada hari ini mengenai kejayaan peneroka yang terbaru, bila saya pergi ke FELDA Belara (Getah) dinyatakan bahawa pendapatan peneroka FELDA di Belara hitung panjangnya RM3,780 sebulan. Begitu juga dengan kelapa sawit lebih kurang mendapat hasil yang sama. Dan kita sedar dengan pemasalahan ini dan sebab itulah FELDA sendiri telah merencanakan penempatan bagi generasi yang kedua. Di Terengganu Tan Sri Pengerusi FELDA telah mengumumkan dua tempat yang telah dipilih untuk penempatan generasi kedua dan sebagaimana saya sebutkan tadi Kerajaan Negeri bersedia menimbang tempat dan sekarang ini kerja-kerja tanah sedang berlangsung sebahagiannya juga melibatkan penempatan bagi generasi kedua FELDA. Dan kalau mengatakan bahawa generasi FELDA tidak mendapat pendidikan, itu adalah suatu pandangan yang silap. Dari segi pendidikan saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. ramai di kalangan anak-anak FELDA yang telah berjaya hari ini yang menjadi tenaga profesional dan sebagainya. Tetapi dalam keadaan sama kita juga akui bahawa masalah sosial yang berlaku di kawasan FELDA. Dan FELDA sendiri di samping agensi-agensi lain termasuk AADK, Keselamatan dan sebagainya seringkali bukan sahaja melakukan operasi tetapi mengadakan sesi penerangan, penjelasan, kursus-kursus kepada generasi kedua FELDA ini tentang masalah yang berlaku. Apa yang saya harapkan sahabat-sahabat saya dari PAS juga turut sama membimbing generasi FELDA ini supaya tidak terlibat di dalam gejala-gejala sosial yang tidak diingini ini. Bukan hanya sekadar masuk FELDA menceritakan tentang keburukan Kerajaan dan untuk mendapatkan mileage politik semata-mata. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita bagi Ladang dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Lepas tu boleh tak saya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita tengok soalan Ladang dulu. Dia berebut tadi dengan Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Itu sangkaan Dato' Yang Dipertua saja, kita bincang-bincang saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan bukan semua tanah-tanah yang diberi kepada FELDA telah dimasukkan peserta. Masih ada tanah-tanah yang diusahakan oleh FELDA sendiri atas nama FELDA Plantation ke, FELDA Holding ke saya tak ingat dah, apakah faedahnya kepada Kerajaan setelah tanah ini diberikan kepada FELDA, apakah pulangannya kepada Kerajaan Negeri atau rakyat negeri ini? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, kita akui masih terdapat 15,132.87 hektar, saya ulangi masih terdapat 15,132.87 hektar tanah yang dimajukan oleh FELDA tidak dimasukkan peneroka. Di samping keadaan yang sama, masih terdapat 2,840 hektar tanah Kerajaan Negeri Terengganu yang diserahkan kepada FELDA yang masih belum dimajukan. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah mengadakan rundingan dengan FELDA dua kali kerana negeri lain setelah dasar baru pada 1989 diperkenalkan FELDA tidak memasukkan lagi peneroka tetapi Kerajaan Negeri Terengganu membuat rayuan supaya dimasukkan peneroka-peneroka kerana kalau dimasukkan dengan jumlah 15,000 hektar ini kita boleh masuk kira-kira 3,000 peneroka kita yang mungkin kita pilih di kalangan miskin tegar, ibu-ibu tunggal dan sebagainya. Maknanya sebahagian besar daripada masalah kemiskinan yang berlaku di Terengganu dapat kita elakkan. Kita sudah ada dua kali perundingan dan kita beri pilihan sebenarnya kepada FELDA kerana sekarang ini Terengganu adalah satu-satunya negeri yang tidak menerima bayaran premium daripada FELDA, kita tolak balik. Mungkin juga Yang Berhormat Ladang tahu peristiwa ini. FELDA telah mengeluarkan cek sebanyak RM45 juta kepada Kerajaan Negeri Terengganu semasa Tan Sri Wan Mokhtar menjadi Menteri Besar, Kerajaan Negeri tolak balik dan begitu juga semasa Dato' Seri Idris Jusoh menjadi Menteri Besar, kita tolak balik kerana kita nak masukkan peneroka. Ini adalah kerana perjanjian asal antara FELDA dan Kerajaan Negeri adalah untuk memasukkan peneroka. Sebab itulah kita masih bertegas dalam soal ini dan dua kali rundingan telah dibuat tapi masih belum mencapai penyelesaian. Kita telah memberi dua pilihan kepada FELDA, pertama, masukkan peneroka. Kedua, kita mintak jumlah *percentage* tertentu dari segi keuntungan yang diperolehi oleh FELDA diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Katakan dia dapat RM100 juta mungkin 30% diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Itulah yang kita tuntut tetapi sehingga hari ini kita belum mendapat keputusan muktamad daripada Kerajaan Pusat. Kalau nak kira rugi memang Kerajaan Negeri rugi

sebab sesetengah tanah tu nak tebang balik dah, tanah masih lagi tanah Kerajaan Negeri kalau nak ikut istilah FELDA duduk secara haram sebenarnya dan kita rugi tak dapat apa-apa, satu dari segi premium kita tak dapat, dan kedua, dari segi hasil tahunan kita jugak tak dapat, peneroka juga kita tak dapat. Sebab itulah kita masih lagi mengharapkan FELDA dapat menyelesaikan isu ini sama ada pilihan pertama kita ialah memasukkan peneroka yang dianggarkan 3,000 orang peneroka baru boleh dimasukkan. Yang kedua, beri jumlah keuntungan yang dipersetujui bersama hasil daripada pendapatan FELDA berkenaan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, angka tadi tak berapa jelas. Yang pertama tadi, 15,000 hektar yang telah dimajukan tapi tak masuk peserta, yang belum dimajukan tanah Kerajaan 2,000 berapa tadi?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: 2,840 hektar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): 2,840 hektar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri peluang kerana Belara ada disebut tadi, saya beri peluang kepada Tepoh, pendek saja ya.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Pendek tu pendek ada makna tu. ...(Dewan Gelak) ... Dato' Yang Dipertua memang faham perasaan saya sebenarnya sebab ada kaitan Yang Amat Berhormat Menteri menyebut FELDA Belara. Cuma untuk *respond* kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebagaimana yang disebutkan dalam sekarang ini Daerah Kuala Terengganulah, insyaAllah nanti Daerah Kuala Nerus pula. Dalam DUN saya Tepoh ada satu FELDA iaitu FELDA Belara Yang Amat Berhormat Dato' baru-baru ini pergi, cuma kalau mungkin Yang Amat Berhormat sedar bahawa di seluruh Malaysia pada hari ini kita *check* terlalu banyak sebenarnya Rancangan-rancangan FELDA tapi ada satu saja Rancangan FELDA yang duduk dalam kawasan Bandaraya tidak ada lain dan tidak bukan FELDA yang duduk dalam Bandaraya ialah FELDA Belara. Jadi kalau begitu ada atau tidak rancangan Kerajaan Negeri khususnya untuk menjadikan kawasan pintu masuk FELDA Belara itu ada tanah Kerajaan dan sebagainya untuk dijadikan sebagai satu pusat mungkin macam R&R ke dan sebagainya, ada atau tidak rancangan Kerajaan Negeri bagi menjadikan FELDA Belara sebagai FELDA contoh di Malaysia? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: FELDA Bandaraya Belara, macam tu? Sila, Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, Dato' Yang Dipertua dan Wakil Tepoh dan kita alu-alukan cadangan tersebut dan Kerajaan mempunyai sikap terbuka untuk melihat potensi yang ada sekiranya diperlukan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Kita harap Wakil FELDA ada ya dalam Dewan kita ini kerana saya faham wakil Kuala Terengganu kita ini dia Ahli Parlimen, jadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat tadi akan dibangkitkan di Parlimen.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Insya Allah, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak jemput Yang Berhormat untuk bercakap, saya jemput Kuala Berang untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Apakah usaha-usaha Kerajaan mengatasi masalah pengangkutan awam dari Kuala Terengganu ke Kuala Berang?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bagi menjawab soalan Wakil Kuala Berang mengenai usaha-usaha Kerajaan dalam mengatasi masalah pengangkutan awam dari Kuala Terengganu ke Kuala Berang. Di antaranya, pihak Kerajaan telah meluluskan lesen sebanyak dua syarikat bas yang menjalankan perkhidmatan Bas Henti-henti di kawasan tersebut iaitu Syarikat Himda Travel dan juga Syarikat Pengangkutan Bumi Pantai Timur Sdn. Bhd. Selain daripada itu, Penguatkuasa daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah menggandakan pemantauan di laluan daripada Kuala Terengganu ke Kuala Berang untuk mempastikan perkhidmatan pengangkutan awam berada dalam keadaan yang memuaskan. Tindakan yang sewajarnya akan dikenakan terhadap pemilik lesen sekiranya melakukan kesalahan yang berada di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334).

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi Program Peningkatan Imej Bas Henti-henti kepada semua pengusaha Bas Henti-henti di Negeri Terengganu ini termasuklah jalan daripada Kuala Terengganu – Kuala Berang. Di bawah program tersebut setiap pengusaha bas akan memperolehi sebanyak RM150,000 seorang di mana RM50,000 adalah dalam bentuk geran manakala RM100,000 dalam bentuk pinjaman mudah. Dan yang seterusnya di antara usaha Kerajaan untuk memantapkan lagi masalah

pengangkutan awam Jalan Kuala Terengganu – Kuala Berang ialah membina stesen bas baru di Kuala Berang. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan. Dato' Yang Dipertua, saya duk tengok, duk *check,* bilangan kenderaan awam kalau dulu banyak terutamanya baslah banyak tapi hari ini semakin berkurangan. Jadi nampak ada kelemahan berlaku di sinilah dan saya juga mendapat banyak rungutan daripada masyarakat dan orang-orang kampung terutama mereka-mereka yang tidak mempunyai kenderaan, mereka kalau nak naik teksi mungkin mahal. Jadi saya nak tahulah apakah perancangan dan usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan pengangkutan awam khususnya pengangkutan bas henti-henti.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, selain daripada usaha-usaha yang telah saya nyatakan tadi. Selain daripada itu, kita akan menambahkan lagi lesen pengangkutan awam henti-henti bukan sahaja kepada syarikat bas bahkan kepada kereta sewa juga. Jadi masalah yang kata sekarang ini kurang orang menggunakan pengangkutan awam ini menandakan bahawa Negeri Terengganu ini sudah maju, paras kemiskinan sudah meningkat kerana mereka mempunyai kenderaan sendiri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Kuala Berang?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Saya cuma nak tanya Dato' Yang Dipertua, nampak kita boleh menggunakan berbagai caralah supaya kita dapat mengatasi masalah pengangkutan awam ini kerana kita dapat jalan dari Kuala Berang ke Kuala Terengganu hari ini semakin sibuk, ramai orang tinggal di tepi-tepi jalan, ramai penduduk, tidakkah Kerajaan bercadang untuk membina jalan kereta api ke ataupun macam saya kata dululah, nampak macam *joke* tak? Monorel atau LRT ke, walaupun pada hari ini kita rasa nampak macam *joke* tapi saya rasa kalau tidak ada perancangan kenderaan yang macam ini, saya rasa kita akan ketinggalan masa akan datang. Kita lihat kepada negara-negara yang maju ataupun Indonesia katakanlah, dia banyak kenderaan pendek, bas-bas pendek, bas-bas ini yang boleh kata orang kosnya rendah dan dapat menampung bilangan banyak orang yang boleh menggunakannya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cadangan Yang Berhormat tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Ya, cadangan saya kalau boleh Kerajaan mengadakan pengangkutan yang semacam ini sebab ini merupakan satu daripada NKRA yang PM sendiri hendak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu cadangan Yang Berhormat Pengkalan Berangan tu, tidak ada soalan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Kuala Berang ini memang orang elit sikit, maknanya ideanya memang canggih. Jadi oleh kerana cadangan dia tu, jadi memberi peluang kepada saya untuk mengkaji semula untuk memikirkan cadangan daripada Yang Berhormat Kuala Berang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bilakah agaknya cadangan itu dapat dilaksanakan? ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Kuala Berang nak kereta api atau monorel singgah di Binjai Rendah. Wakaf Mempelam, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kuala Berang tadi dia cadang monorel, sebenarnya dalam Persidangan Dewan ini jugaklah sebelum daripada ini Wakil Telemong sebut dah, jadi kalau sekarang baru nak fikirkan cadangan pada hal cadangan daripada Wakil Telemong saya masih ingat lagi dia sebut monorel inilah, maknanya itu sudah bertahun dah tapi Telemong sebut, Kuala Berang sebut tapi sekadar beri lesen pengangkutan bas itupun stesen baspun runtuh di Kuala Berang. Sayapun nak tanya hak kes runtuh tu macam mana sekarang ini?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Salah tu Yang Berhormat, saya orang Kuala Berang jugak. Yang Berhormat kata stesen bas runtuh, bukan stesen bas runtuh sebenarnya inilah masalahnya orang PAS ni benda yang sebanyak ini diperbesar-besarkan sangat, yang runtuh tu bukannya bumbung stesen bas, hak runtuh tu sutuh depan sahaja jadi orang tengah duduk di atas terjatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, okey, Pengkalan Berangan ada jawapan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya yang sebut tu ada Laporan PAC ni berhubung dengan kes hak runtuh tu.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bukan bumbung runtuh, saya kena perbetulkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sebab Yang Berhormat sendiripun sentiasa memperbesar-besarkan bangunan runtuh, bangunan runtuh ada berapa buah di Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini Laporan PAC ni.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): PAC ke apa ke, saya kena perbetul sebab saya orang Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Saya sokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang bukan masa perbahasan Yang Berhormat. Saya mintak jawapan. Yang Berhormat Telemong dia Wakil Kerajaan dia boleh menjawab sebenarnya.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tunggu apa benda, benda saya nak jawab lagi ni, kita tak faham apa benda soalan daripada Wakaf Mempelam? .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat Telemong sudahpun menjawab, jadi saya jemput Yang Berhormat sekalian .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia tak jawab lagi tu, dia tak faham soalanpun.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tak faham apa bendanya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia tengah pening, tengah pening tu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, macam orang duduk di kedai kopi, war-war habis, war-war habis, dok tahu benda.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia pening dia kata kita pulak war-war, war-war.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Orang Wakaf Mempelamlah war-war habis, war-war habis, apa benda dok tahu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya boleh tanya semula ke soalan tu, perbetul sikit supaya dia boleh jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak Yang Berhormat duduk dulu. Saya nak beritahu Dewan saya punya sistem ini untuk 2 hari, semalam rosak kalau tidak saya boleh kawal. Sebab itu Yang Berhormat saya mintak jelaskan persoalan dan boleh kita jimatkan masa. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau kita nak mintak penjelasan kita khususkan apa yang kita nak tanya, jangan kita duk fikirkan sekarang baru nak tanya kemudian jadi rugi masa kita. Saya jemput untuk soalan seterusnya Yang Berhormat Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Apakah langkah-langkah awal persediaan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Skuad Lumba Basikal dalam Kejohanan LTdl.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABD. RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Sura, terima kasih.

Langkah-langkah awal yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mewujudkan satu pasukan kejohanan Le Tour De Langkawi yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah mengadakan perbincangan dengan Majlis Sukan Negeri Terengganu dan satu jawatankuasa telah ditubuhkan di antara Kerajaan dan Persatuan Lumba Basikal Negeri Terengganu dan mesyuarat telahpun diadakan. Berikut adalah langkah-langkah yang telah diambil iaitu pendaftaran pasukan ini yang telah dibuka pada September 2010 dan seterusnya kita akan menubuhkan satu jawatankuasa dan melantik seorang CEO Pasukan Le Tour de Langkawi, Terengganu, Jurulatih dan Penolong Jurulatih serta memilih atlet-atlet yang akan mewakili pasukan Negeri Terengganu. Sementara itu, kita akan merangka latihan berkala untuk menuju kecemerlangan. Selain daripada itu, kita juga akan meneliti aspek teknikal, peralatan dan juga *sponsors* dengan izin, yang akan menjadi *sponsors* utama kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Setelah daripada beberapa tindakan awal yang diambil ini, bilakah pada jangkaannya Skuad Lumba Basikal untuk menyertai Kejohanan Le Tour de Langkawi tahun hadapan boleh dilancarkan dengan rasmi oleh pihak Kerajaan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABD. RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Pendaftaran hanya akan dibuka pada September 2010 dan penganjuran Le Tour De Langkawi sememangnyalah merupakan acara tahunan yang terkenal dan sebelum pelancaran dibuat kita hendaklah perkara pertama memilih atlet dan merangka skim tertentu yang bakal diterima oleh atlet-atlet. Kebanyakan daripada atlet-atlet yang ada pada hari ini seperti Anuar Manan yang menjuarai Jersi Hijau dan Jersi Biru iaitu Jersi Hijau sebagai Raja Pecut dan Jersi Biru sebagai Juara Asia. Anuar Manan pada ketika ini ditaja oleh South Korean Guan San Ginseng Asia dan sudah tentulah perbincangan untuk menarik Anuar Manan ini untuk menyertai Pasukan Terengganu dengan tawaran-tawaran yang menasabah yang membolehkan atlet-atlet lain sebagai peneraju kepada pasukan ini dapat menerima syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Kita harapkan kita dapat melancarkan setidak-tidaknya 3 bulan sebelum pendaftaran Le Tour de Langkawi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua berkaitan dengan Sukan Lumba Basikal ini melibatkan juga satu cadangan pembinaan velodrome di Dungun. Jadi apakah sebenarnya permasalahan yang timbul seperti yang dilaporkan oleh akhbar baru-baru ini supaya kita dapat penjelasan yang sebenar berkaitan dengan pembinaan velodrome ni?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABD. RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Kerajaan Negeri menyanjung tinggi hasrat Majlis Sukan Negara untuk mengadakan satu velodrome atau Pusat Kecemerlangan Basikal memandangkan Terengganu telah mengukir nama di peringkat antarabangsa. Pada peringkat awal, saya tidak menafikan bahawa velodrome yang telah dicadangkan untuk ditempatkan di sebelah padang golf ataupun di sebelah UiTM mendapat tentangan ataupun sedikit masalah daripada masyarakat setempat. Namun demikian, bantahan itu adalah segolongan kecil sahaja. Dan Jawatankuasa Induk Belia dan Sukan Terengganu telah memutuskan satu kawasan di Che Lijah untuk dijadikan tapak baru velodrome tersebut dan langkah-langkah seterusnya telahpun diambil dan kita mengharapkan bahawa peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat dapat digunakan untuk pembinaan velodrome ini secepat mungkin.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Sura. Saya jemput Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 -

Berapa buahkah Klinik 1Malaysia yang telah beroperasi di negeri ini hingga kini? Sila nyatakan lokasi-lokasi tersebut?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pertama-tamanya saya ucap terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal yang telah bertanyakan soalan berkaitan Klinik 1 Malaysia, berapa buah yang terdapat di Negeri Terengganu dan di manakah lokasi-lokasinya?

Dato' Yang Dipertua, untuk makluman Dewan dan semua, Klinik 1 Malaysia yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 Januari yang lalu adalah berhasil dari ilham dan semangat gagasan 1 Malaysia dengan pendekatan Kerajaan, 'rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan'. Klinik 1 Malaysia ini menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan ringan kepada penduduk di kawasan bandar dan kawasan-kawasan perumahan yang telah dikenal pasti. Dengan adanya Klinik 1 Malaysia ini ianya akan membantu mengurangkan beban pesakit di Klinik Kesihatan Kerajaan yang sedia ada. Terdapat 3 buah Klinik 1 Malaysia di dalam Negeri Terengganu ini iaitu:

Bil.	Daerah	Lokasi	Mula Beroperasi
1.	Marang	Bukit Payong	7 Januari 2010
2.	Kuala Terengganu	Kuala Nerus	6 Januari 2010
3.	Kemaman	Binjai	9 Januari 2010

Itu yang dapat saya maklumkan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan. Klinik 1 Malaysia memang sebagaimana disebut oleh Wakil Kuala Besut satu idea Perdana Menteri .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tolong kuatkan sikit Yang Berhormat, kurang jelas.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sepertimana yang dinyatakan oleh Wakil Kuala Besut sebentar tadi bahawa Klinik 1 Malaysia ini ialah klinik baru yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, cuma kita sebagai rakyat Malaysia sudah tentu nak tahu suatu idea baru sudah tentu satu perubahan baru, jadi saya ingin penjelasan apakah istimewanya Klinik 1 Malaysia ini jika dibandingkan dengan perkhidmatan kesihatan yang sudah sedia ada seperti pusat-pusat Kesihatan, poliklinik-poliklinik, apakah keistimewaan yang hendak ditawarkan kepada rakyat khususnya kepada penduduk-penduduk di bandar-bandar biasa sudah tentu mahu yang lebih baik daripada yang sedia ada. Pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat. Jadi seperti yang saya maklumkan tadi Klinik 1 Malaysia ini memberikan fokus perkhidmatan di kawasan bandar, kawasan-kawasan perumahan-perumahan yang mana Jabatan Kesihatan mengenal pasti kawasan-kawasan ini Klinik Kesihatan yang sedia ada terlalu ramai pengunjung atau yang mendapat perkhidmatannya di mana mereka yang datang ke klinik-klinik Kerajaan yang sedia ada ini memerlukan masa yang begitu lama daripada mula datang hinggalah selesai urusan berjumpa doktor dan mengambil ubat. Jadi bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyedari permasalahan rakyat ini dan gagasan 'rakyat didahulukan, prestasi diutamakan' maka tercetuslah idea Klinik 1 Malaysia ini di mana di peringkat permulaannya 50 buah Klinik 1 Malaysia di laksanakan di seluruh Malaysia termasuk 3 di Negeri Terengganu ini. Dan di Terengganu ini jugak terutama di kawasan Marang klinik yang sedia ada mempunyai *work load* dengan izin, jadi bila kita memperkenalkan Klinik 1 Malaysia di Bukit Payong ini sambutannya amat menggalakkan sekalilah. Jadi itulah yang dapat saya kata tentang keistimewaannya dia dapat memberikan kemudahan dan memperbanyakkan access rakyat untuk segera mendapat rawatan perubatan dan kesihatan maknanya tidak perlu menunggu masa yang lama untuk mendapat perkhidmatan tersebut.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Apa yang saya difahamkan negara kita dalam peringkat untuk meningkatkan taraf perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Suatu masa dahulu pusat-pusat kesihatan yang diketuai ataupun perkhidmatan utama diberikan oleh Pembantu Perubatan telah dimansuhkan dan digantikan dengan Pusat-pusat Kesihatan yang setiap pusat ini ada seorang doktor tapi apa yang saya dimaklumkan dan melalui surat khabar, Klinik 1 Malaysia ini hanyalah perkhidmatannya diberi oleh Pembantu Perubatan dan Jururawat sahaja. Jadi nampaknya dari segi mutu perkhidmatan ini tidak ada apa yang istimewa dan sebagai pengalaman saya Pembantu Perubatan dan Jururawat ini hanya boleh memberi ubat-ubat dalam kategori C sahaja, tidak boleh memberi ubat-ubat dalam kategori B yang lebih tinggi dan ini kalau nak banding dengan klinik swasta yang adapun mungkin lebih baik klinik swasta dari segi kemudahan, dari segi tempatnya malahan tempat

Klinik 1 Malaysia ini kalau saya tengok di Gong Badak tu cuma sebuah kedai macam kedai kopilah berbanding dengan Klinik Desalah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat. Yang Berhormat nak banding dengan Klinik Dr. Alias, Batu 6?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK Wakil Bukit Tunggal): Itu boleh belakalah, saya tak sebut secara itu cuma saya nak beritahunya rakyat mengharapkan suatu yang lebih baik contoh kemungkinan kalau Kerajaan ada memikirkan di Klinik 1 Malaysia ada seorang Doktor Pakar yang mana kes-kes tertentu boleh kita rujuk terus kepada Klinik 1 Malaysia ini, jadi tak perlulah ke Hospital Besar tapi akhirnya dapat ubat demam lepas itu pergi ke Hospital Besar jugak ini tidak banyak menyelesaikan masalah dan diharapkan satu yang istimewalah yang dapat diberikan oleh pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya maklumkan tadi maknanya Klinik 1 Malaysia ini memang saya akuilah bahawa dia tidak melibatkan Pegawai Perubatan di klinik tersebut, kakitangan-kakitangan yang terlibat hanyalah Penolong Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Farmasi, Jururawat Kesihatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan. Jadi saya rasa Yang Berhormatpun Medical Doctor jugak dan sayapun Medical Doctor jugak, memanglah Kerajaan sudah orang panggil melihat *trend* ataupun pattern pesakit-pesakit yang mendapat rawatanlah sama ada di bandar ataupun di luar bandar, kebanyakannya adalah pesakit-pesakit ringan, pesakit yang boleh diberi perawatan oleh Medical Assistant ataupun Pembantu Perubatan ataupun Jururawat Kesihatan sahaja. Jadi masalah perkhidmatan kesihatan ini yang meruncingnya ialah waktu menunggu yang lama, jadi sekiranya kita membiarkan kelompok pesakit yang begitu ramai menunggu untuk berjumpa dengan Pegawai Perubatan, kita letakkan sekali bermaknanya masa yang perlu dihabiskan oleh seorang doktor melihat kesemua pesakit itu terlalu panjang, jadi bila kita mengadakan Klinik 1 Malaysia ini di mana seolah-olahnya kita membuat saringan bagi pesakit-pesakit yang ringan supaya pergi kepada Klinik 1 Malaysia dengan sendirinya hanya pesakit-pesakit yang berat sahaja akan pergi ke klinik-klinik Kerajaan untuk mendapatkan rawatan daripada doktor ataupun pesakit-pesakit yang agak berat ini pergi ke klinik-klinik swasta untuk mendapatkan rawatan. Jadi dengan sendirinya pesakit-pesakit yang ringan terus pergi ke Klinik 1 Malaysia tak sampai mungkin dalam 20 minit sudah selesai. Misalnya batuk dan demam yang ringan di mana tak perlu berjumpa doktor, jumpa Pembantu Perubatan dan diberi rawatan yang ringan dapat ubat, 20 minit – 30 minit sudah balik rumah. Tapi kalau dia pergi ke klinik kerajaan yang biasa ataupun di hospital-hospital mungkin yang setengah jam ini jadi 3 - 4 jam, sekiranya banyak berlaku kes-kes yang teruk di sana. Jadi saya rasa itulah matlamat yang ingin diberikan atau disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan sokongan Jabatan Kesihatan mendahulukan rakyat yang memerlukan rawatan-

rawatan pesakit yang ringan ini dengan menubuhkan Klinik 1 Malaysia. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Setuju Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ya, ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat saya setuju tadi sebab yang ringan tu kalau tunggu lama jadi kohor berat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan saya beginilah, kalau itulah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan terus Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kalau itulah maksud pihak Kerajaan, saya rasa untuk menyaring pesakit-pesakit ringan ini memang telah dibuat di Pusat-pusat Kesihatan, hanya perlu tambah sahaja Pembantu-Pembantu Perubatan di Pusat-pusat Kesihatan yang sedia ada kerana kita tengok antara Gong Badak dengan Teluk Ketapang dekat kem tu tidak jauh manapun. Jadi bukanlah satu jarak orang panggil sukar untuk di *access,* begitu jugak di Bukit Payong. Jadi seolah-olahnya sebagai satu gimik semata-mata yang saya lihatlah yang menyebabkan kepada menyewa satu lot kedai sedangkan boleh kita tambah bilik di Pusat-pusat Kesihatan yang sedia ada. Yang keduanya, saya nak minta fahamlah, inipun saya dah lama tinggal kerja dengan Kerajaan ini, setahu saya Pembantu Perubatan dan Jururawat mesti bekerja di bawah pengawasan Doktor, siapakah yang mengawasi Pembantu-pembantu Perubatan dan stafnya di Klinik 1 Malaysia ini. Doktor kat mana yang hendak mengawasi bila berlaku kesilapan dan sebagainya?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal. Dia macam yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi, Pembantu Perubatan dia boleh *prescribe* untuk memberi ubat kelas C, kelas C ini maknanya ubat-ubat yang ringanlah, ubat panadol, ubat selsema, ubat batuk dan sebagainya. Sebenarnya konsep ini tak lari jauh, kalau kita ingat suatu masa dahulu saya pernah bekerja di Negeri Kelantan di kawasan pedalaman, di kawasan Kuala Balah, di kawasan Batu Melintang di mana untuk seseorang Pembantu Perubatan bekerja di Klinik Kesihatan, bos dia atau Pegawai Perubatan duduk jauh duduknya, di Jeli

sebagai contohnya dan Pegawai Perubatan dia duduk di Tanah Merah bukan kata *direct supervision,* jadi konsepnya samalah maknanya Pembantu Perubatan memberi rawatan hanya kes-kes yang ringan, kes-kes yang di dalam skop yang dia boleh bagi di mana kes-kes yang memerlukan perawatan yang lanjut ataupun perhatian yang lanjut daripada Pegawai Perubatan, kes-kes ini dirujuklah. Jadi memanglah kalau dari segi keperluan sebenar memang sepatutnya setiap pesakit itu perlu mendapat pemeriksaan daripada Doktor tapi jika kita mempunyai Doktor yang cukup untuk melihat semua pesakit, saya rasa setakat ini tidak mampu lagilah Kerajaan Malaysia memberikan jumlah Doktor yang banyak untuk melihat apa saja permasalahan pesakit tersebut. Saya rasa itu sudah boleh menjelaskan soalan daripada Bukit Tunggal itu. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Kuala Besut. Sebenarnya Klinik 1 Malaysia ini makin popular di kalangan rakyat. Itu yang bimbang di sebelah Bukit Tunggal tu. Saya jemput Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang kedua -

Apakah status pembinaan gelanggang futsal yang dibina Kerajaan di seluruh Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABD. RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Bukit Payong yang ingin mengetahui gelanggang futsal.

Status pembinaan gelanggang futsal di seluruh Negeri Terengganu telah mencapai 80% siap.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Gelanggang-gelanggang futsal yang akan siap dibina akan diuruskan oleh pihak Kerajaan secara langsung ataupun akan diserahkan kepada pihak swasta yang tertentu?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABD. RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Gelanggang futsal ini akan diselenggara oleh Pejabat Daerah dan ketentuan untuk menguruskannya terpulang kepada Pejabat Daerah.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Melihatkan kepada bentuk permainan futsal atau bola sepak ini semua, kemungkinan saya rasa pihak Kerajaan boleh bersetuju bahawa pembinaan gelanggang futsal ini tidak cukup untuk memberi ruang yang secukupnya kepada remaja ataupun

pemuda dalam suka bola sepak atau jenis seumpamanya. Apakah pihak Kerajaan telah merancang secukupnya dan melihat padang-padang bola yang sedia ada, berapakah anggarannya dan penilaiannya padang-padang bola yang perlukan lagi untuk kegunaan remaja dan anak-anak muda kita?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABD. RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih. Dalam tempoh 2009 adalah tahun yang paling banyak sekali pembinaan sama ada futsal ataupun membaik semula padang bola. Keseluruhan kemudahan-kemudahan sukan adalah sebanyak RM8.8 juta yang telah kita berikan dan ini tidak termasuk pembinaan gelanggang serbaguna yang dibina oleh Kementerian Belia Dan Sukan sebanyak 64 iaitu dua buah setiap Dewan Undangan Negeri yang sebahagiannya telahpun siap dan akan diserahkan oleh kontraktor-kontraktor yang berkenaan. Saya berpendapat bahawa dengan kemudahan-kemudahan ini dengan satu gelanggang futsal satu Dewan Undangan Negeri yang kegunaannya boleh dipelbagaikan maka tidaklah jadi masalah kepada anak-anak muda pada hari ini dan ditambah pula setiap tahun Pejabat Daerah mengeluarkan peruntukan-peruntukan untuk membaik pulih padang-padang yang sedia ada yang mencukupi dan kita mengharapkan sukan-sukan rekreasi dan juga sukan-sukan temasya dapat diadakan di tempat kemudahan-kemudahan yang telah disediakan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ya, terakhir. Melihatkan tentang permasalahan sosial anak-anak muda dan remaja dan kita menilai dan kita melihat di mana futsal tidak dapat menampung hobi dan minat anak-anak muda dalam sukan khususnya bola sepak ini dan saya melihat bahawa padang-padang bola tidak cukup di kampung-kampung. Dan saya rasa Kerajaan adakah sedar ataupun tidak ada kampung-kampung yang membuatkan anak-anak muda terpaksa tumpang padang-padang bola sekolah tapi ada di kampung-kampung tertentu yang contohnya Kampung Paya Resak yang di sekitarnya hampir 5 - 6 kampung mereka terpaksa menggunakan padang bola Sekolah Paya Resak. Adakah pihak Kerajaan bahawa sehingga setahun lebih ini pihak sekolah melarang anak-anak muda menggunakan padang bola itu dan sehingga hari ini anak-anak muda seolah-olah terabai dalam memenuhi minat dan hobi mereka.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABD. RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih. Kita tahu dan sedar bahawa padang bola memang tidak mencukupi tetapi kawasan-kawasan sekolah ini adalah di bawah kawalan Kementerian Pelajaran sepatutnya tidaklah timbul dan jika sekiranya tidak bertindih program-program yang dijalankan sekolah, memang saya tidak nafikan adalah satu-dua program yang bertindih namun demikian dengan kesedaran inilah maka tambahan sebanyak 200% kemudahan-kemudahan sukan yang saya sebutkan tadi telah dibina dan kita mengharapkan kemudahan-kemudahan

ini digunakan sepenuhnya. Dan ini adalah kali pertama sebenarnya kemudahan-kemudahan futsal walaupun yang dibina oleh Kementerian Belia Dan Sukan tidak berbumbung tetapi melihat daripada struktur yang telahpun siap, saya yakin dan percaya ianya dapat digunakan oleh kebanyakan daripada belia-belia kampung dan kawasan-kawasan yang berdekatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada satu soalan akhir ni, sebenarnya Yang Berhormat Rhu Rendang memberitahu kepada saya bahawa beliau tidak sihat dan mewakilkan untuk bertanya soalan, saya nak beri peluang, Wakaf Mempelam akan bertanya cuma dijawab saja Yang Berhormat Pengkalan Berangan, tidak ada soalan tambahan. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak sedaplah sikit tak boleh nak tanya tapi tak apalah, sila -

Adakah Kerajaan sedar, jalan yang baru siap dibina di antara Bukit Chendering hingga Bandar Marang, beraiun dan tidak rata?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, saya lagi tak sedap sebab ingat hak pakai serban rupanya hak pakai songkok pulak mari pagi ni jadi nak jawabpun rasa tak sedap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila jawab sedap-sedap Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tapi oleh kerana Dato' Yang Dipertua nak jugak saya jawablah. Ya, memang Kerajaan sedar tentang perkara ini ibarat seperti kata orang yang dilambung ombak dan mengasyikkan jalan itu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak boleh nak tanya sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pasal duk asyik-asyik tu ..... (Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Takdok tambah dah, takdok, takdok. *Nehi he (loghat Hindi).*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah habiskan 1 jam, saya tangguhkan mesyuarat dan kita masuk kembali tepat pada jam 11.05 minit.

DEWAN DITANGGUH SEMENTARA PADA PUKUL 10.37 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat kita disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi meneruskan penggulungan oleh pihak Kerajaan, saya menjemput Wakil Langkap.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung semula ucapan saya yang tersekat kelmarin. Jadi nampaknya saya diberi peluang selama dua hari untuk penggulungan ini. Walaupun begitu sebenarnya tidak banyak perkara yang nak saya simpulkan dalam ucapan ini. Kelmarin saya sudahpun selesai menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha Kerajaan dalam membasmikan kemiskinan yang kita harap semua jabatan yang terlibat dalam usaha ini mengambil perhatian atas apa yang ditegur oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dan jugak apa yang disebut oleh Yang Teramat Mulia dan Ucapan Perasmiannya kerana seperti yang sedia maklum pada akhir tahun ini harapan Kerajaan kemiskinan tegar akan menjadi sifar. Dan bagi kita di Negeri Terengganu nampaknya pada bulan Mac ini kita sudah melebihi daripada sasaran kita.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, seterusnya berkenaan dengan Taska Permata yang ditimbulkan dalam .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang. Saya ingin mendapat penjelasan di Dewan ini. Apakah negeri kita, Negeri Terengganu ini dari segi penggunaan *poverty level* yang kita gunakan kadar indeks kemiskinan dan jugak kemiskinan tegar kalau kita berpandu dengan izin *poverty level* yang diletakkan oleh Unit Perancang Ekonomi JPM meletakkan bahawa kadar indeks kemiskinan setiap isi rumah yang berjumlah 5 orang adalah RM731.00 dan kemiskinan tegar adalah RM419.00 bagi setiap isi rumah seramai 5 orang. Jadi saya ingin penjelasan dulu dari segi Negeri Terengganu kita ini kita menggunakan kadar atau *poverty level* yang ..... Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, kita jugak menggunakan angka yang sama yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat kerana kita sendiri tidak menyediakan laporan khusus berkenaan dengan ini kerana itu kita terima pakai apa yang sudah ditetapkan oleh

Kerajaan Pusat iaitu kemiskinan secara puratanya yang miskin ialah perkapita dalam RM180.00 dan miskin tegar dalam RM100.00 itulah angka yang kita terima pakai.

Dato' Yang Dipertua, saya teruskan dengan apa yang ditimbulkan berkenaan dengan Taska Permata di Negeri Terengganu. Alhamdulillah, Negeri Terengganu mendapat peruntukan sebanyak 33 buah Taska Permata pada tahun lepas 2009 di mana 32 disumbangkan oleh Kerajaan Pusat melalui peruntukan Jabatan Perdana Menteri dan sebuah oleh Golden Pharos sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri. Status Taska Permata ini yang disumbangkan oleh Jabatan Perdana Menteri kita khaskan sebuah bagi setiap DUN, 31 buah melibatkan bangunan baru dan sebuah kita baik pulih bangunan yang sedia ada dan hampir keseluruhannya sudahpun berada di peringkat akhir pembinaan. Peruntukan yang diluluskan oleh Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM20.4 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi pada tahun lepas. Yang kita gunakan peruntukan tersebut RM9.4 juta untuk bangunan, RM4.8 juta untuk peralatan, RM2.2 juta untuk latihan dan RM4 juta lagi bagi keperluan gaji guru-guru yang terlibat. Urusan pembinaan diserah kepada Pejabat Daerah masing-masing untuk menguruskannya manakala yang disumbangkan oleh Golden Pharos bernilai RM493,526.00 dan sudahpun siap dan beroperasi di tempat di Teluk Ketapang.

Dato' Yang Dipertua, satu lagi perkara yang ditimbulkan ialah berkenaan dengan Projek Basmi Kemiskinan yang diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Negeri yang melibatkan 20 orang peserta miskin di Jabi bagi Projek Membungkus Tanah Baja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Penjelasan sikit, boleh?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Golden Pharos beri berapa RM493,000.00?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): RM493,525.00.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang keduanya nak mintak penjelasan, apakah peserta yang hendak pergi hantar anak ke Taska ini dikenakan bayaran dan berapakah bayaran bagi seorang anak dikenakan setiap bulan?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bayarannya memang ada tetapi kadarnya tidaklah sama dengan yang ditetapkan oleh taska swasta tetapi bayarannya memang ada.

Berkenaan dengan projek tanah baja yang dibuat di Jabi yang melibatkan 20 orang peserta. Sebenarnya projek ini belum lagi diperingkat pengeluaran ianya baru di peringkat latihan dan tidak diarah lagi untuk dibuat secara besar-besaran. Walau bagaimanapun, kerja-kerjanya agak mudah sangat gaul tanah dengan baja dan masuk saja ke dalam polybag kerana itu kebanyakan peserta sudah buat sendiri. Dan sekarang ini pihak syarikat yang hendak membelinya diberi jaminan pembelian boleh dibuat pada pertengahan bulan Mei. Kebanyakan yang diusaha sendiri oleh peserta-peserta itu tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak pembeli. Walau bagaimanapun, usaha untuk menyelesaikan masalah ini akan diatasi pada bulan Mei ini. Saya rasa setakat itu saja ucapan saya, saya ucap terima kasih kepada semua yang terlibat yang menunjukkan prihatin kepada usaha-usaha kerajaan bagi membasmi kemiskinan ini. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput meneruskannya Wakil Cukai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Sebelum saya menjawab kepada beberapa soalan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan daripada Ladang, Rhu Rendang, Kuala Berang dan Jabi. Saya ingin membetulkan sedikit maklumat berkaitan dengan Halal Hub yang disebut dua hari lepas oleh saya semasa menjawab soalan daripada ADUN Rhu Rendang iaitu saya ada terbaca di dalam Buletin Online yang dikeluarkan oleh saya rasa pihak PAS. Jawapan yang saya beri itu tidak ditulis dengan betul tetapi dipusing sikit ayat itu yang mengatakan Exco tidak selari/selaras dengan Menteri Besar dari segi jawapanlah agaknya yang saya beri. Saya telah memberi jawapan hari itu berdasarkan kepada soalan tambahan yang diajukan kepada saya dan saya memberi jawapan itu berdasarkan kepada soalanlah. Tetapi saya lihat di dalam Buletin Online ini lain pulak jawapannya. Tidak ada pemasaran, tidak ada pelabur asing berkaitan dengan Halal Hub ini. Jadi saya ingin membetulkan kenyataan tersebut jika saya kata tidak ada pelabur asing bagi pelaburan Halal Hub itu sebab Halal Hub yang kita maksudkan di Chendering ini sebenarnya bukan Halal Hub ianya hanya Halal Park. Halal Hub ini definasinya adalah meliputi kawasan yang luas yang melebihi 100 ekar misalnya dan mempunyai berbagai-bagai aktiviti tetapi apa yang kita ada di Chendering ini hanyalah 10 buah syarikat sahaja yang ditumpukan kepada produk-produk yang menghasilkan kepada produk-produk tempatan sahaja. Jadi sudah tentulah kita tidak memerlukan kepada pelaburan luar (asing) dan juga tidak ada pemasaran pada ketika itu sebab Halal Park itu sendiri adalah strategi pemasaran kita untuk mendapatkan pensijilan halal dan sebagainya. Jadi langkah yang

selanjutnya ialah untuk membuat pemasaran sampai ke luar negara. Sebagai contoh kita telah menembusi pasaran di luar negara apabila baru-baru ini kita telah pergi ke Dubai Food Fest di mana kita telah berjaya dan mendapat tempahan sehingga RM6 juta lebih. Itu adalah langkah-langkah yang kita buat. Jadi pemasaran yang saya kata tak ada itu adalah semasa peringkat itu sahaja. Jadi apabila masuk dalam Buletin Online ini jadi lain pulak ceritanya. Jadi saya nak perbetulkan perkara itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ada beberapa perkara. Yang pertamanya, disebutkan berkaitan dengan Kilang Nira Nipah telah ditutup di Kelulut. Yang sebenarnya kilang itu tidak tutup di mana saya telah beri jawapan baru-baru ini. Kilang barunya akan dibuka di Chendering di Halal Park kita ini. Sekarang ini kita sedang membuat sedikit pembaikan dari segi mutu produk itu. Kita sedang bekerjasama dengan CEPP atau dengan izin, Chemical Engineering Pilot Plant, UTM Skudai, yang mana kita sedang membuat kajian tentang ketahanan produk itu, fakta nutrisi dan mineral juga keselamatan produk. Ini adalah sudut-sudut yang kita lihat supaya produk kita ini boleh dipasarkan dengan lebih baik lagi. Jadi buat masa ini kita banyak menerima bahan-bahan daripada orang kampung dan masih dalam stok kita dan kita sedang mengkaji supaya produk ini lebih selamat dan kita hendak produk ini tidak perlu lagi disejukkan dan kita boleh jual apabila kita tinkan produk ini dan boleh dijual dalam room temperature ataupun kita boleh jual dalam keadaan suhu biasa. Ini adalah langkah-langkah yang kita ambil. Dan sekarang ini kita juga sedang buat kajian untuk mencampurkan nira nipah kita ini untuk dijadikan bahan minuman seperti Tongkat Ali, Kacip Fatimah yang berperisakan strawberry dan sebagainya. Ini adalah research yang kita buat dan sudah tentulah kalau kita pergi selangkah lebih advance daripada ini sudah tentulah kita tidak tutup kilang ini, kita akan meningkat lebih baik lagi. Jadi tidak betullah tuduhan yang disebut oleh Wakil Ladang ataupun Rhu Rendang itu yang mengatakan kita dah tutup Kilang Nira Nipah ini sebab ia adalah produk yang ada nutrien dia yang insya Allah kita rasa boleh dijadikan minuman rasmi negeri kita, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Penjelasan Yang Dipertua, saya kata tutup tu sebab saya nampak tak dibuka sebab tu saya kata tutup. Saya tak tahu dalam proses tu semua kalau macam tu baguslah tapi memang tutup sebenarnya sekarang ni, tak dibuka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Kilang tak tutup, pintunya saja ditutup sebab kita buat kerja di dalam bukan di luar. Berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Wakil Kuala Berang berkaitan dengan pembangunan Bandar Kuala Berang. Berbagai portfolio yang terlibat di dalam perkara ini dan mungkin juga akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Walau bagaimanapun, portfolio saya terlibat jugalah.

Untuk mempastikan Bandar Kuala Berang tidak dipinggirkan, jadi dalam usaha ini kita telah mencadangkan untuk membina sebuah pasaraya yang bernilai lebih kurang RM8 juta yang kita panggil T'Mall, biasalah 'T' ni, untuk rebrandkan Terengganu kita ni dengan 'T'. Dan insya Allah kita jangka kerja-kerjanya akan dimulakan tidak berapa lama lagi untuk kerja-kerja tapak dan insyaAllah akan boleh beroperasi pada akhir 2011. Jadi kita harap dengan adanya pasaraya ini dia akan menjadi *catalyst* untuk mengaktifkan lagi Bandar Kuala Berang. Walaupun dia tidak jauh dari Kuala Terengganu saya rasa Kuala Berang sendiri memerlukan insentifnya sendiri. Jadi T'Mall inilah insya Allah akan menjadi insentif kepada pembangunan sekitar yang boleh mengembangkan lagi ekonomi di Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya ingat Kuala Berang mintak biar orang Kuala Terengganu pergi beli di T'Mall Kuala Berang bukan untuk Kuala Berang saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Ya, insya Allah. Biasanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, T'Mall-T'Mall ataupun supermarket-supermarket begini memang boleh menarik pembeli daripada luar sepertimana berlaku di Kemaman, orang Kemaman dulu sebelum ada sekarang ni memang pergi beli di Kuantan tapi sekarang ni tak payah dah Kemasik ada dan tak lama lagi di Bandar Baru Kijal ada insya Allah. Jadi kita harap begitulah Dato' Yang Dipertua.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan ialah berkaitan dengan Rancangan Pembangunan Semula Pekan Jabi yang dibangkitkan oleh ADUN Jabi iaitu berkaitan dengan Pembangunan Pekan Jabi dan insya Allah kita akan melaksanakannya. Jawatankuasa Tanah Daerah Besut telahpun bersetuju untuk mengambil balik tanah seluas lebih kurang 6 hektar di situ dan kita akan menjadikan kawasan tersebut sebagai Pusat Pertumbuhan Pekan Jabi. Insya Allah seperti mana yang saya sebut untuk Kuala Berang tadi, Jabi juga dengan adanya cadangan ini akan berubah wajah insya Allah untuk menjadi pekan yang lebih baik dan sempurna.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit pasal dia sebut Jabi ni, agak-agak tu bila tahun ni ke, tahun depan ke? Terima kasihlah di atas keprihatinan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Insya Allah, peruntukan dah ada, sebelum pilihan rayalah agaknya. .... (Dewan Gelak) ....

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa itu sajalah soalan-soalan yang dibangkitkan berkaitan portfolio saya dan saya merasakan ucapan Yang Teramat Mulia Yang Dipertua, Majlis Penasihat Pemangku Raja telah mengemukakan

satu ucapan yang baik dan saya rasa insya Allah melalui program-program yang dinyatakan itu kita akan berjaya mencapainya. Sekian, terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABD. RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut sama membahaskan Ucapan Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja, Tengku Seri Panglima. Dan tak banyak yang dibangkitkan kecuali yang disentuh oleh Wakil Hulu Besut tentang dewan, tentang padang permainan dan juga sikit sebanyak oleh Wakil Kemasik. Saya ucap terima kasih. Dan untuk Besut, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan pembinaan infrastruktur sukan sebanyak RM2,932,837.00. Di antaranya adalah pembinaan Lapangan Padang Golf di Pusat Rekreasi di Bukit Keluang sebanyak RM982,867.00. Pembinaan Gelanggang Futsal di DUN Hulu Besut, Jabi, Kuala Besut, Kota Putera dan Jertih, yang ketiga, sebanyak RM1,750,000.00. Pembinaan Gelanggang Tenis di Bukit Keluang RM200,000.00 dan juga gelanggang-gelanggang rakyat yang sedang dibina sebanyak 8 gelanggang rakyat di setiap DUN.

Saya suka juga menyentuh tentang Mat Rempit, walaupun Usul yang dibuat ditolak tetapi memandangkan bahawa kita juga dalam proses untuk menangani masalah ini dan melalui program-program yang berkala yang telah disusun bukan sahaja Perasmian Kelab-kelab Permotoran di setiap Parlimen dan juga perasmian di peringkat negeri pada bulan Jun dengan memberi peralatan tertentu tetapi juga membuat perasmian serta mengumpulkan ahli-ahli kelab permotoran di Dewan-dewan Undangan Negeri supaya kita boleh mendekati golongan-golongan ini.

Mat Rempit adalah anak-anak kita juga, anak-anak muda yang menunggang dalam bentuk aerodinamik atau juga dalam bentuk superman. Penunggang-penunggang haram ini biasanya menggunakan motor kapcai ataupun skuter. Ada di antaranya bersama-sama dengan Minah Rempit si partner perempuan dan lelaki biasanya berkumpulan sehinggakan seramai 500 orang dan kawasan-kawasan yang biasanya kita lihat adalah di kawasan Jalan Kuala Berang, Jalan Wakaf Mempelam, Durian Burung, jalan utama Marang - Terengganu, kawasan Perindustrian Gong Badak, kawasan stadium dan juga di pinggiran bandar. Kehadiran gerombolan yang ramai merumitkan penguatkuasaan sama ada yang dibuat oleh Polis ataupun JPJ. Pihak Polis yang menjalankan penguatkuasaan mungkin tidak mencukupi anggota untuk mengawal gejala ini supaya tidak berlarutan sehingga mendatangkan kesan yang lebih buruk lagi. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu pihak penguatkuasa melalui Task Force yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri

bersama Polis, JPJ, Rela dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu ataupun Majlis-Majlis Daerah di daerah-daerah. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan dan kita telah berbincang bagaimana kita boleh membantu untuk menubuhkan task force ini. Satu pasukan yang ramai nisbahnya penguatkuasa yang boleh diyakini dapat membantu penguatkuasaan yang berkesan. Contohnya kehadiran 500 kumpulan Mat Rempit sudah tentulah tidak memadai jika kumpulan penguatkuasaan hanya 10 orang. Maka nisbah yang menasabah memungkinkan langkah-langkah pencegahan boleh dibuat dengan jayanya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Exco yang menjawab. Saya merasa kurang setuju sedikit seolah-olah memberi gambaran bahawa pihak Polis tidak cukup tenaga untuk membuat kawalan apabila berlaku hampir tiap-tiap minggu isu Mat Rempit ini. Saya cukup terasa isu Mat Rempit ini kerana di depan rumah saya, mereka duk main hari-hari jadi terpaksa adakan satu task force. Saya sebutkan perkara ini kerana kalau ceramah PAS tu gaknya kawal habis-habisan. Ceramah PAS tu kalau kiranya bukanlah nak bergocoh, nak mengganggu orang ke, nak buat apa. Polis yang mari tu dengan FRUnya, dengan tembak gas, dengan tembak peluru hidup. Polis pulak kawal, ni apa benda pulak kata .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penjelasan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, penjelasan. Jadi saya harap berbincang molek, jangan duk kata Polis takdok tenaga, FRU ada, apa ada, takkanlah guna untuk ceramah PAS aje.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, saya nak tahu hak kata satni tu dekat mana? Hak kena peluru tu, dekat mana?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, saya nak beritahu hak FRU tu saya kena di Batu 6 kena gas, saya kena gas di Batu Rakit, di Batu Burokpun saya kena gas. Batu 6, Batu Burok, Batu Rakit, tak guna punya batu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Teluk Pasu, saya bimbang takut ceramah yang dikatakan oleh Wakaf Mempelam tadi yang menghasut anak muda ni, kemudian Yang Berhormat Teluk Pasu jangan bimbang sebab saya tak pernah sejak saya jadi Speaker sebelah sana bersetuju dengan Kerajaan. Sila Yang Berhormat, teruskan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Wakaf Mempelam memang orang yang baik hati tapi kalau terlampau baikpun kalau melihat anak muda merempit .....

YANG BERHORMAT MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): .... kita tidak membuat sesuatu itu adalah suatu kesalahan juga dari segi sosial. Saya mengharapkan dalam ceramah-ceramah PAS supaya menekankan atau mewajibkanlah kalau boleh supaya menghindar kegiatan-kegiatan gangsterism, merompak berkumpulan, pergaduhan gang rempit, laku musnah ataupun vandalism bukan sahaja vandalism kepada harta Kerajaan tetapi vandalism kepada pemikiran supaya tidak meracuni anak-anak muda supaya membenci orang-orang UMNO khususnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, task force bermakna kita mempunyai satu pasukan tidak kira kita daripada golongan mana, NGO mana, parti mana tetapi ini adalah tanggungjawab kita bersama bukan sahaja Polis, bukan sahaja JPJ, bukan sahaja RELA, J-PAN atapun Majlis Bandaraya. Kalau PAS sendiripun ada kumpulan ataupun hak yang pakai uniform hak duk suluh lampu liklak-liklak boleh jugak ikut bersama kita. Insya Allah kita bersama-sama membanteras masalah ini. Kerajaan Negeri dan Yang Amat Berhormat telah bersetuju supaya kita add value ataupun menambahkan nilai kepada jawatankuasa ini dan kita sanggup untuk membiayai pentadbiran, kewangan, overtime jika sekiranya perlu kerana kita ketahu bahawa jumlah pasukan keselamatan yang sememangnya tidak mencukupi dibandingkan dengan jumlah Mat Rempit ini sudah tentulah kita perlukan bantuan semua orang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan sikit kalau diizin.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya cuma ingin mendapat penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat tentang isu Mat Rempit ini yang memang menjadi satu fenomena yang kita kira amat menyedihkan kitalah di Negeri Terengganu. Kalau di Kuala Terengganu ini memang di jalan-jalan utama kalau hari Jumaat, Sabtu itu dia menguasai beribu-ribu motosikal di jalan raya itu sendiri. Jadi Yang Berhormat menyebut tentang beberapa langkah yang diambil, boleh tak kalau kita memohon bagi pihak PAS memohon untuk bersama dengan Kerajaan dalam jawatankuasa yang dibentuk itu dan insya Allah, kita beri kerjasama yang sepenuhnya dengan tenaga-tenaga yang ada daripada Pemuda-pemuda dan jugak kepimpinan PAS sendiri untuk menyelesaikan masalah ini. Kalau boleh letakkan wakil kami dalam jawatankuasa itu untuk penyelesaian.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Penghulu buah mempelam, kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan. Silakan Wakil daripada Batu Burok. Era menyelesaikan sesuatu masalah dengan menghukum sudah menjadi lumrah di negara kita. Mungkin kesalahan yang berulang kali boleh dirujuk kepada satu hukuman yang ketat. Tan Sri Lee Lam Thye iaitu Pengerusi Jawatankuasa Pencegahan Jenayah Kebangsaan mencadangkan kepada Kerajaan agar khidmat sosial iaitu khidmat selama 100 jam dikenakan kepada pesalah-pesalah rempit sebagai denda kesalahan. Namun hukuman tidak bererti mereka serik yang penting salah tetap salah tetapi ianya menjadi pengajaran kepada mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, penggunaan dadah sintetik seperti syabu, ice yang tidak mengira waktu dan keberanian yang melampau Mat Rempit menjadi cabaran untuk kita maka inilah cabaran dewasa ini. Kita perlu ingat suatu waktu dahulu kita tidak perlu emosi di dalam menyelesaikan masalah ini. Dan kita perlu tabah di dalam menghadapi masalah ini. Kita perlu berusaha dan kita perlu bersabar. Suatu waktu dahulu masalah Hippies umpamanya yang berambut panjang menjadi satu masalah bukan sahaja di negeri kita, bukan sahaja di negara kita malah di Singapura umpamanya tetapi Kerajaan Singapura waktu itu sehinggakan membuat peraturan untuk masuk ke Singapura perlulah menggunting rambut nombor 4 umpamanya paling kurang. Ini bermakna setiap masalah yang kita hadapi sudah tentulah ada jalan penyelesaiannya. Saya yakin dan percaya bahawa dengan menangani, dengan mengumpul 40,000 anak muda pada bulan Jun ini dan memberikan walaupun tidak dipersetujui oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam diberikan topi keledar keselamatan, diberikan jaket jika perlu ini boleh menambat hati dan boleh menjadi gula-gula kepada anak-anak muda untuk kita mendekati mereka. Lihatlah apakah kesannya apabila kita merasmikan dan kita menubuhkan Kelab-kelab Motor di peringkat Parlimen dan Kerajaan Negeri mengharapkan semua yang terlibat dapat memberi kerjasama.

Dato' Yang Dipertua, satu perkara lagi, bagi Mat Rempit sekatan jalan raya adalah cabaran yang menyeronokkan jika dapat dielakkan sama ada menyongsang jalan ataupun berpatah balik melalui short cut jalan-jalan tertentu. Pihak Berkuasa Tempatan juga saya cadangkan supaya diadakan CCTV di jalan-jalan tertentu agar kesalahan-kesalahan Mat Rempit ini dapat dikawal dan pesalah-pesalah di dalam bandar dapat dikenal pasti.

Dato' Yang Dipertua, sememangnyalah sesuatu masalah itu apabila kita dapat selesaikan kita rasa gembira, kita rasakan satisfied dengan izin dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian marilah kita bersama-sama untuk menangani masalah ini kerana masalah yang terbentang di hadapan kita ini adalah masalah yang universe dan perlu diselesaikan oleh semua orang. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Teluk Pasu. Seterusnya saya jemput Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil Alamin. Wabihi Nastain. Yang saya hormati Yang Berhormat Mulla Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pemerhati-Pemerhati, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah Dato' Yang Dipertua, sepanjang dua-tiga hari yang berlalu dan hari ini adalah merupakan hari terakhir perbahasan di dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu. Dan saya rasa pada hari ini dan pada sesi kali ini rasa amat bertuah kerana hasil daripada Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja telah memberi maklum kepada kita bahawa Negeri Terengganu sebagaimana di muka surat 12 yang mengatakan bahawa Negeri Terengganu pada ketika ini berada di tempat ke 5 ke bawah dari segi kemiskinan tegar berbanding dengan negeri-negeri lain di seluruh negara yang mana kita sedia maklum sebelum daripada ini Negeri Terengganu adalah di tangga ke 2 ke bawah. Jadi ini bagi saya alhamdulillah bahawa dengan berkat usaha kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada pimpinan Kerajaan Barisan Nasional sama ada yang lama ataupun yang baru sekarang ini. Walaupun Bajet yang begitu dipertikaikan oleh pihak Pembangkang yang mengatakan bahawa setiap tahun bajet yang dibentangkan di dalam Dewan ini terlalu tinggi berbanding dengan paras kemiskinan yang begitu menurun di Negeri Terengganu. Dan hari ini jelas menunjukkan bahawa peruntukan yang begitu besar disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu telah mengkelabui mata rakyat dan Pembangkang bahawa tidak sebagaimana yang mereka katakan. Bahkan Negeri Terengganu telah berjaya dari masa ke semasa untuk mengatasi masalah kemiskinan di Negeri Terengganu. Jadi tahniah kepada seluruh kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional di Negeri Terengganu pada hari ini.

Semalam ADUN Sura telah melahirkan satu perasaan yang begitu baik kepada saya dan saya merakamkan jutaan terima kasih kerana menaruh simpati dan membela nasib-nasib Yang Berhormat terutama Yang Berhormat Barisan Nasional di Parlimen Dungun. Saya hairan jugak Dato' Yang Dipertua macam mana gambar itu boleh jadi takdok. Saya tengok molek belaka dah, takdok benda dah di Negeri Terengganu ni comel-comel belaka. Boleh jadi hak Yang Berhormat Sura kata gambar lama Dato' Yang Dipertua, hak baru ni takdok dah, takdok belaka dah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Memang benda baru sangat sebab Menteri Pertanian nak mari rasmi Projek Tanaman Pisang di Padang Pulut jadi mintak ambil perhatian untuk akan datang, itu aje.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih, terima kasih atas penjelasan. Boleh jadi tersalah, Yang Berhormat Sura pada ketika itu termasuk sampah dalam mata dia genyeh-genyeh boleh jadi tak nampak. Jadi maklum sajalah Yang Berhormat kawan saya daripada Dungun tu mungkin takdok dalam negeri, boleh jadi tertinggal tu saya minta maaflah. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat Sura kerana mengingati kami supaya kita ini hidup bersatu, berganding bahu, bekerjasama di antara satu sama lain.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, saya rasa sedih jugaklah saudara saya daripada Yang Berhormat Wakaf Mempelam cara dia royat dalam Dewan kelmarin. Dia royat bangunan runtuh di Terengganu tu bergegar Dewan ni, saya ingat Dewan ini nak runtuh jugak cara dia royat tu. Jadi hak ni saya mintak tolonglah untuk masa-masa akan datang Yang Berhormat Wakaf Mempelam tak usah royatlah hak benda-benda gitu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cara dia beritahu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ya, dia beritahu. Tapi okeylah, saya ucap terima kasih jugaklah walau bagaimanapun kepada Yang Berhormat Wakaf Mempelam yang disebut hal ehwal bangunan-bangunan runtuh di Negeri Terengganu. Secara tidak langsung bahawa Yang Berhormat Wakaf Mempelam ini mengakui bahawa kepimpinan Barisan Nasional Negeri Terengganu ini memang giat melaksanakan pembangunan ke arah memajukan rakyat Negeri Terengganu. Terima kasih kerana sebut. Biasa dia dah kalau dah banyak sangat tu, di sana buat, di sinipun buat, di sini bangunan dua tingkat, di sana buat stadium, di sini buat jalan, gendala di situ, hak gendala dia royat, hak tak gendala dia tak royat. Tak apalah, alhamdulillah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tidak menafikan. Penjelasan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Duduklah, Yang Dipertua saya mintak dia duduk dululah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam dia tak bagi laluan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Minta maaflah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kita berkawan dah lamakan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Minta maaf sekali. Duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sikit aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ini masa dia. Cuma saya nak betulkan sikit 'royat', 'royat' tu beritahu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Nak royatlah ni, tak habis lagi ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey, kekgi beri.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ya, kekgi beri. Jadi ini memberitahu kepada kita sebenarnya itulah kehebatan Parti Barisan Nasional ia memang sentiasa melaksanakan tugas dan amanah yang telah dijanjikan kepada rakyat jelata, buat ini, buat itu. Memang dah kalau banyak sangat Dato' Yang Dipertua, memang ada hak gelincir rel satu-dua, kita tidak boleh lari daripada hakikat tu, biasa dia dah. Yang mustahaknya Kerajaan Barisan Nasional melaksanakan tanggungjawab untuk mempastikan rakyat dibela dan untuk kemajuan negara.

Nantilah dulu tak habis lagi ni. Nak bangun sokmo, ikat gok kaki Wakaf Mempelam ni Dato' Yang Dipertua. Nak bangun sokmo dia tu, rasa panas ke guana? Duduk dulu.

Sebelum ini Dato' Yang Dipertua, kalau kita tengok kepada sejarah tahun 1999 hingga 2004 memang kita akui PAS memang hebat, masa PAS memerintah pada masa tu tidak ada satu benda yang berlaku, yang runtuh ke apa, sebab apa? Sebab dia tidak buat apa satu benda sebab itu takdok benda hak runtuh, bangunanpun takdok. Itu menanda PAS tidak buat kerja. Jadi apabila giliran kita berlaku runtuh, hah .... dia *complaint* guanalah, apalah, itulah, macam-macam PAS kata.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Duduklah dulu, saya tak beri lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bercakap biar ada fakta.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya berilah sekali ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, terima kasih. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, nak cari alasan kerana runtuh ni kerana terlampau banyak pembangunan/projek yang dilakukan, saya rasa itu tidak kena kaedahnya. Sikitpun tak apa, banyakpun lagi baik tapi kalau kata terlampau banyak maka banyaklah berlaku runtuh sana-sini, saya rasa bukan cara tu. Kita nak supaya ....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya gulung ni bukannya Wakaf Mempelam gulung. Jadi cukuplah Yang Dipertua, saya nak sambung lagi.
YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bukan diberi untuk buat ulasan, kena mintak penjelasan saja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak mintak penjelasanlah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia dah tak bagi dah Yang Berhormat. Dia faham dah tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak mintak lagi tak bagi dah? Saya tak mintak lagi penjelasan, kalaulah macam ni cara dia Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Macam mana ni Yang Dipertua, time Kerajaan nak gulung dia nak gulung .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... saya rasa jawapan macam ini ialah jawapan yang tidak bertanggungjawab dan saya rasa ni nak lari daripada tanggungjawab.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kita kemukakan perkara ini kerana melibatkan hak rakyat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Melibatkan duit rakyat, melibatkan amanah rakyat, jadi kalau kita sekiranya cakappun lebih kurang .....(Y.B. Speaker cuba mengawal mikrofon Y.B. Wakaf Mempelam) .... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak boleh dah tu pasal dia rosak dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat saya mintak duduk Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, saya tak payah gulunglah suruh dia gulung sebab nampaknya dia nak jadi Kerajaan sangat nampak gayanya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hah .... rosak sungguh dah tu.

Gulung cara berhemah jangan cakap lepas saja malu ke orang kita ni, pasal kalau sikit-sikit pitih boleh tahan kira, pasal saya baru-baru ini .....(mikrofon dipintas oleh Y.B. Dato' Speaker) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam mintak duduk! Sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Wakaf Mempelam dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya nasihatkan Yang Berhormat peluang Ahli-ahli yang bercakap kena mintak izin daripada saya kemudian Yang Berhormat Wakaf Mempelam satu contoh kalau menjolok orang lain saya nampak Yang Berhormat cukup-cukup kejap tapi bila dijolok Wakaf Mempelam, Yang Berhormat dah melenting. Saya mintak Yang Berhormat bersabar mintak peluang dengan saya, saya akan bagi. Ya, Yang Berhormat Pengkalan Berangan sila teruskan penggulungan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Speaker saya rosak ke guana?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hak saya hidup, saya hidup ni boleh cakap semula ..... (Dewan Gelak) .... Okey, okey, saya tak ganggu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat biar dia jawab dulu, masing-masing nak ambil peluang daripada sistem saya rosak ni. Sila Pengkalan Berangan. Sila.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kekgi rosak ni salah ke saya jugak ni, guana p.a. system tak betul, mikrofon

tak betul, apa-apa lagi dan macam-macam. Macam Yang Berhormat Bukit Payong kata kelmarin kononnya banyak sangat bangunan runtuh ni tukarlah Exco Infra ni, dia kata kelmarin. Sampai hati sampai begitu sekali Yang Berhormat Bukit Payong kata.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya tanya cadangan bukannya tukar, betul balik tu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, punah pulak speaker saya ni.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Cakap mengarut bakpe ni. Dengar molek, dengar molek, telinga tu baiki sikit.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tutup speaker tu Bukit Payong. Jadi beginilah Dato' Yang Dipertua, takdok masalah hak tukar-tukar ini perkara biasa Dato' Yang Dipertua. Cuma hak matlamat saya ni di Marang ni kita nak tukar Wakil Rakyat hak warna hijau tu ke warna biru dalam pilihan raya yang akan datang. Hak tu yang kita nak, jadi bersedialah dalam pilihan raya yang akan datang.

Jadi sayapun takmboh cakap banyak dah nampaknya Wakaf Mempelam nak marah benar ke saya tu. Jadi saya minta maaflah Wakaf Mempelam, saya nak *go through* sikit sahabat-sahabat saya daripada Kerajaan yang ada menyentuh sedikit sebanyak dari segi masalah-masalah yang masa kini yang berlaku terutamanya daripada ADUN Tepoh semalam ada memberi cadangan-cadangan tertentu dari segi aspek projek Jalan Jeram-Jeram Tok Kong, beberapa cadangan dan teguran yang telah dikemukakan oleh ADUN Tepoh, insyaAllah kita akan tengok.

Selain daripada itu masalah air di Hulu Besut dan juga jalan-jalan di Hulu Besut kebanyakannya jalannya terlalu sempit. Saya tidak tahu mamcam mana dan tidak ingat saya rasa tahun 1999 – 2004 hari itu buat dah, tahun 1999 – 2003 tengah duk buat sangat di Besut, rupa-rupanya takdok jugak tapi tak apalah alhamdulillah Kerajaan baru Kerajaan Barisan Nasional ini kita akan ambil perhatian tentang perkara ini.

Dan yang lain-lain tu di Kuala Berang saya nak sentuh sikit pasal masjid sebagaimana yang saya katakan dulu saya rasa tidak berubah keputusan kita dan insyaAllah tahun ini akan menjadi kenyataan dan sebagai ole-ole saya sempena dengan majlis gulungan terakhir ini oleh kerana semalam daripada Pembangkang ada menyebut beberapa perkara memberi nasihat kepada kita melalui ayat-ayat Al-Quran dan jugak hadis-hadis Nabi, jadi saya kira berkesempatan untuk saya jugak nak baca sepotong ayat Al-Quran supaya sama-sama kita menghayati dan mendengar dan mengambil iktibar daripada

ayat dalam Surah Ar-Rad ayat 179 yang bermaksud:

> *"Sesungguhnya kami jadikan untuk isi neraka jahanam itu kebanyakan terdiri daripada jin dan manusia yang mempunyai hati tetapi tidak mahu memahami dengannya, dan mempunyai mata tetapi tidak mahu melihat dengannya dan mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar dengannya, mereka itu seperti binatang ternakan bahkan mereka itu lebih sesak lagi mereka itulah orang-orang yang lalai."*

Barakallahiwalakum filquranil azim ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat nanti dulu .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dipersilakan Yang Berhormat Wakaf Mempelam duduk, sekianlah sahaja penggulungan saya pada hari ini dan saya tuju khusus ayat ini kepada Wakil Wakaf Mempelam supaya berhati hati dan saya mintak Yang Dipertua catit molek-molek sebab hari esok hari Jumaat mintak arah Tok Imam-Tok Imam baca di masjid hak saya sebut satni dalam Khutbah Jumaat. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis Yang Berhormat. Saya jemput seterusnya Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulilahi Rabbil Alamin. Wabihi nastain. Salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan wakil-wakil, para Pemerhati dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertama sekali saya nak rakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana dalam sesi Persidangan pada kali ini nampaknya saya agak rehat sedikit tidak banyak soalan pendidikan yang diutarakan. Dan dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja Yang Dipertua, Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu telah memberi pengiktirafan kepada kejayaan Negeri Terengganu dalam memartabatkan pendidikan Negeri Terengganu dan dengan tidak banyak soalan yang dikemukakan ini menjadi satu tanda arah menunjukkan bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat telah memberi pengiktirafan terhadap kejayaan-kejayaan program dan pelaksanaan dari segi sektor pendidikan dalam Negeri Terengganu. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Pengarah Pelajaran Terengganu dan

seluruh warga pendidik Negeri Terengganu, para ibubapa dan juga pelajar-pelajar yang telah menghasilkan kecemerlangan pendidikan di Negeri Terengganu pada hari ini.

Merujuk kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dalam aspek dan saya rasa banyak perkara yang dikemukakan adalah perkara yang saya rasa tidak banyak perkara yang baru tetapi perkara-perkara yang lama dan yang lepas. Salah satunya ialah Wakil Jabi mempersoalkan tentang sekolah-sekolah yang kurang murid. Memang kita akui bahawa pembangunan infrastruktur di luar bandar sekarang ini sangat memberangsangkan lebih-lebih lagi Exco Infrastruktur kita ini adalah orang yang hebat. Seperti yang dinyatakan tadi memang banyak pembangunan kita dan begitu juga pembangunan di sekolah-sekolah dan memang kita akui kita ada mengalami sekolah-sekolah yang kurang murid. Jangan bimbang perkara ini memang dalam pengetahuan Kerajaan dan kita telah merancang beberapa perkara untuk kita laksanakan termasuk usaha daripada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu bersama FELDA untuk menjadikan sekolah menengah dalam FELDA sebagai sekolah kawalan dan mengadakan projek khas seperti mengadakan Kelas Sains Berpusat, Kelas Peperiksaan Berpusat dan sebagainya. Kita juga sekarang sedang dalam perbincangan dengan pihak FELDA untuk menjadikan SMK Rasau Kertih untuk dijadikan Sekolah Berasrama Penuh sepertimana yang pernah kita buat bersama Yayasan Terengganu dan juga pihak MARA.

Berkait dengan pencapaian 20 SPT (Sekolah Berprestasi Tinggi) di mana sekolah di Negeri Terengganu tidak terpilih. Ini kerana ada beberapa faktor sebenarnya yang telah kita kenal pasti kerana itu pada tahun ini kita telah mencalonkan 3 sekolah rendah dan 12 sekolah menengah untuk kita memastikan bahawa dalam pemilihan yang akan datang ada sekolah-sekolah di Terengganu ini yang akan terpilih kerana sebelum ini walaupun diura-urakan ada beberapa sekolah kita yang hebat tetapi oleh kerana ada beberapa kriteria yang tidak boleh kita penuhi maka sekolah-sekolah tersebut tidak dipilih. Tetapi kita telah mengenal pasti dan insya Allah perkara ini akan kita atasi.

Berkait dengan isu e-Books. Ada beberapa cadangan daripada Yang Berhormat ingin memastikan bahawa e-Book ini kita dapat panjangkan ataupun projek ini dibawa kepada pelajar-pelajar di universiti. Memang daripada asas perlaksanaan Program e-Book ini memang kita ada cadangan untuk melaksanakan program ini ke peringkat yang lebih tinggi. Tetapi dari segi aspek permulaan sebagai satu projek fasa 1 kita mulakan dulu di peringkat sekolah rendah kemudian pelajar yang berada di tahun 6 sekarang ini akan membawa e-Book ini ke tingkatan 1 dan seterusnya. Dan insya Allah kita akan fikirkan bagaimana untuk melaksanakan program ke peringkat yang lebih tinggi.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa yang disebutkan oleh Wakil Seberang

Takir itu satu benda yang betul tapi yang saya sebutkan dalam perbahasan, persoalan e-Book memang kita katakan tak apalah benda ni satu benda yang baik yang telah kita buat tak ada negeri lain yang buat. Tapi saya kaitkan tentang soal di antara konsep hajiyyat dengan tahsiniyat. Tahsiniyat ni dalam erti kata kalau ada baik, makna eloklah tapi kalau tak adapun tak ada masalah. Itu yang berkaitan dengan e-Book. Maknanya budak-budak darjah 6 kita bagipun tak apa tak bagipun tak apa tapi bila kita bagi satu yang lebih baik daripada orang lain. Tapi yang lebih perlunya yang hajiyyatnya ialah kepada pelajar-pelajar yang masuk ke pengajian tinggi, nak tak nak mereka sudah sampai ke tahap macam hari ini mereka perlu mesti ada satu laptop untuk keperluan mereka. Jadi bukan soal nak tunggu kita buat sistem ke apa, kita mintak kerajaan bagi kepada pelajar-pelajar yang dapat masuk ke pusat pengajian tinggi biar anak Terengganu masuk ke pusat pengajian tinggi mereka adalah orang-orang yang menerima laptop daripada Kerajaan Negeri tidak ada negeri lain yang buat, itulah yang kita mintak.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik terima kasih kepada Yang Berhormat Tepoh. Kena beri peluang kepada saya untuk menerangkan lebih jelas lagi. Jadi saya nak maklumkan bahawa dan kenapa kita memulakan dari peringkat sekolah rendah? Kerana kita melihatkan mentaliti masyarakat kita hari ini kalau di peringkat yang lebih tinggi mudah sebenarnya ibu bapa menyediakan kemudahan tapi di peringkat rendah ini kadang-kadang ibu bapa dia tidak mengambil berat dan lebih-lebih lagi kita menggunakan konsep IT ini kita nak dedahkan daripada peringkat awal dan lebih-lebih lagi bahawa di peringkat universiti sebenarnya memang sudah tersedia kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dan juga oleh Kerajaan Pusat. Salah satu sebenarnya pelajar-pelajar universiti telah disediakan pelajar-pelajar kita yang masuk universiti kita telah menyediakan di bawah Yayasan Terengganu peruntukan sebanyak RM1,000.00 ataupun RM750.00. Jadi ialah salah satu yang kita beri dan kalau kita tambah dengan komputer lagi maka bertambah lagilah peruntukan, kitapun nak mengelakkan juga daripada bebanan Kerajaan dan juga kita tidak mahu juga untuk melatih rakyat kita sentiasa dibantu ataupun menerima kebajikan dan lebih-lebih lagi apabila pengumuman yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini apabila melancarkan yang dipanggil MBI (Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan) di bawah perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) apabila melancarkan satu Program UNIPAR di mana dalam Program UNIPAR ini TM bersama dengan Kerajaan telah melancarkan satu pakej yang dipanggil KUL-UNITEX dengan izin, yang membekalkan streamyx dan netbook secara percuma kepada siswazah-siswazah ataupun pelajar-pelajar universiti secara percuma dengan hanya membayar sekarang ini sebanyak RM50.00 sebulan tetapi telah dikurangkan kepada RM38.00 sebulan. Jadi pelajar-pelajar universiti telah tersedia dengan kemudahan ini, jadi inilah kita rasa bahawa tidak ada keperluan untuk Kerajaan Negeri menyediakan kerana kalau kita menyediakan juga jadi kita akan melakukan satu pembaziran sedangkan

di peringkat Federal sendiri sudah ada tersedia kemudahan ini. Pelajar dia mudah saja, dia hanya menunjuk, mengisi borang dan menunjukkan kad metrik universiti maka dia boleh melanggan pakej ini. Kerana pakej yang sedia ada RM50.00 tetapi dengan pengumuman yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat pada baru-baru ini pakej ini telah dikurangkan kepada RM38.00 sebulan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Wakil Seberang Takir. Saya ingin mendapatkan penjelasan apa yang dinyatakan oleh pihak Kerajaan tadi saya rasa berlainan dengan apa yang dimaksudkan oleh Wakil Tepoh. Yang dikatakan RM50.00 itu bukan harga laptop saya rasalah itu mungkin langganan broadband yang disediakan oleh TM Net. Jadi apa yang disarankan oleh Wakil Tepoh supaya menyediakan laptop kepada mahasiswa dan apa yang dinyatakan oleh pihak Kerajaan mengatakan bahawa ibubapa kurang memberi perhatian kepada mereka yang lebih besar itu saya rasa kurang tepat. Apakah pandangan pihak Kerajaan berbelanja untuk memberi laptop kepada mahasiswa adalah lebih rendah berbanding dengan berbelanja yang diberikan oleh Kerajaan kepada anak-anak di peringkat sekolah darjah 5 dengan darjah 6 kerana darjah 5 dan 6 ini ratus-ratus ribu barangkali yang universiti ini RM5,000 – RM6,000. Jadi saya rasa adalah lebih baik macam yang dikatakan tadi hajiyat iaitu benda yang keperluan bukan benda yang *luxury.* Apa pandangan pihak Kerajaan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Ajil yang ini Wakil Ajil boleh rujuk kepada TM sebab memang pakej ini memang sudah sedia ada iaitu pelajar hanya melanggan dengan membayar RM38.00 insyaAllah selepas itu dia akan menerima streamyx secara percuma yang dinamakan laptop ialah netbook secara percuma. Konsepnya selama 2 tahun dan selepas melanggan selama 2 tahun kedua-duanya akan menjadi milik pelajar itu. Jadi benda ini sudah lama dah dan saya nak mintaklah supaya Ahli-ahli Yang Berhormat menyampaikan maklumat ini kepada rakyat kita supaya pelajar-pelajar yang masuk universiti supaya dapat mendaftar untuk mengikuti program ini yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Di samping itu, dalam pelancaran MBI baru-baru ini dan insyaAllah tidak lama lagi Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta untuk memberikan atau meliputi seramai 615,000 isi rumah di mana 246 lokasi yang akan diliputi dengan pusat yang dikenali sebagai Pusat Jalur Lebar Komuniti. Dan selain daripada itu 138 premis Jabatan Penerangan di seluruh negara yang akan memberi keuntungan kepada 400,000 orang pengguna yang dinamakan sebagai Pusat Internet Rakyat (PIR) dan e-Kiosk Pusat Kemasyarakatan juga akan dibuat di pejabat mukim iaitu dijangka sebanyak 1,105 mukim yang menelan belanja RM40 juta akan diberi. Dan satu lagi Dana RM1 bilion daripada Dana Khidmat Sejagat oleh Kerajaan Pusat untuk mengagih komputer riba kepada pelajar kurang mampu di seluruh negara. Ini adalah

program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan alhamdulillah program ini sebenarnya seiring dengan program yang sedang kita laksanakan. Jadi dengan tidak secara langsung saya yakin dan percaya Program e-Book ini kita akan dapat capai objektifnya dengan lebih cepat dengan adanya sokongan dan dokongan daripada Kerajaan Pusat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh mintak penjelasan sikit. Tadi berkenaan dengan soalan daripada Ajil tadi. Maknanya sekarang ini TM Net kalau kita melanggan bayar RM38.00 boleh sistem itu dan boleh notebook, begitu ke? Sebab saya pergi mereka kata tidak, kena langgan RM50.00 dahulu bukannya RM38.00 untuk dapat sistemnya.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dia macam ni, memang sekarang ini RM50.00 tetapi setelah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini tetapi pakej ini katanya belum lagi dilaksanakan, mungkin dalam sedikit masa lagi akan dilaksanakan dan saya yakin dan percaya program ini akan dilaksanakan sebaik saja pelajar-pelajar mula mendaftar di universiti-universiti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak tanya mudah aje maknanya bayar RM38.00 dan boleh streamyx atau broadband tu campur notebook begitu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ....(mencelah) .... 2 tahun.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Program ini sebenarnya pelajar kena isi borang dan dia mesti ada kad metrik dulu, kad yang menandakan dia sebagai seorang pelajar universiti dan dia akan terus dapatlah maknanya melanggan dengan hanya membayar RM38.00 selama 2 tahun pakej ini dan dia akan dibekalkan dengan streamyx dan juga netbook (laptop) sebagai pengguna.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Netbook tu notebooklah?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ya, notebook, laptop yang dikeluarkan oleh TM.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, ini untuk mahasiswa sahaja.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ya, mahasiswa sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya bukan mahasiswa ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 'Mahasiswe' (mencelah sambil bergurau).

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya mewakili mahasiswa dan telah pergi ke TM Net dia kata bayar RM50.00 boleh streamyx sahajalah, boleh broadband bukannya notebook.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Itu mungkin kerana tidak ada Kad Metrik universiti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ada, ada Kad Metrik.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ini kena rujuk dengan TM Net, dia ada semasa dia kita buat pameran buku di TTC dia sudah buat pelancaran.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah, kita tengok. Dah sementara saya bangun, boleh saya sambung sikit nak mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, ini majlis temu bual ke temu soal ni, penggulungan ke apa? Nampak sistem kita ini berbeza sangat dengan hak lepas-lepas dah, ada undang-undang baru ke Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sayapun nak mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Ladang. Dia Ladang ini fesyen dia, kita ni kesian ke dia Yang Berhormat Pengkalan Berangan, cara Ladang tu kita tahu dah begitu, ya. Yang Berhormat kena tanya perhabis selalu, jangan tanya se-se, jadi banyak sangat, perhabis selalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Baguslah kalau Yang Dipertua faham tentang Ladang ni. Saya nak merujuk kepada ucapan, ada beberapa teguranlah saya boleh buat berkenaan penyediaan ucapan ini. Merujuk kepada muka 8: "... mendapat semua 4 'flate'...." itu satu mungkin salahlah, ini Ucapan Diraja. Lagi muka surat 19: ".... Indonesia, Oman dan UAE 'kedua-dua' negara ...." saya bilang tiga, Indonesia, Oman dan UAE tetapi ditulis kedua-dua. Yang Dipertua, sedar tak tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nampak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Muka surat 20 .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Tak apalah, saya tak boleh nak jawab soalan tu, kena tanya Percetakanlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya bukan nak jawapan. Se lagi muka surat 20, " ..... penekanan nilai untuk wang, *money for value ke value for money?"*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Muka surat berapa pulak tu Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Muka surat 20, kebetulan bekas pegawai jadi dia teliti sikit tengok tu.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Tak apalah, ini kita serah kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertualah untuk mengambil tindakan. Jadi izinkan untuk saya meneruskan untuk menggulung perbahasan kita pada pagi ini. Berkait dengan soalan yang dikemukakan oleh Wakil Permaisuri. Jadi kita akuilah memang Pusat Bestari.Comm kita ini ada talian internet di seluruh negeri kita ini sebenarnya menggunakan talian Streamyx TM dan juga talian awam di mana kita ada 46 Pusat Bestari.Comm dan memang kita mengenal pasti ada 3 lagi pusat yang tidak mempunyai talian internet iaitu Pusat Bestari.Comm Guntung Luar, Pusat Bestari.Comm Penarik dan Pusat Bestari.Comm Menerong kerana kawasan ini masih lagi tidak mempunyai rangkaian talian oleh pihak TM. Jadi dalam usaha-usaha ini kita sekarang ini sedang cuba mengatasi permasalahan ini dan lebih-lebih lagi kita pihak UPMN baru sahaja mengambil alih untuk meneruskan dari segi kita untuk meneruskan operasi terhadap Bestari.Comm kita ini.

Kemudian berkait dengan isu-isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat berkait dengan keperluan untuk penambahan Sekolah IMTIAZ, perlu pertambahan Sekolah Agama. InsyaAllah, perkara ini kita memang sedang dalam perancangan dan kita memang sedang melihat kerana pada tahun ini apabila kita melancarkan Program 2010-52, kita jangka pada tahun hadapan kalau kita mencapai 20% pelajar-pelajar UPSR kita mendapat 5A, maka lebih kurang 5,000 pelajar kita yang akan mendapat 5A, jadi kita kena memastikan bahawa ada tempat pelajar-pelajar ini untuk meneruskan pembelajaran pada tingkatan 1 nanti.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh beri laluan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh Yang Berhormat Seberang Takir?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pasal tadi ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti saya tanya Seberang Takir dulu.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Berilah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh Yang Berhormat. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat kesian ke Ladang sepatutnya kesian jugak ke sayalah, jangan tutuplah lepas ni mike saya. Saya nak ucap tahniah sikitlah jawapan Exco ini nampaknya ada tertib terning, nak padu dengan hak Pengkalan Berangan tadi nampak berat do'oh lalu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Nak gulung guana ni duk main ranya ..... Ni Dato' Yang Dipertua, nya ranya habis ni, hak orang lain nya ranya habis, apa benda dia ni. *Control* sikit Wakaf Mempelam ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya, jadi saya ucap tahniahlah kepada Exco Pendidikan cuma berhubung dengan Sekolah Agama ini sebagaimana kita pernah sebut sebelum ini, kekurangan Sekolah-sekolah Agama memandangkan permintaan yang cukup tinggi saya pernah sebut sebelum pada ini dan Exco berkenaanpun pernah kalau boleh Ahli Parlimen sebutlah di Parlimen. Saya sebut di Parlimen tetapi jawapan yang diberikan oleh Menteri Pelajaran seolah-olah dia beri gambaran dia kata sehingga Januari 2010, 55 buah Sekolah Agama (SMKA) dan 156 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) ada di seluruh negara. Terengganu sudah ada 6 buah SMKA dan 14 buah SABK, itupun hak Terengganu dululah. Tetapi persoalan sekarang ini, seolah-olah Kementerian semacam tidak .... bukan kata tidak berminatpun tidak tapi dia kata cukup dah, pada hal kedudukan kita ini tidak cukup. Jadi kot-kot boleh kita di peringkat negeri ini adakah cadangan hak negeri ni, hak yang serah tu serah dah 14 buah, kot-kot ada nak bina hak baru pulak ni supaya sekurang-kurangnya kita ambil balik tanggungjawab khusus dari segi pendidikan agama kepada anak negeri di atas permohonan dan permintaan yang cukup banyak? Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam. Sebenarnya Sekolah Menengah Agama di Terengganu ini merupakan Sekolah Menengah Agama yang paling hebat berbanding dengan negeri-negeri lain. Dan saya menyangkallah seperti mana ada Wakil Pembangkang yang menyatakan bahawa Sekolah Menengah Agama kita berbanding dengan negeri lain tidak berapa bagus dan sebagainya. Dan saya yakin dan percaya, hari ini kalau kita nak tambah untuk Terengganu untuk tambah lagi Sekolah Menengah Agama tidak ada masalah kerana dari segi infra yang kita sediakan kepada Sekolah Agama yang sedia ada memang *first class* dengan izin. Kerana bangunan-bangunan yang kita ada hari ini, dengan cara pelaksanaan kita, dengan kehebatan yang berlaku hari ini di mana 4 buah IMTIAZ kita sendiri dalam usia yang masih muda tetapi telah diberi pengiktirafan yang begitu hebat dan kita menjangkakan ada beberapa lagi IMTIAZ baru insyaAllah kita akan wujudkan dan sebenarnya secara lisan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah memberikan kesanggupan untuk Negeri Terengganu membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah yang setaraf dengan IMTIAZ dan juga Sekolah Elit yang kita laksanakan. Tidak ada masalah secara kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Kementerian Pelajaran.

Berkait dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Berang berkait dengan Pusat Matrikulasi, Politeknik dan juga Pusat Pengajian Tinggi di Kuala Berang. Insya Allah, sebenarnya kita telah pohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan melalui RMK 10 pada bulan Februari yang lalu. InsyaAllahlah, pihak Kementerian akan mengambil tindakan di atas perkara tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, terima kasih atas usaha Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dan akhir sekali, berkait dengan soalan daripada Yang Berhormat Ajil tentang pakaian sekolah. Terima kasih saya ucapkan kerana telah memberi makluman kepada saya tentang masalah yang timbul. Insya Allah, perkara ini akan saya atasi dan saya akan ambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Seberang Takir. Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang sekalian. Saya meminta maaf sistem pendingin kita ini kurang beroperasi penuh kita rasa tidak berapa selesa, sistem mikrofonpun tidak berapa selesa, maklum sajalah maknanya sebelum Yang Amat Berhormat berucap, Dewan kita ini sudah 25 tahun usianya. Jadi dan saya harap kita tidak memanaskan lagi suasanalah. Jadi saya jemput Yang Amat Berhormat Wakil Kijal selaku Menteri Besar untuk menggulung secara keseluruhan dalam sidang ini. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat tengah hari, salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang dihormati sekalian. Saya bersyukur ke hadrat Allah Taala di atas ucapan-ucapan, teguran-teguran, pertanyaan-pertanyaan dan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang turut sama memberi jawapan tambahan kepada jawapan-jawapan yang diberikan oleh Wakil Kerajaan. Ada beberapa perkara lagi yang hendak saya tambah dan ada juga beberapa persoalan yang tidak terjawab sehingga kini yang terpaksa saya jawab.

Yang pertama, merujuk kepada Wakil Tepoh yang membangkitkan perkara perpindahan Pusat Pelupusan Sampah yang berlaku pada hari ini iaitu di kawasan baru yang dicadangkan Kampung Paya Tok Por, Belara, Kuala Terengganu. Kerajaan Negeri telahpun membuat kajian, kerja-kerja ukur telahpun selesai seluas 35.20 hektar dan kemudahan-kemudahan infrastruktur akan dibangunkan selepas pada ini manakala kita juga memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 sebanyak RM10 juta untuk mempastikan impian bukan sahaja impian Wakil Tepoh tapi impian Majlis Bandaraya Kuala Terengganu untuk memindahkan kawasan tersebut menjadikan Sanitary Land Field dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua menjadi kenyataan. Di samping itu juga, persoalan yang dibangkitkan mengenai permohonan daerah baru Kuala Nerus. Sebenarnya ini juga bukanlah impian Yang Berhormat seorang dan juga penduduk Kuala Nerus tetapi juga impian saya sejak dulu lagi. Sebab itulah saya pernah memberi pandangan kepada mantan Menteri Besar yang ketika itu Yang Amat Berhormat Tan Sri Wan Mokhtar dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh pada ketika itu supaya kita wujudkan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu terlebih dahulu kerana ketika itu timbulnya Usul dan perbincangan dibuat sehingga lewat malam di Kuala Nerus membincangkan untuk mendapatkan satu Majlis Daerah. Bagi saya tak ada guna ada Majlis Daerah, kalau Majlis Daerah cuma campur 15 orang Ahli Majlis dan peruntukannya terhad sedangkan kalau diwujudkan sebuah daerah semua yang ada bagi sebuah daerah akan ada di Kuala Nerus kalau sekarang ini kalau ada Majlis Daerah Kuala Nerus, Majlis Daerah nak sebuah hospital tidak boleh sebab dia masih berada di bawah Daerah Kuala Terengganu. Nak mintak Pejabat Daerah tak boleh sebab dia berada di bawah Pejabat Daerah di Kuala Terengganu. Itulah strategi saya ketika itu sehingga akhirnya dan alhamdulillah Dato' Seri Idris bersetuju untuk mewujudkan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan bila wujudnya Majlis Bandaraya Kuala Terengganu kita boleh wujudkan dua ke, tiga daerah ke dalam satu Majlis Bandaraya tidak ada masalah. Dan strategi kita seterusnya bila wujudnya Bandaraya maka kita akan memohon untuk wujudnya Majlis Daerah Kuala Nerus dengan harapan perkhidmatan lebih baik, kemudahan lebih baik dan segala yang terdapat bagi sebuah daerah akan terdapat juga di Daerah Kuala Nerus kelak, seperti Hospital Daerah, Polis Daerah dan sebagainya semua akan diadakan di Daerah

Kuala Nerus. Justeru itu, Kerajaan Negeri telahpun mengambil tindakan sebenarnya termasuk melantik konsultan untuk buat kajian mengenai penubuhan daerah baru ini yang menelan belanja kira-kira RM315,000.00 dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir Julai 2010. Dan kita juga telahpun memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 untuk mewujudkan Pusat Pentabdiran Daerah Kuala Nerus dan kita telah mengenal pasti satu kawasan tapak yang akan kita gazetkan selepas ini dan Kerajaan Negeri telah mula membekukan tanah-tanah di kawasan berkenaan supaya tidak wujudnya spekulasi dan permohonan tanah baru tidak dibenarkan sama sekali di kawasan yang berkenaan. Inilah apa yang dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi mempastikan bahawa Daerah Kuala Nerus menjadi kenyataan di suatu hari nanti. Halangan utama kita pada hari ini adalah kerana untuk mewujudkan daerah-daerah baru sudah tentu ianya memerlukan kepada persempadanan semula, apabila persempadanan semula dia perlu mendapatkan kelulusan Parlimen dan bila nak dapat kelulusan Parlimen dia kena dapat kelulusan dua pertiga tetapi Parlimen yang ada pada hari ini tidak mendapat kelulusan dua pertiga. Itulah yang menjadi halangan kepada kita dan mungkin impian kita ini terpaksa ditangguhkan selepas Pilihan Raya Umum Yang Ketiga Belas yang akan datang apabila BN mendapat majoriti lebih daripada dua pertiga. Insya Allah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Begitu juga berkait dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Hulu Besut mengenai pembinaan Jalan Keruak ke Gunung Bongsu. Perletakan Batu Asas telah dilakukan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh semasa sebelum Pilihan Raya yang lalu dan insyaAllah saya berjanji akan meluluskan projek ini dan kita jangkakan menjelang sebulan dua ini kita akan membuat keputusan terakhir mengenai jajaran yang dipilih untuk memuktamadkan jajaran jalan tersebut daripada Keruak ke Gunung Bongsu, Dato' Yang Dipertua.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh ADUN Kuala Berang, yang menyatakan bahawa sempadan-sempadan perbezaan, pembangunan- yang tidak setara dan sebagainya. Sepatutnya Yang Berhormat Kuala Berang bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana saya percaya bahawa banyak pembangunan sebenarnya yang telah dirancang dan dilaksanakan di daerah Kuala Berang terutama di Bandar Kuala Berang itu sendiri. Contoh yang terdekat bagaimana Kuala Berang hari ini mempunyai pasar yang terbaik setakat ini di Terengganu. Malahan dalam lawatan saya baru-baru ini saya telah memberikan arahan supaya diperbaiki dan diberi nilai tambah kepada beberapa perkara yang bagi saya perlu diperbaiki berkaitan dengan pasar itu sendiri. Di samping itu begitu juga dengan Stesen Bas yang baru dan saya dulu pernah meluluskan projek-projek di sana seperti sistem perparitan yang terbaik setakat ini yang telah kita berikan ke daerah Hulu Terengganu. Dan di samping itu sebagaimana disebut oleh Wakil Cukai tadi Kuala Berang juga akan menerima T'Mallnya sendiri yang bernilai lebih daripada RM8 juta. Di samping itu juga, saya nak maklumkan juga bahawa pembangunan Pekan Ajil, insya Allah kerja-

kerja tender kontrak akan dimulakan pertengahan tahun ini untuk membina 3 blok rumah kedai di Pekan Ajil. Di samping itu juga insyaAllah kita merancang dan mudah-mudahan menjadi kenyataan Kawasan Bebas Cukai atau Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir akan menjadi kenyataan mulai tahun hadapan. Ini akan menjadi pemangkin utama kepada pembangunan dan kehadiran para pelancong ke Tasik Kenyir sebagaimana berlakunya kepada Langkawi yang disumpah 7 keturunan tetapi dengan adanya Bebas Cukai di Langkawi tak banyakpun barang yang ada tapi orang Terengganu, orang Kelantan dan orang negeri-negeri lain pergi ke Langkawi terutama wanita nak beli alcoroc, alcopal dan corelle, itu saja. Kita berharap kita juga dapat memberikan benda yang sama termasuk nilai tambah yang lain yang perlu kita lakukan. Kalau selama ini kita hanya berbangga kerana katanya 340 pulau, tasik terbesar di Asia Tenggara, tasik itu sendiri lebih besar dari Singapura tapi tidak ada apa-apa yang dilakukan sejak 28 tahun yang lalu. Justeru itulah Kerajaan membelanjakan wang yang besar untuk mengadakan infrastruktur kemudahan kepada rakyat apatah lagi kadangkala kita lihat orang kita tidak menghargai bahan-bahan sejarah dan sebagainya ini. Kalau kita melawat ke luar negara biasanya dalam jadual lawatan ada melawat muzium, tempat sejarah dan sebagainya tapi di tempat kita orang takmboh pergi ke tempat sejarah, itulah yang pelik Dato' Yang Dipertua. Sebab itu kalau kita melihat dengan penemuan rangka manusia yang berusia 16,000 tahun yang tertua di negara ini setakat hari ini sepatutnya ianya menjadi tumpuan dan insyaAllah selepas kita buka Gunung Bewah ini nanti ianya akan menjadi tumpuan kepada para pelancong bukan sahaja di dalam tetapi di luar negara. Dan bukan satu saja penemuan Dato' Yang Dipertua, saya juga dimaklumkan pada 2 minggu lepas satu lagi rangka manusia ditemui. Dan kita berharap selepas pada ini lebih banyak program gali cari ini dan penemuan-penemuan lain dapat ditemui lagi. Begitu juga dengan Island Hopping ini, walaupun ada pandangan pesimis dan sebagainya kita mesti lakukan dan mempastikan bahawa Tasik Kenyir bangkit sebagai satu pusat pelancongan utama di Negeri Terengganu pada masa depan. Sebab itulah kita membina bot yang berkapasiti besar dan boleh muat 52 orang walaupun orang melihat perkara ini seolah-olah sebagai suatu saingan kepada pengusaha-pengusaha bot kecil tapi sebenarnya tidak. Bot kecil boleh muat 8 – 10 orang, kita buat bila datang sebuah bas dengan sebuah bot saja boleh kita muatkan, kita tidak akan berebut dengan pengusaha-pengusaha yang sedia ada kerana kita sedar harapan kita, kita perlu buat persiapan. Justeru itulah kita rasakan bahawa kita perlu menyediakan persiapan ini kerana kita rancang pembangunan Tasik Kenyir itu dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, insyaAllah mulai pertengahan tahun ini Kerajaan Negeri akan melaksanakan bekalan elektrik ke Pulau Bayas dan akan dibangunkan dengan kos kira-kira RM26 juta. Kita tidak mahu lagi membiarkan pengusaha-pengusaha kecil menggunakan gen set dan sebagainya di pulau-pulau dengan 10 – 20 bilik dan sebagainya kerana ini akan mencemarkan Tasik Kenyir itu sendiri. Dan kita sedang membuat kajian untuk menggunakan setengah-setengah pulau menggunakan kincir angin sebagai alternatif untuk bekalan letrik kepada pulau-

pulau kecil yang tertentu kerana saya tidak mahu kabel merentasi antara pulau ke pulau dan sebagainya. Sebab itulah saya katakan tadi insyaAllah dengan adanya kerjasama dari semua pihak ianya akan menjadi kenyataan dan akan merubah suasana Tasik Kenyir itu sendiri dan kita akan bangunkan demi generasi kita yang akan datang bagi pelancongan Negeri Terengganu dan untuk memberi peluang kepada Hulu Terengganu mungkin akan dapat memintas setengah-setengah daerah lain apabila ianya menjadi kenyataan kelak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menjelaskan berkait dengan perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Ajil mengenai 12 State KRA sama ada dia telah dilaksanakan ataupun dalam perancangan. Sebenarnya ia telah dilaksanakan dan saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Wakil Ajil merupakan Timbalan Pengerusi kepada Jawatankuasa Luar Bandar, Usahawan Dan Koperasi. Dan jawatankuasa ini juga telah membuat State NKRA dia dan beberapa kali telah mengadakan perbincangan di hotel di Kuala Lumpur dan sebagainya untuk menyiapkan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua, laluan. State NKRA ke State KRA? State KRA tak.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Jadi sebab itulah saya percaya bahawa ADUN Ajil juga mengetahui wujudkan State KRA ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengenai satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Ajil mengenai 2 orang peneroka haram ini, saya nak maklumkan bahawa salah seorang daripadanya telah dapat diselesaikan dan berpindah dengan persetujuan dibayar sedikit pampasan oleh pemaju syarikat perumahan tersebut. Manakala seorang lagi berdegil dan tidak mahu dan sebagainya. Jadi kita masih sedang berunding perkara ini. Kerajaan tidak zalim Dato' Yang Dipertua.

Sebagaimana perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Ladang mengenai 20 buah rumah yang disebutkan tempoh hari yang dikatakan telah dirobohkan. Saya nak perbetulkan bahawa rumah ini belum lagi dirobohkan, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sayapun tak kata diroboh lagi, cuma akan diroboh tetapi dia tidak dibayar setakat ini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana saya katakan memang kalau tinggal di atas tanah

haram kita tidak boleh nak bayar, Yang Berhormat ADUN Ladangpun tahu sebagai Pentadbir Tanah suatu ketika dahulu. Kita boleh beri sedikit sebanyak barangkali berbentuk saguhati dan sebagainya. Dalam kes ini kita tidak perlu beri saguhati kerana mereka juga diberi keutamaan untuk memiliki rumah di Ladang Gemilang sama ada kalau tidak mampu dia akan menyewa dengan harga RM126.00 sebulan dibayar oleh Kerajaan Pusat. Maknanya mereka duduk secara percuma tetapi kalau mereka nak beli secara sewabeli, kita juga memberi peluang kepada mereka dan sebagaimana saya sebut hari itu bahawa subsidinya amat besar sekali. Hari itu saya sebut mungkin harganya sebuah Proton Saga Dato' Yang Dipertua tapi bayangkanlah kita akan jual rumah itu tidak lebih RM50,000.00, harga muktamad kita belum buat lagi tapi harga rumah yang kita bina RM119,000.00 seunit tidak termasuk harga tanah yang kita ambil balik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, rumah ini dijual ataupun disewabeli, yang mana satu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai proses biasa kita beri sewabeli dulu selama tiga tahun pertama, kita tengok dulu sama ada dia tipu kita, ada bantahan ke tidak dan sebagainya, kalau sah dia penduduk di situ dan tidak berlaku penyelewengan dan sebagainya, sewaan tahun pertama itu akan menjadi wang pendahuluan kepada pembelian rumah tersebut. Itulah yang dipanggil sewabeli.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Maksudnya rumah yang ada sekarang ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Rumah yang di Ladang Gemilang itu Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey, terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Sebab itu saya katakan tadi, Kerajaan tidak sekali-kali menganyianya rakyat. Sebagaimana disebut juga oleh Wakil Batu Burok yang menyatakan bahawa seolah-olah kita hendak menghalau .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Se lagi, yang 22 buah rumah tu tidak dibayar pampasan tetapi akan dibayar saguhati begitu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Saya tidak sebut saguhati Dato' Yang Dipertua, saya nyatakan tadi bahawa mereka ini akan diberi rumah

baru di Ladang Gemilang yang mana kalau mereka ini miskin, mereka diberi sewa RM126.00 sebulan dan tidak perlu dibayar akan diuruskan oleh Majlis Bandaraya untuk dibayar oleh pihak Kerajaan Tempatan, kita ada skim untuk orang miskin. Tetapi dalam keadaan yang sama kalau dia mampu beli, dia beli rumah itu bermakna dia mendapat subsidi puluhan ribu boleh offset kalau nak dibandingkan dan sebagainya daripada apa yang kita berikan itu. Kalau selama ini dia tinggal secara haram, menumpang tapi sekarang dapat rumah baru, kalau nak sewa dibayar oleh Kerajaan, kalau nak beli pulak tu dibayar subsidi yang begitu besar, kalau nak pindahpun kita sediakan lori dan sebagainya Dato' Yang Dipertua. Dan kita nak tengok dululah *case by case* kata orang sampai tahap kita perlu jugak beri saguhati kita akan pertimbangkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Berkenaan dengan itu juga, minta maaf Dato' Yang Dipertua boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau saya tak benarpun, Yang Berhormat tanya jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dah kan biasa benar sokmokan. Berkenaan dengan borang tu boleh jawab tak?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Saya bersimpatilah kepada Wakil Ladang ni sebab diapun tinggal berseorangan, sedih jugak ke kawan-kawan kita ni. Jadi bab borang ini saya tak tengok lagi tapi saya mintaklah mungkin berlaku kesilapan, saya akan panggil balik nak tengok bagaimana sebab borang tu kita tak pernah tengok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kalau nak tengok kita boleh beri sekarang.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Tak apa, tak apa, silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tapi memang tujuannya untuk Penyelaras bukan untuk ADUN begitu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Tak tahu, kita akan tengok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ke saja SEDC buat begitu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Tak apalah Dato' kita tengoklah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Tak payah berhujah Dato' Yang Dipertua, saya dah beri laluan, kita akan tengok perkara ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey, terima kasih, terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang penting rakyat di kawasan itu terus kekal di kawasan itu. Ini adalah matlamat Kerajaan dan tidak sebagaimana andaian yang dibuat oleh ADUN Batu Burok, dia kata nak halau oranglah macam-macam, itu tidak betul Dato' Yang Dipertua. Sebab itulah kalau dibangkitkan kata jual tanah ke Cinalah, minta maaf saya sebut Dato' Yang Dipertua, kerana diulang beberapa kali tapi kalau nak lihatlah apa yang berlaku di kawasan Tanjung itu kalau bangunan baru itu semua hak jual belaka dah, hak naik bangunan baru itu bukan orang Melayu punya tetapi oleh kerana hasrat Kerajaan Negeri untuk mempastikan bahawa penduduk kita kekal di situ sebab itulah kita mengambil balik tanah di situ, buat rumah di situ dan subsidi yang besar kita berikan kepada penduduk di situ.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Batu Burok, cuma Yang Amat Berhormat, nak menambah sedikit kepada Kerajaan, saya ada menerima SMS yang dibangkitkan oleh Ladang berkait dengan Pegawai Penyelaras sebenarnya beliau tidak ada di Dewan ini tapi beliau memberitahu kepada saya beliau juga Pegawai Pembangunan DUN yang dilantik oleh Kerajaan. Jadi mungkin pihak Perbadanan boleh selesaikan Penyelaras itu dengan Pegawai Pembangunan DUN. Jadi saya menambah kepada Yang Amat Berhormatlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebab Dato' Yang Dipertua, seterusnya itu maknanya ADUN tak payah ke guana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak, saya tidak bermaksud nak menjawab tapi saya nak memberitahu sebab beliau tidak ada di sini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Memang takdok, saya tahu dah dia takdok.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, cukuplah saya rasa benda ni kita tidak perlu polimikkan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok mintak penjelasan Yang Amat Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya pohon penjelasan lanjut kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi. Secara spesifik saya ingin jawapan daripada Yang Amat Berhormat. Kebimbangan saya terutamanya dari segi Bandaraya Pesisir Air dia daripada Tanjung dan kita bawa ke Ladang, Paya Bunga dan sebagainya. Apa jaminan dari segi masa depan ekuiti orang-orang Melayu di kawasan-kawasan yang bakal dibangunkan ini dan saya kod secara spesifik dua projek pembangunan dan satu sedang berjalan dan satu lagi akan dijalankan iaitu yang pertamanya, Pembangunan Projek Paya Keladi II, ekuiti orang-orang Melayu dari segi rumah kedai itu berapa peratus, saya nak penjelasan di Dewan ini. Yang keduanya, Pembangunan Chabang Tiga, yang mana telahpun diberikan kepada sebuah syarikat di bawah seorang yang bernama Toh Sing Pau, yang ini jugak saya nak tahu berapa ekuiti yang akan diberikan kepada orang-orang Melayu dari segi rumah-rumah kedai yang akan dibina kerana saya difahamkan ekuiti Paya Keladi II orang-orang Melayu adalah terlalu amat rendah sedangkan di kawasan itu adalah tempat asal perniagaan majoritinya peniaga-peniaga Melayu yang telah berzaman-zaman berniaga di situ.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sebagaimana saya katakan tadi itu adalah projek penswastaan, di antara Kerajaan dengan swasta, sekarang ini Kerajaan sendiri yang bangunkan. Dan boleh saya katakan bahawa kita telah menetapkan satu dasar bahawa insyaAllah perkara ini tidak akan berlaku. Ini kita beri jaminan sebab itulah kita mempastikan perkara ini dibuat secara berhemah, secara terbaik untuk mempastikan bahawa orang-orang di situ kekal di situ. Ini dasar yang kita lakukan dan sebab itulah saya nak nyatakan juga bahawa saya merasa kesal apabila ADUN Batu Burok menyatakan bahawa orang bawa beca terus bawa beca, nelayan terus jadi nelayan. Kita akui memang kerja dia bawa beca, dia tidak boleh buat kerja lain dah sebab itu sekarang ini kalau kita tanya ada pengayuh beca yang anaknya berjaya masuk universiti, anak dia tak beri bawa beca tapi dia kata tak boleh nak bawa beca jugak, kalau dok boleh bawa beca demam dia kata. Kita tak boleh nak ubah dah dia tapi yang boleh berubahnya generasi kemudian, anak-anak dia, hasil bantuan Kerajaan, asal pendidikan Kerajaan, sekolah yang kita buat Arus Perdana. Sebab itu kita melihat berlakunya pertambahan di Sekolah-sekolah Agama atas permintaan, bertambahnya Sekolah IMTIAZ, bertambahnya sekolah-sekolah biasa dengan Sekolah Agama. Tak ada bezanya sekarang ini antara sekolah agama dengan sekolah biasa, cuma Bahasa Arab satu saja yang bezanya yang lain tak ada beza. Cuba lihat dalam Dewan ini apa yang berlaku dalam Dewan ini, saya rasa hampir keseluruhan dan sebilangan kecil saja yang mendapat Sekolah Agama dan sebahagian besar dari sekolah Arus Perdana termasuk ADUN Batu Burok, termasuk ADUN Wakaf Mempelam, ADUN Ladang dan ADUN Bukit Tunggal, takdok masalah, kenapa kita bimbang dan takut macam-macamnya. Apa nak kita fobia? Kalau kita baik, benih kita baik jatuh ke laut menjadi pulau takdok masalah. Kalau

dari Sekolah Agamapun ada jugak hak buat hal macam-macam. Jadi ini yang masalahnya, jadi bukan institusi itu yang salah kita yang salah. Jadi saya berharaplah perkara ini diperbetulkan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan yang spesifik. Dua projek yang saya sebutkan itu .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cukuplah saya .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): .... saya difahamkan Projek Paya Keladi II dari segi ekuiti Bumiputera Melayu kurang daripada 50%.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta duduk dululah, saya nak jawab. Duduk, duduk dulu. Saya tak tahulah yang Paya Keladi ni sebab kesnya terlalu lama tetapi yang di Chabang Tiga telah ditetapkan 50-50 itulah yang kita putuskan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Pasal di situ kawasan majoriti orang-orang Melayu di situ.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Tak apalah hak tu kita buat dah, hak lain kita perbetulkan baliklah ni.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya bimbang ni kalau 50-50 adalah satu ekuiti yang merugikan orang-orang Melayu .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Sekarang saya nak tanya Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): .... cukup merugikan orang-orang Melayu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Saya nak tanya Yang Berhormat. Duduk dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Ni mulalah nak cakap tinggi ni. Sekarang cuba Yang Berhormat tengok apa yang berlaku di kawasan

Ladang ni, bangunan-bangunan baru tu siapa yang kuasai 100% orang (bangsa) lain sebab itu Kerajaan mengambil inisiatif pengambilan balik ni. Kita nak perbetulkan perkara yang ada, hak lepas, lepaslah, hak ni kita nak betul balik ni. Saya sedar dan atas kesedaran inilah kita lakukan. Sebab itulah kita katakan tadi, kita nak buat suatu perubahan sebab ini tidak termasuk lagi apa yang berlaku di Lorong Haji Jamil, apa berlaku di Kampung Tiong yang dibangunkan oleh satu syarikat *conglomerate* negara, saya sedar itu semua sebab itulah kita nak buat di Tanjung ini sebagai satu tempat dan peluang bagi bumiputera berniaga kalau tidak, tidak ada pilihan langsung. Kita sedar bukan Yang Berhormat saja yang sedar, kitapun sedar jugak. Kitapun ada Barisan Nasional, India, Cina ada jugak dan Yang Berhormat ada jugak DAP sama je. Jadi janganlah perkara ni kita buat, kita gi cakap lain pulak dalam satu segi, dalam politik *kamil* habis hak lebih teruk lagi. Jadi kita kena fikir, kita generasi yang dilahirkan selepas merdeka ataupun awal merdeka, kita orang cerdik pandai, kita hebat jadi kita kena lihat perkara ini dengan penuh rasa tanggungjawab. Saya diberi tanggungjawab, saya tak mahu Dato' Yang Dipertua, kita membuat tuduhan-tuduhan melulu dan sebagainya, menyebut nama-nama orang tertentu di Dewan yang mulia ini kadang-kadang orang itu tidak boleh nak jawab, ini tak betul sepatutnya kalau nak sebut nama orang buatlah di mahkamah, ini kita tengah hearsay orang kadang-kadang di ofis dia tak boleh nak jawab.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan, nama-nama yang saya beri ini betul ke tidak, kalau di Chabang Tiga itu diserah kepada syarikat di bawah nama Toh Sing Pau.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, bukan spesifik kes ini saja, banyak lagi kes-kes yang lain.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dua isu ini .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat cukup, cukuplah, saya tak beri laluan Dato' Yang Dipertua, ini giliran saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Batu Burok.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Jangan nak melenting tak tentu fasal begitu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksud Yang Amat Berhormat, dalam ucapan yang terdahulu disebut.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya spesifik, saya sebut tempat dan nama.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat pernah menyebut ABU, itu maksud Yang Amat Berhormat, saya percayalah. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Jadi berdasarkan hearsay, kita dengar kita orang Islam kita jangan buat tuduhan kita rasa kita bercakap Islam, kita pandai Islam, baca Al-Quran, baca Hadis dan dalam keadaan sama kita memfitnah orang macam-macam fitnah kita buat sama ada secara mulut, secara SMS, macam-macam. Sedangkan pada zaman Nabi dulu ada disebut "Fitnah itu adalah lebih dahsyat daripada membunuh." Hari ini lebih hebat daripada membunuh lagi, lebih teruk sebab dulu mulut ke mulut, hari ini SMS dalam masa seminit saja puluhan ribu benda itu tersebar. Jadi saya mintaklah Dato' yang Dipertua.

Saya nak jelaskan juga mengenai perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Tunggal mengenai perancangan pembangunan, Pulau Duyong ditinggalkan. Kita tidak akan tinggalkan, sebagaimana kita tahu sekarang ini kalau dulu tidak ada perumahan yang terurus dengan sempurna sekurang-kurangnya sekarang ini telah ada 96 unit rumah yang selesa didiami oleh penduduk di Pulau Duyong. Dan insyaAllah, pertengahan tahun ini sebanyak 176 unit lagi akan dibina oleh Kerajaan Negeri bagi penduduk Pulau Duyong malahan rumah itu lebih selesa dari yang sedia ada. Kalau dulu rumahnya berkeluasan 685 kaki persegi yang baru kita buat ialah 845 kaki persegi Dato' Yang Dipertua. Kita merancang untuk mempastikan bahawa penduduk di Pulau Duyong menikmati arus pembangunan dan mendapat rumah yang selesa pada masa depan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ya, terima kasih. Saya ucap terima kasihlah ke atas perhatian yang diberi kepada Pulau Duyong. Cuma saya nak tahulah bagaimana cara pemilikan nanti sekiranya dengan harga yang mungkin rumah sebegitu harganya mahal. Bagaimanakah kaedah dan kajian untuk membantu orang-orang Pulau Duyong yang miskin untuk mendapatkan rumah-rumah itu dengan harga yang berpatutan adakah macam di Ladang jugak ataupun lebih baik lagilah insyaAllah kerana orang-orang balik sini lebih miskin lagi daripada orang bandar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, sebab itu saya kata Kerajaan mementingkan rakyat sebagaimana

slogan walaupun dipersendakan oleh Wakil Sura. Rumah baru yang kita buat ini harganya lebih mahal daripada rumah di Ladang. Di Ladang harga rumahnya RM119,000.00 rumah saja, di Duyong harga rumah RM138,000.00 seunit sebab itu saya kata betapa besarnya subsidi yang diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Boleh saya tahu berapa agak subsidi kepada nelayan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Sudah tentu penduduk di Pulau Duyong, kita sudah arahkan hanya penduduk di Pulau Duyong yang akan dapat rumah di Pulau Duyong. Itu polisi kita. Jadi saya haraplah perkara ini perlu diberi perhatian.

Dan akhirnya Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut jugaklah satu lagi minta maaf soalan yang dibangkitkan oleh Wakil Bukit Tunggal mengenai kuari yang katanya bimbang kepada batu-batu yang diletupkan itu terkena *high tention cable* dan sebagainya. Kuari ini namanya Imbuhan Pelangi Sdn. Bhd. Kelulusan dikeluarkan pada 5 Februari 2008 dan kuari atau tempat letupan tidak melibatkan *high tention cable* Dato' Yang Dipertua, mungkin dekat itu ajelah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Sebab memang saya lihat sendiri kabel itu melintasi kawasan bukit itulah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Betul atau tidak, sebab kita telah mendapat kelulusan EIA, TNB dan telah diambil kira dalam soal ini Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

Di samping itu, saya juga nak sebut sedikit apa yang Wakil Wakaf Mempelam sebut seolah-olah pembahagian balak ini banyak sangat sampai harga murah dan sebagainya. Jadi saya nak bandinglah Program Pengagihan Balak. Saya minta maaf Dato' Yang Dipertua, kerana masa zaman PAS saya baru mintak pagi tadi jadi tidak dapat jumlah bilangan yang mendapat lesen tapi jumlah keluasan yang dikeluarkan kita ada. Itupun bermula 2003 saja, 2001 – 2002 kita tidak dapat. Tahun 2003 jumlah kawasan yang dikeluarkan lesen seluas 33,916 hektar. Tahun 2004 – 15,698 hektar. Tahun 2005 – 13,369 hektar. Tahun 2006 – 12,406.44 hektar. Tahun 2007 – 14,424.78 hektar. Tahun 2008, saya nak maklumkan saya tidak keluarkan satupun lesen pembalakan semasa saya mula mengambil alih Menteri Besar, saya mula mengeluarkan lesen tahun 2009. Tahun 2008 – 8,650.55 hektar. Tahun 2009 – 6,794.24 hektar. Dan 2010 setakat ini 2,845.12 hektar. Inipun kerana terlibat sebahagian besarnya Empangan Kedua yang terpaksa kita tebang keseluruhannya Dato' Yang Dipertua. Jadi lihatlah sendiri, ini angka yang ada pada saya dan kalau tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa balak banyak sangat dikeluar

sampai harga murah dan sebagainya ini masalah pasaran Dato' Yang Dipertua. Memang betul kerana orang tidak ada duit sekarang ini cuma yang ada duit saja yang boleh beli sebab itu dia kawal hanya seorang dua saja yang membeli dan dia main harga, itu yang berlaku. Tidak ada apa yang hendak saya lindungi Dato' Yang Dipertua, angka ini diberikan oleh Pejabat Hutan dan menjelaskan kedudukan yang sebenarnya. Dan saya percaya bahawa sebagaimana yang saya nyatakan tadi dari segi jumlah Dato' Yang Dipertua, masa zaman PAS kita tidak dapat *figurenya* tapi bermula tahun 2006 jumlah kelulusan yang diberikan bilangan kelulusan lesen ialah 152 lesen (12,406.44 hektar), tahun 2007 - 111 lesen (14,424.78 hektar), tahun 2008 saya tidak terlibat kerana tidak ada lesen yang dikeluarkan pada tahun 2008 iaitu 77 - permohonan (8,650.55 hektar), tahun 2009 - 79 permohonan (6,794.24 hektar) dan tahun 2010 sehingga kini 21 lesen (2,845.12 hektar). Dan saya juga nak memaklumkan Dato' Yang Dipertua, lesen akan ditutup pada 1 Jun 2010. Tidak ada lesen akan dikeluarkan selepas ini kerana kita pening kepala Dato' Yang Dipertua, saya pening kepala dah. Tiap-tiap hari bertambun-tambun mari mintak, hak butapun mari, hak senget pakai tongkatpun mari jugak mintak nak balak belaka. Jadi sebab itulah saya buat keputusan mulai 1 Jun 2010 tidak ada lagi permohonan baru, tahun depan kita tender belakalah senang.

Itulah saja Dato' Yang Dipertua, saya mengharapkan dengan penjelasan ini dapat mengelakkan sebarang kekeliruan dan sebarang fitnah yang ingin disebarkan kerana sebagaimana saya katakan tadi, "Kata dulang paku serpih, kata ke orang kita yang lebih" dalam pengagihan balak dan sebagainya. Jadi saya yakin dan percaya andai kata kita muhasabah diri, kita ikhlas dalam perjuangan dan tanggungjawab kita, kita redha dengan apa yang kita lakukan setiap daripada kita akan berhadapan dengan Allah S.W.T. maka kita bertemulah di Padang Mahsyar nanti. Kalau kita buat fitnah dan tuduhan yang bukan-bukan di antara sesama kita, harapan saya gunakanlah Dewan yang mulia ini untuk mencari perkara yang terbaik demi kepentingan Terengganu. Marilah kita berdoa mudah-mudahan Allah S.W.T. memudahkan usaha kita, memurahkan rezeki kita, dan lapangkan dada kita dan Tuhan lembutkan hati-hati kita yang suka membuat fitnah di antara satu sama lain. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakaf Mempelam): Habis dah ke, ada lagi dia tak jawab tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakaf Mempelam): Kalau saya nak mintak penjelasan boleh tak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah habis dah Yang Berhormat. Yang Berhormat jumpalah dengan Wakil Kerajaan, buatlah temu janji, kunjunglah ke pejabat-pejabat mereka untuk mendapat penjelasan seterusnya. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah kita telah selesai mendengar ucapan-ucapan perbahasan daripada Yang Berhormat dan juga penggulungan daripada pihak Kerajaan yang diselesaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi. Sebelum kita mengundi untuk kelulusan, berkait dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ladang mengenai teks ucapan di muka 8, 19 dan 20, saya telah meneliti dan berkali-kali meneliti sebenarnya jelas cuma sebutan sahaja barangkali, pemahamannya jelas mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan. Jadi tidak ada kesilapan cumanya penjelasan tu kena baca dua-tiga kali, barangkali ada kekurangan catatan di situ. Jadi Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita sekarang buka untuk undian - -

Usul ini kemudian dikadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

Sebelum saya terus kepada agenda seterusnya, saya ingin mengingatkan kepada sidang Dewan ini khususnya kepada Ketua-ketua Jabatan ataupun jabatan-jabatan yang ada yang mendengar dengan teliti di dalam perbahasan dan penggulungan terdapat di dalamnya perkara-perkara keutamaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada dicadang, diluluskan oleh Kerajaan ataupun diberi pernatian khusus oleh Kerajaan, saya memohon supaya terus diambil tindakan, keluar sahaja daripada Dewan Undangan Negeri ini bermakna bermula tindakan segera diberi keutamaan kerana Dewan Undangan Negeri ini mewakili rakyat Negeri Terengganu. Janganlah selepas ini tutup fail, Yang Berhormat bangkit lagi di sidang-sidang yang akan datang. Jadi sila ambil perhatian.

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan **Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360**, dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9(iii) Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu *[En.Tr.17/1360]* supaya PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD menjadi badan yang kepadanya tanah orang-orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau dipajak. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi Bacaan Kali Yang Kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan jika ada. Tiada perbahasan. Sekarang saya buka untuk undian –

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2010.**

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN)(NO.2) 2010

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan **Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360**, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9(iii) Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu *[En.Tr.17/1360]* supaya MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN menjadi badan yang kepadanya tanah orang-orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau dipajak. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi Bacaan Kali Yang Kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan jika ada. Tiada perbahasan. Sekarang saya buka untuk undian –

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan)(No.2) 2010.**

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah bersidang selama 4 hari termasuk hari perasmian dan insyaAllah, dipanjangkan umur kita akan berjumpa di sidang yang akan datang. Jadi sebelum menangguhkan Dewan ini saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Kerajaan yang telah berucap, menggulung dan memberi pandangan, teguran dan sebagainya dalam sidang kita pada kali ini. InsyaAllah, semuanya itu telah saya peringatkan terutamanya kepada Ketua-ketua Jabatan supaya ianya menjadi agenda keutamaan dalam pelaksanaan di masa selepas Persidangan ini. Insya Allah, kita memohon doa restu Allah S.W.T. mudah-mudahan kita bersurai daripada Dewan ini dan akan menyemarakkan lagi insyaAllah pembangunan Negeri Terengganu dengan hasrat rakyat untuk melihat nikmat daripada apa yang kita bincangkan dalam Dewan ini dapat terlaksana, insya Allah. Dengan itu kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr.

Dengan ini saya tangguhkan Dewan ini kepada suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.15 TENGAH HARI.

LAMPIRAN

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI

MESYUARAT YANG PERTAMA

PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 5, 6, 7 DAN 8 APRIL 2010

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 05 HINGGA 08 APRIL 2010

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.1

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI NAWI BIN MOHAMAD
WAKIL HULU BESUT

SOALAN 1 : Projek pembangunan Empangan Paya Peda telah dilaksanakan di Hulu Besut. Berapakah jumlah keluasan tanah yang akan ditengelami air.

JAWAPAN : Projek Pembangunan Paya Peda, Hulu Besut akan menenggelamkan tanah seluas 1358.3 hektar.

SOALAN 2 : Apakah tujuan proje Empangan Paya Peda dilaksanakan dan apakah faedah secara langsung yang akan dapat dinikmati oleh penduduk sekitar Empangan Paya Peda.

JAWAPAN : Tujuan Projek Empangan Paya Peda dilaksanakan adalah untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan bekalan air kepada Skim Pengairan Padi Besut. Juga berfungsi sebagai sebuah pusat penyimpanan dan takungan air yang terbesar di daerah Besut bagi kegunaan tanaman padi terutamanya di musim kemarau dan kegunaan domestik, akuakultur serta produk tarikan pelancongan.

Faedah secara langsung yang akan dapat dinikmati penduduk :-

a. Pengurangan Kesan Banjir.

Pembangunan empangan dapat mengurangkan risiko kemusnahan sawah padi semasa musim tengkujuh.

b. Tanaman Padi 2 Kali Setahun

Penguasaan penggunaan sumber air secara optima untuk mendapatkan hasil yang berganda.

c. Potensi Akuakultur.

Penternakan ikan dalam sangkar.

d. Pertambahan Jumlah Pelancong.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah kemalangan maut jalan raya di Negeri Terengganu bermula tahun 2005 hingga 2009 mengikut daerah dan apakah punca utama kemalangan ini berlaku.

JAWAPAN : Sepanjang tempoh Januari hingga Disember dari tahun 2005 hingga 2009, Negeri Terengganu telah merekodkan kemalangan maut sebagaimana berikut mengikut pecahan daerah dan tahun :-

LAPORAN KEMALANGAN MAUT
BAGI TAHUN 2005

DAERAH	MAUT
KUALA TERENGGANU	61
BESUT	34
DUNGUN	38
KEMAMAN	58
SETIU	16
MARANG	37
HULU TERENGGANU	15
JUMLAH	259

LAPORAN KEMALANGAN MAUT
BAGI TAHUN 2006

DAERAH	**MAUT**
KUALA TERENGGANU	**74**
BESUT	**28**
DUNGUN	**47**
KEMAMAN	**58**
SETIU	**21**
MARANG	**32**
HULU TERENGGANU	**19**
JUMLAH	279

LAPORAN KEMALANGAN MAUT
BAGI TAHUN 2007

DAERAH	**MAUT**
KUALA TERENGGANU	71
BESUT	34
DUNGUN	42
KEMAMAN	42
SETIU	28
MARANG	33
HULU TERENGGANU	15
JUMLAH	265

LAPORAN KEMALANGAN MAUT
BAGI TAHUN 2008

DAERAH	MAUT
KUALA TERENGGANU	70
BESUT	32
DUNGUN	30
KEMAMAN	42
SETIU	26
MARANG	38
HULU TERENGGANU	16
JUMLAH	254

LAPORAN KEMALANGAN MAUT
BAGI TAHUN 2009

DAERAH	MAUT
KUALA TERENGGANU	88
BESUT	32
DUNGUN	43
KEMAMAN	65
SETIU	29
MARANG	40
HULU TERENGGANU	26
JUMLAH	323

Kemalangan maut di Negeri Terengganu adalah disebabkan 3 faktor utama iaitu Manusia, Persekitaran Jalan Dan Kenderaan. Faktor Manusia adalah merupakan penyebab utama punca kemalangan maut berlaku dan ianya sebagaimana berikut:-

1. Terbabas sendiri.
2. Makan Jalan.
3. Cuba memotong.
4. Punca dari kenderaan lain.
5. Cuai keluar/masuk simpang.
6. Mengekori terlalu rapat/tidak nampak.
7. Cuai melintas jalan.
8. Melawan aliran arus trafik.
9. U-Turm/menyeberang.
10. Ingkar lampu isyarat merah.
11. Letih/mengantuk.
12. Dan lain-lain.

SOALAN 4 : Apakah status projek membina chalet dan kemudahan awam di La Hot Spring. Adakah projek ini akan dilaksanakan pada tahun 2010 di La Hot Spring dan juga Lata Tembakah Hulu Besut.

JAWAPAN : Kemajuan fizikal pelaksanaan projek chalet dan kemudahan awam di La Hot Spring setakat ini ialah 10.3%. Manakala kerja-kerja menaiktaraf Jalan Ke Air Panas La telah siap dilaksanakan pada 24 Julai 2009.

Projek membina chalet di La Hot Spring telah dimulakan pada 5 Oktober 2009 dan dijangka siap pada 3 Oktober 2010. Manakala projek chalet dan kemudahan awam di Lata Tembakah Hulu Besut telah siap pada 7 April 2009.

SOALAN 5 : Masih terdapat beberapa lot tanah yang dicadangkan untuk dibuat pengambilan balik oleh Kerajaan bagi pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Pasir Akar, apakah masalah yang dihadapi menyebabkan lot-lot tanah tersebut tidak dapat dibuat pengambilan balik walaupun hampir 6 tahun telah dicadangkan.

JAWAPAN : Cadangan pengambilan balik tanah bagi pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Pasir Akar, Besut telah dipersetujui pada 24 Mei, 2000. Oleh kerana terdapat bantahan daripada tuan-tuan tanah semasa perbicaraan diadakan pada 9 November , 2000. Maka proses pengambilan tanah tidak diteruskan

Oleh yang demikian, proses pengambilan balik tanah tersebut terbatal kerana telah melebihi tempoh 2 tahun daripada tarikh diwartakan iaitu pada 24 Mei 2000 di bawah Seksyen 8(4) Akta Pengambilan Tanah, 1960.

Kertas Cadangan MMKN daripada PT Besut telah diangkat ke PBN. Pada 3 Mei 2000. Telah mendapat kelulusan MMKN pada 24 Mei 2000 kertas Mesyuarat Bil. 298/2000 bertarikh 24 Mei, 2000 dan telah diwartakan dalam warta Kerajaan Terengganu No. Warta 480 bertarikh 6 Julai 2000.

PT Besut telah pun mengeluarkan Borang E (Notis Siasatan) kepada Tuan Tanah pada 9 November 2000, tetapi telah ditangguhkan perbicaraannya untuk dibuat siasatan semula oleh PT Besut ketika itu.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 05 HINGGA 08 APRIL 2010

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.2

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. Dr. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BURUK

SOALAN 1 : Berapakah jumlah royalti minyak yang di perolehi oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2001 – 2009 dan senaraikan jumlah wang royalti minyak yang digunakan bagi menampung projek Kerajaan Persekutuan ?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Apakah tatacara pemberian 'atap biru' kepada penduduk di seluruh Negeri Terengganu dan nyatakan jumlah kos serta bilangan yang mendapat bantuan setakat ini ?

JAWAPAN : Tatacara pemberian "Atap Biru" kepada Penduduk Miskin di seluruh Terengganu adalah sebagaimana berikut :-

i. Pemohon dipilih berdasarkan cadangan yang diterima daripada Pengerusi JKKK, Penghulu dan permohonan terus daripada pemohon sendiri.

ii. Siasatan terhadap permohonan akan dibuat oleh Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat DUN berkenaan sebelum kelulusan ke atas pemohon, saiz dan jumlah atap disahkan.

iii. Semua senarai yang selesai siasatan perlu mendapat kelulusan Y.B. ADUN sebelum dihantar ke Pejabat Daerah.

iv. Setelah lantikan pembekal dibuat oleh Pejabat Daerah, senarai nama diberi kepada pembekal untuk pengagihan dan pengesahan penerimaan daripada penerima (pemohon).

v. Akuan penerimaan yang telah disahkan oleh penerima (Pemohon) disemak di Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat sebelum dihantar ke Pejabat Daerah untuk proses semakan, tuntutan dan pembayaran.

Jumlah kos bantuan atap biru bagi tahun 2008 hingga 2009 adalah sebanyak RM20,466,794.20 yang melibatkan seramai 7368 orang penerima bantuan atap biru di seluruh Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah lesen yang dikeluarkan bagi membenarkan premis penjualan arak dan minuman keras di seluruh Negeri Terengganu dan perincikan mengikut daerah ?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri Terengganu telah menetapkan lapan (8) lesen sahaja bagi penjualan arak dan minuman keras, namun hanya tujuh (7) premis sahaja yang beroperasi di daerah-daerah sebagaimana berikut :-

Daerah		Kouta		Operasi
i.	Kuala Terengganu	(3)	-	Tiga (3) premis
ii.	Kemaman	(2)	-	Dua (2) premis
iii.	Dungun	(2)	-	Satu (1) premis
iv.	Besut	(1)	-	Satu (1) premis

: Kerajaan Negeri Terengganu hanya meluluskan lesen penjualan arak kepada premis penjualan runcit dan borong sahaja sebagaimana berikut :-

BIL	NAMA	ALAMAT	JENIS LESEN
1.	Puan Kho Puay Sim	Meng Huat Company, No. 149, Jalan Bandar, 20100 Kuala Terengganu.	Runcit
2.	Encik Loo Leong Chai	Chop Leong Thye,K-37, Jalan Lim Teck Wan, 23000 Dungun.	Runcit
3.	Puan Lau Boong Heng	Chop Gim Huat,No. 89, Jalan Besar,22000 Jertih, Besut.	Runcit
4.	Encik Goh Bee Leong	Chop Tee Siong Chan, K-534, Jalan Sulaimani, 24000 Kemaman.	Runcit
5.	Encik Lian Tau Boot @ Lim Tau Siat	Syarikat Tar Loong Sdn. Bhd., No. 1031-C, Jalan Sultan Sulaiman, 20000 Kuala Terengganu.	Borong
6.	Encik Choi Kwee Chin @ Chai Sam	Choi Hong Guan Trading Sdn. Bhd., No. 58-C, Jalan Sultan Zainal Abidin, 20100 Kuala Terengganu.	Borong
7.	Encik Chan Jway How	Chan Koon Kee Sdn. Bhd., No. 330, Jalan Abdul Rahman, 24000 Kemaman.	Borong

Tempoh Lesen : Lesen jualan liquor (arak) yang beroperasi di Negeri Terengganu adalah untuk tempoh satu (1) tahun iaitu 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 APRIL 2010

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.3.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : i) Nyatakan keluasan tanah Kerajaan Negeri yang telah diluluskan kepada Syarikat, Agensi Kerajaan atau Badan Berkanun untuk tujuan pertanian dari tahun 2005 hingga tahun 2009.

ii) Nyatakan nama-nama agensi dan syarikat yang terbabit dan lokasi tanah yang diluluskan.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Berapakah jumlah premis perniagaan yang diwujudkan oleh pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) di seluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah-daerah dari tahun 2005 hingga 2010?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Berapa ramaikah jumlah pelajar yang tidak tahu membaca dan menulis di Negeri Terengganu setelah tamat pendidikan sekolah rendah bagi setiap tahun dari tahun 2005 hingga 2009.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Nyatakan jajaran projek keretapi 'double track' yang akan dilaksanakan di Negeri Terengganu dan berapakah kos yang terlibat, serta kontraktor yang telah dipilih.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 05 HINGGA 08 APRIL 2010

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.4.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

SOALAN 1 : Berapakah jumlah warga asing yang sedang bekerja di seluruh negeri Terengganu mengikut negara bangsa mereka sehingga Januari 2010?

JAWAPAN : **DITOLAK menurut perkara 26 (6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Berapakah jumlah kelahiran di negeri Terengganu mengikut jantina yang direkodkan mengikut pecahan daerah sehingga 2010?

JAWAPAN : **DITOLAK menurut perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 05 HINGGA 08 APRIL 2010

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.5.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah Belanjawan Tahunan Negeri ini (bajet) yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dari tahun 2004 hingga 2009 dan nyatakan jumlah hasil sebenar yang diperolehi oleh Negeri Terengganu pada tahun-tahun tersebut.

JAWAPAN :

PERKARA	BELANJAWAN TAHUNAN (BAJET NEGERI)	JUMLAH	JUMLAH HASIL (SEBENAR)
2004 (RM)	1,124,851,270.00 (-)	1,124,851,270.00	408,338,199.85
2005 (RM)	1,242,019,952.95 (-)	1,242,019,952.95	1,254,460,883.66
2006 (RM)	1,550,514,834.00 (+) 2,020,000.00	1,552,534,000.00	1,561,143,015.04
2007 (RM)	1,614,585,000.00 (-)	1,614,585,000.00	1,262,132,764.56
2008 (RM)	1,673,140,000.00 (+) 200,000,000.00	1,873,140,000.00	1,643,558,824.62
2009 (RM)	1,799,987,000.00 (+) 80,453,300.00	1,880,440,300.00	1,511,018,099.41

Nota: (+) Tambahan Peruntukan Melalui DUN

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah kes kegiatan pembalakan haram di negeri ini dari tahun 2004 hingga 2009 mengikut pecahan daerah dan berapakah jumlah kes yang telah diambil tindakan dan didakwa di mahkamah.

JAWAPAN : 1. Kes-kes pembalakan haram dari tahun 2004 hingga 2009 adalah sebanyak 62 kes. Sebanyak 18 kes yang melanggar Seksyen 15 Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu mengambil hasil hutan dari Hutan Simpanan atau Tanah Kerajaan tanpa lesen. Bakinya sebanyak 44 kes adalah pelanggaran Seksyen 40 Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu memindah hasil hutan dari tanah milik, tanah rizab, tanah lombong atau tanah TOL tanpa lesen pemindah. Butiran kes-kes pembalakan haram mengikut tahun dan Pejabat Hutan Daerah adalah seperti berikut:-

Tahun	PHD Terengganu Barat (Kuala Berang)		PHD Terengganu Selatan (Dungun)		PHD Terengganu Utara (Kuala Terengganu)		Jumlah	
	Sek. 15	Sek. 40	Sek. 15	Sek. 40	Sek. 15	Sek. 40	Sek. 15	Sek. 40
2004	-	-	2	-	-	-	2	-
2005	1	-	1	-	2	-	4	-
2006	1	-	1	1	-	1	2	2
2007	1	-	1	-	1	2	3	2
2008	1	3	1	5	2	8	4	16
2009	1	2	2	5	-	17	3	24
Jumlah	**5**	**5**	**8**	**11**	**5**	**28**	**18**	**44**

2. Sebanyak 10 kes pembalakan haram telah disediakan kertas penyiasatan dan 3 kes telah dirujukkan kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya. Sehingga kini belum ada kes yang dibuat pertuduhan di mahkamah. Di antara faktornya adalah kesukaran mendapatkan bukti bagi mensabitkan kesalahan kerana pada banyak kes orang yang melakukan pembalakan haram tidak ditemui di lokasi kejadian. Bagi mengatasi kelemahan ini pihak Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menempatkan dua

(2) orang pegawai di negeri ini khusus untuk menjalankan siasatan iaitu seorang Penolong Pengarah (Siasatan) Gred G41 dan seorang Penolong Pegawai Siasatan Gred G32.

SOALAN 3 : Sila nyatakan jumlah kadar jenayah mengikut kategori di negeri ini mengikut pecahan daerah dari tahun 2004 hingga 2009.

JAWAPAN : **DITOLAK menurut perkara 26 (6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ketua Audit Negara dalam laporannya pada tahun 2008.

JAWAPAN : Pentadbiran negeri sentiasa mengambil berat dan perhatian yang serius terhadap teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ketua Audit Negara dalam laporannya bagi tahun 2008.

Tindakan susulan yang sewajarnya telahpun diambil untuk memperbaiki segala kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan bagi meningkatkan lagi prestasi jabatan-jabatan yang terlibat ke tahap yang sebaik mungkin dan mempastikan ianya tidak terus berulang di masa hadapan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Pengisian Bahan Api Dalam Masa Yang Singkat.

   Kes pemandu terbabit telah dirujuk kepada Lembaga Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu dan sedang menunggu keputusan Lembaga Tatatertib.

2. Pembelian Bahan Api Yang Melebihi Kapasiti Penuh Tangki Kenderaan.

   Pengendalian bahan api telah dibuat kepada beberapa buah kereta Proton Perdana V6 dengan menggunakan kad pemandu berkenaan. Kereta-kereta tersebut adalah kereta yang ditaja oleh

Proton Holding bagi kejohanan SUKMA XII di Kuala Terengganu. Mereka adalah di dalam perjalanan dari Shah Alam ke Kuala Terengganu secara konvoi dan diketuai oleh pemandu yang dimaksudkan. Hanya beliau sahaja yang mempunyai kad minyak.

SOALAN 5 : Adakah Kerajaan Negeri berhasrat dan bercadang untuk mengadakan rangkaian perkhidmatan keretapi pada masa akan datang sebagai tambahan kepada kemudahan perhubungan dan pengangkutan yang sedia ada bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi dan menambahbaikan sistem pengangkutan di negeri ini.

JAWAPAN : Ya, ada. Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan rangkaian perkhidmatan keretapi pada masa depan.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 05 HINGGA 08 APRIL 2010

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.6.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR
WAKIL LADANG

SOALAN 1 : Adakah Yayasan Terengganu memiliki tanah di Sungai Bari Setiu yang telah ditanam dengan kelapa sawit. Berapakah jumlah hasil yang telah diterima oleh Yayasan Terengganu daripada projek ini.

JAWAPAN : Yayasan Terengganu ada memiliki tanah di Sungai Bari, Setiu yang telah ditanam dengan kelapa sawit dan jumlah hasil yang telah diterima oleh Yayasan Terengganu daripada projek ini ialah sebanyak RM795,727.24.

SOALAN 2 : Sila nyatakan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh ECER di Terengganu sejak penubuhannya. Dan berapakah kos untuk setiap projek berkenaan.

JAWAPAN : Di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-9, sebanyak 24 projek-projek dan program-program ECER telah diluluskan untuk pelaksanaan di negeri Terengganu dan 14 projek merentasi sempadan ECER (termasuk Terengganu) dengan peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM233 juta untuk negeri Terengganu dan RM374 juta untuk projek merentasi negeri-negeri ECER. Projek/program tersebut merangkumi kelompok pelancongan, pertanian, pembuatan & petrokimia, pembangunan usahawan dan modal insan serta infrastruktur. Sejak penubuhan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) pada 13 Jun 2008, pelbagai projek telah mula dilaksanakan di negeri Terengganu dan projek-projek ini sedang berjalan lancar dan mengikut jadual.

Kos bagi setiap projek belum dimuktamadkan kerana melibatkan kajian kemungkinan bagi pelaksanaan projek. Senarai projek-projek adalah sebagaimana berikut:

Senarai Projek/Program ECER Di Negeri Terengganu Dan Negeri-NegeriMerentasi ECER Mengikut Kelompok Untuk RMKe-9

Kelompok / Pengupaya	Projek / Program
Pertanian (10 projek)	Kelompok pengeluaran dan pemprosesan kambing: 1. Pusat Pembiakan & Penyelidikan (R&D) Kambing – Kuala Berang. 2. Pembangunan Ladang Pengganda (Multiplier Farm) & Ladang Komersil – Kuala Berang & Telaga Papan. 3. Penternakan Intensif Kambing di Ladang Getah – Besut & Hulu Terengganu. Kelompok pengeluaran dan pemprosesan lembu: 4. Pembangunan Ladang Pengganda (Multiplier) Lembu – Ulu Tersat. 5. Integrasi Fidlot Lembu di Jelapang Padi KETARA. 6. Industri Pemprosesan Daging Ayam & Pengeluaran Anak Ayam di Chendering. 7. Taman Herba & Bioteknologi – Dungun (KETENGAH) 8. Kompleks Pengeluaran Bersepadu Tilapia, Kenyir. 9. Pusat, Pengumpulan, Pemprosesan & Pembungkusan (CCPC) Produk Berasaskan Ikan – K. Kemaman. 10. Lembah Sitrus Dungun.
Agropolitan & Program Pembasmian Kemiskinan Golongan Nelayan (2 projek)	1. Agropolitan Besut – Setiu. 2. Program Pembasmian Kemiskinan Golongan Nelayan.

Kelompok / Pengupaya	Projek / Program
Pelancongan (6 projek)	1. Pelancongan Pesisiran Pantai – Kg. Penarik/Pulau Besar – Merang. 2. Pembangunan Pelancongan Inap Desa (Homestay/Kg. Stay) 3. Pelancongan pesisiran Pantai – Bandar Dungun. 4. Taman Negeri Setiu Wetlands 5. Pelancongan Pesisiran Pantai – Teluk Bidara, Dungun. 6. Pembangunan Pusat Rekreasi Perikanan – Setiu.
Pembuatan & Petrokimia(8 projek)	1. Taman Industri Polimer Kertih. 2. Pembangunan Industri Kenaf – Besut, Setiu, Marang. 3. Program Industri Kraftangan. 4. Taman Industri Pembinaan & Pembaikan Bot, Kemaman. 5. Taman Industri Berat, Kemaman. 6. Zon Bebas – Pelabuhan Kemaman. 7. Zon Bebas – Lapangan Terbang Kuala Terengganu. 8. Pembangunan Pelabuhan Kemaman.
Pembangunan Usahawan dan Modal Insan(4 projek)	1. Program Suri @ Home. 2. Masyrakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPB/BCIC). 3. Pusat Kecemerlangan ECER – KPT. 4. Program Pembangunan Keterpris Kecil & Sederhana (SME) untuk Produk Berasaskan Ikan.l
Infrastruktur (7 projek)	1. Pembinaan Jambatan Bukit Kuang, Kemaman. 2. Pembangunan KTCC. 3. Menaiktaraf Jalan Pantai Chukai – Kemasik (FR3) 4. International Digital Business Exchange (IDBX) 5. Global Animation Centre 6. Kerja-kerja Kawalan Hakisan Pantai Teluk Lipat, Dungun. 7. Laluan Rel Pantai Timur (K.L. – Kuantan – Tumpat).
Tabung Pemangkin (1 projek	1. Tabung Amanah Hartanah.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 APRIL 2010

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.7.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL
WAKIL KUALA BERANG

SOALAN 1 : Bilakah Kawasan bebas Cukai akan mula beroperasi di Pengkalan Gawi Tasik Kenyir?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Nyatakan projek besar baru dilulus dandilaksanakan oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu tahun 2009 di Bandar Kuala Berang?

JAWAPAN : Tiada projek besar baru diluluskan dan dilaksanakan oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu tahun 2009 di Bandar Kuala Berang.

SOALAN 3 : Nyatakan projek pembangunan dan jumlah kos yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di Tasik Kenyir secara runding terus pada 2008 sehingga kini dan kontraktor terlibat pelaksanaannya?

JAWAPAN : Projek Pembangunan Tasik Kenyir yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara rundingan terus pada tahun 2008 sehingga kini adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	KONTRAKTOR
1.	Taman Burung Kenyir	5.5 juta	Mubasyarrah Enterprise
2.	Taman Tropika	7.6 juta	MARDI

SOALAN 4 : Berapa buah masjid yang diluluskan dandibina di Daerah Hulu Terengganu pada tahun 2008 – 2009 mengikut DUN?

JAWAPAN : Terdapat enam (6) buah masjid yang dilaksanakan di Daerah Hulu Terengganu pada tahun 2008 – 2009 mengikut DUN sepertimana jadual di bawah:

DUN	MASJID
1. Kuala Berang.	i) Masjid Binjai Kertas.
	ii) Masjid Kampung Tapu.
2. Telemong.	i) Masjid Kuala Pueh.
	ii) Masjid Kg. Pauh.
	iii) Masjid Payang Kayu.
3. Ajil	i) Masjid Hadhari Tok Randok.

SOALAN 5 : Bandar Kuala Berang sejak akhir ini didapati begitu sesak dengan kenderaan terutamanya menjelang sesuatu perayaan dan memerlukan jambatan baru serta jalan alternatif baru. Bilakah Kerajaan bercadang melaksanakan perkara tersebut?

JAWAPAN : Cadangan membina jambatan baru merentasi Sungai Terengganu di Kuala Berang telah dipohon melalui RMK-10 (Kementerian Kerja Raya).

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 APRIL 2010

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.8.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Nyatakan jumlah taksiran kerugian yang ditanggung oleh para petani akibat musim kemarau yang panjang sekarang mengikut jenis tanaman yang diusahakan di setiap daerah dan apakah bentuk insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan.

JAWAPAN : Setakat ini belum ada lagi laporan kerugian yang ditanggung oleh para petani akibat musim kemarau yang panjang sekarang.

SOALAN 2 : Nyatakan nama dan jumlah persatuan sukan yang berdaftar dan nyatakan persatuan sukan berdaftar yang tidak aktif dan apakah usaha-usaha kerajaan untuk memulihkannya.

JAWAPAN : Sehingga kini sebanyak 77 buah ahli gabungan Majlis Sukan Negeri Terengganu yang terdiri daripada:-

i. Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah - 7 buah
ii. Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia Terengganu - 1 buah
iii. Majlis Sukan Daerah - 6 buah
iv. Majlis Sukan dan Kebajikan Anggota Kerajaan (MAKSAK) - 1 buah
v. Kelab-Kelab Sukan - 4 buah
vi. Persatuan-Persatuan Sukan Negeri - 58 buah

Mengikut Akta Pembangunan Sukan Malaysia 1997 (AKTA 576) dan Akta Majlis Sukan Negara 1971 (AKTA 29) yang mengandungi penyataan penubuhan Majlis Sukan Negeri telah menetapkan Kelab-Kelab Sukan dan Persatuan-Persatuan Sukan Negeri mestilah berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia. Ini bermakna sebanyak 62 buah Persatuan-Persatuan Sukan Negeri dan Kelab-Kelab Sukan Negeri sepatutnya berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia.

Daripada daftar yang diperolehi daripada Pesuruhjaya Sukan Malaysia sebanyak 47 buah Persatuan Sukan Negeri dan 67 buah bertaraf Kelab serta Persatuan Sukan Daerah yang berdaftar secara sah.

Daripada 62 buah Persatuan-Persatuan Sukan Negeri dan Kelab-Kelab Sukan Negeri yang menjadi ahli gabungan Majlis Sukan Negeri Terengganu sehingga kini hanya sebanyak **40 buah Persatuan-Persatuan Sukan dan dua (2) buah Kelab-Kelab Sukan yang berdaftar dengan sah dengan Pesuruhjaya Sukan.**

Daripada data dan pemerhatian Majlis Sukan Negeri Terengganu sebanyak **32 buah Persatuan Sukan Negeri yang terlibat dengan sukan-sukan yang biasanya dipertandingkan dalam Sukan Malaysia (SUKMA) termasuk SUKMA XIII, Melaka 2010 adalah berstatus aktif**, kecuali Persatuan Bola Keranjang Negeri Terengganu.

Kesemua Persatuan-Persatuan yang aktif masing-masing mempunyai Jawatankuasa Kerja iaitu jawatankuasa bersama antara Persatuan Sukan Negeri dan Majlis Sukan Negeri. Segala aktiviti pengelolaan pertandingan, penyertaan pertandingan dan pembangunan sukan secara total dilaksanakan baik secara berasingan oleh Persatuan-Persatuan Sukan tersebut ataupun yang dijalankan secara bersama dengan Majlis Sukan Negeri Terengganu sepanjang tahun terutama dalam mempersiapkan pasukan-pasukan SUKMA masing-masing.

Disamping itu sebanyak 8 buah Persatuan-Persatuan Sukan Negeri dan dua (2) buah Kelab-Kelab Sukan Negeri yang bukan merupakan sukan-sukan dalam SUKMA juga dikategorikan bertaraf aktif kerana mereka mampu mengendalikan aktiviti-aktiviti pembangunan sukan masing-masing walaupun masih belum cukup berkesan.

Daripada 62 buah Persatuan-Persatuan Sukan Negeri dan Kelab-Kelab Sukan Negeri yang bergabung **sebanyak 20 buah yang tidak aktif sehingga kini dan Majlis Sukan Negeri tidak memberi sebarang bantuan kewangan.**

Sungguhpun begitu Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu telah merangka Pelan Induk (Blue print) Pembangunan Sukan Sepuluh Tahun Negeri Terengganu bagi memajukan sukan-sukan di Negeri Terengganu secara terancang dan berjangka panjang. Melalui rancangan ini mana-mana persatuan sukan yang mana sukannya terlibat dengan pembangunan sukan jangka panjang tersebut akan digerakkan secara bersama melalui jawatankuasa-jawatankuasa bersama antara persatuan-persatuan sukan, Majlis Sukan Negeri Terengganu, Majlis-Majlis Sukan Daerah, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri dan Daerah dan lain-lain agensi sukan secara berstruktur dan bersepadu.

Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Sukan 10 Tahun Negeri Terengganu juga akan terdiri daripada presiden-presiden persatuan sukan yang terlibat.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri juga, bilangan Persatuan-Persatuan Sukan dan Kelab-Kelab Sukan yang dikategorikan sebagai aktif sudah merangkumi sukan-sukan utama negeri dan negara ini. Sungguhpun begitu jika terdapat sukan-sukan yang atlet-atletnya cemerlang di peringkat antarabangsa manakala persatuan sukan negeri tidak aktif, langkah-langkah sewajarnya akan diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu untuk menggerakkan persatuan sedemikian bagi memastikan perkembangan atletnya tidak terjejas.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah tangkapan kes khalwat ke atas golongan remaja mengikut pecahan daerah bagi tahun 2008 dan 2009.

JAWAPAN : Jumlah tangkapan kes khalwat ke atas remaja berumur lingkungan 10 hingga 19 tahun mengikut pecahan daerah bagi tahun 2008 dan 2009, adalah sebagaimana laporan di bawah:

TAHUN 2008

DAERAH	JUMLAH KES
Kuala Terengganu	39
Kemaman	13
Dungun	25
Besut	32
Hulu Terengganu	6
Marang	9
Setiu	4
Jumlah	**128**

TAHUN 2009

DAERAH	JUMLAH KES
Kuala Terengganu	33
Kemaman	13
Dungun	36
Besut	30
Hulu Terengganu	5
Marang	12
Setiu	4
Jumlah	**133**

SOALAN 4 : Nyatakan nama-nama projek yang telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Dungun, sejak diisytiharkan sebagai Majlis Perbandaran dan berapakah jumlah kos setiap projek tersebut serta nyatakan projek-projek yang masih belum disiapkan.

JAWAPAN : **DiTOLAK menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 5 : Berapakah jumlah katil dan bilangan doktor mengikut pecahan hospital di setiap daerah bagi tahun 2008 dan 2009.

JAWAPAN : Jadual 1 : Bilangan Katil dan Pegawai Perubatan dan Pakar di Hospital-Hospital Negeri Terengganu Pada Tahun 2008 dan 2009:

BIL	HOSPITAL	BILANGAN KATIL TAHUN 2008 & 2009	BILANGAN PEGAWAI PERUBATAN DAN PAKAR MENGIKUT TAHUN	
			2008	2009
1.	Sultanah Nur Zahirah	821	362	438
2.	Kemaman	116	29	22
3.	Dungun	92	10	11
4.	Besut	140	13	13
5.	Hulu Terengganu	119 (30 katil adalah untuk wad Psikiatri)	6	6
6.	Setiu	76	6	6
	JUMLAH	**1,364**	**426**	**496**

Jadual 1 : **Bilangan Pegawai Perubatan Mengikut Daerah Tahun 2008 dan 2009**

BIL	DAERAH	BILANGAN PEGAWAI PERUBATAN MENGIKUT TAHUN	
		2008	2009
1.	Kuala Terengganu	407	446
2.	Kemaman	52	42
3.	Dungun	24	19
4.	Besut	25	23
5.	Marang	11	9
6.	Setiu	17	14
7.	Hulu Terengganu	14	14
	JUMLAH	**550**	**567**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 APRIL 2010

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.9

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Nyatakan berapakah kos pembinaan tambahan 2000 buah sangkar ternakan ikan di Sungai Como, Tasik Kenyir?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Sila senaraikan jumlah keluarga miskin yang mendapat bantuan menanam kelapa sawit keliling rumah mengikut DUN dan berapakah kos keseluruhannya?

JAWAPAN : Terdapat kira-kira 26 keluarga miskin yang mendapat bantuan menanam kelapa sawit keliling rumah mengikut DUN melibatkan kos sebanyak RM9,600.00. Senarai jumlah keluarga miskin ini adalah sebagaimana berikut:

BIL.	DAERAH	DUN	BIL. ORANG	LOKASI	KUANTIT POKOK	JUMLAH HARGA POKOK	JUMLAH HARGA BAJA
1.	Kuala Terengganu	Batu Rakit	1	Kg.Lingai	30	300	100
			1	Kg. Bukit Wan	30	300	100
2.	Marang	Pengkalan Berangan	2	Kg.Jerong Seberang	50	500	200
3.	Dungun	RantauAbang	2	Kg. Alor Mak Bah	60	600	200
			6	Kg. TokKah	120	1200	600

BIL.	DAERAH	DUN	BIL. ORANG	LOKASI	KUANTIT POKOK	JUMLAH HARGA POKOK	JUMLAH HARGA BAJA
4.	Besut	Kota Putera	1	Kg.Kubang Ikan	20	200	100
	Jabi		5	Kg.Tasik TokLebai	150	1500	500
5.	Hulu Terengganu	Telemong	1	Kg. Pasir Sipor	30	300	100
			7	Kg.Padang Setar	210	2100	700
	JUMLAH		**26**		**700**	**7000**	**2600**

SOALAN 3 : Sila senaraikan jumlah kes H1N1 yang dikesan di negeri ini dari Januari hingga Mac 2010 (gelombang kedua)? Sila senaraikan mengikut pecahan daerah?

JAWAPAN :

1. Berdasarkan maklumat dari Kementerian Kesihatan Malaysia melalui pemantauan kes Influenza A (H1N1) yang dimasukkan ke hospital dan kejadian kluster Influenza Like Illness (ILI) yang dilapaorkan, tiada tanda-tanda yang menunjukkan berlaku gelombang kedua Influenza A (H1N1) di Malaysia. Namun demikian, kita masih berisiko menghadapi gelombang kedua. Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu telah membuat persiapan bagi menghadapi gelombang tersebut.

2. Bilangan kes Influenza Like Illness (ILI) yang dimasukkan ke hospita di Negeri Terengganu dari Januari hingga Mac (21.03.10) 2010 adalah seramai 422 kes di mana 70 kes adalah positif Influenza A (H1N1). Bilangan kes yang positif mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	BIL KES ILI	BIL KES (H1N1)
1.	Besut	1	1
2.	Dungun	55	8
3.	Hulu Terengganu	8	1
4.	Kemaman	11	2
5.	Kuala Terengganu	252	44
6.	Marang	51	10
7.	Setiu	44	4
	JUMLAH	**422**	**70**

SOALAN 4 : Berapa ramaikah pelancong domestik dan antarabangsa yang hadir ke Pulau Duyung untuk menyaksikan perlumbaan perahu layar (Monsoon Cup) pada tahun 2005, 2006, 2007, 2008 dan 2009?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 5 : Berapa ramaikah jumlah pelajar yang tidak tahu membaca dan menulis di Negeri Terengganu setelah tamat pendidikan sekolah rendah bagi setiap tahun dari tahun 2005 hingga 2009?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 APRIL 2010

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.10

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYONG

SOALAN 1 : Nyatakan hasil pengeluaran projek SUTRATANI di Telaga Papan sejak ia dilancarkan sehingga kini.

JAWAPAN : Hasil pengeluaran Projek SUTRATANI di Telaga Papan sejak ia dilancarkan sehingga kini ialah sebanyak 128,143 mt dengan nilai RM422,502.80.

SOALAN 2 : Berapa banyakkah pusat karaoke dan pusat hiburan yang dikeluarkan lesen oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sila nyatakan senarai tersebut.

JAWAPAN : Jumlah pusat karaoke dan pusat hiburan yang dikeluarkan lesen oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti jadual di bawah:-

Bil.	PBT	Pusat Karaoke	Pusat Snooker	Jumlah
1.	MBKT	7	7	14
2.	MPK	20	8	28
3.	MPD	6	6	12
4.	MDB	7	2	9
5.	MDHT	-	-	-
6.	MDM	4	1	5
7.	MDS	2	-	2
Jumlah		**46**	**24**	**70**

Senarai Pusat Karaoke Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan

1. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

1.1. Karaoke Conway
1.2. Superd Fastfood & Karaoke Box
1.3 Kopitiam Perdana
1.4. Volante Sound
1.5. Top One Karaoke Box
1.6. Idola Fantasia Entertaiment
1.7. Raymond Ong Chee Wey

2. Majlis Perbandaran Kemaman

2.1. Syazwani Nor Emi binti Ngazali
2.2. U-Bowl Terengganu Sdn. Bhd.
2.3. Wooden House Café And Karaoke
2.4. Triple F Café
2.5. On On Café & Karaoke
2.6. Abang Pin Enterprise
2.7. Non Stop Café
2.8. SGV Enterprise-Kerteh
2.9. SGV Enterprise-Chukai Utama
2.10. Karaoke Box Seah
2.11. Super Good Enterprise
2.12. Studio Latihan Menyanyi Bandar Kerteh
2.13. Studio Hiburan Sky Box Kemaman
2.14. Pusat Karaoke Epal
2.15. Future Karaoke
2.16. Roda Impian Café
2.17. TK Café
2.18. Restoran Kijal Café
2.19. Density Muzik Studio
2.20. Audio Café & Karaoke

3. Majlis Perbandaran Dungun

3.1. Ermira binti Ibrahim
3.2. Nolihan binti Mohamad
3.3. Tan Chee Seng
3.4. Hotel Residence Resort Paka
3.5. Lu Wei Kee
3.6. Tan Chee Seng

4. Majlis Daerah Besut

4.1. Kamaruddin bin Mohd
4.2. Dzilkornan bin Othman
4.3. Zaiton binti Che Jusoh
4.4. Nor Azrul bin Jusoh
4.5. Asmadi bin Ghani
4.6. Azizan bin Awang
4.7. Ahmad Azamuddin bin Mohamad

5. Majlis Daerah Hulu Terengganu

Tiada.

6. Majlis Daerah Marang

6.1. Zakaria bin Hamzah
6.2. Santana Heritage Entertainment
6.3. Al Karaoke Centre
6.4. Chua Lian Sim

7. Majlis Daerah Setiu

7.1. Wan Dali bin Wan Ishak
7.2. Mohd Sanusi bin Ab. Ghani

Senarai Nama Pusat Snooker Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan

1. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

1.1. Pusat Snooker Plaza Perdana
1.2. Conway Snooker
1.3. Pusat Snooker GT
1.4. Pusat Snooker WA
1.5. Pusat Latihan Snooker & Billiard Pelangi

2. Majlis Perbandaran Kemaman

2.1. Pusat Latihan Snooker & Billiard Cemerlang
2.2. Pusat Latihan Snooker Kerteh
2.3. Pusat Hiburan Keluarga
2.4. Tri Star Snooker
2.5. Pusat Snooker Chukai
2.6. Ninety Nine Snooker & Café
2.7. Wang Tan Long
2.8. U-Bowl Terengganu Sdn. Bhd.

3. Majlis Perbandaran Dungun

3.1. Lim Meng Siang
3.2. Eng Chok Nam @ Goh Chok Nam
3.3. Ang Boon Kwan
3.4. Jee Meng Foon
3.5. Goh Chong Yaw @ Goh Chong Wei
3.6. Tan Chee Seng

4. Majlis Daerah Besut

4.1. Sim Beng Oon
4.2. Abdul Hannan bin Ilias

5. Majlis Daerah Hulu Terengganu

Tiada.

6. Majlis Daerah Marang

6.1. Lau Teow Jun

7. Majlis Daerah Setiu

Tiada.

SOALAN 3 : Apakah kriteria utama yang melayakkan seseorang menerima dana tersebut?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Berapakah ramai jumlah tenaga mahir ICT yang telah dihasilkan melalui program e-farm dan berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri sejak projek itu dilaksanakan.

JAWAPAN : Jumlah tenaga mahir ICT yang telah dihasilkan melalui Program e-FARM adalah seramai 1,727 orang dengan kos sebanyak RM30,956,569.65.

SOALAN 5 : Sila nyatakan jumlah tangkapan yang dibuat ke atas pengedar dadah dan nilai jumlah dadah yang dirampas mengikut daerah dari tahun 2005 hingga 2009.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**